

جورنال قلیبک اسلام JURNAL PENYELIDIKAN ISLAM

BIL. 24. 2011 / 1433H

ISSN 1394-4428

Penilaian Keberkesanan Pelaksanaan Program Dakwah Ke Atas Pelajar :
Satu Kajian Di Selangor

Roslan Mohamed, Mohamad Zaki Hamid, Nawwi Abdullah

Tapisan Dan Kawalan Media Cetak Berunsur Islam Oleh Jabatan Kemajuan
Islam Malaysia (Jakim) : Suatu Pengamatan Awal

Radihan Saari

Pengaruh Majalah Hiburan Kepada Akhlak Remaja

*Mohd Zamir Bahall, Prof. Dr. Khairul Anwar Mastor,
Prof. Madya Dr. Hasnan Kasan*

Konsep Istihalah Dan Istihlak Pada Makanan Dan Barang Gunaan

Jafri Abdullah, Dr. Suhaimi Rahman, Zaidah Mohd Nor

Hukum Solat Jumaat Yang Kurang Jemaahnya 40 Orang : Amalan Di Malaysia

Kamarulzaman Hj. Mustappa, Sarip Bin Abdul

Hukum Penglibatan Orang Islam Dalam Aktiviti Candlelight Vigil Pada Sesuatu
Perhimpunan Atau Acara

Kamarulzaman Hj. Mustappa, Mohd Aizam Bin Mas'od

Pembinaan Kubur Secara Bertingkat Di Malaysia: Satu Analisa Syariah

Mohamad Zarifi Bin Mohamed Daud

Penulisan Fatwa Dan Sumbangannya Dalam Perkembangan Ilmu Fiqh

Zulfaqar Mamat, Prof. Madya Dr. Siti Zalikbah Md Nor, Prof. Dr. Nasran Mohamed

Fiqh Al-Muwazanat : Hubungan Dan Implikasinya Terhadap Fatwa

Abdul Muhaimin Mahmood, Abdull Rahman Mahmood, Moha Izhar Ariff Mohd Kashim

Gerakan Anti Hadith Moden : Kajian Terhadap Penyebaran Pemikiran Melalui Internet

Ahmad Sanusi Azmi, Mohd Yusuf Ismail, Zulhilmi Mohamed Nor

Halal Literacy Among Malaysia Gen-Y Consumers

Hashanah Ismail, Hifza Rahimah Ibrahim

Al-Nawawi's Role In The Codification Of The Shafite Guild

Nurul Haq Shahrir



JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA



J U R N A L

PENYELIDIKAN ISLAM

BIL. 24. 2011 / 1433H



JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA




Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM)
Aras 4-9 Blok D7, Kompleks D,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62519, W.P PUTRAJAYA, MALAYSIA
Telefon : 03-8886 4000 Fax : 03-8889 2039
Laman web : www.islam.gov.my

Cetakan Pertama ... 2014
© Jabatan Kemajuan Islam Malaysia

Hak cipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan ulang mana-mana bahagian artikel, ilustrasi, dan isi kandungan buku ini dalam apa jua sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman, atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Ketua Pengarah, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. Aras 1-9, Blok D7, Kompleks D, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62519 Putrajaya. Perundingan tertakluk kepada perkiraan royalti atau honorarium.

Konsep & reka bentuk:
Darul Tenggara (M) Sdn Bhd
No. 15, Jalan 2/2, Taman Industri Selesa Jaya,
43300 Balakong, Selangor Darul Ehsan.
darultenggara@gmail.com



Sidang Editor

J U R N A L

PENYELIDIKAN ISLAM

BIL. 24. 2011 / 1433H

PENASIHAT

YBhg. Dato' Othman bin Mustapha

KETUA EDITOR

Mohamad bin Saari

PENOLONG KETUA EDITOR

Azman bin Mat Hassan

SIDANG EDITOR

Halim bin Ahmad

Fatimah binti Saad

Munir bin haji Md. Salleh

Norhalina binti Othman

Hasni binti Mohd Ali

Mohd Aizam bin Mas'od

Kamarulzaman bin Mustappa

Akhrun bin Musa

Sabri bin Mat Yasim

Radihan bin Saari

Hisral Zirhan bin Md Zahari

URUS SETIA

Fatimah binti Ahmad

Enun binti Juffri

Tn Sharifatul Muslim binti Tn Hamzah



Kandungan

J U R N A L

PENYELIDIKAN ISLAM

BIL. 24. 2011 / 1433H

Penilaian Keberkesanan Pelaksanaan Program Dakwah Ke Atas Pelajar: Satu Kajian Di Selangor	1
Tapisan Dan Kawalan Media Cetak Berunsur Islam Oleh JAKIM: Suatu Pengamatan Awal	27
Pengaruh Majalah Hiburan Kepada Akhlak Remaja	43
Konsep Istihalah Dan Istihlak Pada Makanan Dan Barang Gunaan	71
Hukum Solat Jumaat Jemaah Yang Kurang 40 Orang: Amalan Di Malaysia	93
Hukum Penglibatan Orang Islam Dalam Aktiviti Candlelight Vigil Pada Sesuatu Perhimpunan Atau Acara	113
Pembinaan Kubur Secara Bertingkat Di Malaysia: Satu Analisa Syariah	127
Penulisan Fatwa Dan Sumbangannya Dalam Perkembangan Ilmu Fiqh	139
Fiqh al-Muwazanat: Hubungan dan Implikasi Terhadap Fatwa	159
Gerakan Anti Hadith Moden: Kajian Terhadap Penyebaran Pemikiran Melalui Internet	185
Halal Literacy Among Malaysian Gen-Y Consumers	205
Al-Nawawi's Role In The Codification Of The Shafiite Guild	219




KATA ALUAN

KETUA PENGARAH JAKIM

Saya mengucapkan syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin-Nya, Jakim telah berjaya menerbitkan Jurnal Penyelidikan Islam Bil. 24/2011. Ia merupakan himpunan sumbangan para pegawai Jakim dalam menghasilkan penyelidikan dan penulisan ilmiah serta sumbangan artikel daripada pelbagai pihak. Saya berharap agar koleksi artikel pada kali ini dapat dijadikan sumber rujukan kearah pembangunan minda masyarakat berteraskan penyelidikan.

Penerbitan Jurnal Penyelidikan Islam ini juga merupakan usaha berterusan Jakim dalam menangani masalah semasa umat Islam, yang merangkumi isu-isu berkaitan aqidah, syariah dan akhlak. Justeru, diharapkan agar hasil-hasil kajian dan maklumat yang terkandung dalam jurnal ini dapat dimanfaatkan sepenuhnya dalam menghadapi kehidupan moden yang mencabar masa kini. Sekian, terima kasih.

DATO' HAJI OTHMAN BIN MUSTAPHA
Ketua Pengarah
Jabatan Kemajuan Islam Malaysia



KATA PENGHANTAR

KETUA PENGARANG

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Saya memanjatkan kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia-Nya, Jurnal Penyelidikan Islam Bil. 24/2011 dapat diterbitkan dengan jayanya. Kandungan Jurnal ini memuatkan kertas kajian yang dihasilkan oleh pegawai-pegawai Jakim dan sumbangan artikel daripada pelbagai pihak.

Sebanyak 12 buah artikel dimuatkan dalam jurnal ini, antaranya berkaitan dengan media, persoalan hukum, bidang akidah, pemikiran undang-undang dan lain-lain. Melalui kupasan dan penjelasan artikel-artikel tersebut akan dapat memberi kefahaman kepada para pembaca terhadap sesuatu isu yang kebanyakannya menjadi topik perbincangan semasa.

Pada kesempatan ini saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat dalam menyumbangkan idea dan buah fikiran untuk menjayakan penerbitan jurnal pada kali ini. Saya berdoa semoga semua daya usaha tersebut diberi ganjaran pahala yang berkekalan di sisi Allah SWT.

MOHAMAD BIN SAARI

Pengarah

Bahagian Perancangan dan Penyelidikan

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia

**PENILAIAN KEBERKESANAN PELAKSANAAN
PROGRAM DAKWAH KE ATAS PELAJAR:
SATU KAJIAN DI SELANGOR**

ROSLAN MOHAMED
MOHAMAD ZAKI HAMID
NAWI ABDULLAH

ABSTRAK

Kertas ini bertujuan untuk menilai keberkesanan program dakwah yang telah dilaksanakan oleh Sektor Pendidikan Islam (SPI) Jabatan Pelajaran Selangor (JPS) ke atas para pelajar. Penilaian keberkesanan adalah ke atas aspek peningkatan hubungan dengan Allah, ilmu dan amal, akhlak dan hubungan sosial dan disiplin diri pelajar yang telah mengikuti program dakwah yang telah dilaksanakan oleh Sektor Pendidikan Islam, Jabatan Pelajaran Negeri Selangor. Kajian menunjukkan program dakwah yang telah dilaksanakan ke atas para pelajar telah memberi kesan yang positif ke atas aspek-aspek yang dikaji. Selain daripada itu, artikel ini juga mengkaji faktor-faktor yang boleh menjadi penghalang kepada keberkesanan program dakwah yang dilaksanakan. Bagi aspek faktor dan halangan, dapatan kajian menunjukkan bahawa tiada masalah atau halangan besar yang dihadapi atau menjadi penghalang kepada para

pelajar untuk menyertai dan menghayati program dakwah dan seterusnya mendapat faedah dari program yang dilaksanakan itu.

PENGENALAN

Gejala sosial dan masalah disiplin yang melibatkan keruntuhan moral di kalangan murid-murid sekolah amat membimbangkan seperti ponteng kelas, mencuri, bergaduh, merokok, ugut, merosakkan harta benda awam dan sebagainya. Terdapat kes yang lebih berat umpamanya, buli atau mendera rakan sekolah, rogol dan membunuh terus meningkat dari semasa ke semasa sama ada sekolah di bandar dan juga di luar bandar. Fenomena yang semakin serius ini perlu dibendung, ditangani dan dikawal. Salah satu pendekatan terbaik adalah dengan mengadakan program dakwah kepada murid-murid sekolah dalam usaha untuk membangun sahsiah dan membina jati diri pelajar. Pihak yang bertanggungjawab untuk menjalankan program dakwah di sekolah-sekolah dalam negeri Selangor adalah Sektor Pendidikan Islam (SPI) di Jabatan Pelajaran Selangor (JPS). Justeru, pihak SPI JPS perlu merangka program-program dakwah untuk meningkatkan ketahanan diri para pelajar dalam usaha untuk menangani gejala sosial dan masalah disiplin pelajar. Pelaksanaan program dakwah yang berterusan, terancang, bersistematik dan efektif perlu dilakukan agar dapat membina sahsiah pelajar-pelajar dan terus bermotivasi serta bertanggungjawab terhadap tugas dan amanah sebagai seorang pelajar.

METODOLOGI KAJIAN

Dalam rangka penulisan, mengkaji keberkesanan dan menilai masalah yang dihadapi di dalam program dakwah yang dilaksanakan, penulis menggunakan borang soal selidik untuk memperoleh maklumat mengenai keberkesanan program dakwah dan faktor-faktor penghalang keberkesanan program dakwah yang telah dijalankan oleh SPI JPS. Soal selidik merupakan satu teknik yang digunakan untuk mendapatkan maklumat berkenaan fakta-

fakta, kepercayaan, perasaan, kehendak dan sebagainya (Mohd. Majid Konting, 2005: hlm.202). Sementara subjek kajian dipilih daripada populasi adalah prosedur pensampelan yang terdiri daripada para pelajar yang pernah mengikuti program dakwah SPI JPS. Pensampelan merupakan strategi penyelidikan yang membolehkan penulis mendapatkan maklumat mengenai sesuatu populasi daripada sebahagian individu yang menganggotai populasi tersebut (Mohd. Majid Konting, hlm.63). Untuk tujuan penyelidikan ini, sampel kajian adalah terdiri daripada seramai 100 orang pelajar dari daerah-daerah di negeri Selangor yang telah mengikuti dan menghadiri kursus-kursus yang diadakan dan dianjurkan oleh SPI JPS.

Analisis kajian adalah berdasarkan kepada keputusan-keputusan yang diperoleh daripada soal selidik ke atas ukuran keberkesanan menurut perspektif responden setelah mengikuti program dakwah yang dijalankan oleh SPI JPS. Beberapa bahagian soalan akan digabungkan (*compute*) bagi mendapatkan kesan program secara keseluruhan. Selain daripada itu, keputusan kajian juga akan dianalisis berdasarkan kepada kekerapan, peratusan, purata mata dan kepencongan data untuk membuat kesimpulan serta rumusan untuk kajian ini. Penggunaan purata mata adalah untuk memudahkan interpretasi skor keberkesanan program yang telah dilalui oleh responden kajian. Keputusan akan diklasifikasikan daripada nilai purata yang rendah kepada nilai purata yang tinggi atau sebaliknya di dalam kategori-kategori yang tertentu seperti di bawah:

1.0 hingga 1.7	Sangat Tidak Berkesan
1.8 hingga 2.5	Sedikit Berkesan
2.6 hingga 3.3	Sederhana Berkesan
3.4 hingga 4.1	Berkesan
4.2 hingga 5.0	Sangat Berkesan

KEBERKESANAN PROGRAM DAKWAH KE ATAS PELAJAR

Dalam bahagian ini, perbincangan difokuskan kepada kesan pelaksanaan program dakwah ke atas para pelajar yang mengikuti program dakwah yang telah adakan oleh SPI JPS. Dapatan kajian menunjukkan bahawa daripada 100 pelajar, seramai 91 orang (91%) menyatakan bahawa program dakwah yang telah dihadiri oleh mereka sangat berkesan, lapan orang (8%) menyatakan program berkenaan adalah sederhana berkesan dan seorang (1%) berpendirian bahawa program ini kurang berkesan. Purata mata keseluruhan berada pada bacaan 83.9 dan purata item pada 4.19. Nilai purata ini menunjukkan data adalah pencong ke kanan. Berdasarkan kepada kekerapan, purata mata dan kepencongan data, maka dapat dirumuskan bahawa program dakwah yang dilaksanakan oleh SPI JPS sangat berkesan kepada para pelajar yang telah mengikutinya.

Jadual 1: Tahap Keberkesanan Program Dakwah Secara Keseluruhan

Tahap Keberkesanan	Responden	Peratus
Kurang berkesan	1	1
Sederhana berkesan	8	8
Sangat berkesan	91	91
JUMLAH	100	100

$N=100$

Purata Keseluruhan: 83.9

Purata item: 4.2

Penilaian ke atas empat komponen utama pengukuran keberkesanan program dakwah iaitu hubungan dengan Allah, ilmu dan amal, akhlak dan hubungan sosial dan disiplin diri menunjukkan bahawa purata matanya

adalah melebihi 4. Purata mata aspek meningkatkan hubungan dengan Allah SWT berada pada bacaan 4.32, diikuti dengan meningkatkan ilmu dan amal pada bacaan 4.23. Bagi aspek akhlak dan hubungan sosial pula berada pada bacaan 4.09 dan bagi meningkatkan disiplin diri berada pada bacaan 4.12. Ini menunjukkan bahawa kesemua aspek yang dikaji dan dinilai untuk mengukur keberkesanan adalah melebihi nilai 4 daripada skala pengukuran.

Jadual 2: Keberkesanan Program Dakwah SPI JPS Mengikut Keseluruhan Item Keberkesanan

Keberkesanan Program Dakwah SPI JPS Terhadap Pelajar-Pelajar Islam dalam aspek:	Sangat tidak berkesan	Tidak berkesan	Sederhana berkesan	Berkesan	Sangat ber-kesan	Jumlah	Purata mata	Purata Keseluruhan
Meningkatkan hubungan dengan Allah SWT	1 (1%)	1 (1%)	1 (1%)	21 (21%)	76 (76%)	100 (100%)	4.32	21.63
Meningkatkan ilmu dan amal	1 (1%)	0 (0%)	2 (2%)	33 (33%)	64 (64%)	100 (100%)	4.23	21.19
Meningkatkan akhlak dan hubungan sosial	0 (0%)	1 (1%)	2 (2%)	40 (40%)	57 (57%)	100 (100%)	4.09	20.47
Meningkatkan disiplin diri	0 (0%)	1 (1%)	6 (6%)	37 (37%)	56 (56%)	100 (100%)	4.12	20.61

N= 100

KEBERKESANAN PROGRAM DAKWAH KE ATAS MENINGKATKAN HUBUNGAN DENGAN ALLAH SWT

Jika dilihat dengan lebih terperinci terhadap isu dan persoalan keberkesanan program dakwah ke atas pelajar dalam meningkatkan hubungan dengan Allah SWT, purata keseluruhan bagi aspek ini berada pada bacaan pada 21.63 dan purata item pada 4.32. Ini menunjukkan taburan data adalah pencong ke kanan. Berdasarkan kepada purata mata dan taburan data, dapat dirumuskan bahawa program dakwah yang telah dilaksanakan kepada para pelajar adalah sangat berkesan dalam meningkatkan hubungan mereka dengan Allah SWT. Menurut Ab.Aziz Mohd Zin, kekuatan pegangan akidah merupakan objektif utama sesuatu program dakwah. (Ab. Aziz Mohd Zin, 2006: hlm.67). Hubungan dengan Allah dapat dilihat daripada objektif Nadwah Kepimpinan Pelajar Islam yang menekankan pemupukan akhlak mulia dan kekuatan rohani di kalangan pemimpin pelajar untuk menampakkan model kepimpinan Islam.¹ Pengisian program yang banyak menekankan amalan kerohanian ini telah berjaya meningkatkan pembangunan jiwa para peserta dan seterusnya meningkatkan hubungan mereka dengan Allah SWT.

Bagi item-item hubungan dengan Allah SWT ini, ke semuanya mencatatkan purata mata adalah melebihi 4 daripada skala pengukuran. Item paling tinggi purata mata ialah keyakinan tentang adanya balasan akhirat dengan bacaan 4.55. Berdasarkan purata mata ini menunjukkan item tersebut sangat berkesan. Hal ini disebabkan program kuliah Maghrib dan tazkirah Subuh yang telah dilaksanakan di dalam program ini amat menekankan aspek penyucian jiwa dan balasan hari akhirat yang telah berjaya meningkatkan keyakinan pelajar kepada balasan akhirat.² Keyakinan terhadap adanya balasan akhirat merupakan perkara pokok dalam akidah Islam. Diikuti item kedua tertinggi iaitu keredaan dengan ketentuan Ilahi sebagai suratan takdir pada bacaan 4.50. Berdasarkan purata mata ini menunjukkan item keredaan pelajar sangat berkesan. Reda dengan ketentuan Ilahi merupakan sifat jati diri

1 Nadwah Kepimpinan Islam Sekolah Menengah Peringkat Negeri Selangor 2008 "Buku Catatan" hlm. 3

2 Nadwah Kepimpinan Islam Sekolah Menengah Peringkat Negeri Selangor 2008 "Manual Pelaksanaan" hlm. 4-7

manusia. Program ini bertujuan antaranya untuk melahirkan pelajar yang mempunyai jati diri yang mantap.³Ini diikuti oleh item kesanggupan untuk menghadapi dugaan dan cabaran semasa belajar pada bacaan 4.41. Dugaan dan cabaran merupakan ujian dalam kehidupan seorang mukmin.⁴Kemampuan peserta menamatkan kursus membuktikan peserta berjaya menghadapi dugaan dan cabaran. Seterusnya item keempat tinggi ialah kesungguhan melaksanakan kewajipan solat dengan penuh khusyukdengan bacaan purata mata 4.09. Dalam program ini peserta-peserta telah didedahkan dengan ibadat solat secara berjamaah, qiamullail, bertahajjud, berzikir dan berdoa berjaya melatih peserta solat dengan khusyuk.⁵ Ianya bersesuaian dengan saranan Allah SWT tentang kelebihan solat dengan penuh khusyuk. Firman Allah SWT yang bermaksud:

قَدْ أَفْلَحَ الْمُؤْمِنُونَ ﴿١﴾ الَّذِينَ هُمْ فِي صَلَاتِهِمْ خَاشِعُونَ ﴿٢﴾

Sesungguhnya berjayalah orang-orang yang beriman, iaitu mereka yang khusyuk dalam sembahyangnya. (Surah al-Mukminun 17:1-2)

Item kelima iaitu bersyukur apabila menerima nikmat Allah SWT berada pada bacaan 4.08. Orang yang bersyukur sentiasa patuh dan taat perintah Allah SWT.⁶ Kesungguhan peserta mengikut pelbagai peraturan ketika berkursus dari segi peraturan am, tatacara nadwah, cara pakaian, tanda nama dan keselamatan menunjukkan peserta sentiasa bersyukur dengan nikmat kurniaan Allah SWT.⁷Ini menunjukkan bahawa program ini telah berjaya meningkatkan kesyukuran para peserta ke atas nikmat kurniaan Allah kepada mereka.

-
- 3 Nadwah Kepimpinan Islam Sekolah Menengah Peringkat Negeri Selangor 2008 "Buku Catatan" hlm. 3
4 Danial Zainal Abidin (2006), *Tip-Tip Cemerlang Daripada Quran*, Selangor:PTS Millenia., hlm.182
5 Nadwah Kepimpinan Islam Sekolah Menengah Peringkat Negeri Selangor 2008 "Himpunan Solat Sunat, Zikir dan Doa" hlm.7-11
6 Danial Zainal Abidin (2006), *op cit.*, hlm.181
7 Nadwah Kepimpinan Islam Sekolah Menengah Peringkat Negeri Selangor 2008 "Himpunan Solat Sunat, Zikir dan Doa" hlm. 5

Jadual 3: Taburan Responden Mengikut Peratus Dan Purata Mata Dalam Aspek Meningkatkan Hubungan Dengan Allah SWT

Item	Sangat tidak setuju	Tidak setuju	Sederha- na setuju	Setuju	Sangat setuju	Jumlah	Purata mata	Markah
1. Saya melaksanakan kewajipan solat dengan bersungguh-sungguh dan penuh khusyuk.	1 (1%)	1 (1%)	15 (15%)	54 (54%)	29 (29%)	100 (100%)	4.09	4
2. Keyakinan saya adanya balasan di akhirat semakin mantap	1 (1%)	1 (1%)	4 (4%)	30 (30%)	64 (64%)	100 (100%)	4.55	1
3. Saya bertambah reda dengan ketentuan Ilahi dan menerimanya sebagai suratan takdir.	2 (2%)	0 (0%)	4 (4%)	34 (34%)	60 (60%)	100 (100%)	4.50	2
4. Saya sanggup menghadapi cabaran dan dugaan sewaktu belajar	0 (0%)	2 (2%)	5 (5%)	43 (43%)	50 (50%)	100 (100%)	4.41	3
5. Saya bersyukur apabila mendapat nikmat daripada Allah SWT.	4 (4%)	6 (6%)	8 (8%)	42 (42%)	40 (40%)	100 (100%)	4.08	5

$N=100$

KESAN PROGRAM DAKWAH KE ATAS PENINGKATAN ILMU DAN AMAL

Kesan program dakwah ke atas peningkatan ilmu dan amal, kajian menunjukkan purata mata keseluruhan berada pada bacaan 21.19 dan purata item ialah pada 4.23. Ini menunjukkan data adalah pencong ke arah sangat berkesan. Berdasarkan kepada purata mata dan kepencongan

data, dapat dirumuskan bahawa program dakwah yang telah dilaksanakan kepada para pelajar adalah berkesan di dalam meningkatkan ilmu dan amal. Keputusan kajian yang menjurus kepada kesungguhan pelajar menimba ilmu dan berusaha untuk beramal kerana matlamat program ini adalah untuk melahirkan pelajar yang mempunyai jati diri yang mantap.⁸Jati diri tidak dapat dibentuk tanpa ilmu dan amal, maka pengisian program yang dilaksanakan amat menekankan kepada soal peningkatan ilmu seperti ciri-ciri kepimpinan dan uslub dakwah telah berjaya meningkatkan ilmu pelajar. Di samping itu, program berbentuk kembara iman dan pembentangan projek dakwah berjaya meningkatkan lagi daya kepimpinan dan amalan harian pelajar.⁹

Untuk melihat dengan lebih terperinci terhadap aspek keberkesanan program dakwah ke atas meningkatkan ilmu dan amal, dapatan kajian menunjukkan item 1, item 2, item 4 dan item 5 mencatatkan purata bacaan adalah melebihi 4 dari skala pengukuran. Manakala item 3 berada di bawah 4 iaitu 3.58. Item yang paling tinggi ialah kesungguhan untuk beramal dengan ilmu dengan bacaan purata mata 4.54. Penekanan kepada aspek beramal dengan ilmu menjadikan peserta bersungguh-sungguh mengikuti kursus sehingga item ini mencapai tahap amat berkesan. Hal ini adalah selaras dengan ikrar Nadwah Kepimpinan Pelajar Islam yang bersedia mengamalkan segala ilmu kepimpinan dan pengalaman yang diperoleh untuk membentuk generasi mukmin yang soleh dan bertakwa.¹⁰Ini diikuti dengan kesungguhan untuk belajar dan menimba ilmu dengan purata mata pada 4.49. Melalui program dakwah ini peserta berjaya disemai dengan sikap cintakan ilmu, sentiasa bersiap sedia untuk menghadiri sesi ceramah dan kuliah, menghormati guru dan sebagainya. Menurut Zulkifli bin Mohamad al-Bakri orang-orang yang hebat selalu memusatkan perhatian mereka pada usaha yang sedang mereka lakukan. Perlu bertindak dengan cepat dan tepat. Justeru, tekun dalam sesuatu pekerjaan boleh menyebabkan hasil kerjayanya menuju ke arah kecemerlangan.¹¹

8 Nadwah Kepimpinan Islam Sekolah Menengah Peringkat Negeri Selangor 2008 "Buku Catatan" hlm. 3

9 Nadwah Kepimpinan Islam Sekolah Menengah Peringkat Negeri Selangor 2008 "Manual Pelaksanaan" hlm. 10

10 Nadwah Kepimpinan Islam Sekolah Menengah Peringkat Negeri Selangor 2008 "Himpunan Solat Sunat, Zikir dan Doa" hlm. 3

11 Zulkifli Mohamad al-Bakri (2007), *Himpunan Hadis Modal Insan*. Kuala Lumpur: Telaga Biru Sdn Bhd., hlm.31-32

Item seterusnya iaitu keupayaan membezakan kebaikan dan keburukan yang dibawa oleh media massa pada bacaan purata mata 4.38. Item ini juga menunjukkan tahap keberkesanan yang tinggi di kalangan peserta. Dalam program ini peserta ditekankan dengan aspek gejala sosial dari segi punca-punca dan cara mengatasinya. Kesannya, peserta dapat mengenal pasti dan dapat membezakan baik dan buruk sesuatu perkara itu. Keupayaan membeza dan menolak keburukan merupakan berkesannya ilmu yang diperoleh dan perkara ini adalah selaras dengan penjelasan al-Quran yang menyatakan adanya perbezaan antara baik dengan buruk melalui Firman Allah SWT yang bermaksud:

وَلَا تَسْتَوِ الْحَسَنَةُ وَلَا السَّيِّئَةُ ادْفَعْ بِالَّتِي هِيَ أَحْسَنُ فَإِذَا الَّذِي
بَيْنَكَ وَبَيْنَهُ عَدَاوَةٌ كَأَنَّهُ وَلِيٌّ حَمِيمٌ ﴿٣٤﴾

*Dan tidaklah sama (kesannya dan hukumnya) perbuatan yang baik
dan perbuatan yang jahat. (Surah Fussilat 24:34)*

Item kesediaan untuk berkongsi ilmu dan kemahiran program dakwah dengan rakan ialah pada 4.20. Dalam program dakwah ini peserta sentiasa dipupuk dengan sikap suka berbincang bagi menyelesaikan sesuatu masalah, rajin mengemukakan idea atau pendapat dan juga sentiasa berinteraksi dalam kumpulan. Berkongsi ilmu merupakan manifestasi berkesannya ilmu yang dimiliki. H.M Tuah Iskandar menyatakan tidak perlu takut berkongsi ilmu sebab bukan banyak ilmu menentukan kejayaan tetapi apakah ilmu yang sedikit itu mampu digunakan.¹² Bagi isu dan persoalan program dakwah ini telah dapat menambah pengetahuan ilmu agama dan ilmu-ilmu lain pada bacaan purata mata 3.58. Tahap keberkesanan item ini adalah sederhana. Ilmu pengetahuan amat luas bidangnya merangkumi hal keduniaan dan juga keakhiratan.¹³ Program ini telah

12 HLM.M Tuah Iskandar al-Haj (2007), *Membina Personaliti Terbilang*. Shah Alam: Karya Bestari., hlm.70

13 Danial Zainal Abidin (2006), *Bahan Berdakwah Untuk Remaja Moden*, edisi 2. Kuala Lumpur: PTS Millenia., hlm. 5

berjaya membina kedua-dua cabang ilmu amat bermanfaat kepada pelajar dalam menghadapi cabaran yang mendatang.

Jadual 4: Taburan Responden Mengikut Peratus Dan Purata Mata Dalam Aspek Meningkatkan Ilmu Dan Amal

Item	Sangat tidak setuju	Tidak setuju	Seder- hana	Setuju	Sangat setuju	Jumlah	Purata mata	Markat
1. Kesungguhan saya untuk belajar dan menimba ilmu semakin meningkat	1 (1%)	1 (1%)	2 (2%)	40 (40%)	56 (56%)	100 (100%)	4.49	2
2. Saya akan beramal dengan bersungguh-sungguh ilmu yang perolehi dalam kehidupan seharian saya	1 (1%)	0 (0%)	3 (3%)	36 (36%)	60 (60%)	100 (100%)	4.54	1
3. Aktiviti dakwah yang diadakan dapat menambah pengetahuan saya tentang ilmu agama dan lain-lain.	5 (5%)	10 (10%)	28 (28%)	36 (36%)	21 (21%)	100 (100%)	3.58	5
4. Saya sentiasa cuba berkongsi ilmu dan kemahiran program dakwah dengan rakan-rakan	1 (1%)	1 (1%)	13 (13%)	47 (47%)	38 (38%)	100 (100%)	4.20	4
5. Saya dapat membezakan buruk dan baik yang dibawa oleh media massa	1 (1%)	0 (0%)	5 (5%)	48 (48%)	46 (46%)	100 (100%)	4.38	3

$N=100$

Kesan Program Dakwah Ke Atas Meningkatkan Akhlak dan Hubungan Sosial Pelajar

Jika dilihat terhadap purata mata keseluruhan kesan program dakwah ke atas meningkatkan akhlak dan hubungan sosial bacaan purata keseluruhan ialah pada 20.47 dan purata item pada 4.09. Ini menunjukkan taburan data adalah masih ke arah berkesan. Berdasarkan kepada purata mata dan taburan data, dapat dirumuskan bahawa program dakwah yang telah dilaksanakan kepada para pelajar telah berjaya meningkatkan akhlak dan hubungan sosial para pelajar yang telah mengikuti program ini. Muhammad Mahmud al-Sawwaf menyatakan matlamat dakwah adalah untuk mengubah jiwa, akidah dan akhlak seseorang ataupun masyarakat serta memperbetulkan daripada penyelewengan yang berlaku.¹⁴ Di dalam program ini terdapat beberapa program khusus yang diadakan dengan tujuan mewujudkan semangat kerjasama dan berkomunikasi antara satu sama lain untuk menyelesaikan masalah atau menghasilkan sesuatu projek¹⁵ dan seterusnya telah berjaya diterapkan kepada para pelajar yang mengikuti program-program dakwah yang telah dilaksanakan.

Jadual 5: Taburan Responden Mengikut Peratus Dan Purata Mata Dalam Aspek Meningkatkan Akhlak Dan Hubungan Sosial

Item	Sangat tidak setuju	Tidak setuju	Sederhana setuju	Setuju	Sangat setuju	Jumlah	Purata mata	Markat
1. Aktiviti dakwah berjaya membentuk akhlak dan tingkahlaku saya	2 (2%)	0 (0%)	2 (2%)	42 (42%)	54 (54%)	100 (100%)	4.46	3
2. Program ini telah mendidik saya menghormati ibu bapa	1 (1%)	0 (0%)	2 (2%)	28 (28%)	69 (69%)	100 (100%)	4.64	1

14 Muhammad Mahmud al-Sawwaf (1987), *Dakwah Dan Pendakwah: Dari Al-Quran Kepada Al-Quran*. Abu Huzaifah (terj.). Kuala Lumpur: Dewan Pustaka Fajar., hlm.44

15 Nadwah Kepimpinan Islam Sekolah Menengah Peringkat Negeri Selangor 2008 “ Manual Pelaksanaan” hlm. 10

3. Saya perlu bersifat tawaduk dan tidak merendahkan kebolehan orang lain	5 (5%)	4 (4%)	35 (35%)	38 (38%)	18 (18%)	100 (100%)	3.60	5
4. Program ini telah berjaya mengajar saya batas-batas pergaulan antara lelaki dan perempuan	1 (1%)	0 (0%)	1 (1%)	34 (34%)	64 (64%)	100 (100%)	4.60	2
5. Sifat hasad dengki saya kepada orang lain semakin berkurangan	1 (1%)	1 (1%)	6 (6%)	44 (44%)	48 (48%)	100 (100%)	4.37	4

$N=100$

Untuk melihat dengan terperinci terhadap aspek keberkesanan program dakwah dari segi meningkatkan akhlak dan hubungan sosial, dapatan kajian menunjukkan item 1, item 2, item 4 dan item 5 mencatatkan purata melebihi 4 skala pengukuran. Cuma item ke 3 yang menunjukkan bacaan berada di bawah skala 4 iaitu 3.60. Item paling tinggi keberkesanannya dalam mendidik supaya menghormati ibu bapa dengan bacaan purata mata 4.64. Purata mata item tertinggi ini menunjukkan tahap yang amat berkesan terhadap pelajar. Program ini telah diisikan dengan ceramah dan tazkirah yang menekankan amalan menghormati ibu bapa. Ia bersesuaian dengan suruhan Allah SWT dalam al-Quran supaya berbuat baik kepada kedua ibu bapa. Allah SWT berfirman:

وَوَصَّيْنَا الْإِنْسَانَ بِوَلَدَيْهِ حَمَلَتْهُ أُمُّهُ وَهْنًا عَلَى وَهْنٍ وَفِصْلَهُ
 فِي عَامَيْنِ أَنْ أَشْكُرَ لِي وَلِوَلَدَيْكَ إِلَى الْمَصِيرِ

Dan Kami wajibkan manusia berbuat baik kepada kedua ibu bapanya. ibunya telah mengandungnya dengan menanggung kelemahan demi kelemahan(dari awal mengandung hingga akhir menyusunya), dan tempoh menceraikan susunya ialah dalam tempoh dua tahun, (dengan yang demikian) bersyukurlah kepadaKu dan kepada kedua

ibubapamu, dan ingatlah kepada Akulah jua tempat kembali (untuk menerima balasan).
(Surah Luqman 21:14)

Item kedua paling berkesan ialah mengajar batas-batas pergaulan antara lelaki dan perempuan dengan bacaan 4.60. Purata mata yang tinggi ini menunjukkan peserta berjaya memahami dan memelihara batas-batas pergaulan dan aurat di antara lelaki dan perempuan semasa berkursus.¹⁶ Abdullah Nasih Ulwan menyatakan pergaulan antara lelaki dan perempuan yang bukan muhrim perlu dikawal dan dipantau khususnya anak-anak bagi mengelak berlakunya perkara-perkara yang bertentangan dengan ajaran Islam.¹⁷ Item seterusnya ialah membentuk akhlak dan tingkah laku dengan bacaan purata mata 4.46. Item ini juga menunjukkan tahap keberkesanan yang tinggi. Ini adalah kerana matlamat dan objektif program ini diadakan adalah untuk membentuk akhlak dan sahsiah pelajar menjadi pemimpin.¹⁸ Peserta-peserta yang menghadiri kursus ini telah menunjukkan akhlak yang mulia dan menampilkan ciri-ciri seorang pemimpin dengan memberi kerjasama dan kesungguhan untuk menjadi pemimpin.¹⁹ Diikuti item mengikis sifat hasad dengki dengan bacaan purata mata 4.37. Sifat hasad dengki akan membawa keburukan dan kebinasaan. Berdasarkan purata item menunjukkan peserta berjaya mengikis sifat buruk tersebut. Ini disebabkan bentuk program yang dilakukan secara berkumpulan seperti Salam Taaruf, Bahtera Penyelamat, Senada Murni, Benang Silaturahmi, projek dakwah dan Kembara Iman telah berjaya mewujudkan sikap kerjasama yang erat dan mengikis sifat hasad dengki serta mementingkan diri.²⁰ Item paling rendah ialah memiliki sifat tawaduk dan tidak merendahkan kebolehan orang lain dengan purata mata 3.60. Berdasarkan purata item ini menunjukkan

16 Nadwah Kepimpinan Islam Sekolah Menengah Peringkat Negeri Selangor 2008 "Himpunan Solat Sunat, Zikir dan Doa" hlm. 5


17 Abdullah Nasih Ulwan (1989), Pendidikan Anak-Anak Dalam Islam, jil.1 .Syed Ahmad Semait (terj.). Singapura: Pustaka Nasional., hlm. 11

18 Nadwah Kepimpinan Islam Sekolah Menengah Peringkat Negeri Selangor 2008 "Buku Catatan" hlm. 3

19 Ahmad Zamri bin Samsuddin, Ketua Fasilitator Nadwah Kepimpinan Pelajar Islam 2008. Temu bual pada 20 Julai 2008 jam 12.00 tengahari di Pusat Kokurikulum Sabak Bernam, Selangor.

20 Nadwah Kepimpinan Islam Sekolah Menengah Peringkat Negeri Selangor 2008 "Manual Pelaksanaan" hlm. 1-3

tahap sifat tawaduk pelajar berada pada tahap sederhana berkesan. Tawaduk merupakan salah satu sifat mulia seorang pelajar. Al-Quran menyarankan supaya mengutamakan sifat merendah diri dan tidak membanggakan diri. Firman Allah SWT yang bermaksud:



*...Dan hendaklah engkau merendah diri kepada pengikut-pengikutmu
di kalangan orang-orang beriman... (Surah al-Syu'ara 19: 215)*

KESAN PROGRAM DAKWAH KE ATAS MENINGKATKAN DISIPLIN DIRI

Jika dilihat terhadap purata mata keseluruhan kesan program dakwah ke atas meningkatkan disiplin diri pelajar, nilai purata yang dicatatkan ialah pada 20.61 dan purata item pada bacaan 4.12. Ini juga menunjukkan taburan data adalah pencong ke arah berkesan. Berdasarkan kepada purata mata dan taburan data, dapat dirumuskan bahawa program dakwah yang telah dilaksanakan kepada para pelajar adalah berkesan dari segi meningkatkan disiplin diri. Menurut Abdullah Sani Yahaya, disiplin merupakan salah satu komponen penting dalam sistem persekolahan yang berkait rapat dengan tatatertib, tatasusila, akhlak dan kesopanan.²¹ Penekanan kepada disiplin adalah selaras dengan objektif program ini iaitu meningkatkan daya kepimpinan pelajar sekolah. Kepimpinan memerlukan individu yang berdisiplin, oleh itu keseluruhan perjalanan kursus ini amat menekankan soal pengurusan masa dan pembentukan disiplin diri. Peserta diwajibkan mematuhi masa dan diwajibkan menghadiri semua program yang dijalankan.²² Jika dilihat dengan terperinci terhadap aspek keberkesanan dalam meningkatkan disiplin diri, dapatan kajian menunjukkan item 1, item 2, item 3 dan item 5 mencatatkan purata bacaan adalah melebihi 4 skala pengukuran. Manakala

21 Abdullah Sani Yahaya (2006), *Mengurus Disiplin Pelajar*. Selangor: PTS Profesional., hlm.2

22 Nadwah Kepimpinan Islam Sekolah Menengah Peringkat Negeri Selangor 2008 "Himpunan Solat Sunat, Zikir dan Doa" hlm. 5

item 4 yang berada di bawah bacaan 4. Item paling berkesan ialah aktiviti dakwah dapat menghalang daripada melakukan perkara yang bertentangan dengan ajaran Islam dengan bacaan purata pada 4.63. Dakwah menekankan dua perkara utama iaitu melaksanakan yang disuruh dan meninggalkan yang dilarang. Firman Allah SWT yang bermaksud:

وَلْتَكُنْ مِنْكُمْ أُمَّةٌ يَدْعُونَ إِلَى الْخَيْرِ وَيَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ وَيَنْهَوْنَ عَنِ الْمُنْكَرِ
وَأُولَئِكَ هُمُ الْمُفْلِحُونَ ﴿١٠٤﴾

Dan hendaklah ada di antara kamu satu puak yang menyeru (berdakwah) kepada kebajikan (mengembangkan Islam) dan menyuruh berbuat segala perkara yang baik serta melarang daripada segala yang salah (buruk dan keji). (Surah Ali Imran 3:104)

Justeru, pengisian program yang menekankan aspek tanggungjawab berdakwah melalui slot uslub berjaya mendidik peserta untuk menjauhi perkara-perkara yang dilarang.²³ Diikuti item kedua berkesan iaitu kesungguhan untuk belajar semakin meningkat dengan bacaan purata mata 4.53. Kejayaan tidak akan dapat dikecapi oleh mereka yang tidak berilmu, untuk berjaya perlu mendalami bidang yang hendak diceburi.²⁴ Ia bertepatan dengan objektif nadwah ini yang inginkan pelajar berupaya mengharungi cabaran masa depan seiring perkembangan ICT.²⁵ Item seterusnya iaitu program dakwah telah meningkatkan kekuatan rohani dengan bacaan purata mata 4.52. Abdullah Nasih Ulwan menyatakan matlamat pendidikan rohani adalah membentuk peribadi dan menyempurnakannya sehingga dapat menjalankan semua tugas dan kewajipan dengan sebaik-baiknya, penuh erti dan makna.²⁶ Dengan sebab itu, amalan-amalan seperti solat fardu, solat sunat, zikir, bacaan al-Quran dan doa yang dijalankan dalam kursus ini

23 Nadwah Kepimpinan Islam Sekolah Menengah Peringkat Negeri Selangor 2008 "Manual Pelaksanaan" hlm. 10

24 Abdul Aziz bin Azimullah (1998), Rahsia Kejayaan Kerjaya, edisi 2. Kuala Lumpur: Institut Bina Usahawan., hlm.13

25 Nadwah Kepimpinan Islam Sekolah Menengah Peringkat Negeri Selangor 2008 "Buku Catatan" hlm. 3

26 Abdullah Nasih Ulwan (1989), op cit., hlm.355

berjaya membina kekuatan rohani pelajar.²⁷Item seterusnya iaitu berusaha menyiapkan tugas sekolah pada waktu yang ditetapkan dengan bacaan purata pada 4.06. Menyiapkan tugas pada waktu yang ditetapkan merupakan tanggungjawab sebagai pelajar. Latihan dalam kumpulan, menyediakan dan membentangkan projek dakwah pada waktu yang ditetapkan pula merupakan bentuk latihan yang dijalankan semasa kursus telah berjaya membentuk sikap bertanggungjawab pelajar terhadap pelajaran.²⁸Item paling rendah purata mata ialah bersedia datang awal ke sekolah dengan bacaan 3.13. Item ini menunjukkan tahap sederhana berkesan. Datang awal ke sekolah merupakan bentuk disiplin dan latihan yang penting kepada pelajar. Tatacara kursus menyatakan peserta hendaklah hadir 10 minit lebih awal sebelum sesuatu acara atau aktiviti dimulakan masih belum mencukupi untuk mengubah sikap pelajar untuk datang awal ke sekolah.²⁹

Jadual 6: Taburan Responden Mengikut Peratus Dan Purata Mata Dalam Aspek Meningkatkan Disiplin Diri

Item	Sangat tidak setuju	Tidak setuju	Sederhana setuju	Setuju	Sangat setuju	Jumlah	Purata mata	Markat
1. Aktiviti dakwah telah meningkatkan kekuatan rohani saya	1 (1%)	0 (0%)	4 (4%)	36 (36%)	59 (59%)	100 (100%)	4.52	3
2. Kesungguhan saya untuk belajar semakin meningkat	1 (1%)	0 (0%)	5 (5%)	33 (33%)	61 (61%)	100 (100%)	4.53	2
3. Aktiviti dakwah dapat menghalang saya daripada melakukan perkara-perkara yang bertentangan dengan ajaran Islam	2 (2%)	0 (0%)	3 (3%)	23 (23%)	72 (72%)	100 (100%)	4.63	1

- 27 Nadwah Kepimpinan Islam Sekolah Menengah Peringkat Negeri Selangor 2008 "Manual Pelaksanaan" hlm. 8-12
- 28 Nadwah Kepimpinan Islam Sekolah Menengah Peringkat Negeri Selangor 2008 "Manual Pelaksanaan" hlm. 10
- 29 Nadwah Kepimpinan Islam Sekolah Menengah Peringkat Negeri Selangor 2008 "Himpunan Solat Sunat, Zikir dan Doa" hlm. 5

4. Saya bersedia datang awal ke sekolah	15 (15%)	18 (18%)	26 (26%)	21 (21%)	20 (20%)	100 (100%)	3.13	5
5. Saya berusaha menyiapkan tugas di sekolah pada waktu yang ditetapkan.	1 (1%)	3 (3%)	18 (18%)	45 (45%)	33 (33%)	100 (100%)	4.06	4

$N=100$

MASALAH DI DALAM PELAKSANAAN PROGRAM DAKWAH

Bagi aspek masalah yang menghalang keberkesanan program dakwah, perkara-perkara yang akan dilihat ialah masalah secara keseluruhan dan secara terperinci item-item masalah yang berkaitan. Di samping itu juga, akan dibincangkan juga faktor penghalang keberkesanan dari segi peserta program, penceramah atau fasilitator yang disediakan dan juga dari segi pengurusan SPI JPS melaksanakan program ini. Bagi aspek masalah yang menghalang keberkesanan program dakwah bacaan purata mata bagi item peserta program dakwah ialah pada 1.15. Sementara item penceramah atau fasilitator yang menyampai dan mengendalikan program dakwah ialah pada 1.07 dan pengurusan yang melibatkan urus setia SPI JPS ialah 1.71. Ini menunjukkan bahawa faktor penghalang utama keberkesanan program dakwah yang dijalankan oleh SPI JPS ialah pengurusan urus setia SPI JPS, diikuti oleh peserta program dakwah dan akhirnya oleh penceramah atau fasilitator. Namun begitu, secara umumnya jelas menunjukkan daripada ketiga-tiga aspek tersebut purata mata berada antara 1 (tiada masalah) dan 2 (masalah kecil). Dapatan ini jelas menunjukkan bahawa program dakwah telah dilaksanakan oleh SPI JPS tidak berhadapan dengan masalah besar daripadapenilaian pelajar yang telah mengikuti program dakwah ini.

*Jadual 7: Masalah Yang Menghalang Keberkesanan Program Dakwah SPI
 JPS Mengikut Keseluruhan Item Masalah*

Masalah Yang Menghalang Keberkesanan Program Dakwah SPI JPS dalam aspek:	Tiada Masalah	Masalah kecil	Sederhana masalah	Masalah	Sangat bermasalah	Jumlah	Purata mata	Markat
Peserta Program Dakwah	85 (85%)	15 (15%)	0 (0%)	0 (0%)	0 (0%)	100 (100%)	1.15	2
Penceramah atau Fasilitator	93 (93%)	7 (7%)	0 (0%)	0 (0%)	0 (0%)	100 (100%)	1.07	1
Pengurusan Program Dakwah	35 (35%)	59 (59%)	6 (6%)	0 (0%)	0 (0%)	100 (100%)	1.71	3

$N=100$

Bagi masalah peserta program dakwah, dapatan kajian menunjukkan secara umumnya nilai purata yang dicatatkan adalah di bawah penengah 3 (masalah sederhana). Malah ada aspek yang mencatatkan bacaan purata di bawah 2 (masalah kecil). Dapatan menunjukkan purata mata item 2, item 3, item 4, item 5 dan item 6 adalah di bawah 2. Sementara item 1 adalah di bawah paras 3 iaitu sederhana setuju dengan pernyataan tersebut.

Jadual 8: Taburan Responden Mengikut Peratus Dan Purata Mata Dalam Aspek Masalah Peserta

Item	Sangat tidak setuju	Tidak setuju	Sederhana setuju	Setuju	Sangat setuju	Jumlah	Purata mata	Markat
1. Bilangan peserta yang ramai akan mengurangkan tumpuan peserta terhadap program	18 (18%)	30 (30%)	20 (20%)	26 (26%)	6 (6%)	100 (100%)	2.72	6
2. Peserta tidak dapat mengikuti jadual yang ditetapkan oleh urusetia	34 (34%)	37 (37%)	20 (20%)	7 (7%)	2 (2%)	100 (100%)	2.06	3
3. Sukar untuk menguasai ilmu atau pengetahuan yang disampaikan	34 (34%)	45 (45%)	18 (18%)	3 (3%)	0 (0%)	100 (100%)	1.90	2
4. Kurang memberi tumpuan terhadap program yang dijalankan kerana tugas-tugas di sekolah belum selesai	20 (20%)	37 (37%)	32 (32%)	9 (9%)	2 (2%)	100 (100%)	2.36	5
5. Peserta cepat bosan dengan program yang disampaikan	42 (42%)	41 (41%)	14 (14%)	3 (3%)	0 (0%)	100 (100%)	1.78	1
6. Peserta gagal menyampaikan ilmu yang diperolehi kepada rakan-rakan di sekolah	28 (28%)	38 (38%)	31 (31%)	1 (1%)	2 (2%)	100 (100%)	2.11	4

N=100

Item yang paling tinggi purata mata dari segi masalah ialah bilangan peserta yang ramai akan mengurangkan tumpuan peserta terhadap program dengan bacaan mata 2.72 iaitu menghampiri penengah (3). Ini menunjukkan bilangan peserta yang ramai, bukan masalah yang besar kepada peserta cuma akan wujud masalah kecil tetapi ia tidak menghalang keberkesanan program dakwah secara keseluruhannya. Namun begitu, bilangan peserta yang seimbang dan dikawal selia dengan baik oleh pihak pengurusan akan

memberi kesan yang positif kepada program tersebut. Item paling rendah purata mata ialah program ini membosankan dengan bacaan mata 1.78. Bacaan purata item ini menunjukkan peserta tidak merasa bosan terhadap pengisian program yang telah diadakan. Bosan merupakan sikap negatif yang terjadi disebabkan sesuatu yang tidak menarik dan statik. Kepelbagaian kaedah dakwah mengubah sikap peserta daripada bosan kepada suka dan minat yang mendalam. Keputusan kajian ini juga menunjukkan minat yang mendalam dan kesungguhan yang tidak berbelah bagi merupakan elemen penting untuk mencapai kejayaan.

Jadual 9: Taburan Responden Mengikut Peratus Dan Purata Mata Dalam Aspek Masalah Penceramah atau Fasilitator

Item	Sangat tidak setuju	Tidak setuju	Sederhana setuju	Setuju	Sangat setuju	Jumlah	Purata mata	Markat
1. Suara penceramah yang menyampaikan isi ceramah kurang jelas	57 (57%)	33 (33%)	7 (7%)	2 (2%)	1 (1%)	100 (100%)	1.57	4
2. Penceramah terlalu dan kurang menggunakan unsur-unsur menarik	57 (57%)	35 (35%)	7 (7%)	1 (1%)	0 (0%)	100 (100%)	1.52	1
3. Penceramah yang disediakan tidak mencapai tahap yang dikehendaki oleh peserta	57 (57%)	34 (34%)	8 (8%)	1 (1%)	0 (0%)	100 (100%)	1.53	2
4. Penceramah kurang berkomunikasi dua hala dengan peserta	37 (37%)	47 (47%)	15 (15%)	1 (1%)	0 (0%)	100 (100%)	1.80	5
5. Penceramah tidak menggunakan alat bantuan dalam penyampaian dakwah	53 (53%)	41 (41%)	5 (5%)	1 (1%)	0 (0%)	100 (100%)	1.54	3

$N=100$

Faktor penceramah atau fasilitator yang disediakan untuk program dakwah ini, didapati nilai purata mata yang dicatatkan adalah di bawah penengah 3. Malah semua aspek mencatatkan bacaan purata di bawah 2 (tidak setuju). Di sini menunjukkan masalah penceramah atau fasilitator tidak timbul sama sekali. Keadaan ini disebabkan oleh pemilihan penceramah dan juga fasilitator adalah di kalangan mereka yang terlatih dalam bidang bimbingan dan kaunseling di daerah masing-masing. Bilangan fasilitator pula adalah mencukupi. Setiap seorang fasilitator membimbing 10 peserta iaitu bilangan yang sesuai bagi mengendalikan sesuatu bengkel perbincangan.³⁰ Bilangan yang sesuai juga akan mewujudkan komunikasi dua hala yang seimbang antara fasilitator dengan peserta. Dapatan kajian ini bertentangan dengan kajian Abdul Munir bin Haji Ismail (2003) yang mendapati masalah kekurangan guru atau tenaga pengajar yang bertugas di penjara menyebabkan program di tempat berkenaan tidak berkesan³¹.

Bagi aspek pengurusan, didapati keseluruhan nilai purata yang dicatatkan adalah di bawah penengah 3 (sederhana setuju). Malah hampir keseluruhan aspek mencatatkan bacaan purata di bawah 2 (tidak setuju). Dapatan menunjukkan purata mata item 1, item 2, item 4, item 5, item 6, item 7, item 8, item 9, dan item 10 purata mata adalah di bawah 2. Cuma item 3 sahaja yang melebihi 2. Itu pun masih di paras antara 2 (tidak setuju) dan 3 (sederhana setuju).

30 Shopuan Anuar bin Ahmad, Penolong Pengarah, di SPI JPS. Temu bual pada 20 Julai 2008 jam 10.30 pagidi Pusat Kokurikulum Sabak Bernam, Selangor

31 Abdul Munir bin Haji Ismail (2003), "Keberkesanan Aktiviti Dakwah Terhadap Banduan Di Penjara Kajang, Selangor" (Disertasi Sarjana Usuluddin Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya)

Jadual 4.19: Taburan Responden Mengikut Peratus Dan Purata Mata Dalam Aspek Masalah Pengurusan

Item	Sangat tidak setuju	Tidak setuju	Sederhana setuju	Setuju	Sangat setuju	Jumlah	Purata mata	Markat
1. Pengurusan urusetia yang tidak cekap	57 (57%)	35 (35%)	6 (6%)	2 (2%)	0 (0%)	100 (100%)	1.53	3
2. Tempat yang diadakan tidak sesuai	49 (49%)	42 (42%)	9 (9%)	0 (0%)	0 (0%)	100 (100%)	1.60	6
3. Tempoh masa program tidak mencukupi	26 (26%)	33 (33%)	27 (27%)	13 (13%)	1 (1%)	100 (100%)	2.30	10
4. Pengisian program tidak mencapai objektif dan kurang sesuai dengan golongan remaja	59 (59%)	37 (37%)	4 (4%)	0 (0%)	0 (0%)	100 (100%)	1.45	2
5. Program yang diadakan kurang menarik	58 (58%)	33 (33%)	7 (7%)	1 (1%)	1 (1%)	100 (100%)	1.54	5
6. Bentuk program yang statik dan tidak berkembang	54 (54%)	41 (41%)	3 (3%)	2 (2%)	0 (0%)	100 (100%)	1.53	4
7. Latar belakang pendidikan peserta yang berbeza memberi masalah dalam program	43 (43%)	47 (47%)	9 (9%)	1 (1%)	0 (0%)	100 (100%)	1.68	7
8. Bahan-bahan dakwah atau kertas kerja yang dibekalkan tidak diperlukan oleh peserta	35 (35%)	38 (38%)	24 (24%)	1 (1%)	2 (2%)	100 (100%)	1.97	9
9. Sesi soal jawab antara peserta dengan penceramah hanya membuang masa sahaja	75 (75%)	24 (24%)	0 (0%)	0 (0%)	1 (1%)	100 (100%)	1.28	1
10. Bengkel perbincangan tidak perlu diadakan kerana ia tidak meningkatkan kefahaman isi ceramah yang disampaikan	45 (45%)	33 (33%)	15 (15%)	1 (1%)	6 (6%)	100 (100%)	1.90	8

$N=100$

Item paling bermasalah ialah tempoh masa program tidak mencukupi dengan bacaan purata mata 2.30. Tempoh masa sesuatu program itu bergantung kepada objektif yang ditentukan dan kaedah penyampaian yang digunakan. Adakala perlu tempoh masa yang panjang dan adakala tempoh masa yang singkat. Justeru, tempoh masa 4 hari dan 3 malam untuk menjalankan kursus ini adalah sesuai dan mencukupi. Item kedua paling tinggi masalah ialah bahan-bahan dakwah atau kertas kerja tidak diperlukan dengan bacaan purata mata 1.97. Di sini menunjukkan bahan-bahan yang disediakan oleh penganjur adalah mencukupi dan sesuai. Peserta dibekalkan dengan bahan-bahan ceramah dan kuliah, nota doa dan zikir serta buku catatan. Bahan-bahan dakwah penting sebagai bahan rujukan ketika kursus dijalankan dan juga setelah tamat kursus. Item ketiga paling tinggi masalah ialah bengkel perbincangan tidak perlu diadakan dengan bacaan purata mata 1.90. Di sini juga menunjukkan bengkel-bengkel yang diadakan dalam kursus ini amat mencukupi dan sesuai.

Bengkel merupakan medan untuk peserta memperincikan perbincangan tentang sesuatu tajuk atau isu yang dibahaskan. Justeru, tajuk-tajuk tertentu telah dipilih antaranya Bahtera Penyelamat, Benang Silaturahmi dan uslub dakwah bagi meningkatkan lagi kefahaman peserta. Item paling rendah masalah ialah sesi soal jawab antara peserta dan penceramah membuang masa sahaja dengan bacaan purata mata 1.28. Di sini menunjukkan peserta amat memerlukan sesi soal jawab dan penganjur perlu menyediakan ruang yang secukupnya untuk peserta. Ini kerana sesi soal jawab sebagai cara untuk menyelesaikan kekeliruan atau masalah yang timbul selepas sesuatu ceramah atau kuliah disampaikan. Ia selaras dengan pelaksanaan kursus ini yang memberi peluang sesi soal jawab bagi meningkatkan lagi kefahaman peserta. Item kedua paling rendah masalah ialah pengisian program tidak mencapai objektif dengan bacaan purata mata 1.45. Keputusan item ini menunjukkan pengisian program selama 4 hari telah mencapai objektif yang ditetapkan oleh penganjur dan peserta tidak berhadapan dengan masalah yang boleh menghalang tercapainya objektif tersebut. Item ketiga paling rendah masalah ialah pengurusan urus setia tidak cekap dengan bacaan purata mata 1.53. Keputusan item ini menunjukkan pengurusan yang baik

akan memberi kesan yang positif terhadap aktiviti dakwah.³² Pelaksanaan program ini dirancang dari awal tahun lagi. Jawatankuasa peringkat negeri dan daerah yang ditetapkan telah membuat perancangan dan persiapan dengan rapi dan kemas.³³

KESIMPULAN

Secara umum, dapatan kajian yang dijalankan ke atas pelajar-pelajar Islam yang mengikuti program dakwah yang telah dianjurkan oleh SPI JPS adalah berada di tahap keberkesanan yang tinggi. Kesemua aspek yang dikaji iaitu aspek hubungan dengan Allah SWT, ilmu dan amal, akhlak dan hubungan sosial serta disiplin diri telah menunjukkan bacaan purata mata melebihi 4 berkesan dan pencong ke arah sangat berkesan. Tahap keberkesanan program dakwah yang tinggi ini disebabkan beberapa faktor, iaitu sikap pelajar sangat positif dan menunjukkan minat yang mendalam terhadap program yang diadakan; Pengisian program yang menyeluruh dapat membina aspek kerohanian, fizikal, membentuk daya kepimpinan, disiplin dan pengurusan masa; Penyediaan penceramah dan guru pembimbing yang mencukupi dan mahir untuk membimbing dan berinteraksi dengan pelajar; Persiapan dan pengurusan yang rapi serta penyediaan bahan kursus yang mencukupi; Bentuk program yang menarik dan tidak statik; Kemudahan prasarana yang lengkap dan sesuai dengan tahap pelajar.

32 Ab Aziz Mohd Zin (2006), *op cit.*, hlm. 287

33 Shopuan Anuar bin Ahmad, Penolong Pengarah, di SPI JPS. Temu bual pada 20 Julai 2008 jam 10.30 pagidi Pusat Kokurikulum Sabak Bernam, Selangor.

RUJUKAN

Abdul Aziz bin Azimullah (1998), *Rahsia Kejayaan Kerjaya*, edisi 2. Kuala Lumpur: Institut Bina Usahawan

Abdul Munir bin Haji Ismail (2003), *“Keberkesanan Aktiviti Dakwah Terhadap Banduan Di Penjara Kajang, Selangor”* (Disertasi Sarjana Usuluddin Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya)

Abdullah Sani Yahaya (2006), *Mengurus Disiplin Pelajar*. Selangor: PTS Profesional.

Nadwah Kepimpinan Islam Sekolah Menengah Peringkat Negeri Selangor 2008 “Buku Catatan”

Danial Zainal Abidin (2006), *Tip-Tip Cemerlang Daripada Quran*, Selangor: PTS Millenia.,

Nadwah Kepimpinan Islam Sekolah Menengah Peringkat Negeri Selangor 2008 “*Himpunan Solat Sunat, Zikir dan Doa*”

Zulkifli Mohamad al-Bakri (2007), *Himpunan Hadis Modal Insan*. Kuala Lumpur: Telaga Biru Sdn Bhd.

HLM.M Tuah Iskandar al-Haj (2007), *Membina Personaliti Terbilang*. Shah Alam: Karya Bestari., hlm.70

Danial Zainal Abidin (2006), *Bahan Berdakwah Untuk Remaja Moden*, edisi 2. Kuala Lumpur: PTS Millenia

Muhammad Mahmud al-Sawwaf (1987), *Dakwah Dan Pendakwah: Dari Al-Quran Kepada Al-Quran*. Abu Huzaifah (terj.). Kuala Lumpur: Dewan Pustaka Fajar

Shopuan Anuar bin Ahmad, Penolong Pengarah, di SPI JPS. Temu bual pada 20 Julai 2008 jam 10.30 pagidi Pusat Kokurikulum Sabak Bernam, Selangor.

**TAPISAN DAN KAWALAN MEDIA CETAK
BERUNSUR ISLAM OLEH JABATAN
KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA (JAKIM):
SUATU PENGAMATAN AWAL**

RADIHAN BIN SAARI

ABSTRAK

Media cetak merupakan satu medium bagi menyampaikan dakwah Islamiah, ilmu pengetahuan, maklumat dan berita. Perkembangan dan peningkatan bahan-bahan penerbitan media cetak dalam negara memerlukan kepada perhatian dan pengawalan sewajarnya agar ianya tidak bercanggah dengan Islam dan mengelirukan orang ramai. Artikel ini bertujuan membincangkan tatacara penapisan dan kawalan media cetak berunsur Islam yang dilakukan oleh Jakim. Jakim melalui Seksyen Kawalan Media, Bahagian Perancangan dan Penyelidikan mengambil tanggungjawab bagi mengkaji, menapis, menganalisa dan mengawal bahan-bahan tersebut. Kajian ini adalah berdasarkan kajian perpustakaan, pengalaman dan tugas penulis dalam bidang ini. Penulis akan membincangkan tatacara kajian media cetak khususnya buku dan mekanisme dalam mengawal media cetak yang disyaki menyeleweng dan meragukan daripada tersebar di kalangan orang ramai. Hasil daripada kajian ini dapat memberi kefahaman mengenai proses kajian dan penapisan serta kawalan yang dilakukan supaya dapat dimantapkan dan ditambahbaik dengan lebih berkesan. Tujuannya bagi

menjaga kesuciaan agama Islam dan pemikiran masyarakat Islam daripada terpengaruh dengan bahan yang menyeleweng dan bertentangan dengan fahaman Ahli Sunnah wa al-Jama'ah (ASWJ).

PENDAHULUAN

Islam adalah agama yang diwahyukan oleh Allah SWT kepada hamba-Nya melalui pesuruhNya Nabi Muhammad SAW. Risalah Islam yang dibawa baginda SAW adalah murni dan sempurna. Namun selepas Baginda SAW dan di zaman *khulafaa' Rasyidin* sudah mula wujud penyelewengan agama kerana beberapa sebab dan faktor tertentu antaranya kerana kejahilan, kepentingan diri, golongan munafik, hasad, agenda politik serta peranan musuh Islam bagi menyelewengkan ajaran Islam dan mengelirukan umat Islam. Di mana isu penyelewengan adalah fenomena yang lama dalam sejarah. Bahkan al-Quran sendiri telah menyatakan penyelewengan kaum-kaum nabi terdahulu yang menyeleweng dari ajaran sebenar.

Perkembangan semasa kehidupan manusia membawa kepada wujudnya perkembangan keilmuan, fahaman dan pemikiran sama ada melalui saluran pertuturan, pendengaran, penyiaran dan penerbitan sehingga wujud dalam bentuk bahan bercetak, audio, visual serta laman sesawang. Media adalah pencetus keilmuan, kefahaman dan mempengaruhi pemikiran masyarakat. Peranan media cetak dalam konteks Islam ialah dakwah, menyatakan kebaikan, keindahan Islam dan ilmu pengetahuan. Kepelbagaian perkembangan ini turut menyebabkan berlakunya penyelewengan yang menyusup masuk dalam fahaman, pemikiran dan bahan terbitan yang ada kalanya menyesatkan dan memesongkan akidah, pemalsuan fakta dan kisah, teori ilmu menyalahi syarak, tafsiran al-Quran dan hadith yang bercanggah dengan *Ahli Sunnah wa al-Jama'ah* (ASWJ) dan sebagainya.

Justeru artikel ini dihasilkan bagi berkongsi pengetahuan dalam prosedur kajian media dan mekanisme pengawalan bahan-bahan penerbitan berunsur Islam khususnya buku-buku yang disyaki menyeleweng dan meragukan daripada tersebar di pasaran. Tujuannya supaya akidah *Ahli Sunnah wa al-Jama'ah* (ASWJ) dan kesuciaan Islam dapat dipertahankan dan diperkasakan mengikut kefahaman Islam yang sebenar.

MEDIA CETAK SEBAGAI MEDIUM DAKWAH

Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat¹, istilah media digambarkan sebagai alat atau perantara komunikasi (perhubungan) seperti televisyen, surat khabar, radio, internet, alat atau saluran komunikasi yang berupa bahan cetak, sebaran am dan terbitan yang dapat menyampaikan maklumat.

Menurut Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984², penerbitan ditakrifkan sebagai:

- dokumen, akhbar, buku dan majalah berkala;
- semua bahan bertulis atau bercetak dan segala-galanya sama ada sifatnya yang serupa dengan bahan bertulis atau bercetak atau tidak mengandungi apa-apa gambaran yang boleh dilihat;
- apa-apa jua yang mengikut rupa, bentuknya atau dengan apa jua cara boleh membayangkan kata-kata atau idea-idea; dan
- rakaman suara iaitu apa-apa bahan yang padanya direkodkan suara manusia atau muzik instrumental atau lain-lain bunyi dan termasuklah piring hitam, pita dan ceper laser.

Media merupakan alat yang menjadi perantara dan penghubung bagi menyampaikan maklumat, pengetahuan, mempengaruhi pemikiran dan kefahaman kepada pembaca dan sasarannya. Peranannya amat penting dalam menyampaikan maklumat dalam pelbagai bidang dan ilmu pengetahuan. Media Islam adalah sebuah media yang berlandaskan ajaran Islam dalam semua aspek dari segi pengisian dan penyampaiannya. Objektif media Islam adalah sebagai saluran dakwah dan keilmuan.

Firman Allah SWT dalam surah Surah Ali-Imran ayat 104:

وَلْتَكُنْ مِنْكُمْ أُمَّةٌ يَدْعُونَ إِلَى الْخَيْرِ وَيَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ وَيَنْهَوْنَ عَنِ الْمُنْكَرِ
وَأُولَئِكَ هُمُ الْمُفْلِحُونَ ﴿١٠٤﴾

1 Kamus Dewan Edisi Keempat, Dewan Bahasa dan Pustaka 2007:1011

2 Lembaga Pendidikan Undang-Undang 2010. Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984 (Akta 301) dan Kaedah-Kaedah. Petaling Jaya : International Law Book Services. Hlm 4-5.

Maksudnya: Hendaklah ada antara kamu satu golongan yang mengajak kepada kebaikan, menyuruh berbuat baik, dan melarang perbuatan mungkar. Dan mereka itulah orang-orang yang beroleh kemenangan).

Penulis dan penerbit media memikul amanah besar dan kebertanggungjawaban terhadap apa yang ditulis, diterbitkan, diedar dan dijual. Kandungan media Islam adalah berlandaskan tuntutan al-Quran dan Sunnah. Justeru penilaian terhadap sesuatu kandungan media adalah penting bagi menapis dan di sini pentingnya ilmu dan kefahaman. Prinsip-prinsip Islam adalah jelas perlu diamalkan kerana ianya berpandukan kepada al-Quran dan Sunnah bagi kebaikan semua pihak.

Peranan media sebagai medium dakwah adalah amat penting kerana ia memerlukan pelbagai pendekatan dan dimensi. Ajaran Islam dan ilmu pengetahuan dapat disalurkan melalui medium media sama ada bahan bacaan, pengajian, maklumat, tontonan dan pendengaran. Konsep dakwah adalah tanggungjawab semua orang Islam, begitu juga dalam pengawalan bahan bercanggah dengan Islam dan manhaj Ahli Sunnah wa al-Jama'ah. Penerbit dan penulis bahan media perlu kepada maklumat yang sahih dan menepati akidah Ahli Sunnah wa al-Jama'ah. Seseorang harus memahami konsep habluminallah (حبل من الله) dan Habluminannas (حبل من الناس) dalam menunaikan amanah dan tanggungjawab dan ianya mempunyai kaitan dengan kehidupan di dunia dan balasan di akhirat.

Kemunculan bahan penerbitan yang memuatkan perkara yang bercanggah dengan ajaran Islam dan manhaj Ahli Sunnah wa al-Jama'ah menunjukkan bahawa musuh-musuh Islam dan aliran bukan Sunni sentiasa merancang untuk memesongkan agama, pengamalan dan kefahaman umat Islam. Antara penulisan teori ilmu yang menyalahi syarak ialah hadith palsu, kisah palsu, tafsiran ayat al-Quran dan hadith bercanggah dengan akidah Ahli Sunnah wa al-Jama'ah dan syariat Islam serta penggunaan akal secara logik dan sebagainya. Firman Allah SWT:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا إِن جَاءَكُمْ فَاسِقٌ بِنَبَأٍ فَتَبَيَّنُوا أَن تُصِيبُوا قَوْمًا بِمِجْهَلَةٍ

فَنُصِيبُوا عَلَى مَا فَعَلْتُمْ تَذَمِينًا ﴿٦﴾

Terjemahan:

Wahai orang-orang yang beriman, jika datang kepada kamu seorang fasiq membawa sesuatu berita, maka selidikilah untuk menentukan kebenarannya supaya kamu tidak menimpakan sesuatu kaum dengan perkara yang tidak diingini dengan sebab kejahilan kamu mengenainya sehingga menjadikan kamu menyesali apa yang kamu telah lakukan.

(Surah Al-Hujuraat 49:6)

TAPISAN BAHAN-BAHAN PENERBITAN BERUNSUR ISLAM

Penerbitan bahan-bahan penerbitan berunsur Islam di pasaran hari ini memerlukan kajian dan pengawalan yang sewajarnya daripada pihak berkuasa agar maklumat yang disebarkan adalah berlandaskan ajaran Islam yang sebenar dan tidak bercanggah dengan fahaman Ahli Sunnah wa al-Jama'ah.

Tugas menapis buku-buku yang dilaksanakan oleh Jakim telah dilakukan sejak tahun 1969 yang ketika itu di bawah Bahagian Penyelarasan & Pentadbiran, Urusetia Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia (MKI). Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) melalui Seksyen Kawalan Media, Bahagian Perancangan dan Penyelidikan mengambil peranan :

- mengkaji, menapis dan menganalisa buku-buku berunsur Islam sama ada berbahasa Melayu, Arab dan Inggeris yang diterbitkan dalam negara atau diimport dari luar negara;
- menyediakan laporan dan perakuan kedudukan kandungan bahan-bahan berkenaan kepada Jawatankuasa Penapisan Bahan-bahan Penerbitan Berunsur Islam, Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia (MKI); dan
- bekerjasama dengan pihak Kementerian Dalam Negeri (KDN) dan Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) bagi memastikan bahan-bahan yang dibawa masuk dari luar negara tidak bercanggah dengan Islam.

BAHAN-BAHAN YANG DITAPIS DAN DIKAJI

Bersesuaian dengan perkembangan teknologi dan kemajuan media massa, tugas penapisan telah diperluas meliputi majalah, akhbar, audio, visual, laman sesawang (internet), filem, digital dan produk atau baranggunaan umat Islam. Kajian dilakukan bagi memastikan isi kandungannya bersih daripada sebarang unsur penyelewengan yang boleh mengelirukan umat Islam negara ini dan bagi mengelakkan daripada masyarakat terpengaruh dengannya. Buku-buku yang dikaji oleh Jakim adalah merangkumi pelbagai bidang seperti akidah, tasawuf, fiqh, pemikiran, sosial, tafsir, sejarah, perubatan, perbomohan, falsafah, buku kreatif, risalah, majalah dan buku kanak-kanak.

Bahan-bahan yang dikaji dan ditapis kebanyakannya diperolehi oleh pegawai-pegawai semasa melakukan pemantauan, daripada KDN, Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN) dan juga daripada orang awam serta inisiatif syarikat penerbitan. Sebahagian syarikat penerbit dan penulis memohon kepada Jakim bagi menyemak kandungan manuskrip bahan sebelum diterbitkan bagi memastikan ianya tidak bercanggah dengan Islam dan garis panduan yang dikeluarkan oleh Jakim. Setiap bahan yang diterima atau diperolehi akan dikaji seterusnya analisa dan laporan kajian disediakan.

Berhubung permohonan masuk buku-buku berunsur Islam dari luar negara ke Malaysia dari pelbagai negara, Jakim menjalinkan kerjasama dengan pihak KDN dalam menapis dan memperaku buku-buku berkenaan. Justeru para pengimport perlu mendapatkan kelulusan dan perakuan daripada Jakim dan KDN terlebih dahulu sebelum dibenarkan dibawa masuk oleh pihak JKDM.

GARIS PANDUAN DAN TATACARA PENAPISAN

Garis panduan dijadikan asas rujukan bagi membantu pengkaji dan Jawatankuasa Penapisan dalam menentukan kesesuaian isu kandungan sesebuah bahan penerbitan supaya tidak menyimpang daripada ajaran Islam yang sebenar. Selain itu ia dapat memberi kefahaman dan penjelasan kepada

penulis, penerbit, pencetak, pengedar dan penjual mengenai aspek-aspek yang diambil kira oleh Jawatankuasa Penapisan Bahan-Bahan Penerbitan Berunsur Islam dalam menapis dan mengkaji bahan penerbitan. Garis Panduan tersebut dikeluarkan oleh Jakim dan diperakukan oleh Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia (MKI). Garis panduan adalah seperti berikut:

- i) Garis Panduan Penapisan Bahan-Bahan Penerbitan Berunsur Islam;
- ii) Garis Panduan Bahan Penerbitan Bercetak dan Audio Visual Berhubung Dengan Unsur-Unsur Yang Bercanggah Dengan Akidah dan Amalan Ahli Sunnah wal Jama'ah;
- iii) Garis Panduan Penapisan Kandungan Bahan-bahan Penyiaran Berunsur Islam; dan
- iv) Garis Panduan Pembuatan, Pengendalian, Penjualan dan Pelupusan Bahan-Bahan Penerbitan dan Perhiasan Yang Mengandungi Ayat-Ayat Suci Al-Quran.

Tatacara kajian dan penapisan media cetak yang dilaksanakan oleh Jakim adalah berdasarkan kepada Garis Panduan Penapisan Bahan-Bahan Penerbitan Berunsur Islam yang telah diperakui MKI. Sepuluh (10) kriteria yang digunapakai dalam garis panduan tersebut ialah³:

- i) Tidak Mengandungi Perkara-Perkara Yang Menyentuh Kesuciaan Islam.
- ii) Tidak Mempromogandakan Akidah, Hukum Dan Ajaran Yang Bercanggah Dengan Mazhab Ahli Sunnah Wal Jama'ah.
- iii) Tidak Mempersendakan Dan Mempersoalkan Kewibawaan Sumber-Sumber Hukum Islam Yang Utama Iaitu al-Quran, Sunnah, Ijmaa' Dan Qias.
- iv) Tidak Bercanggah Dengan Pegangan Mazhab Ahli Sunnah Wal Jama'ah
- v) Tidak Bertentangan Dengan Fatwa Atau Pendapat Jumhur Ulama'
- vi) Tidak Mengandungi Unsur-Unsur Israiliyyat, Khurafat Dan Kebudayaan Karut

- vii) Tidak Menimbulkan Keraguan Dan Kegelisahan Awam
- viii) Tidak Mengandungi Penulisan Ayat-Ayat al-Quran Dengan Tulisan Selain Daripada Bahasa Arab
- ix) Tidak Menyalahi Fakta-Fakta Sejarah
- x) Tidak Mengilustrasikan Gambar-Gambar Para Nabi, Sahabat Yang Empat, Malaikat Serta Memperwatakan Gambar-Gambar Tersebut.

JAWATANKUASA PENAPISAN BAHAN-BAHAN PENERBITAN BERUNSUR ISLAM

Jawatankuasa ini dilantik oleh Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia (MKI)⁴. Jawatankuasa ini pada awalnya dinamakan Jawatankuasa Penapisan Buku-Buku Islam, Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia (MKI) yang ditubuhkan pada 14 Oktober 1986. Perkembangan teknologi dan media massa memerlukan jawatankuasa ini diperluaskan lagi skopnya yang meliputi bahan gunaan berunsur Islam, media penyiaran, audio dan visual. Jawatan kuasa baru yang dinamakan Jawatankuasa Penapisan Bahan-Bahan Penerbitan Berunsur Islam, Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia (MKI) ditubuhkan pada 12 Februari 1996. Jawatankuasa ini berfungsi untuk mengkaji, menyemak dan menilai bahan-bahan penerbitan yang telah dikaji dan diperakukan oleh Jakim. Jawatankuasa akan membuat apa-apa keputusan bagi tujuan pengharaman, perakuan atau lain-lain tindakan yang perlu diambil ke atas bahan-bahan penerbitan yang didapati bercanggah dengan akidah dan syariat Islam dan seterusnya mengesyorkan keputusan yang dicapai untuk diwartakan oleh pihak KDN. Ini bertujuan bagi memastikan bahan penerbitan yang diterbitkan dan diedarkan kepada umum dan pasaran tidak bercanggah dengan Islam dan manhaj Ahli Sunnah wa al-Jama'ah daripada mengelirukan orang ramai.

4 ianya dipengerusikan oleh seorang mufti, seorang timbalan, seorang mufti lain, tiga orang pakar akademik, tiga orang wakil pengarah Jabatan Agama Islam Negeri, Wakil Kementerian Dalam Negeri (KDN), Wakil Polis Diraja Malaysia (PDRM), Wakil Suruhanjaya Komunikasi Multimedia Malaysia (SKMM), Penasihat Undang-Undang Jakim, Pengarah Bahagian Perancangan dan Penyelidikan, Jakim dan Pengarah Bahagian Perhubungan, Jakim.


PROSES TAPISAN DAN KAJIAN

Proses kajian dan tapisan media cetak yang dilaksanakan oleh Jakim akan melalui dua peringkat tapisan iaitu peringkat bahagian dan peringkat Jawatankuasa Penapisan Bahan-Bahan Penerbitan Berunsur Islam, Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia (MKI). Dalam melakukan kajian bahan-bahan penerbitan khususnya buku, panel penyemak telah dilantik bagi membuat semakan, penilaian dan laporan kajian untuk membantu Jakim dalam mengkaji buku-buku mengikut bidang kepakaran masing-masing.

Sekiranya terdapat kandungan yang meragukan laporan akan dikemukakan kepada Mesyuarat Jawatankuasa Penapisan Penerbitan Berunsur Islam, Majlis Kebangsaan Hal Ehwal Islam (MKI). Buku-buku yang didapati melanggar garis panduan tersebut maka Seksyen Kawalan Media, Bahagian Perancangan dan Penyelidikan, Jakim akan menyediakan laporan tapisan dan memanjangkannya kepada Jawatankuasa Penapisan Bahan-Bahan Penerbitan Berunsur Islam. Jawatankuasa ini akan memperakukan sama ada buku yang dikaji dan diragui kandungannya diperaku haram, lulus bersyarat, ditahan atau diperbaiki kandungannya. Laporan yang disediakan oleh Jakim menjadi asas pertimbangan kepada Jawatankuasa untuk membuat sebarang keputusan yang mempunyai kaitan rapat dalam usaha mempertahankan akidah, syariat, pemikiran dan kesuciaan Islam.

Sehingga kini jumlah buku berunsur Islam yang telah diwartakan haram oleh KDN ialah sebanyak 504 buah naskhah yang mencakupi pelbagai bidang. Secara ringkas proses kerja tapisan bahan-bahan Penerbitan Berunsur Islam seperti di carta 1.

Carta 1: Proses Tapisan Bahan-Bahan Penerbitan Berunsur Islam



PROSEDUR KAWALAN MEDIA CETAK BERUNSUR ISLAM

Prosedur yang digunapakai dalam proses pengawalan bahan-bahan penerbitan yang bercanggah dengan Islam adalah berdasarkan kepada Akta Mesin Cetak 1984 (Pindaan 1987) dan Akta Percetakan Teks al-Quran 1986 yang merangkumi perkara iaitu mesin cetak, percetakan, pengimportan, penghasilan, penerbitan dan pengedaran bahan-bahan penerbitan. Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri/ Enakmen Jenayah Syariah Negeri memperuntukkan beberapa seksyen berkaitan dengan beberapa penerbitan agama yang bertentangan dengan hukum syarak. Seksyen berkaitan antaranya ialah seksyen mengenai kesalahan memiliki buku-buku, majalah, dokumen, filem, atau surat-surat yang mengandungi ajaran, fatwa, atau penetapan yang bertentangan dengan syarak, seksyen mengenai kesalahan mencetak, menerbit, dan mengedar penerbitan haram.

Pengawalan bahan-bahan penerbitan adalah berdasarkan garis panduan yang diterbitkan Jakim dan prosedur kemasukan bahan import yang berunsur Islam ke dalam negara perlu mendapatkan kelulusan Jakim terlebih dahulu. Aktiviti pemantauan juga dijalankan bagi mengesan sekiranya masih terdapat buku-buku yang telah diwartakan haram berada di pasaran. Ia juga bertujuan mengenalpasti isu-isu terkini yang mendapat perhatian dan diperbahaskan dalam media cetak. Bagi maksud tersebut, satu jalinan kerjasama diwujudkan dengan pihak KDN di Cawangan Negeri, KDN di Ibu Pejabat, Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN), Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). Aktiviti yang dijalankan sepanjang tahun ialah menjalankan pemantauan menerusi laman sesawang, pemantauan di lapangan secara berkala oleh pegawai Jakim dan pemantauan bersepadu dengan kerjasama agensi kerajaan pusat dan negeri serta menjalin hubungan jaringan agensi di setiap negeri. Pemantauan diadakan di seluruh premis percetakan, penerbitan dan penjualan seperti kedai-kedai buku, kedai barangan gunaan berunsur Islam, tempat ekspedisi buku di seluruh negeri dan lain-lain.

ISU DAN MASALAH DALAM PENAPISAN DAN PENGAWALAN BAHAN-BAHAN PENERBITAN YANG BERCANGGAH DENGAN ISLAM

Fungsi penapisan dan kawalan media semakin berkembang dengan perkembangan media massa dan teknologi semasa. Justeru perlunya pendekatan proaktif dan kesepaduan pendekatan dari pelbagai dimensi. Penglibatan pelbagai agensi dan kerjasama bersepadu akan dapat mengurangkan dan mengawal hal-hal penyelewengan daripada tersebar, agar ianya tidak meracuni dan mempengaruhi pemikiran serta kefahaman masyarakat. Para pegawai perlu kepada latihan untuk meningkatkan kemahiran dan kepakaran mereka. Manakala untuk meningkatkan kecekapan dan keberkesanan sumber maklumat perlu kepada kemudahan peralatan yang canggih.

Antara isu dan masalah yang dikenalpasti sebagai halangan utama dalam pelaksanaan fungsi-fungsi tersebut ialah:

- **Peruntukan Undang-Undang Tidak Digunakan Sepenuhnya**
Kebanyakan negeri mempunyai peruntukan yang khusus dalam Enakmen Pentadbiran Agama Islam/ Enakmen Jenayah Syariah mengenai penerbitan yang bercanggah dengan hukum syarak, namun dari segi pelaksanaannya, peruntukan tersebut masih belum digunakan sepenuhnya bagi membolehkan menyekat pengaruh dan penyebaran bahan-bahan penerbitan yang bercanggah dengan Islam.
- **Kesukaran dan Halangan Dalam Proses Pengharaman Sesebuah Penerbitan**
Proses pengharaman sesebuah bahan penerbitan mengambil masa yang agak lama untuk diwartakan oleh KDN. Akibatnya banyak buku yang didapati bercanggah dengan Islam dan Ahli Sunnah wa al-Jama'ah masih tersebar secara berleluasa tanpa sekatan. Selain daripada proses pengharaman oleh pihak KDN, pewartaan pengharaman terhadap sesebuah bahan penerbitan juga boleh dikeluarkan oleh pihak berkuasa agama negeri.

- **Kekurangan Kakitangan Bagi Melaksanakan Tugas Tapisan Dan Kawalan Bahan Penerbitan**

Jakim dan JAIN mengalami kekurangan kakitangan bagi memfokuskan kerja-kerja kajian media, semakan bahan media dan pemantauan penjualan dan pengedaran di premis.

MEWUJUDKAN FUNGSI PENAPISAN DAN PENGAWALAN YANG MANTAP

Permintaan kepada media cetak dan bahan penerbitan berunsur Islam amat memberangsangkan dan keghairahan para penerbit, penulis, pengedar dan penjual bagi mendapat keuntungan perlu dikawal dari segi kandungan bahannya bagi memastikan supaya ianya tidak bercanggah dengan Islam dan akidah Ahli Sunnah wa al-Jama'ah.

Tindakan yang cekap dan mantap oleh pihak berkuasa agama dalam melaksanakan fungsi tersebut dapat menjamin kesucian Islam dan akidah Ahli Sunnah wa al-Jama'ah. Bagi mewujudkan fungsi penapisan dan pengawalan berkesan, beberapa cadangan perlu diberikan penekanan seperti berikut:

- Melahirkan kepakaran dikalangan pegawai penyelidik dan penambahan bilangan pegawai dalam tugas tersebut.
- Menubuhkan Jawatankuasa Penapisan Bahan-bahan Penerbitan Berunsur Islam diperingkat negeri atau panel khas bagi kajian bidang yang memerlukan kepada kepakaran.
- Memperkemaskan mekanisme penapisan dan pengawalan di semua peringkat seperti membentuk rangkaian sumber maklumat, aduan dan perkongsian risikan.
- Meningkatkan penguatkuasaan dan kawalan terhadap penerbitan yang bercanggah dengan Islam secara bersepadu antara agensi pusat dan negeri.
- Menyelaraskan aktiviti kawalan dan penguatkuasaan berasaskan Enakmen Pentadbiran Islam/ Enakmen Jenayah Syariah Negeri-Negeri, Akta

Mesin Cetak dan Penerbitan 1984 (1987) dan Akta Percetakan Teks al-Quran 1986.

- Mempercepatkan proses pewartaan terhadap bahan penerbitan yang telah diperakukan pengharamannya di semua peringkat negeri.
- Mengadakan taklimat mengenai bahan penerbitan yang bercanggah dengan Islam kepada semua penerbit, pengedar, pencetak dan penjual.

KESIMPULAN

Penyebaran secara meluas bahan penerbitan media cetak yang bercanggah dengan Islam dan fahaman Ahli Sunnah wa al-Jama'ah boleh mengelirukan kefahaman masyarakat Islam dan berpotensi membawa kepada penyelewengan dan kemunculan ajaran sesat⁵. Dengan ini memberi peluang kepada musuh Islam dan aliran bukan Ahli Sunnah wa al-Jama'ah bagi menghancurkan golongan aliran Ahli Sunnah wa al-Jama'ah dan memecahbelahkan perpaduan umat Islam. Aliran Sunni merupakan aliran perdana umat Islam negara ini yang perlu dipertahankan dan diperkasakan. Proses dan tatacara kajian dan semakan bahan-bahan penerbitan berunsur Islam hendaklah sentiasa dipertingkatkan dengan keperluan kehendak semasa. Para pegawai penyelidik media perlu kepada latihan dan pembelajaran secara berterusan. Bagi menjayakan tapisan dan kawalan media, pegawai penyelidik perlu memberi komitmen yang tinggi dalam melakukan kajian dan penyelidikan supaya bahan media yang menyeleweng dan bercanggah dengan syariah islam dapat dihalang daripada tersebar kepada orang awam.

5 Ajaran sesat ialah sebarang ajaran atau amalan yang dibawa oleh orang-orang Islam atau bukan Islam yang mendakwa bahawa ajaran dan amalan tersebut adalah ajaran Islam atau berdasarkan kepada ajaran Islam sedangkan hakikat ajaran dan amalan yang dibawa itu bertentangan daripada Islam yang berdasarkan al-Qur'an dan al-Sunnah serta juga bertentangan dengan ajaran ahli Sunnah wal jamaah.

RUJUKAN

- Al-Baghdadi, Abdul Qahir b Tahir b Mohamad, t.t. '*al-Farq Baina al-Firqah*'
Kaherah: Maktabah al-Taufiqiah.
- Dr Ali Jum'ah. 2005. *al-Bayan Lima Yasghilu al-Azhan*. Kaherah: al-Muqattam lilnashr wa Tauzi. Hlm. 133-137.
- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, cet. ke-2, 2002. '*Garis Panduan Penapisan Bahan-Bahan Penerbitan Berunsur Islam*' Putrajaya: Jakim.
- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, Cet. Ke-2, 2008. '*Garis Panduan Bahan Penerbitan Bercetak Dan Audio Visual Berhubung Dengan Unsur-Unsur Yang Bercanggah Dengan Akidah Dan Amalan Ahli Sunnah Wal Jama'ah*' Putrajaya: Jakim.
- K.H. Sirajuddin Abbas, 2006. '*T'iqad Ahli Sunnah Waljama'ah*', Kota Bharu: Pustaka Aman Press Sdn Bhd.
- Lembaga Penyelidikan Undang-Undang, 2010. '*Akta Mesin Cetak Dan Penerbitan 1984 (Akta 301) Dan Kaedah-Kaedah*', Petaling Jaya: International Law Book Services.
- Mohamad Tatai. 1994. '*Idah al-Maani al-Khafiah fi al-Arbain al-Nawawiyyah*', Kaherah: Dar al-Wafa'.
- Mohd Yusuf Ahmad, Cet ke-2, 1995. '*Perkembangan Mazhab-Mazhab Ilmu Kalam Dalam Islam*', Kuala Lumpur: Yadim.
- Muhammad 'Uthman el-Muhammady, 1996. '*Sejarah dan Konsep Ahli's-Sunnah wa'l-Jamaah*', Kuala Lumpur: BAHEIS, JPM.
- Sayyid Mohamad Alawi al-Maliki, Cet. ke-10, 1995. '*Mafahim Yajib an Tusahiha*', Dubai: Daerah al-Auqaf wa as-Syuun al-Islamiyyah.
- Shad Saleem Faruqi & Sankaran Ramanathan (Peny.). 2000. *Undang-Undang Dan Peraturan Media Di Malaysia*. Singapura: Asian Media Information and Communication Centre.

PENGARUH MAJALAH HIBURAN KEPADA AKHLAK REMAJA

**MOHD ZAMIR BIN BAHALL
KHAIRUL ANWAR BIN MASTOR
HASNAN BIN KASAN**

ABSTRAK

Majalah hiburan sering dikaitkan sebagai penyebab dan faktor yang mempengaruhi penglibatan golongan remaja dalam gejala sosial. Pernyataan dan andaian sebegini wajar dikaji dan diperhalusi kerana memberi implikasi yang besar dan signifikan kepada pengamal media cetak, penggerak jentera kerajaan, pembuat dasar, dan masyarakat awam yang amat menitikberatkan budaya murni dan tatasusila ketimuran. Justeru, kaedah kajian teks digunakan sebagai metodologi kajian bagi menganalisis isi kandungan majalah hiburan untuk mengenal pasti aspek membina dan merosakkan dari sudut akhlak dan tasawwur remaja. Hasil dapatan menunjukkan aspek membina akhlak didapati lebih banyak namun berkeadaan tidak langsung, tetapi aspek merosakkan akhlak adalah lebih ketara dan disengajakan. Manakala analisis aspek membina tasawwur mendapati ia lebih bersifat bermusim dan secara tidak langsung. Ini berbeza dengan aspek merosakkan dari sudut tasawwur yang dipaparkan dengan lebih menonjol dan berani. Kesimpulannya, aspek merosakkan dari kedua-

dua sudut iaitu akhlak dan tasawwur, lebih mendominasi dalam paparan isi kandungan majalah hiburan berbanding aspek membina.

PENDAHULUAN

Akhlak merupakan perkara yang cukup penting terutama dalam membentuk perwatakan, penampilan dan personaliti seseorang. Sebarang elemen positif atau negatif yang berupaya mencorak kedua-dua perkara ini, walau sekecil mana pun, harus diberi perhatian dengan sewajarnya. Ini penting supaya akhlak tidak berkembang dalam sahsiah remaja ke arah yang salah dan menyeleweng. Lebih-lebih lagi, ia mampu bersebat dalam diri sehingga bertukar menjadi satu bentuk budaya hidup dan sistem nilai.

AKHLAK

Akhlak merupakan suatu perkara yang penting dalam membentuk keperibadian seseorang. Tanpa akhlak yang mulia dan budi pekerti yang tinggi, seseorang itu bukan sahaja dipandang hina dan dibenci oleh manusia malahan boleh menjerumuskan dirinya ke dalam kebinasaan dan kerosakan. Di samping itu juga, keburukan akhlak seseorang boleh mengancam kedamaian dan keharmonian hidup masyarakat disekelilingnya. Lantaran itulah, persoalan akhlak merupakan sesuatu yang amat dititikberatkan oleh mana-mana bangsa di dunia ini yang ingin mencapai kecemerlangan dan keunggulan tamadun mereka.

Agama Islam sejak daripada awal lagi sudah menekankan persoalan akhlak dalam pembentukan diri seorang Muslim yang sejati. Bahkan salah satu tujuan utama diutus Rasulullah SAW kepada umat manusia adalah untuk membentuk kesempurnaan akhlak, ketinggian peribadi dan kemuliaan budi pekerti. Sabda Rasulullah SAW yang bermaksud:

“Sesungguhnya aku telah diutuskan bagi melengkapkan akhlak yang mulia.” (Riwayat Imam Ahmad, al-Hakim dan al-Baihaqi)¹

1 ¹Abdullah Nasih ‘Ulwan. 1998. *Pendidikan Anak-anak Menurut Pandangan Islam*, hlm. 299. Jil. 1. Terj. Kuala Lumpur: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.

Antara ciri khas akhlak Islam ialah kesempurnaannya dan luas bidangnya yang meliputi semua aspek perbuatan manusia sama ada perbuatan itu berkaitan dirinya, orang lain ataupun yang berkaitan dengan institusi keluarga, masyarakat dan negara. Tidak ada sesuatu perbuatan manusia yang terkeluar dan tidak diatur oleh peraturan akhlak dalam Islam. Dengan lain perkataan, kesyumulan akhlak Islam ialah ia tidak terpisah daripada semua bidang kehidupan manusia. Islam menetapkan satu neraca yang sama terhadap seluruh tindak-tanduk manusia. Akhlak Islam tidak mengiktiraf sebarang pemisahan dalam menetapkan penilaian ini. Sebagai contoh, Islam menolak pengiktirafan berakhlak mulia kepada seseorang yang baik tutur katanya, tidak berkasar kepada ibu bapa dan menghormati tetamu, tetapi dalam waktu yang sama memakan harta anak yatim, pecah amanah dan merampas hak orang lain. Oleh itu, apa yang dikatakan seseorang itu berakhlak mulia ialah ketika mana setiap tindak tanduknya tidak bercanggah dengan hukum-hakam Islam sehingga jelas cahaya keindahan Islam menerusi tingkah lakunya.

Topik dan isu yang paling banyak terkandung di dalam majalah-majalah hiburan adalah yang berkaitan dengan unsur akhlak seperti sikap, penampilan, gaya hidup, tingkah laku, pengurusan masa dan sebagainya. Lantaran itu, bukanlah suatu yang mengejutkan sekiranya ada dalam kalangan pembaca atau remaja yang terpengaruh dengan paparan atau mesej yang ingin disampaikan sama ada pengaruh tersebut positif mahupun negatif.

UNSUR MEMBINA

Terdapat juga unsur membina dalam majalah hiburan antaranya adalah:

1. Mengemukakan maklumat berguna

Terdapat maklumat dan panduan yang berguna yang terkandung dalam majalah hiburan khususnya ke arah penjagaan kesihatan tubuh badan dan gaya hidup sihat seperti mengelakkan keracunan makanan dan cara melawan penyakit. Pendedahan seumpama ini sememangnya

amat digalakkan kerana ia membina kesedaran dan kefahaman kepada pembaca tentang pentingnya menjaga kesihatan diri. Cara penyampaiannya yang mudah dan ringkas berjaya menarik perhatian pembaca, tambahan pula jauh daripada penggunaan istilah-istilah sains atau perubatan yang sukar difahami. Majalah *Remaja* menyediakan ruangan khas iaitu *Info Imej* dan *grooming* yang banyak mengutarakan maklumat kesihatan. Selain itu, maklumat berguna juga banyak terdapat seperti dalam artikel *Tips hidup sihat*².

Adalah sesuatu yang perlu diakui bahawa elemen kecantikan diri mendapat tempat yang utama dalam majalah hiburan. Kemungkinan besar ia berkait rapat dengan pendekatan majalah hiburan yang lebih berorientasikan penampilan yang menarik daripada para personaliti dan selebriti. Apatah lagi ia merupakan daya penarik bagi melariskan jualan majalah dan membina komuniti peminat. Kekaguman pembaca terhadap kecantikan para artis dan personaliti turut dieksploitasi dengan menghidangkan input berkaitan rahsia kecantikan mereka. Antaranya paparan yang serba terperinci berkenaan penjagaan tubuh badan seperti kaedah melangsingkan badan, pemutihan kulit, rawatan wajah, kuku dan sebagainya.

Majalah *URTV* dan *Media Hiburan* didapati paling banyak menggunakan model penjagaan kesihatan yang terdiri daripada artis dan idola pembaca. Secara positifnya, ia sebagai tarikan dalam memberi kesedaran dan penekanan tentang pentingnya menjaga kesihatan. Ini dapat dilihat dengan jelas menerusi artikel *Maizurah berurut sejak anak dara – rahsia kecantikan artis*³ dan *Teringat zaman kanak-kanak*⁴. Fokus paparan seumpama ini bukan setakat artis-artis atau rakyat tempatan sahaja bahkan merangkumi selebriti dari Barat khusus berkenaan penjagaan kesihatan. Cuma bezanya ia tidaklah terlalu banyak dan kerap disiarkan sebagaimana artis tempatan. Ini dapat dilihat dalam artikel *Jadual pemakanan bintang Emergency Room (ER)*⁵ dan *Rahsia*

2 *ibid.*, hlm. 14-15.

3 *URTV* 1-15 Mac 2002: 18-19.

4 *URTV* 15 – 31 Jan 2001: 14.

5 *Media Hiburan* 24-30 Mac 2001: 24-25.

*kecantikan celebrity Hollywood*⁶. Selain maklumat penjagaan kesihatan, tidak ketinggalan juga terdapat maklumat-maklumat berfaedah yang lain dalam majalah hiburan seperti teknologi maklumat dan komunikasi (ICT). Ini terdapat dalam *Infonet*⁷ dan *Personal homepage*⁸.

Maklumat dan panduan tentang ICT dan internet amatlah berguna kepada golongan muda khususnya remaja kerana dapat membendung penyalahgunaan dan jenayah siber. Remaja yang tidak disedarkan tentang tanggungjawab sosial akan mudah terjebak dengan gejala yang tidak sihat menerusi penggunaan internet. Mesej yang tersirat di sebalik paparan ICT dalam majalah hiburan lebih cenderung kepada menyeru memanfaatkannya untuk kebaikan, memelihara adab dan menjauhi menyalahgunakan kemudahan. Perlulah diakui bahawa mesej membina yang terdapat dalam maklumat ICT yang disiarkan dalam majalah hiburan adalah sesuatu yang amat baik dan terpuji. Keghairahan golongan muda kepada dunia siber dapat dipandu ke arah yang positif agar ia tidak mendatangkan sebarang mudarat kepada diri sendiri, masyarakat dan negara.

2. Fokus kepada aktiviti-aktiviti luar

Liputan aktiviti-aktiviti luar seperti riadah, rekreasi dan sukan yang dipaparkan secara menarik dan bergambar dapat menimbulkan perasaan ingin turut serta, seterusnya dapat mengelakkan remaja terjerumus ke dalam aktiviti yang kurang sihat dan merugikan. Jiwa dan peringkat remaja yang penuh dengan rasa ingin mencuba dan gemar kepada aktiviti luar, berjaya dimanfaatkan dengan sebaik-baiknya iaitu dengan menyalurkan maklumat-maklumat menarik tentang aktiviti luar yang boleh disertai oleh mereka.

Selain liputan terperinci, para pembaca juga dihidangkan dengan teknik dan maklumat berguna tentang sesuatu aktiviti atau sukan tersebut. Ini secara tidak langsung meluaskan pengetahuan pembaca dan menarik

6 URTV 15-31 Dis 2000: 68.

7 Remaja 15 Dis 1998: 18.

8 Remaja 15 Mei 1998: 46.

minat mereka untuk mengenali aktiviti kegemaran mereka dengan lebih lanjut. Fokus remaja kepada aktiviti sukan atau riadah yang berfaedah sekurang-kurangnya dapat mengelakkan remaja daripada terjebak kepada anasir yang tidak sihat seperti lumba haram dan berpeleseran tidak tentu hala tujuan. Para pembaca didapati semakin tertarik untuk melibatkan diri dengan sesuatu aktiviti sama ada dianjurkan oleh pihak majalah atau pihak luar apabila ia melibatkan artis-artis kesayangan mereka dan ini adalah sesuatu yang positif. Unsur membina ini didapati terkandung dalam *Silat Randai Minang: kombinasi silat & tarian*⁹ dan *Kristal- berkelah eratkan persahabatan*¹⁰.

Hasil pemerhatian, didapati bahawa gabungan antara artis dan aktiviti luar berjaya menarik minat dan mendorong golongan remaja melibatkan diri secara aktif. Keakraban yang diwujudkan sama ada menerusi sesuatu program atau melalui kelab rakan artis dapat menyerap semangat kegigihan dan kejayaan para artis kepada remaja. Cuma kemungkinan beberapa acara dalam program Bersama Artis yang perlu dikaji semula disebabkan terlalu bebas percampuran antara lelaki dan perempuan dan tema berpakaian yang kurang sesuai seperti pakaian tidur dan pakaian di tepi pantai. Namun secara keseluruhannya, aktiviti dan program luar ini berjaya mengumpul para remaja khususnya peminat selebriti kepada perkara yang positif seperti meluaskan rakan taulan, membina semangat berpasukan dan menimba pengalaman yang berharga.

3. Memberi panduan kehidupan

Sesungguhnya terdapat unsur nasihat yang berguna dan seruan supaya berakhlak mulia ketika bergaul yang disampaikan sama ada secara langsung mahupun sebaliknya. Dalam kes majalah *Media Hiburan*, ruangan berkenalan adalah sarat dengan nasihat kerana dimasukkan ruang ‘pesan untuk remaja’ yang wajib diisi oleh setiap pembaca yang ingin menyertainya. Oleh itu, adalah diakui bahawa wujudnya kata-kata nasihat, renungan dan pedoman hidup yang dirasakan amat memberi

9 Remaja 15 Nov 2001: 75-77.

10 Media Hiburan 22 Mei – 2 Jun 2000: 46-47.

makna kepada pembaca. Namun terhad kepada ruangan-ruangan seperti ini sahaja.

Dalam masa yang sama, nasihat dan panduan yang diselitkan adalah bertujuan supaya segala tindakan atau keputusan yang diambil oleh golongan remaja dalam menjalani kehidupan seharian bukanlah sesuatu yang silap, sebaliknya ia mendatangkan kebaikan jangka panjang dengan tidak memudaratkan diri sendiri dan orang lain. Nasihat dan panduan sebegini amatlah penting dan berguna, lebih-lebih lagi bagi golongan remaja yang lazimnya suka menurut rasa hati dan perasaan sahaja. Nasihat yang diberikan berulang kali dirasakan dapat memberi kesedaran kepada pembaca khususnya golongan remaja betapa pentingnya ia diberi perhatian. Adalah diakui bahawa amat banyak nasihat dan pedoman yang diberikan terutama yang melibatkan diri remaja dan isu semasa. Cuma apa yang menyedihkan, unsur membina ini hanya terdapat dalam ruangan-ruangan tertentu sahaja dan tidak menyeluruh ke semua isi kandungan majalah. Antara nasihat berguna yang dikenal pasti ialah seperti berikut:

A. Bijak berbelanja

Berjimat cermat khususnya dalam urusan kewangan sangatlah dituntut di dalam Islam. Ajaran Islam melarang umatnya bersikap boros dan membazir sehingga menyamakannya dengan perbuatan rakan syaitan. Ini dinyatakan dengan jelas menerusi firman Allah SWT yang bermaksud:

إِنَّ الْمُبَذِّرِينَ كَانُوا إِخْوَانَ الشَّيَاطِينِ وَكَانَ الشَّيْطَانُ لِرَبِّهِ
كَفُورًا

“Janganlah kamu bertindak membazir, kerana pembazir itu adalah rakan syaitan dan syaitan itu adalah sangat ingkar kepada Tuhannya”
(Al-Isra’:27)

Memandangkan golongan remaja masih dalam penjagaan dan tanggungan keluarga maka sewajarnya elemen jimat cermat dan bijak berbelanja ini dihayati dengan sepenuhnya. Ini penting supaya dapat menghindarkan segala pembaziran perbelanjaan daripada sumber pendapatan keluarga. Tambahan pula mereka masih dalam peringkat menuntut ilmu yang memerlukan perbelanjaan yang banyak dan berkualiti. Sekurang-kurangnya kematangan dalam berbelanja dapat dipupuk menerusi nasihat dan panduan yang berguna. Dalam hal ini, didapati elemen bijak berbelanja disampaikan oleh kebanyakan majalah hiburan menerusi kedua-dua pendekatan iaitu secara langsung dan tidak langsung. Lantaran itu maka galakan supaya bijak berbelanja dan tidak membazir wang terkandung dalam pelbagai versi artikel, antaranya *Bergayut di telefon membazirkan!*¹¹ dan *Sejauhmanakah remaja bijak berbelanja?*¹².

B. Jauhi cinta palsu

Perasaan kasih sayang dan saling cinta-mencintai antara sesama insan hendaklah berdasarkan cinta yang suci iaitu cinta yang diredhai Allah SWT dan bukan kerana sesuatu kepentingan kebendaan atau hawa nafsu semata-mata. Sesungguhnya kasih sayang Allah SWT adalah lebih bermakna dan bermanfaat daripada kasih sayang sesama makhluk. Ini kerana apabila Allah SWT mencintai dan mengasihi seseorang itu maka keredhaan dan kurniaan-Nya pasti akan berlipat kali ganda dan kebahagiaan hidup di dunia dan di akhirat akan terjamin.

Ini amat berbeza dengan kasih sayang sesama makhluk. Selain ia tidak menjamin kebahagiaan hidup di akhirat kerana kemungkinan orang yang sedang berkasih sayang sanggup melakukan dosa dan maksiat, kasih sayang sesama makhluk juga boleh bertukar menjadi benci dan musuh. Ini kerana hati manusia adalah bersifat tidak tetap dan sering berbolak-balik. Atas sebab itulah maka kita disuruh

11 Remaja 1 Julai 1998: 34-35.

12 Media Hiburan 14-20 Dis 2002: 32.

supaya sentiasa berdoa kepada Allah SWT agar menetapkan hati dan pendirian kita daripada diselewengkan oleh tipu daya syaitan dan hasutan hawa nafsu.

Kebanyakan elemen ini disampaikan dalam bentuk penceritaan dan kisah untuk teladan yang mengandungi panduan supaya jangan korbakan diri demi cinta. Di samping itu, terdapat juga pendekatan yang disampaikan secara terus terang, cuma bezanya ia lebih tertumpu kepada coretan dan nukilan wartawan hiburan untuk direnungi oleh pembaca. Memandangkan golongan remaja masih mentah dalam persoalan cinta maka teladan dan iktibar yang dipaparkan berupaya menjadi benteng pertahanan diri daripada terjebak dengan cinta palsu yang akhirnya membawa kepada pengabaian tanggungjawab menuntut ilmu. Unsur yang membina ini terkandung dalam artikel *Kerana nafsu, cinta fariiedz kukhianati*¹³ dan *Yang dipuja milik orang*¹⁴.

C. Meminta nasihat

Dalam mengharungi pancaroba kehidupan, kita sering kali dilanda masalah dan musibah. Bagi memastikan diri kita tidak tersalah membuat keputusan yang boleh merosakkan diri sendiri dan orang lain, maka Islam menganjurkan kepada kita supaya meminta nasihat, pandangan dan panduan daripada mereka yang lebih arif dan berpengalaman. Ini bertepatan dengan firman Allah SWT yang bermaksud:

وَمَا أَرْسَلْنَا مِنْ قَبْلِكَ إِلَّا رِجَالًا نُوْحِيْ اِلَيْهِمْ فَسْئَلُوا اَهْلَ
الدِّكْرِ اِنْ كُنْتُمْ لَا تَعْلَمُوْنَ ﴿٤٣﴾

“... Maka bertanyalah kepada orang yang mempunyai pengetahuan jika kamu tidak mengetahui” (An-Nahl 16:43)

13 Remaja 15 Nov 2001: 80-82.

14 ibid., hlm. 64-65.

Manakala dalam sebuah hadith bahawa Rasulullah SAW pernah bersabda yang bermaksud:

“Mintalah petunjuk daripada orang yang berakal maka kamu akan memperoleh petunjuk dan janganlah kamu menyalahinya agar kamu tidak menyesal” (Riwayat al-Khatib)

Sumbangan bernilai pihak majalah hiburan dalam hal ini ialah mengadakan ruangan khidmat nasihat dan kaunseling kepada pembaca khasnya remaja bermasalah seperti masalah sumbang mahram dan konflik cinta. Sebagai contoh, majalah Remaja mengadakan ruangan *Problem Gadis*¹⁵ dan *Problem Lelaki*¹⁶, manakala bagi majalah Mangga pula menerusi ruangan *Bicara Hati – Kaunseling bersama Kak Aniss*¹⁷. Dengan adanya ruangan-ruangan sebegini, ia menyediakan alternatif kepada remaja untuk menyuarakan segala permasalahan bagi mendapatkan penyelesaian atau sekurang-kurangnya mengembalikan kekuatan diri bagi menghadapi dugaan hidup. Ini merupakan pendekatan tidak langsung yang memberi kesedaran bahawa masih ada ruang untuk para remaja membetulkan diri dan menyelesaikan segala permasalahan hidup. Selain itu, ruangan *Motivasi* dalam majalah Remaja berupaya membentuk keyakinan diri ke arah menjadi remaja yang berketerampilan dan kuat jati dirinya. Sungguhpun demikian, elemen sebegini juga terdapat dalam majalah-majalah hiburan lain, cuma bezanya ia tiada ruangan tetap. Antara artikel yang mengandungi unsur positif ini ialah dalam *Bercinta hanya setelah bersedia*¹⁸ dan *Bangkit dari kecewa! - Motivasi*¹⁹.

15 Remaja 15 Nov 2001: 58-59.

16 Remaja 15 Feb 1998: 86-87.

17 Mangga April 20002: 84.

18 Remaja 15 Ogos 2002: 150.

19 Remaja 1 Sept 2001: 14.

4. Menjelaskan keburukan fitnah

Fitnah adalah satu sifat yang amat keji dan ditegah sama sekali oleh Islam. Fitnah bukan sahaja satu pembohongan malah merupakan satu bentuk penindasan dan penganiayaan kepada orang yang menjadi mangsa fitnah. Fitnah boleh menukar dua sahabat karib menjadi musuh yang paling dibenci, fitnah boleh menukar hubungan suami isteri yang berkasih sayang menjadi porak-peranda dan bercerai-berai, fitnah boleh menukar hidup yang aman damai menjadi huru-hara dan peperangan, fitnah juga boleh menukar perpaduan ummah menjadi perpecahan dan permusuhan.

Pendek kata, fitnah berupaya mengubah sesuatu keadaan yang baik kepada satu keadaan yang lebih buruk, dahsyat dan membinasakan. Atas sebab itulah maka Allah SWT menjanjikan azab yang pedih kepada pencetus fitnah dan orang yang menyebarkan. Firman Allah SWT yang bermaksud:

وَالَّذِينَ يُؤْذُونَ الْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ بَغَيْرِ مَا اكْتَسَبُوا
فَقَدْ أَحْضَلُوا بُهْتَنَا وَإِنَّمَا مِثْلُنَا ۝٥٨

Dan orang-orang yang mengganggu serta menyakiti orang-orang lelaki yang beriman dan orang-orang perempuan yang beriman dengan perkataan atau perbuatan yang tidak tepat dengan sesuatu kesalahan yang dilakukannya, maka sesungguhnya mereka telah memikul kesalahan menuduh secara dusta, dan berbuat dosa yang amat nyata.
(Al-Ahzab 33:58)

Penekanan unsur menjauhi fitnah oleh majalah hiburan merupakan satu langkah yang terpuji. Ia secara tidak langsung mendidik pembaca agar jangan sama sekali melibatkan diri dengan unsur sedemikian. Ini kerana ia bukan sahaja menyalahi ajaran agama malahan bercanggah dengan nilai ketimuran dan norma-norma kehidupan yang sihat. Cuma pendekatan yang digunakan dalam majalah hiburan adalah lebih mirip

kepada kisah dan pengalaman artis atau selebriti. Kemungkinan ia lebih hampir kepada realiti kehidupan untuk dijadikan iktibar dan pedoman untuk pembaca. Apa yang pastinya paparan sebegini menyedarkan pembaca betapa fitnah telah membawa bukan sedikit kerosakan dan kemusnahan kepada keharmonian hidup insan. Unsur membina supaya menjauhi dan jangan mempercayai fitnah didapati dalam artikel *Zila bukan playgirl*²⁰ dan *Kadang-kadang rasa nak berhenti menyanyi - Noraniza*²¹. Dalam masa yang sama, kedapatan juga artikel yang mengandungi mesej yang menekankan perlunya bersikap jujur dalam pergaulan dan bijak memilih kawan. Ini adalah langkah pertama dalam membentuk diri menjadi insan yang bebas dari gejala fitnah sama ada sebagai mangsa atau penyebabnya. Dengan kata lain, menghayati sikap sedemikian adalah penyelesaian kepada kemelut fitnah-memfitnah yang berlaku. Antara artikel yang mengandungi mesej membina ini ialah dalam *Dapat yang baru yang lama disisihkan*²², *Cita-citanya dah tercapai*²³ dan *Berhati-hati pilih kawan*²⁴.

5. Fokus kepada isu gejala sosial

Memberi fokus yang utama kepada hal-hal yang berkait rapat dengan gejala sosial adalah sesuatu yang membina dan bermanfaat kepada para pembaca. Tambahan pula pemfokusan yang dilakukan adalah meliputi dari sudut psikologi, sosiologi dan perundangan untuk tujuan kesedaran dan mengelakkan daripada ia terus berlaku seperti fokus kes sumbang mahram. Bagi majalah *Remaja*, ruangan *Bicara Hati* sering dijadikan nukilan atau luahan bagi sesiapa yang terlibat dengan masalah sosial. Begitu juga dalam majalah *Media Hiburan* menerusi ruangan *Pengakuan* di mana pelbagai bentuk gejala sosial dinukilkan dari sumbang mahram hinggalah ke seks luar tabi'i.

20 Mangga Ogos 1999: 16.

21 URTV 15–30 April 2000: 14-15.

22 Media Hiburan 27 Mei – 2 Jun 2000: 28.

23 ibid.

24 ibid.

Cuma apa yang agak terkilan ialah keghairahan pihak majalah memilih dan memaparkan isu-isu semasa yang berkaitan seks sahaja. Sedangkan seperti yang kita sedia maklum bahawa gejala sosial ada pelbagai jenis seperti penagihan dadah, lari dari rumah, vandalisme, samseng, pil khayal, lumba haram, lepak dan seumpamanya. Namun demikian daripada pemerhatian didapati bahawa isu-isu gejala sosial yang paling banyak diketengahkan ialah masalah sumbang mahram, berzina, rogol, bersekedudukan, liwat, oral seks, gay, gigolo dan lesbian yang kesemuanya berorientasikan seks.

Sungguhpun tujuan dipaparkan adalah berniat murni iaitu sebagai pedoman dan teladan pihak pembaca, namun ada kalanya tiada sebarang nasihat atau ulasan yang diberi di akhir artikel berkenaan. Ia semata-mata kisah benar atau cerita untuk dibaca secara santai dan seolah-olah terpulangkepadapara pembaca untuk menilainyasamaada dari segi positif atau sebaliknya. Apa yang ditakuti ialah paparan kisah-kisah sedemikian memberi idea dan rangsangan kepada pembaca untuk melakukan perkara yang sama. Lebih membimbangkan lagi apabila dinukilkan secara terperinci bagaimana satu-satu kejadian itu berlaku dan apa muslihat yang digunakan. Ia boleh diibaratkan seperti mengajar orang lain untuk melakukan jenayah sosial.

Adalah dirasakan isu penagihan dadah seharusnya diberi penekanan yang lebih kerana ia melibatkan golongan remaja dan masa depan negara. Tambahan pula, kebanyakan kes jenayah yang berlaku di negara ini adalah didalangi oleh penagih dadah. Berdasarkan Buku Laporan Tahun 2002 Agensi Dadah Kebangsaan Malaysia, dinyatakan bahawa mengikut Indeks Jenayah PDRM (2001) sebanyak 65 peratus kes jenayah yang berlaku di Malaysia adalah angkara penagih-penagih dadah.

Jika diteliti, ia begitu menakutkan lebih-lebih lagi kepada masa depan dan survival masyarakat Islam. Sangatlah wajar jika isu penagihan dadah ini diberi keutamaan dalam ruangan fokus di majalah-majalah hiburan. Namun perkara yang sebaliknya berlaku di mana isu sumbang mahram yang menjadi keutamaan dan diberi liputan berulang kali

sehingga ramai pembaca yang meminta ia dikurangkan dan digantikan dengan isu-isu gejala sosial yang lain.

Walau bagaimanapun, kesediaan pihak majalah hiburan memberi fokus kepada isu-isu gejala sosial yang banyak melibatkan golongan remaja sememangnya baik dan terpuji. Majalah *Remaja* didapati memberi fokus dan ulasan yang agak serius dan bersungguh-sungguh serta lebih terarah dalam membicarakannya. Berbanding dengan majalah-majalah hiburan yang lain, didapati ia lebih bersifat penceritaan dan pengalaman yang dialami oleh seseorang personaliti atau artis. Pendekatan sebegini adalah kurang mantap dalam konteks mengambil berat isu semasa atau gejala sosial. Ini kerana lazimnya isu gejala sosial hanya disentuh secara tidak sengaja atau bersifat kebetulan sahaja iaitu apabila kisah atau pengalaman personaliti berkenaan ada kaitan dengan isu semasa atau gejala sosial. Sekiranya tiada kaitan maka tiadalah sebarang ulasan atau fokus yang diberikan walau seburuk mana gejala sosial yang melanda golongan remaja dan masyarakat pada masa itu.

Secara keseluruhannya, unsur membina yang dapat memberi kesedaran dan pedoman kepada pembaca berkaitan isu semasa dan gejala sosial sama ada secara langsung atau tidak langsung dapat diikuti dalam artikel *Bapa rogol anak, abang rogol adik*²⁵ dan *Malang tiada bermusim*²⁶. Selain isu-isu tempatan, terdapat juga masalah sosial masyarakat Barat yang diketengahkan kepada pembaca untuk teladan dan pedoman. Namun ia amat jarang di mana bukan disebabkan ia kurang diberi perhatian tetapi takrifan gejala sosial yang berbeza antara masyarakat Barat dan Timur. Bersekedudukan bagi mereka bukanlah gejala sosial tetapi gaya hidup dan hak asasi mereka, sedangkan perkara tersebut tidak diterima oleh masyarakat kita. Lantaran itulah hanya segelintir artikel yang melibatkan artis luar yang boleh dikategorikan sebagai gejala sosial dalam takrifan dunia Barat, antaranya *Naomi Campbell ketagih dadah*²⁷.

25 Mangga Ogos 1999: 30-32.

26 Remaja 15 Dis 1998: 24-25.

27 HAI 3 Mac 2001: 26.

6. Mengasihi ibu bapa dan keluarga

Masyarakat Timur amat menitikberatkan hubungan kekeluargaan dan ikatan perkahwinan. Begitu juga persoalan maruah dan nama baik keluarga sangat diutamakan. Kewujudan suasana dan kukuhnya nilai ini dalam masyarakat adalah disebabkan semua lapisan masyarakat meyakini bahawa ia adalah syarat terpenting melahirkan sebuah kehidupan yang harmoni, bahagia dan sejahtera.

Dalam hal ini, majalah hiburan turut terlibat dalam memupuk nilai yang mulia ini ke dalam masyarakat. Paparan yang menggambarkan ikatan perkahwinan yang bahagia dan hubungan kekeluargaan yang mesra berjaya mendidik para pembaca peri pentingnya nilai ini dalam kehidupan. Ia secara tidak langsung menolak sebarang pengaruh atau budaya luar yang negatif daripada merosakkan akar budaya bangsa dan adat resam masyarakat seperti bersekedudukan, anak luar nikah, tidak mengaku saudara, menyisih keluarga, derhaka kepada ibu bapa, kahwin lari dan seumpamanya.

Pendekatan yang digunakan oleh majalah hiburan dalam konteks ini ialah dua cara iaitu secara langsung dan secara tidak langsung. Pendekatan secara tidak langsung adalah lebih popular kerana majoriti mesej yang disampaikan adalah dalam bentuk kisah atau latar belakang kehidupan seseorang artis atau idola pembaca. Suasana bahagia hidup berkeluarga ditonjolkan dalam gambar-gambar yang menarik yang melibatkan suami isteri dan ahli keluarga. Manakala pendekatan secara langsung pula ialah berdasarkan komentar yang menjelaskan pendirian dan sikap artis tentang nilai kekeluargaan dan perkahwinan, sebagai contoh keluarga menjadi keutamaan dan nama baik keluarga mesti dipelihara. Selain itu, terselit juga seruan supaya sentiasa mengasihi kedua-dua ibu bapa dan jangan mengingkari atau derhaka terhadap mereka.

Memandangkan kebanyakan majalah hiburan memberi fokus kepada dunia artis dan perkembangan kerjaya serta kehidupan mereka, maka unsur kekeluargaan dan ikatan perkahwinan didapati banyak diselitkan iaitu sebanyak gambar-gambar keluarga artis atau personaliti.

Kedua-dua pendekatan secara langsung dan tidak langsung ini boleh dilihat dengan jelas dalam *Juliza hidangan resepi terbuka & beraya*²⁸ dan *Hattan bawa keluarga mentua raya di Kuala Pilah*²⁹. Selain paparan ikatan kasih sayang seisi keluarga oleh artis dan rakyat tempatan, ia juga meliputi artis luar negeri. Antara artikel yang mengandungi unsur seperti ini ialah *Artis sambut Hari Ibu – Dari Bollywood*³⁰ dan *Yamada pikul tanggungjawab keluarga – Artis Jepun*³¹.

UNSUR MEROSAKKAN

1. Memaparkan gambar yang menjolok mata

Sesuatu yang amat mendukacitakan apabila terdapat seolah-olah satu kecenderungan pihak majalah hiburan memanipulasi gambar-gambar yang menjolok mata dan mendedahkan aurat serta yang tidak menepati akar budaya masyarakat Timur. Ini sekali gus melanggar garis panduan Kementerian Dalam Negeri (KDN) yang menyebut perihal gambar dan jenis iklan yang tidak boleh disiarkan oleh majalah. Tujuan garis panduan ini adalah untuk mengelakkan penyiaran gambar dan iklan yang mengandungi unsur lucah atau yang bercanggah dengan nilai murni masyarakat kita.

Garis panduan tersebut menyatakan bahawa gambar lelaki dan wanita berbogel atau lelaki yang memakai *G String* sahaja dilarang. Gambar wanita yang menunjukkan buah dada atau memakai baju, tetapi masih menunjukkan sebahagian buah dada, tidak boleh disiarkan. Ditegah juga gambar wanita yang memakai coli dan seluar dalam sahaja, dan wanita yang memakai bikini (kecuali di kolam renang, pantai atau tempat seumpamanya). Gambar wanita dalam pakaian yang jarang atau yang diperbuat daripada kain *lace* atau kain berlubang yang boleh menampakkan bahagian tertentu anggota tubuh, juga tidak boleh disiarkan. Turut dilarang gambar wanita bogel yang dihitamkan

28 ibid., hlm. 64.

29 ibid., hlm. 65.

30 URTV 15-31 Mei 2002: 20-21.

31 Mangga April 2002: 59.

pada bahagian tertentu tetapi masih jelas kelihatan *pose* yang mengghairahkan. Iklan pakaian dalam wanita seperti coli dan seluar dalam, boleh disiarkan dalam keadaan asal dan tidak boleh digayakan oleh model atau dipakaikan pada patung.

Jika diperhatikan, terdapat beberapa pelanggaran terhadap garis panduan KDN ini dan unsur negatif ini terpapar dalam bentuk gambar wanita yang mendedahkan pangkal buah dada dalam *Poster cun Mangga-Artis MSO*³², gambar lelaki di kolam mandi dalam *Remaja cun*³³, *Sambutan Hari Jadi ke-28: Mas Idayu menggigil*³⁴, *Gaya artis ke PPMH 2000*³⁵, gambar berpelukan³⁶, gambar menampak pangkal buah dada dan pusat bertindik³⁷, *Ada yang jatuh hati dengan Mimie*³⁸, gambar kain belah hingga pangkal peha³⁹, *Wilma 15 tahun menjejak kasih baru bertemu*⁴⁰, *Elite artis paling kontroversi*⁴¹ dan *Emma Akma nangis kerana si baju biru*⁴².

Sungguhpun garis panduan KDN membenarkan siaran gambar wanita yang memakai bikini di kolam renang, pantai atau tempat seumpamanya, namun dirasakan sudah sampai masanya garis panduan ini dikaji semula bagi menghormati sensitiviti masyarakat Islam. Kelonggaran yang terkandung dalam garis panduan ini kadangkala dieksplotasi oleh pihak berkepentingan tanpa mempedulikan pandangan masyarakat awam. Iklan-iklan komersial yang mempergunakan kaum wanita sebagai daya tarikan perlulah dikawal secara lebih tegas. Adakala mesej menjaga kecantikan dan galakan bersenam diselitkan gambar-gambar wanita yang seksi dan

32 Mangga Ogos 1999: 48-49 & 57.

33 ibid., hlm. 52-53.

34 Media Hiburan 27 Jan – 2 Feb 2001: 53.

35 ibid., hlm. 63.

36 Media Hiburan 28 Okt–3 Nov 2000:4; Media Hiburan 12-18 Feb 2000:2; Mangga Nov 2001:5 & 7.

37 Media Hiburan 17-23 Jun 2000: 8-9.

38 Remaja 1 Feb 1999: 22.

39 Ani Mayuni & Anna: antara seksi & teman lelaki - Media Hiburan 26 Sept – 2 Okt 1998: 54-55.

40 Media Hiburan 2-9 Julai 1999: 6.

41 Media Hiburan 12-18 Okt 2002: Kulit depan & hlm. 5-6.

42 Mangga Nov 2001: 65.

mengghairahkan yang dirasakan bukanlah satu keperluan. Contoh yang dapat dilihat ialah gambar wanita berpakaian mandi sedang berenang⁴³, gambar wanita bersenam dengan pakaian mendedahkan tubuh⁴⁴ dan iklan seksi⁴⁵.

Di samping itu juga, kedudukan posisi artis atau model wanita dalam sesi fotografi benar-benar mengeksploitasi anggota-anggota badan yang boleh mengghairahkan para pembaca khususnya golongan remaja. Ini dapat dilihat dengan jelas menerusi gambar membongkok sehingga menampakkan pangkal buah dada dan posisi duduk terkangkang seperti dalam *17 perkara tentang Ruhil*⁴⁶, *10 celebrity paling bergaya*⁴⁷, *Shikin dangdut bingung direbut produksi drama*⁴⁸, *Wow x-pose*⁴⁹, *Mas ikut jejak kakak*⁵⁰, *Enak bersantai di Passage Thru India*⁵¹, *Adlyna warisi bakat lakonan keluarga*⁵², gambar menampakkan pangkal peha dalam *Bercinta dengan suami orang: Emylia dapat sebuah kereta*⁵³, gambar mendedahkan pangkal buah dada dalam *Amyza mahu dijual kepada seorang Dato*⁵⁴ dan *Keletahannya mendebarkan – Sarimah Ibrahim*⁵⁵.

Paparan merosakkan ini bukan sahaja tertumpu kepada artis atau model tempatan tetapi turut merangkumi artis-artis Barat seperti gambar berkucupan. Ia jelas tidak sesuai dipaparkan kepada khalayak pembaca. Budaya kuning ini boleh dilihat dengan jelas dalam artikel *Ringkas dan menarik – Jennifer Lopez*⁵⁶, *Mariah Carey masuk hospital*⁵⁷, *Seksinya*

43 Remaja 15 Nov 2001: 12.

44 ibid., hlm. 14.

45 Remaja 1 Sept 2000: 14.

46 URTV 15-31 Jan 2001: 4-5.

47 URTV 15-31 Dis 2000: 60.

48 URTV 15-31 Mac 2001: 13.

49 ibid., hlm. 30.

50 Remaja 15 Julai 2001: 23.

51 Remaja 15 Ogos 2001: 106.

52 Remaja 15 Jun 2001: 24.

53 Media Hiburan 24-30 Julai 1999: 2.

54 ibid., hlm. 8-9.

55 Media Hiburan 14-20 Ogos 1999: 4-5.

56 URTV 15-30 April 2000: 48.

57 HAI 11 Ogos 2001: 27.

*poster mini Kylie minogue*⁵⁸, gambar Liz Hurley dari sisi tanpa coli⁵⁹, *Pamela Anderson tinggalkan kekasih kerana Micheal Bolton*⁶⁰, *Brad Pit bengang lihat aksi ranjang Jennifer dalam filem*⁶¹, gambar seksi Jennifer Lopez⁶², gambar seksi Sandra Bullock⁶³, gambar seksi Cindy Crawford berpakaian mandi yang nipis⁶⁴, *Jennifer Aniston sedih gambar bogelnya disebar*⁶⁵ dan *Kenapa LEBO seksi?*⁶⁶.

Kedapatan juga gambar yang menayangkan reka bentuk fesyen pakaian yang kurang sopan dan tidak sesuai dengan budaya dan adat ketimuran seperti dalam *Fesyen artis di Anugerah Grammy - seksi jadi pilihan*⁶⁷, *Rekaan Melinda Looi untuk yang berani*⁶⁸, *Rileks & ringkas*⁶⁹, *Ringkas tapi berani*⁷⁰, *Kebebasan gaya terkini*⁷¹, *Unik, hebat & berahi*⁷² dan *Fesyen artis di 44th Grammy Award*⁷³.

Pengaruh fesyen kepada kumpulan sasaran amatlah kuat dan berkesan sehingga dikatakan seorang pengusaha fesyen Perancis yang terkenal iaitu Christian Dior berupaya untuk menyingkat atau melabuhkan fesyen skirt 50 juta wanita Amerika Syarikat dalam jangka masa dua minggu sahaja⁷⁴. Keadaan ini diburukkan lagi dengan kenyataan pihak majalah sendiri yang menyatakan fesyen yang seksi dan kurang sopan tersebut sebagai gaya terkini, hebat, pilihan masa kini, anggun dan sebagainya. Inilah perkara yang merosakkan yang

58 HAI 11 Nov 2000: 8.

59 URTV 1-15 Julai 2000: 24.

60 HAI 3 Mac 2001: 26.

61 HAI 1 Jun 2002: 22.

62 HAI 30 Jun 2001: 22.

63 URTV 15-31 Mac 2001: 18.

64 ibid., hlm. 20-21.

65 URTV 15-30 April 2002: 34.

66 Mangga Julai 2001: 76.

67 HAI 24 Mac 2001: 27.

68 Remaja 1 Dis 2002: 32.

69 Remaja 1 Mac 2001: 119.

70 Remaja 1 Ogos 2001: 107-111.

71 Remaja 1 Mac 2002: 110-115.

72 Remaja 15 Okt 2000: 28-29.

73 Media Hiburan 16-22 Mac 2002: 22-23.

74 Paul Harrison. 1979. *Inside the third world*. London: Penguin Books.

boleh mempengaruhi golongan pembaca berjinak-jinak meniru gaya hidup dan penampilan masyarakat Barat yang bertentangan sama sekali dengan nilai-nilai ketimuran dan kemuliaan agama Islam.

2. Mengemukakan soalan yang meracuni pemikiran

Terdapat satu kecenderungan daripada pihak editor atau wartawan hiburan yang mengajukan soalan-soalan kepada seseorang personaliti yang boleh mempengaruhi pembaca ke arah budaya yang merosakkan. Contoh soalan yang dimaksudkan ialah seperti adakah anda rasa diri anda seksi?, adakah anda terpicat dengan awek bohsia?, seronokkah bertukar-tukar pasangan? adakah anda pentingkan pasangan anda masih teruna? dan sebagainya. Sungguhpun ada jawapan yang diberi boleh ditakrifkan sebagai menolak provokasi sedemikian, namun kedapatan juga yang memberi maklum balas kurang sesuai dan menyalahi adab kesopanan budaya Timur. Contoh jawapan-jawapan yang negatif ialah seperti; seksi: *saya tidak peduli apa orang nak kata*, bohsia: *saya tidak kisah latar belakang pasangan saya*, lesbian: *orang tak faham perasaan kita*, dan seumpamanya.

Dari satu segi, provokasi soalan-soalan tidak masuk akal seperti ini adalah semata-mata mendapatkan maklum balas personaliti tertentu atau berbentuk gurauan. Namun risiko yang terpaksa ditanggung ialah sekiranya jawapan yang diberi jauh menyimpang daripada lunas-lunas agama dan akar budaya bangsa maka para peminat personaliti tersebut pastinya akan terpengaruh dan menganggap pendirian tersebut sebagai betul dan terbaik. Akhirnya lahir lah golongan remaja yang berpakaian menjolok mata, tidak kisah berstatus bohsia, bersikap individualistik dan sebagainya. Segalanya adalah berpunca daripada gara-gara soalan-soalan provokasi, nakal, mengarut dan pelik. Unsur yang merosakkan ini didapati terkandung dalam *Bilakah kali pertama kamu beraya di rumah awek?*⁷⁵ dan *Tahap keseksian yang sanggup anda dedahkan*⁷⁶.

75 Intai persiapan raya finalis Hero Remaja, Remaja 15 Nov 2001: 69-73.

76 6 artis remaja bercakap tentang imej, URTV 1-15 Mac 2002.

3. Menghebahkan khabar angin atau gosip

Sikap editor dan wartawan yang menghebahkan khabar angin atau gosip khususnya tentang sikap dan peribadi para artis secara meluas dan berterusan adalah sesuatu yang amat dikesalkan. Kecenderungan ‘menelanjangkan’ hal-hal peribadi dan ‘*privacy*’ demi memenuhi kehendak pembaca dan nilai komersial, boleh mengakibatkan sikap negatif ini tertanam dalam diri masyarakat khususnya golongan muda. Di samping itu, kerosakan reputasi dan maruah yang menimpa diri mangsa gosip dan khabar angin amat memeritkan. Tambahan pula, lazimnya berita-berita sedemikian tidak disebut nama si empunya diri maka ia mengakibatkan ramai pihak yang tidak terlibat telah terbabit sama. Akhirnya banyak masa dan tenaga terpaksa dihabiskan semata-mata untuk membersihkan nama dan memberitahu bahawa orang yang dimaksudkan bukanlah dirinya.

Namun pihak majalah hiburan mudah bersikap lepas tangan terhadap akibat yang berpunca daripada mereka dengan menyelitkan kenyataan bahawa berita tersebut disampaikan oleh orang lain dan bukan sengaja diada-adakan oleh mereka. Mereka juga meminta si empunya diri segera memaklumkan kepada mereka tentang kesahihan berita atau khabar angin tersebut, seolah-olah mereka menjadi pihak tengah atau saluran menyampaikan berita sebenar sedangkan banyak kerosakan yang telah diwujudkan menerusi hebahan khabar angin berkenaan.

Pihak majalah juga mempertahankan sikap yang tidak beretika ini dengan menyelitkan nasihat dan pedoman agar kelakuan yang negatif daripada sesuatu gosip itu tidak dicontohi oleh para pembaca. Dalam konteks majalah *Media Hiburan*, pendekatan ini jelas digunakan secara meluas menerusi ruangan *Gendut*, *Intai-intai* dan *Bila Aniff Mengintai* yang amat padat dengan khabar angin dan gosip. Manakala majalah *Remaja* pula menerusi ruangan *Cabai*. Adalah sesuatu yang menghairankan apabila memberi nasihat yang baik kepada orang lain tetapi dalam masa yang sama melakukan perkara yang buruk dan keji. Selain itu, pendekatan meletakkan tanda soal pada setiap gosip atau khabar angin yang dihebahkan menjadi alasan pelepas diri yang

paling ampuh kepada pihak majalah bahawa perkara itu masih menjadi persoalan dan bukan ayat kenyataan. Lantaran itu, mereka tidak sewajarnya dipersalahkan atas akibat atau penderitaan yang ditanggung oleh mangsa khabar angin.

Kisah gosip dan khabar angin di kalangan artis dan selebriti adalah paling banyak terkandung dalam majalah hiburan terutama *Media Hiburan*, *URTV* dan *Mangga*. Manakala majalah *Remaja* didapati paling kurang dan ini adalah disebabkan ruangan untuk berita artis terlalu sedikit di mana hanya mewakili beberapa muka surat sahaja. Kepadatan paparan kisah gosip adalah berpunca daripada nilai komersialnya yang boleh melariskan jualan majalah. Tambahan lagi, mendapat maklum balas yang baik daripada pembaca yang dahagakan berita-berita seumpama itu. Sikap pihak majalah melayan kehendak dan memenuhi cita rasa pembaca adalah ibarat 'sokong membawa rebah'. Ini kerana menyebarkan berita-berita yang tidak berasaskan sumber yang sahih dan boleh dipercayai, akan hanya memburukkan keadaan iaitu mendidik remaja mempercayai khabar angin, menanam sikap suka mendengar keburukan orang lain, terlalu prejudis, berburuk sangka dan menimbulkan suasana yang tidak harmoni dalam hubungan sesama insan. Ia juga seolah-olah memberi mesej bahawa itulah tahap pemahaman intelektual para remaja yang ingin dilahirkan. Unsur-unsur yang merosakkan dapat dilihat dengan jelas dalam artikel *Penyanyi dibelasah suami sampai keguguran?*⁷⁷, *Cerai kerana suami gay*⁷⁸ dan *Jangan ganggu rumahtangga saya - Awie*⁷⁹.

Unsur khabar angin dan gosip juga dijadikan sebagai pelaris jualan dengan memaparkannya di kulit depan majalah dan seperti lazimnya diletakkan sekali tanda soal di akhir ayat. Ini diyakini dapat menarik orang ramai membeli majalah berkenaan untuk membaca sepenuhnya kisah tersebut atau ingin mengetahui hal keadaan yang sebenar sekalipun ia telah mendatangkan kerosakan

77 URTV 15-30 April 2000: 11.

78 ibid.

79 HAI 2 Dis 2000: 8.

yang besar kepada reputasi personaliti tertentu dan daripada sumber yang diragui. Antara contoh khabar angin dan berita gosip yang mempunyai nilai komersial ialah seperti *Erra 'terhuyung hayang', kenapa?*⁸⁰, *Siti Nurhaliza masih berkecil hati dengan Noraniza?*⁸¹, dan *Gempar: Kain Jeslina terlucut di lokasi*⁸². Pihak majalah juga tidak ketinggalan menghebahkan khabar angin dan gosip yang menimpa artis-artis luar seperti dari Hollywood dan Bollywood, antaranya *Siapa lelaki simpanan Janet Jackson?*⁸³, *Rani Mukherjee ada gambar bogel!*⁸⁴ dan *Arbaz Khan tak laku!*⁸⁵.

KESIMPULAN

Secara keseluruhan diperakui bahawa aspek membina dan merosakkan dari sudut akhlak dan tasawwur sememangnya terdapat dalam majalah hiburan. Aspek membina dari sudut akhlak didapati jelas lebih banyak tetapi dalam keadaan tidak langsung, sedangkan aspek merosakkan pula lebih ketara dan disengajakan penyiarannya oleh penerbit. Manakala analisis aspek membina dari sudut tasawwur pula mendapati ia lebih bersifat bermusim dan bersifat secara tidak langsung. Ini berbeza dengan aspek merosakkan dari sudut tasawwur yang dipaparkan dengan lebih menonjol dan berani. Analisis menunjukkan aspek merosakkan dari kedua-dua sudut, akhlak dan tasawwur, lebih mendominasi dalam paparan isi kandungan majalah hiburan berbanding aspek membina.

80 Kulit depan Media Hiburan 7-13 Okt 2000.

81 Kulit depan HAI 9 Sept 2000.

82 Kulit depan URTV 1-15 Okt 2001.

83 HAI 11 Ogos 2001: 27.

84 Media Hiburan 2-9 Julai 1999: 23.

85 Media Hiburan 21-27 Ogos 1999: 23.

RUJUKAN

- Abdullah Nasih 'Ulwan. 1998. *Pendidikan Anak-anak Menurut Pandangan Islam*, hlm. 299. Jil. 1. Terj. Kuala Lumpur: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.
- ibid., hlm. 14-15.
- URTV 1-15 Mac 2002: 18-19.
- URTV 15 – 31 Jan 2001: 14.
- Media Hiburan 24-30 Mac 2001: 24-25.
- URTV 15-31 Dis 2000: 68.
- Remaja 15 Dis 1998: 18.
- Remaja 15 Mei 1998: 46.
- Remaja 15 Nov 2001: 75-77.
- Media Hiburan 22 Mei – 2 Jun 2000: 46-47.
- Remaja 1 Julai 1998: 34-35.
- Media Hiburan 14-20 Dis 2002: 32.
- Remaja 15 Nov 2001: 80-82.
- ibid., hlm. 64-65.
- Remaja 15 Nov 2001: 58-59.
- Remaja 15 Feb 1998: 86-87.
- Mangga April 20002: 84.
- Remaja 15 Ogos 2002: 150.
- Remaja 1 Sept 2001: 14.
- Mangga Ogos 1999: 16.
- URTV 15–30 April 2000: 14-15.
- Media Hiburan 27 Mei – 2 Jun 2000: 28.
- ibid.
- ibid.
- Mangga Ogos 1999: 30-32.
- Remaja 15 Dis 1998: 24-25.
- HAI 3 Mac 2001: 26.
- ibid., hlm. 64.
- ibid., hlm. 65.

- URTV 15-31 Mei 2002: 20-21.
Mangga April 2002: 59.
Mangga Ogos 1999: 48-49 & 57.
ibid., hlm. 52-53.
Media Hiburan 27 Jan – 2 Feb 2001: 53.
ibid., hlm. 63.
Media Hiburan 28 Okt–3 Nov 2000:4; Media Hiburan 12-18 Feb 2000:2;
Mangga Nov 2001:5 & 7.
Media Hiburan 17-23 Jun 2000: 8-9.
Remaja 1 Feb 1999: 22.
Ani Mayuni & Anna: antara seksi & teman lelaki - Media Hiburan 26 Sept
– 2 Okt 1998: 54-55.
Media Hiburan 2-9 Julai 1999: 6.
Media Hiburan 12-18 Okt 2002: Kulit depan & hlm. 5-6.
Mangga Nov 2001: 65.
Remaja 15 Nov 2001: 12.
ibid., hlm. 14.
Remaja 1 Sept 2000: 14.
URTV 15-31 Jan 2001: 4-5.
URTV 15-31 Dis 2000: 60.
URTV 15-31 Mac 2001: 13.
ibid., hlm. 30.
Remaja 15 Julai 2001: 23.
Remaja 15 Ogos 2001: 106.
Remaja 15 Jun 2001: 24.
Media Hiburan 24-30 Julai 1999: 2.
ibid., hlm. 8-9.
Media Hiburan 14-20 Ogos 1999: 4-5.
URTV 15-30 April 2000: 48.
HAI 11 Ogos 2001: 27.
HAI 11 Nov 2000: 8.
URTV 1-15 Julai 2000: 24.
HAI 3 Mac 2001: 26.

- HAI 1 Jun 2002: 22.
HAI 30 Jun 2001: 22.
URTV 15-31 Mac 2001: 18.
ibid., hlm. 20-21.
URTV 15-30 April 2002: 34.
Mangga Julai 2001: 76.
HAI 24 Mac 2001: 27.
Remaja 1 Dis 2002: 32.
Remaja 1 Mac 2001: 119.
Remaja 1 Ogos 2001: 107-111.
Remaja 1 Mac 2002: 110-115.
Remaja 15 Okt 2000: 28-29.
Media Hiburan 16-22 Mac 2002: 22-23.
Paul Harrison. 1979. *Inside the third world*. London: Penguin Books.
Intai persiapan raya finalis Hero Remaja, Remaja 15 Nov 2001: 69-73.
6 artis remaja bercakap tentang imej, URTV 1-15 Mac 2002.
URTV 15-30 April 2000: 11.
ibid.
HAI 2 Dis 2000: 8.
Kulit depan Media Hiburan 7-13 Okt 2000.
Kulit depan HAI 9 Sept 2000.
Kulit depan URTV 1-15 Okt 2001.
HAI 11 Ogos 2001: 27.
Media Hiburan 2-9 Julai 1999: 23.
Media Hiburan 21-27 Ogos 1999: 23.
Media Hiburan 6-12 Jan 2001: 29.
Media Hiburan 9-15 Dis 2000: 5.
ibid., hlm. 29.
ibid., hlm. 33.
Media Hiburan 28 Okt – 3 Nov 2000: 59.
URTV 15-31 Mac 2001: 2.
Mangga Jan 2001: 24.
Remaja 15 Mei 2002: 25-28.

- Remaja 15 Nov 2002: 44-47.
Remaja 1 Dis 2002: 28-29.
Remaja 1 Mac 2001: 53-55.
Remaja 15 Ogos 2001: 113.
Remaja 15 Nov 2000: 27-30.
Mangga Jun 2002: 47.
URTV 15-31 Jan 2001: 54.
URTV 15-30 April 2000: 11.
Remaja 15 Jan 2001: 96-98.
Remaja 1 Mac 2001: 46-48.
URTV 15-30 April 2000: 58-59.
Media Hiburan 27 Mei – 2 Jun 2000: 53.
ibid., hlm. 54.
URTV 1-15 Jan 2002: 19.
URTV 1-15 Okt 2001: 58-59.
HAI 27 Jan 2001: 36.
HAI 11 Ogos 2001: 3.
Mangga Okt 2001: 41.
Finalis Dewi Remaja, Remaja 15 Nov 2001: 26 dan 30.
ibid., hlm. 28.
Media Hiburan 14-20 Ogos 1999: 5.
Media Hiburan 6 Dis-12 Jan 2001: 57.
Media Hiburan 17-23 Jun 2000: 9.
Media Hiburan keluaran 9-15 Dis 2000: 22; dan keluaran 30 Dis – 6 Jan 2001: 22.
Remaja 15 Mei 1998: 16-18.
Media Hiburan keluaran khas - Lebaran '99: 122.
Remaja 1 Jun 2002: 18.
Media Hiburan 5-11 Dis 1998: 53.
Media Hiburan 21-27 Ogos 1999: 8.
Lidyawati nikah dengan pelawak?, URTV 1-15 Mac 2002.
Siapa artis yang digelar playboy?, Mangga Ogos 1999: 26.
Media Hiburan 28 Okt - 3 Nov 2000: 4.

HAI 27 Jan 2001: 16-17.

Media Hiburan 6-12 Jan 2001: 25.

HAI 3 Mac 2001: 5.

Media Hiburan 1-7 Julai 2000: 4.

Media Hiburan 19-25 Feb 2000: 4-5.

URTV 15-30 Jun 2002: 58.

Saya dah ada calon isteri – Rashid Sidek, URTV 1-15 Mac 2002.

Shikin gelek atas katil pun best, Mangga Ogos 1999: 25.

Britney Spears buat kenyataan berani mati, URTV 1-15 Mac 2002.

Media Hiburan 10-16 Okt 1998: 21.

Media Hiburan 5-11 Jun 1999: 20.

Media Hiburan 24-30 Mac 2001: 9.

Mangga Jun 2002: 84.

ibid., hlm. 72.

Ujian Cinta – Remaja 15 Nov 2001: 62-63.

Ikatan kasih – Remaja 15 Dis 1998: 22-23.

ibid., hlm. 80.

Kementerian tetapkan 5 modul pendidikan seks. 2003. *Utusan Malaysia*.
10 November.

Remaja 15 Dis 1998: 26.

ibid., hlm. 79.

ibid., hlm. 74.

ibid.

Noor Azmah Ibrahim. 2003. Pendidikan seks - Ibu bapa perlu beri perhatian.
Utusan Malaysia. 19 Jun.

Zalina Yahaya. 1999. Subjek PKR protes kegagalan pendidikan seks
sekolah?. *Utusan Malaysia*. 30 Januari.

KONSEP ISTIHALAH DAN ISTIHLAK PADA MAKANAN DAN BARANG GUNAAN

JAFRI ABDULLAH
DR. SUHAIMI ABDUL RAHMAN
ZAIDAH MOHD NOR

ABSTRAK

The discussion in this article focuses on the concepts of istihalah and istihlak as purification methods in the halal food and goods. The views from the traditional, modern Islamic scholars and also international bodies are studied. In addition the results of the National Fatwa Council of Malaysia are also studied to see the trend or tendency the institutions regarding the two concepts. The study found significant differences with regard to the acceptance of the two concepts in the development of fiqh. One group accepts istihalah with strict conditions while another group is more lenient. For istihlak concept, the differences between the two parties are seen not so much, thus there is a room and opportunity for consolidation between the two views.

PENDAHULUAN

Perbezaan pandangan dalam Islam sebenarnya adalah rahmat dan menunjukkan fleksibiliti hukum Islam, namun sekiranya tidak ditangani dengan baik ia akan membawa kepada kesukaran kepada masyarakat Islam itu sendiri. Sebagai contoh, perbezaan pandangan dan fatwa antara negara-negara Islam banyak menghalang kelancaran perdagangan. Boleh dikatakan dalam konteks pengesahan halal, pada masa ini umat Islam masih belum dapat mewujudkan satu standard halal global yang boleh diterima oleh seluruh masyarakat Islam di dunia.

Dalam perbincangan mengenai produk makanan, penerimaan terhadap konsep *istihalah* dan *istihlak* sering menjadi perdebatan dan perbincangan sama ada di kalangan ulama atau para saintis. Perbezaan pandangan dalam isu ini amat ketara dan menjadi cabaran kepada para ulama dan para saintis Islam ke arah mencapai satu titik pertemuan yang akhirnya ke arah mewujudkan satu standard halal global yang boleh diterima oleh semua negara.

Kajian ini akan menumpukan perbincangan kepada dua konsep iaitu *istihalah* dan *istihlak* sebagai kaedah penyucian dalam produk makanan dan barang gunaan. Pandangan ulama tradisional dan para saintis moden dikaji bagi melihat sejauh mana konsep ini diterima dan digunapakai terutama oleh institutsi-institusi fatwa.

KONSEP ISTIHALAH

Perkataan *Istihalah* dari segi bahasa bermaksud berubah, bertukar atau tidak mungkin (Wizaaratu al-Awqaf wa Syu'un al-Islamiyyah, 1983) . Dalam bahasa Inggeris *istihalah* boleh diterjemahkan sebagai *impossibility*, *impracticability*, *inconceivability* (Rohi Baal Baki, 1988). *Istihalah* juga diterjemahkan dengan *transformation* yang bermaksud perubahan yang sempurna (Collin Cobuild, 1994) atau perubahan lengkap yang melibatkan penampilan, bentuk dan ciri-ciri sesuatu benda atau perkara (The Oxford Dictionary, Vol.XI, 1978).

Pada umumnya para fuqaha' mentakrifkan istihalah sebagai perubahan dan pertukaran sesuatu benda kepada suatu benda yang lain yang meliputi pertukaran hakikat dan bentuk benda tersebut (Jamal Abdul Nasir, 1999). Pertukaran yang dimaksudkan di sini ialah pertukaran ain najis seperti najis, arak atau khinzir kepada sesuatu yang suci menerusi proses pembakaran, pemeraman atau percampuran (Wizaaratu al-Awqaf wa Syu'un al-Islamiyyah, 1983).

Dari sudut sains, istihalah ditakrifkan sebagai perubahan zat sesuatu merujuk kepada tindak balas kimia yang merubah sesuatu bahan menjadi bahan lain (Nazih Hammad, 2004). Perubahan yang diterima sebagai istihalah ialah perubahan kimia yang secara sempurna iaitu seratus peratus (100%) (al-Mazeedi, 2009). Mohamad Aizat & Che Wan Jasimah (2009) berpendapat dalam bidang sains tidak terdapat beberapa konotasi yang tepat bagi menjelaskan maksud istihalah, cuma dua istilah yang dekat dengannya ialah transformation dan juga chemical decomposition. Chemical decomposition yang bermaksud suatu keadaan penguraian atau proses pereputan. Misalnya penguraian air kepada hidrogen dan oksigen.

Istihalah atau perubahan yang dimaksudkan di sini ialah perubahan dari benda najis (haram) kepada benda suci (halal) bukan perubahan dari benda suci kepada najis atau benda suci kepada suci. Ini dapat difahami dari pengertian istihalah yang diberikan oleh Wahbah al-Zuhaily (1997) iaitu penggantian zat sesuatu kepada zat benda yang lain disebabkan perubahan sifatnya yang mana boleh mengubah sesuatu benda yang najis atau terkena najis menjadi bersih dan boleh mengubah sesuatu yang haram menjadi harus dari segi hukum syarak.

Oleh itu perubahan sifat dan hakikat daripada sesuatu yang suci dan harus dari segi hukum syarak kepada benda yang lain yang juga harus tidak termasuk dalam konsep istihalah yang dibincangkan di sini. Sebagai contoh proses penapaian telah digunakan untuk membuat pelbagai jenis makanan seperti tempoyak yang dihasilkan daripada isi durian, cencaluk daripada udang garagau, budu daripada ikan bilis, dan sebagainya, namun begitu proses tersebut tidak dikategorikan sebagai istihalah dari segi syarak kerana perubahan tersebut tidak melibatkan benda najis (Anisah, 2008).

PANDANGAN ULAMA FIQH MENGENAI ISTIHALAH

Ulama bersepakat bahawa istihalah adalah merupakan satu daripada proses penyucian dalam Islam, cuma terdapat perbezaan pandangan di kalangan mereka tentang syarat-syarat penerimaan istihalah atau dengan kata lain bentuk istihalah yang diterima. Para fuqaha' bersepakat bahawa perubahan (istihalah) dari arak kepada cuka yang berlaku dengan sendiri adalah halal, namun dalam keadaan lain berlaku perbezaan pendapat yang ketara antara mereka (Wizarah al-Awqaf wa al-Syu'un al-Islamiyyah, 1983). Dalam hal ini pandangan ulama fiqh boleh dibahagikan kepada dua:

Pandangan Pertama, yang terdiri daripada ulama Mazhab Maliki, Hanafi, Ibn Taimiyyah dan Ibn Hazm yang mewakili golongan Zahiri menerima istihalah dalam bentuk yang lebih luas dan ringan berbanding dengan golongan kedua yang terdiri daripada Ulama Mazhab Shafie dan Hanbali yang dilihat lebih ketat. Golongan yang pertama ini berpandangan bahawa sekiranya benda yang halal boleh bertukar menjadi benda yang haram, maka sudah tentu benda yang haram juga boleh bertukar menjadi halal semula. Dr. Nazih Hammad (2004) telah memetik kata-kata Imam Ibn Qayyim yang menyatakan bahawa :

“Apabila benda yang baik menjadi benda yang buruk ia menjadi najis, seperti air dan makanan bertukar menjadi air kencing dan tahi. Persoalannya bagaimana mungkin perubahan zat dapat memberi kesan kepada perubahan benda yang baik kepada yang buruk sahaja tetapi tidak memberi kesan terhadap benda yang buruk menjadi baik. Bukankah Allah SWT mengeluarkan benda yang baik dari benda yang buruk dan benda buruk dari yang baik”.

Jadi sesuatu yang berubah kepada baik adalah suci sebaliknya sesuatu yang berubah kepada buruk adalah najis sebagaimana susu manusia walaupun daripada orang kafir adalah suci kerana telah berlaku perubahan (istihalah) kepada yang baik, manakala muntah yang keluar dari usus adalah najis kerana berlaku perubahan kepada kotor (al-Dasuqi, 2003). Justeru

hukum adalah mengikut nama dan sifat, apabila berubah sifat dan nama sesuatu benda yang haram itu, maka batallah hukum haram yang berkaitan dengan namanya. Dalam hal ini, al-Kasani (1997) menukulkan :

“mengikut Muhammad sesuatu yang najis apabila berubah dan bertukar sifat dan zatnya maka terkeluarlah daripada keadaan najis, kerana najis adalah nama bagi sesuatu yang disifatkan. Apabila sesuatu yang disifatkan itu telah tiada maka tiadalah sifatnya seperti arak bertukar menjadi cuka”

Mereka membuat perbandingan dengan cuka yang berasal daripada arak. Mereka berhujah bahawa arak adalah haram, tetapi apabila berubah kepada cuka maka ia adalah suci dan halal. Ini berdasarkan kesepakatan ulama bahawa cuka adalah benda yang suci dan digalakkan oleh Rasulullah SAW untuk memakannya. Nabi sendiri telah menyebut dalam hadithnya “Sebaik-baik yang dimasukkan dalam hidangan ialah cuka” (al-Albani 2000).

Bagi mazhab hanafi, cuka yang terjadi daripada arak adalah harus, walau macam mana sekalipun cara perubahan tersebut berlaku. Bagi mereka harus ditambah bahan-bahan lain ke dalam arak dalam proses pembuatan untuk mempercepatkan perubahan arak kepada cuka, sama ada ia diletakkan berdekatan dengan api dan sebagainya, malah apa sahaja bagi membantu proses berkenaan (al-Zuhaily, 1997). Bagi mazhab Maliki arak dan bekasnya menjadi suci sama ada ia bertukar menjadi cuka dengan sendirinya, atau secara dipindahkan dari tempat yang ada bayang ke bawah sinaran matahari atau sebaliknya (bagi mempercepatkan proses pertukaran). Ini kerana sifat kenajisan arak itu telah hilang, tanpa menjadikan cuka itu najis. Jadi mereka tidak membezakan sama ada perubahan tersebut terjadi sendiri (secara semula jadi) atau disebabkan oleh perbuatan (manipulasi) manusia. Bagi mereka semuanya adalah harus.

Bagi mazhab Hanafi, pembakaran juga adalah salah satu daripada proses istihalah. Oleh itu najis yang terbakar sehingga berlaku perubahan sifat menjadi abu adalah suci kerana najis telah berubah apabila terbakar

dengan api atau hilang kesannya dengan sebab pembakaran (Ibn ‘Abidin, 2003). Mazhab Maliki (mengikut pendapat yang masyhur) juga berpendapat bahawa abu najis, asapnya atau barang najis yang dijadikan kayu api (bahan bakar) adalah suci dengan api (pembakaran) (al-Zuhaily, 1997).

Selain itu, ulama mazhab Hanafi juga menghukumkan bahawa percampuran juga adalah bahan najis dengan bahan yang suci sehingga berubah sifat adalah suci, kerana percampuran juga salah satu daripada proses istihalah. Sebagai contoh babi yang jatuh ke dalam garam dan mereput di dalamnya, maka garam berkenaan adalah suci dan boleh dimakan (Ibn Najim, 1997). Begitu juga dengan sabun yang dibuat dari lemak atau minyak binatang yang najis adalah suci, sekiranya minyak itu telah mengalami perubahan ‘ainnya dengan sebab bercampur dengan bahan-bahan lain. Perubahan tersebut dihukumkan sebagai suci kerana perubahan itu adalah satu hakikat yang sebenar berlaku dan menjadi kepada hakikat yang lain. (Ibn ‘Abidin, 2003) Konsep ini juga telah digunakan dengan meluas dan tidak dapat dielakkan oleh masyarakat (ummu al Balwa)(Nazih Hammad, 2004).

Isu istihalah tidak terhad kepada bahan makanan sahaja, tetapi juga merangkumi barang gunaan seperti pinggan-mangkuk dan pakaian. Berdasarkan pegangan golongan ini terdapat pandangan yang mengatakan bahawa pinggan- mangkuk yang dibuat daripada tulang binatang termasuk tulang babi adalah harus digunakan kerana telah melalui proses istihalah atau perubahan zat, maksudnya tulang bangkai yang asalnya najis, tetapi apabila zatnya telah berubah menjadi abu dan dibakar lagi bersama tanah liat dalam industri pinggan-mangkuk, maka akhirnya ia berubah menjadi pinggan dan sifat asal tulang itu sudah lenyap sama sekali (Ibn Abidin, 2003).

Pandangan ini diterima pakai oleh Pejabat Mufti, Majlis Ugama Islam Singapura (MUIS) semasa mengharuskan pinggan -mangkuk yang diperbuat daripada tulang yang kenali dengan “Bone China” dan menganggap pinggan daripada jenis tersebut tidak dihukum najis. Mereka menyatakan bahawa:

“Bone china is a new type of china in which its main exponent is made from animal bone. The bone is first heated up to 1000 degrees Celsius

until it changes form and is then hardened by mixing it with other materials such as clay. From this we can observe that the bone's main traits have changed and it has also been mixed with other materials or chemicals in order to create bone china, its usage is therefore permissible as it is no longer considered najis”.

(http://www.muis.gov.sg/cms/oomweb/oom_faq.aspx?id=14822 dilihat pada 18 Februari 2011)

Berdasarkan penjelasan di atas kita dapati bahawa, pandangan pertama menerima istilah dalam tiga bentuk iaitu melalui pemeraman, tanpa mengira sama ada ia berlaku secara semula jadi atau atas usaha manusia, seperti arak bertukar menjadi cuka, kedua, melalui pembakaran, seperti najis yang dibakar menjadi abu dan ketiga, melalui percampuran, iaitu percampuran antara benda najis dan benda yang suci seperti babi yang jatuh ke dalam garam sehingga hancur dan hilang najisnya.

Pandangan Kedua mazhab Shafie dan Hanbali menerima konsep istilah dalam konteks yang amat teliti. mazhab Syafie tidak menerima perubahan najis kepada benda yang suci kecuali dalam beberapa perkara seperti, arak bertukar menjadi cuka dengan sendirinya, kulit binatang yang mati selain anjing dan babi menjadi suci apabila disamak (al-Syirazi, 1996), sesuatu yang berubah menjadi binatang seperti bangkai berubah menjadi ulat kerana terjadi suatu kehidupan baru (al-Zuhaily, 1997).

Jumhur ulama mazhab Syafie dan Hanbali menerima bahawa apabila arak bertukar menjadi cuka maka arak itu menjadi suci disebabkan ia bertukar dengan sendiri atau diubah tempat letaknya daripada bercahaya kepada teduh atau sebaliknya. Namun begitu, mazhab Hanbali mensyaratkan bahawa pemindahan itu bukanlah bertujuan untuk menjadikan arak sebagai cuka, jika pemindahan bertujuan untuk menjadikannya cuka, maka ia tidak menjadi suci kerana bagi mereka, perbuatan memproses arak menjadikan cuka adalah haram (al-Zuhaily, 1997) dan pemindahan itu adalah dikira sebagai satu proses (manipulasi manusia).

Ulama' mazhab Syafie dan Hanbali berpandangan bahawa cuka yang terjadi hasil daripada proses percampuran arak dengan sesuatu bahan lain

adalah tidak suci dan tidak halal dimakan. Ini kerana mereka berpendapat bahawa memproses arak bererti mendekati arak dengan memberi nilai harga kepada arak sedangkan, Allah SWT memerintahkan kita supaya menjauhi arak. Selain daripada itu mereka berpendapat bahan-bahan yang dimasukkan ke dalam arak akan menjadi najis kerana bercampur dengannya (al-Zuhaily, 1997). Pendapat ini berdasarkan hadith:

Diriwayatkan daripada Anas bin Malik bahawa Rasulullah SAW ditanya hukum mengenai arak yang diproses menjadi cuka, Rasulullah SAW menjawab : "tidak harus".

(Hadith Riwayat Muslim)

Selain daripada itu, terdapat juga riwayat lain bahawa Rasulullah SAW pernah melarang para sahabat memproses arak yang diwarisi oleh anak-anak yatim sebagai cuka (al-Albani, 1997). Larangan tersebut menunjukkan bahawa ianya haram, kerana sekiranya arak dibolehkan untuk diproses menjadi cuka, maka sudah tentu Rasulullah SAW tidak menyuruh para sahabat membuangnya, apatah lagi arak tersebut adalah milik anak yatim dan tidak boleh dibuat sewenang-wenangnya (Ibn Qudamah, 1994). Seandainya dibolehkan arak diproses menjadi cuka maka sudah tentu tindakan Rasulullah SAW yang menyuruh para sahabat membuang arak adalah mensia-siakan harta bagi anak yatim dan wajib dibayar ganti rugi. Hal ini juga disepakati oleh para sahabat kerana telah diriwayatkan bahawa Sayyidina Umar R.A naik ke atas mimbar dan mengatakan “tidak halal cuka yang terjadi daripada arak yang dirosakkan zatnya sendiri” (Abu Sari’, 1985). Di sini jelas bahawa bagi mazhab Syafie dan Hanbali, arak yang menjadi cuka dikira suci dan halal jika terjadi secara semula jadi, tanpa campur tangan manusia. Ini berbeza dengan pandangan golongan pertama sebagaimana yang dijelaskan seperti oleh Maliki, Ibn Taymiyyah dan lain-lain yang menerima sama ada perubahan itu berlaku semula jadi atau dengan campur tangan manusia. (www.halal.upm.edu.my/imtgt09/Presentation/1st%20day/Shariah%20Principles%20in%20Halal%20Products.pdf)

Bagi mazhab Hanbali najis tidak boleh berubah menjadi suci dengan istihalah, kecuali dalam kes-kes tertentu seperti arak menjadi cuka. Antara hujah yang diberikan ialah sekiranya istihalah boleh berubah menjadi suci, nescaya nabi tidak akan melarang memakan dan meminum susu binatang yang diberikan makan najis atau binatang jallalah (al-Zuhaily, 1997).

Menurut mazhab Syafie dan Hanbali mereka tidak menerima kaedah pembakaran sebagai kaedah istihalah. Oleh itu, bagi mereka berpandangan abu yang terhasil dari pembakaran najis adalah tetap najis sebagaimana hukum asalnya najis. Pendapat tersebut adalah berdasarkan prinsip bahawa apabila ‘ain najis berubah (istihalah) kepada benda yang lain, ia tetap najis contohnya tahi binatang yang dibakar menjadi abu, tetap najis kerana ia asalnya adalah tahi (Anisah, 2004).

Maka konteks ini, penggunaan pinggan-mangkuk yang diperbuat daripada tulang binatang yang haram seperti babi, adalah diharamkan. Pandangan ini dipersetujui oleh Mufti Selangor apabila mengharamkan penggunaan pinggan-mangkuk daripada jenis “china bones”. Bagi beliau, menggunakan serbuk tulang babi untuk membuat pinggan adalah najis mughallazah dan haram digunakan pinggan tersebut termasuk tulang lembu, kambing atau binatang halal yang tidak disembelih. Hukumnya najis sama seperti bangkai, kecuali bulu binatang halal yang diambil semasa binatang itu masih hidup adalah suci dan boleh dimanfaatkan seperti membuat pakaian. (<http://www.muftiselangor.gov.my/SoalJawabAgama/Umum/SoalJawabIUumum6.htm>). Walaupun tulang tersebut dibakar dan diproses, ia tetap najis dan haram kerana pembakaran bukanlah satu proses istihalah selaras dengan pegangan mazhab Syafie dalam hal ini.

Fatwa ini adalah bertentangan sama sekali dengan fatwa yang dikeluarkan oleh Majlis Ugama Islam Singapura (MUIS) yang mengharuskan penggunaan “china bones” sebagaimana yang disebutkan di atas. MUIS berpendapat proses pembakaran, percampuran dengan bahan kimia dan lain-lain dalam proses pembuatan telah menukar bahan tersebut daripada najis kepada suci.

PEMBAHAGIAN *ISTIHALAH*

Mohamad Aizat & Che Wan Jasimah (2009) membahagikan istihalah kepada 2 bahagian. Pertama, istihalah sahahah(perubahan sebenar), iaitu perubahan yang diterima dalam kalangan ulama. Ia melibatkan perubahan dari satu bahan kepada bahan lain melalui agen semula jadi yang mana bahan akhir yang terbentuk adalah halal.

Kedua, istihalah fasidah (perubahan rosak), iaitu merupakan proses perubahan yang rosak atau tidak diterima. Proses ini melibatkan perubahan dari satu bahan yang halal kepada bahan baru yang haram melalui agen perubahan yang halal atau haram. Setelah mengalami proses tersebut, bahan akhir yang terhasil dikategorikan sebagai haram. Namun begitu dalam kes-kes tertentu ia berkemungkinan berubah menjadi halal kembali.

Namun untuk mengkategorikan sesuatu itu termasuk dalam kategori istihalah sahahah atau istihalah fasidah adalah bergantung pada penerimaan konsep istihalah yang dibincangkan di atas. Contoh dalam kes gelatin bersumberkan babi atau sabun yang diperbuat daripada lemak babi. Bagi golongan pertama, iaitu golongan yang menerima konsep istihalah dengan luas, kemungkinan perubahan itu dikira sebagai istihalah sahahah dan halal. Tetapi bagi golongan yang kedua, ia dikira sebagai istihalah fasidah dan haram. Oleh yang demikian, untuk menentukan sama ada sesuatu itu termasuk istihalah sahahah atau istihalah fasidah ianya masih bergantung kepada penerimaan terhadap konsep istihalah tersebut.

KONSEP *ISTIHLAK*

Istihlak berasal daripada perkataan halaka yang bermaksud hancur, binasa, hilang (Rohi Baalbaki 1988). Konsep istihlak ini membawa maksud, sedikit zat yang diharamkan atau najis, bercampur dengan zat yang baik, halal dan banyak sehingga hilang sifat-sifat haram, yang bercampur dengannya seperti rasa, warna dan bau. Percampuran ini menghilangkan sifat najis dan hukum haram yang terdapat padanya (Nazih Hammad 2004). Asas kepada prinsip ini menyatakan bahawa apabila bahan yang diharamkan hancur dalam bahan-bahan yang halal akhirnya tiada lagi unsur bahan haram yang

dikenal pasti, maka bahan haram boleh diabaikan (www.halal.upm.edu.my/imtgt09/Presentation/Ist%20day/Shariah%20Principles%20in%20Halal%20Products.pdf).

PANDANGAN FIQH MENGENAI ISTIHLAK

Pandangan Pertama, Sebagaimana yang disebut dalam perbincangan mengenai istihalah, bahawa antara proses istihalah yang diterima oleh mazhab Hanafi dan lain-lain daripada golongan pertama ialah ‘proses percampuran’. Iaitu percampuran antara benda najis dan suci sehingga hilang sifat dan bentuk bahan najis berkenaan, seperti babi yang jatuh ke dalam garam. Hasil percampuran itu menyebabkan bangkai babi hancur dan hilang menjadi garam maka garam berkenaan adalah suci. Ini bererti bahawa bagi mazhab Hanafi dan lain-lain yang disebutkan sebelum ini bahawa istihlak adalah sebahagian daripada istihalah.

Ini kerana pendapat yang paling jelas bagi mereka ialah bahawa sekiranya najis hancur dan tidak memberi kesan kepada rasa, warna dan bau, maka ia tidak najis. Nazih Hammad (2004) membawa hujah yang diberikan oleh Ibn Taymiyyah dalam hal ini, beliau menyatakan bahawa, sekiranya arak dicampurkan ke dalam air dan larut ke dalamnya, kemudian air itu diminum oleh seseorang, peminum itu tidak dikatakan meminum arak dan tidak dikenakan hukuman had atas kesalahan meminum arak, ini kerana air yang bercampur arak itu tidak memberi perubahan rasa, warna dan juga bau. Begitu juga sekiranya susu wanita dicurahkan ke dalam air, kemudian ianya larut tanpa mengalami sebarang perubahan, maka bayi yang meminumnya tidak akan menjadi anak susuan kepada wanita itu.

Pandangan kedua, mazhab Hanbali tidak menerima konsep percampuran sebagai satu proses penyucian. Oleh itu bagi mereka tanah yang bercampur dengan tahi keldai atau lain-lain binatang adalah najis walaupun kemudian dibakar. Begitu juga jika anjing terjatuh ke dalam garam, maka garam berkenaan adalah najis, sabun yang dihasilkan daripada minyak najis (lemak bintang yang haram dan binatang yang tidak disembelih) adalah najis, biji-bijian yang meresap najis adalah tidak suci, tepung yang diuli

kemudian terkena najis tidak suci, kerana tidak boleh dibasuh (al-Zuhaily 1997).

Mazhab Syafie khususnya berpendapat bahawa sekiranya berlaku percampuran najis dengan benda yang suci dan tidak dapat dibersihkan lagi, maka semuanya dikira najis dan haram. Contohnya seperti cuka, minyak, manisan, anggur dan sebagainya yang terjatuh najis ke dalamnya (Mustafa al Khin, Mustafa al Bugho & Ali al-Syarbaji, 2005). Sekira najis itu cair, maka tidak boleh dibersihkan. Sekiranya beku maka najis itu dan yang berada di sekelilingnya hendaklah dibuang. Bakinya adalah suci (Imam al-Nawawi, 2000). Ini berdalilkan kepada peristiwa yang berlaku kepada Saidatina Maimunah (isteri Rasulullah SAW) sesungguhnya seekor tikus telah terjatuh ke dalam minyak sapi lalu mati di dalamnya. Beliau mengadukan kepada Nabi, maka baginda bersabda buangkan tikus itu dan sekelilingnya dan makanlah minyak sapi itu. Pada hadith lain ditambah “pada minyak sapi yang beku”.

Sekiranya bangkai tikus jatuh ke dalam minyak sapi, maka ia diperintahkan oleh Rasulullah supaya membuang tikus tersebut bersama dengan minyak di sekitar bangkai tersebut. Kemudian dikatakan pada akhirnya “sekiranya ia (minyak itu) cair maka janganlah mendekatinya” (al-Albani, 2000) iaitu kerana cecair itu menyerap najis. Pada pendapat mazhab Shafie bahawa najis yang jatuh ke dalam cecair seperti minyak adalah najis, tidak harus mengambil faedah daripadanya dengan apa cara sekalipun kerana dalam hadith tersebut menyebut “jangan kamu menghampirinya” (al-Marbawi, 2008).

Dalam kes lain, Imam al-Ghazali menyebutkan bahawa, jikalau lalat atau labah-labah terjatuh ke dalam periuk atau belanga yang mengandungi gulai yang sedang dimasak, kemudian serangga itu masak bersama-sama dengan gulai yang ada di dalam belanga itu, hukumnya tidaklah haram memakan gulai dan apa sahaja masakan yang dimasak dalam periuk dan belanga itu. Ini kerana hukum haram memakan lalat, semut dan seumpamanya adalah kerana ianya jijik. Sedangkan pada masa itu makanan yang dimasak itu adalah tidak jijik (al-Marbawi, 2008) jadi hukumnya tidak haram. Tetapi jika bangkai semut itu jatuh di atas daging (sesuatu yang pejal) yang boleh

dipisahkan bangkai semut tadi, maka ia hendaklah dipisahkan dari daging yang dimasak itu. Sebagaimana hadith yang menyebut tentang tikus yang jatuh ke atas minyak sapi yang beku. Berbeza keadaannya sekiranya yang terjatuh itu adalah daging manusia, jikalau satu bahagian daripada daging anak Adam yang mati terjatuh ke dalam masakan, maka hukumnya tidak halal dimakan masakan itu walaupun yang terjatuh itu sedikit sahaja, kerana walau pun daging manusia itu tidak najis, tetapi ia adalah haram kerana kemulian atau penghormatan.

Tetapi berbeza dengan pandangan Imam al-Nawawi (t.t), beliau berpendapat yang sahih ialah tidak haram sekiranya terjatuh sedikit daging manusia ke dalam gulai sekiranya ia telah hancur dan hilang sebagaimana najis yang terjatuh ke dalam air dua kolah dan tidak menjejaskan air berkenaan, maka hukumnya adalah suci.

Pandangan yang diberikan oleh Imam al-Nawawi dalam hal ini adalah selaras dengan pandangan dan hujah yang diberikan oleh Ibn Taymiyyah seperti yang disebutkan sebelum ini. Tetapi, menurut Imam al-Qurtubi (1997) pendapat yang masyhur dan dipegang oleh jumhur ulama ialah, sekiranya berlaku percampuran najis dengan makanan yang halal, maka hukumnya adalah haram, walaupun tidak berubah rasa, bau dan warna.

ISU SEMASA BERKAITAN DENGAN DAN *ISTIHALAH* DAN *ISTIHLAK* DALAM MAKANAN DAN BARANG GUNAAN

Nadwah Pengurusan Islam Ke-8 Dalam Ilmu Perubatan, yang telah diadakan di Kuwait pada 22 hingga 24 Mei 1995 telah memutuskan bahawa (al-Zuhaily, 1997):

- Gelatin yang terbentuk daripada proses istihalah daripada tulang binatang yang najis, kulit dan uratnya adalah bersih dan halal dimakan.
- Sabun yang dihasilkan melalui proses istihalah daripada lemak babi ataupun bangkai haiwan adalah suci dan harus digunakan.
- Keju yang dihasilkan daripada renet yang didapati daripada bangkai haiwan yang halal dimakan, adalah bersih dan harus dimakan.
- Alat-alat solek yang mengandungi lemak babi tidak boleh digunakan,

kecuali jika telah pasti berlaku proses istihalah dan telah berlaku pertukaran ain atau zatnya.

- Bahan makanan yang mengandungi lemak babi sebagai ramuannya dengan tidak berubah zatnya seperti yang terdapat pada sesetengah keju, minyak, mentega, dadih, biskut, coklat dan aiskrim adalah haram.
- Insulin yang diambil daripada babi adalah harus digunakan bagi mengubati kencing manis kerana darurat.

Persoalannya, adakah perubahan yang berlaku seperti tulang berubah kepada gelatin, lemak dan minyak dalam sabun, lemak babi dalam alat solek dan sebagainya yang berlaku itu benar-benar merubah sifat, hakikat atau struktur kimia bahan bangkai tersebut sebagai yang ditakrifkan dalam istihalah atau ia hanya berubah pada zahir sahaja, sedangkan pada hakikatnya perubahan sebenar tidak berlaku? Persoalan lain juga ialah bagaimana untuk memastikan istihalah telah berlaku? Bagaimana untuk mengesan bahawa sesuatu itu benar-benar telah berubah sifat dan hakikatnya seperti yang dikehendaki oleh istihalah dan apakah indikatornya? Ini kerana para saintis sendiri berbeza pendapat dalam memahami maksud “perubahan sifat dan hakikat” yang dikehendaki dalam Istihalah itu.

Sebagai contoh dalam kes gelatin. Gelatin adalah sejenis protein dan bahan mentahnya datang dari kulit, urat dan tulang haiwan (babi dan lembu). Terdapat khilaf dalam kalangan saintis, sama ada perubahan yang berlaku kepada gelatin itu benar-benar telah sempurna dan menepati konsep istihalah atau tidak. Dr. Basri Ibrahim al-Hasani al Azhari (2009) memetik pandangan dua pengkaji berkaitan dengan hal ini iaitu Prof. Abdul Salam dan Dr. Muhammad Hawari dalam kertas kerja yang dibentangkan di Nadwah Fiqh Perubatan Islam kali ke-8 di Kuwait, Mei 1995. Dalam kertas kerja berkenaan, Prof Abdul Salam mengatakan bahawa perubahan yang berlaku dalam proses pembuatan gelatin adalah sempurna dan menepati konsep istihalah. Beliau menyatakan bahawa proses yang dilakukan dalam proses menghasilkan gelatin telah menyebabkan pecahnya ikatan-ikatan kimia yang mengikat antara satu sama lain dan membentuk struktur kimia baru yang lebih kecil. Bentuk kimia kecil yang muncul hasil dari pecahan kimia

ini adalah berbeza secara keseluruhannya dengan yang asal. Kenyataan ini disokong oleh Dr Muhammad Hawari ketika membentangkan kertas di nadwah yang sama. Beliau menyatakan bahawa dari aspek kimia, tindak balas yang terjadi dalam proses pembuatan gelatin adalah seperti tindak balas perubahan alkohol kepada cuka.

Berdasarkan kajian oleh dua saintis ini, Nadwah telah membuat resolusi meluluskan usul kehalalan gelatin, berasaskan kenyataan bahawa proses istihalah itu berlaku secara sempurna dan telah menghilangkan sifat tulang dan urat haiwan kepada suatu bentuk zat yang baru iaitu gelatin.

Walaupun bagaimanapun, Dr. Hani Mansour Mosa al Mazeedi (2009) daripada Institut Penyelidikan Sains Kuwait tidak bersetuju sama sekali dengan pandangan yang mengatakan bahawa gelatin yang diperolehi daripada tulang dan kulit, telah berubah dengan sempurna. Beliau mengatakan bahawa sebahagian daripada ahli biokimia berpendapat bahawa gelatin yang diekstrak daripada kulit dan tulang haiwan tidak melalui perubahan yang sempurna dan komprehensif dan mungkin hanya sebahagian struktur kimia sahaja yang berubah.

Beliau juga tidak setuju bahawa sabun yang dihasilkan daripada campuran lemak babi telah melalui proses istihalah. Dalam hal ini, beliau berpendapat proses istihalah tidak berlaku kerana sebahagian daripada bahan asal (lemak babi) tetap kekal di dalam produk akhir sabun. Sebahagian saintis percaya bahawa proses tindak balas kimia dalam industri sabun tidak 100% sempurna. Dengan kata lain, hanya sebahagian daripada triglycerides atau lemak yang terlibat dalam tindak balas kimia. Sebahagian daripada glycerol yang diurai daripada asid lemak yang terlibat dalam industri sabun mungkin bertambah atau kekal dalam produk akhir sabun untuk memberi kesan lembapan.

Oleh itu jelas bahawa masih terdapat perbezaan pendapat bukan sahaja dalam kalangan ulama tetapi juga para saintis dalam isu istihalah. Berasaskan perbezaan pendapat di kalangan ulama dan saintis dalam hal ini, Islamic Fiqh Academy, India kali ke 14 yang diadakan pada 20 hingga 22 Jun 2004 yang membincangkan mengenai hukum penggunaan gelatin dan memutuskan:

“supaya meminta peniaga Islam untuk hanya membuat gelatin bersumber dari binatang yang dibenarkan sahaja supaya tidak timbul keraguan mengenainya”. Islamic Fiqh Academy, Jeddah pula memutuskan bahawa tidak dibenarkan untuk memakan gelatin yang diambil daripada haiwan yang diharamkan atau tidak disembelih dengan sembelihan syarie. Malah resolusi Islamic Fiqh Academy menyebutkan bahawa semua bahan tidak halal adalah tidak dibenarkan untuk dimasukkan dalam makanan atau ubatan walaupun ia telah hancur.”

(<http://www.halal.upm.edu.my/imtgt09/Presentation/1st%20day/Shariah%20Principles%20in%20Halal%20Products.pdf>).

Oleh kita melihat bahawa kebanyakan badan pensijilan halal antarabangsa mengkategorikan gelatin sebagai syubhah dan tidak menerima gelatin dari sumber haram seperti babi atau bangkai haiwan yang tidak disembelih sebagai halal.

Konsep istihlak dilihat lebih diterima dalam mazhab Shafie berbanding dengan istihalah tetapi penerimaannya bukanlah terbuka seluas-luasnya. Tetapi penerimaannya dibuat secara terpilih. Sebagai contoh pandangan Imam al Nawawi dalam kes daging manusia dan serangga yang jatuh dalam masakan, beliau menerimanya sebagai suci dan halal dimakan, tetapi dalam masa yang sama dalam kes-kes lain beliau dilihat cenderung mengatakannya haram seperti dalam kes tikus yang jatuh ke dalam masakan. Walaupun begitu, dalam isu istihlak terdapat peluang dan mudah untuk menyatukan pandangan antara mazhab-mazhab.

Jika dilihat kepada fatwa-fatwa di Malaysia dan amalan pensijilan halal antarabangsa, istihlak lebih diterima berbanding dengan istihalah. Beberapa fatwa oleh Majlis Fatwa Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia boleh dikatakan menerima pakai konsep istihlak dalam beberapa kes sebagai contoh:

- keharusan menggunakan serangga cochineal sebagai bahan pewarna dalam makanan. Antara alasan yang digunakan ialah kerana nisbah penggunaannya adalah amat sedikit iaitu antara 0.003% hingga 0.006%.

- penggunaan alkohol dalam flavour juga adalah dibenarkan kerana jumlahnya sedikit dan tidak memabukkan dengan syarat alkohol tersebut tidak dihasilkan dalam pembuatan arak.
- penggunaan air baru (new water) adalah diharuskan kerana berlaku percampuran antara air najis dan juga air yang bersih yang lebih banyak sehingga hilang bau, rasa dan warna air berkenaan.

Dalam isu istihalah, fatwa di Malaysia dilihat berpegang kuat dengan pandangan mazhab Shafie sebagaimana yang dapat dilihat kepada keputusan fatwa mengenai penggunaan pinggan dari jenis “china bones” yang dibuat oleh Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor, seperti yang disebutkan sebelum ini. Contoh lain boleh dilihat kepada keputusan-keputusan fatwa berikut:

- Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-73 yang bersidang pada 4 - 6 April 2006 telah membincangkan Hukum Cuka Wain (Wine Vinegar). Muzakarah telah memutuskan bahawa haram menggunakan Cuka Wain (*Wine Vinegar*) yang diproses dan dicampur dengan bahan-bahan luar. Walau bagaimanapun, sekiranya perubahan daripada cuka wain kepada cuka berlaku dengan sendirinya, maka ia adalah halal.
- Muzakarah Khas Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia yang bersidang pada 12 Jul 1999 telah memutuskan bahawa barangan, makanan dan minuman yang diproses melalui kaedah bio-teknologi DNA babi adalah bercanggah dengan syarak dan hukumnya adalah haram.

PENUTUP

Dari perbahasan di atas boleh disimpulkan bahawa pemahaman dan penerimaan konsep istihalah dan istihlak di kalangan ulama telah mewujudkan dua kelompok pandangan yang berbeza. Bagi mereka yang berpegang dengan pandangan pertama membolehkan sebahagian besar bahan mentah dan aditif yang ada pada hari ini seperti gelatin, bahan-bahan perasa, renet dan sebagainya digunakan walaupun bersumber dari binatang

yang tidak disembelih, atau binatang yang haram seperti babi atau yang mengandungi alkohol sebagai bahan dalam makanan dan barang gunaan. Pandangan ini sememangnya akan memudahkan umat Islam, khususnya bagi pengguna dan pengusaha industri makanan, kerana lebih mudah bagi mereka mendapatkan bahan mentah tanpa memikirkan sama ada ia bersumber dari babi atau sebagainya, disembelih atau tidak. Sememangnya diakui bahan bahawa sesetengah bahan mentah ini banyak diperbuat dari babi. Sebagai contoh gelatin pada hari ini sebahagian besar diproses dari sumber babi.

Pandangan kedua, membawa implikasi bahawa semua bahan ramuan dan juga aditif daripada haiwan yang tidak disembelih dengan menepati hukum syarak atau bersumber dari binatang yang haram seperti babi adalah haram dan tidak sesuai untuk dijadikan bahan mentah atau aditif dalam makanan atau barang gunaan orang Islam. Sememangnya pandangan ini lebih sempit dan menyukarkan pengguna dan pengusaha, tetapi ia lebih selamat dan meyakinkan. Atas asas inilah kita lihat Seminar Fiqh, Islamic Fiqh Academy, India seperti yang disebutkan sebelum ini telah meminta peniaga Islam untuk hanya membuat gelatin bersumber daripada binatang yang dibenarkan sahaja supaya tidak timbul keraguan mengenainya berasaskan konsep ihtiyati. Ini juga adalah selaras dengan resolusi Islamic Fiqh Academy, Jeddah yang melarang orang Islam mengambil gelatin yang bersumber daripada haiwan yang diharamkan atau tidak disembelih dengan sembelihan syari'e walaupun ia telah hancur meresap.

Ini membuktikan bahawa pandangan kedua lebih diterima oleh masyarakat Islam berbanding dengan pandangan pertama. Oleh itu, kebanyakan negara-negara Islam, khususnya badan-badan pensijilan halal dilihat berpegang dengan pandangan kedua, walaupun ia dilihat lebih menyukarkan tetapi bagi mereka berpegang dengan pandangan kedua akan memberi lebih keyakinan dan kepuasan kepada semua umat Islam kerana ia lebih ketat dan lebih berhati-hati.

Konsep istihlak dilihat lebih diterima dalam mazhab Shafie berbanding dengan istihalah, berdasarkan kepada pandangan Imam al-Nawawi yang menghukumkan halal jika sedikit anggota manusia jatuh dalam masakan selagi mana tidak mengubah masakan berkenaan, dan pandangan Imam al-Ghazali yang mengharuskan makan makanan yang terjatuh semut atau lalat dan hancur di dalamnya asalkan tidak jijik. Walaupun begitu, dalam isu istihlak terdapat peluang dan mudah untuk menyatukan pandangan antara mazhab-mazhab berbanding dalam isu istihalah.

RUJUKAN

- ‘Abd al Nasir (1309H), Al Mawsu’ah Jaml ‘Abd al Nasir fi al Fiqh al Islami, Qaherah, al Majlis al-‘Ala Lil Syuyun al Islamiyyah, Juz.5.
- Abi Ishak al Syirazi (1996), al Muhazzab Fi Fiqh al Syafei, Dar al Qalam, Damsyik.
- Abu Sari’ Muhammad ‘Abdul Hadi (1985), Ahkam al – Athimah wa al Zabaih fi al Fiqh al Islami, Qaherah, Maktabah al Turath al Islamiy
- Anisah Abdul Ghani (2008), Kebersihan dan Keselamatan Makanan dari Perspektif Halal. Jurnal Halal. Putajaya, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM)
- Al Imam Alaudin Abi Bakr bin Mas’ud al Kasani al Hanafi (1997), Bada’i al Sana’i Fi Syarah al Tartib al Syara’i, Dar al Kutub al ‘Ilmiyyah, Beirut Lubnan
- Al ‘Asqalani Ahmad Ibn ‘Ali Ibn Muhammad Ibn Hajar (1997), Talkhis al Habin fi Takhrij Ahadith al Rafi’ al Kabir, Riyad, Maktabah Nazar Mustafa al Baz. Jld. 4.
- Aznan Hassan (Dr.), Shariah Principles In Halal Products, <http://www.halal.upm.edu.my/imtgt09/Presentation/1st%20day/Shariah%20Principles%20in%20Halal%20Products.pdf> dilihat pada 15 Disember 2010).
- Basri bin Ibrahim al Hasani al Azhari (Dr.) (2009), Isu-isu Fiqh Halal &Haram Semasa, Jilid 1, al Hidayah Kuala Lumpur.
- Collin Cobuild (1994). Essential English Dictionary, , The University of Birmingham, UK.
- Hani Mansour Mosa al Mazeedi (Dr.) (2009) Change of State From Haram To Halal, Halal Journal November + Disember 2009.

Ibn Najim, Zain al ‘Abidin bin Abraham bin Muhammad (1997), al Baru al Raiq Syarah Kanzu Daqaiq (Fi Furu’ al Hanafiyyah), Dar al Kutub al ilmiyyah, Beirut.

Imam al Qurtubi (1997) Muhammad Ibn Ahmad Ibn Rusyd al Qurtubi (1997), Bidayah al Mujtahid wa Nihayah al Muqtasid, Dar al Ma’rifai. Beirut, Lubnan.

Imam al-Nawawi, Abi Zakariya Muhyiddin bin Syaraf al-Nawawi (t.t), Kitab al-Majmu’ Syarah al-Muhazzab li al-Syirazi, Dar ihya’ alTurath al-‘Arabi, Jld 9.

Muaffiquddin Abdullah bin Qudamah al Maqdisi (1994), al Kaafi fi al Fiqh al Imam Ahmad bin Hanbal, Dar al kutub al ‘Ilmiyyah, Beirut, Lubnan jld. 1

Mohamad Aizat & Che Wan Jasimah (2009) Teori Istihalah Menurut Perspektif Islam Dan Sains: Aplikasi Terhadap Bebarapa Penghasilan Produk Makanan, di dalam Jurnal Syariah Jan- April 2009, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

Muhammad Amin Ibn Abidin al-Hanafi (2003), Radd al-Mukhtar ‘Ala al Dar al Muhtar Syarh Tanwir al Abrar, Jilid 1, Dar al Kutub al ‘Ilmiyyah, Beirut)

Mustofa al Khin (Dr.), Mustofa al Bugha (Dr). & Ali As-Syarbaji (2005), Kitab Fikah Mazhab Syefei, Jilid 3, Pustaka Salam, Kuala Lumpur.

Muhammad Idris al Marbawi (2008), Bahru al Mazi, Mukhtasar Sahih al Tirmidhi, Kuala Lumpur, al Hidayah, Jilid 12.

Muhammad Idris al Marbawi (2008), Bahru al Mazi, Mukhtasar Sahih al Tirmidhi, Kuala Lumpur, al Hidayah, Jilid 13.

Muhammad bin Ahmad bin ‘Urfah, al Dasuqi (2003), Hasyiah al Dasuqi, Dar al Kutub al ‘Ilmiyyah, Beirut Lubnan.

Muhammad Nasir al-Albani (1997), Sahih Sunan Abi Daud, Maktabah al Ma'arif li al-Nasyr wa al Tauzi', Riaydh Jld 2.

Muhammad Nasir al-Albani (2000), Sahih Sunan al-Tirmidhi, Maktabah al Ma'arif li al-Nasyr wa al Tauzi', Riaydh Jld 2.

Nazih Hammad (Dr.) (2004), Penggunaan Bahan-bahan Yang Haram & Najis Yang digunakan di Dalam Makanan & Ubat-Ubatan, Kuala Lumpur : al Hidayah Publisher (al Adawiyyah al Musytamilah 'ala al Mukhaddirat)

Oxford at The Clarendon Press (1978), The Oxford Dictionary, Vol.XI, ,

Rohi Baalbaki (Dr.) (1988), al Mawrid, Dar al Ilmi lil Malayiin, Beirut Lubnan.

Wahbah al Zuhayli (1998). Al Tafsir al Munir fi al 'Aqidah wa al Syariah wa al Manhaj. Beirut Lubnan, Dar al Fikr al Mu'asir Jld 2.

Wahbah al Zuhayli, (1997) al-Fiqh al Islamiyyah Wa Adillatuh, Jld 4, Damsyik,. Dar al Fikr,

Wahbah al Zuhayli, (1997) al Fiqh al Islamiyyah Wa Adillatuh, Jld 1, Damsyik,. Dar al Fikr,

Wizaratu al-Awqaf wa Syu'un al-Islamiyyah (1983), al-Mausuah al-Fiqhiyyah, Jld 3 dan 4.

Office of the Mufti, Majlis Ugama Islam Singapura, Usage of Bone China, (http://www.muis.gov.sg/cms/oomweb/oom_faq.aspx?id=14822 dilihat pada 18 Februari 2011.

Jabatan Mufti Selangor Darul Ehsan, Soal Jawab Agama Umum, <http://www.muftiselangor.gov.my/SoalJawabAgama/Umum/SoalJawabIUmum6.htm> dilihat pada 12 Februari 2011.

**HUKUM SOLAT JUMAAT YANG
KURANG JEMAAHNYA 40 ORANG:
AMALAN DI MALAYSIA**

KAMARULZAMAN BIN HJ.MUSTAPPA
SARIP BIN ADUL

ABSTRAK

Kertas ini akan membincangkan mengenai syarat bilangan jemaah dalam solat Jumaat, adakah sah hukum mendirikan solat Jumaat tanpa cukup bilangan 40 orang atau tidak sah hukumnya. Ini kerana situasi yang berlaku di masa kini, masih terdapat di kawasan-kawasan terpencil seperti kawasan penduduk orang asli muallaf dan kawasan pedalaman yang lain tidak mendirikan solat Jumaat hampir bertahun-tahun atas sebab tidak cukup bilangan jemaah. Beberapa hujah dan dalil serta pandangan empat Mazhab diutarakan sebagai memberi penjelasan dari sudut pandangan hukum ke atas status jemaah solat Jumaat yang kurang bilangannya 40 orang. Maka kertas ini cuba memberi pertimbangan antara status hukum dan kuasa pemerintah yang mengikat sesebuah masjid samada membenarkan untuk mendirikan solat Jumaat atau tidak.

PENDAHULUAN

Solat Jumaat merupakan perkara Fardhu Ain yang wajib dikerjakan bagi setiap individu muslim yang cukup syarat. Dalam memenuhi segala tuntutan syarat tersebut ke atas seseorang individu, ia juga terikat dengan syarat lain seperti bilangan ahli jemaah solat Jumaat, tidak berlaku solat Jumaat lebih dari dua kumpulan di kawasan yang sama, mestilah dalam waktu Zohor dan didirikan secara berjemaah.

Perkara ini amat penting didedahkan kepada masyarakat supaya masyarakat dapat mengenal pasti apakah hukum syarak membenarkan sesebuah kawasan atau tempat tidak mengharuskan mengerjakan solat Jumaat disebabkan bilangan jemaah yang berkurangan atau diharuskan mendirikan solat Jumaat sekalipun bilangannya tidak mencukupi.

Sedangkan masalah yang diperolehi melalui khutbah jumaat amat besar bagi penduduk kampung tersebut dalam menimba kefahaman tentang agama, berbanding dengan hanya mengerjakan solat Zohor secara berjemaah pada hari Jumaat. Pihak berkuasa agama juga mampu menyalurkan kefahaman, penjelasan dan pandangan Islam terhadap isu-isu semasa melalui khutbah yang disampaikan di setiap hari jumaat. Apatah lagi kampung-kampung tersebut kemungkinan sukar didatangi oleh para pendakwah, ulama' dan guru-guru agama untuk menyampaikan kefahaman Islam.

Amalan tidak dapat mendirikan solat Jumaat amat dibimbangi oleh umat Islam terutama bagi golongan muallaf yang baru berjinak-jinak dengan amalan agama yang tinggal di kawasan-kawasan pedalaman, didatangi pula dengan pendakwah-pendakwah Kristian yang senantiasa mencari ruang dan peluang untuk mengajak beramal dengan agama mereka.

Justeru, isu ini perlu diberi perhatian bagi mengenal pasti hukum syarak mengenai **kemungkinan membenarkan** solat Jumaat diadakan di kampung-kampung terpencil yang bilangan jemaahnya kurang dari 40 orang. Bilangan ini amat sukar dicapai bagi kawasan pedalaman memandangkan umat Islam mempunyai taburan penduduk yang sedikit di satu-satu kawasan.

Berdasarkan pada pandangan Mazhab Shafi'e menetapkan bahawa syarat sah solat Jumaat mestilah mencukupi 40 orang. Ini berdasarkan kepada keputusan Fatwa Negeri Pulau Pinang (1988) dan Perak (2005) tidak

membenarkan solat Jumaat dilaksanakan kerana jemaah kurang daripada 40 orang¹.

HIKMAH DAN KELEBIHAN MENUNAIKAN SOLAT JUMAAT

Umum mengetahui bahawa hukum mengerjakan solat Jumaat adalah fardhu 'ain bagi orang lelaki yang cukup syarat-syaratnya iaitu mukallaf (baligh dan berakal), merdeka, tinggal atau menetap pada sesuatu tempat, sihat atau tiada keuzuran dan mendengar seruan azan. Solat ini tidak wajib ke atas kanak-kanak, orang gila dan seumpamanya, hamba, wanita, musafir, pesakit, orang yang takut dan orang buta (ada perbezaan pendapat)².

Kelebihan Jumaat itu amat besar hikmah dan fadhilatnya. Antara hikmahnya ialah dapat menguatkan ikatan ukhuwwah sesama mereka dan berkenalan-kenalan, melatih mereka supaya taat setia kepada pemimpin dan berdisiplin, mengingatkan syaria Islamiyah yang menjadi perlembagaan, undang-undang, panduan moral, adab dan tingkah laku, dan menyeru kepada kebaikan serta melarang daripada melakukan kemungkaran³.

Kelebihan yang diganjarkan oleh Allah SWT bagi orang yang menunaikan solat Jumaat bermula dari mempersiapkan diri untuk ke masjid sehinggalah selesai menunaikannya. Orang yang datang awal untuk solat Jumaat mempunyai pahala yang berperingkat-peringkat⁴. Sabda Rasulullah SAW:

حدثنا عبد الله بن مسلمة عن مالك عن سمي عن أبي صالح السمان
عن أبي هريرة أن رسول الله صلى الله عليه وسلم قال من اغتسل يوم الجمعة
غسل الجنابة ثم راح فكأنما قرب بدنة ومن راح في الساعة الثانية فكأنما قرب
بقرة ومن راح في الساعة الثالثة فكأنما قرب كبشاً أقرن ومن راح في الساعة
الرابعة فكأنما قرب دجاجة ومن راح في الساعة الخامسة فكأنما قرب بيضة فإذا
خرج الإمام حضرت الملائكة يستمعون الذكر⁵

رواه البخاري

Maksudnya:...Sesiapa yang mandi pada hari Jumaat seperti mandi Janabah (berhadath besar), kemudian pergi (ke masjid pada saat yang pertama), maka pahalanya seumpama ia berkorban seekor unta; sesiapa yang pergi (ke masjid) pada saat yang kedua, seumpama ia berkorban seekor lembu; sesiapa yang pergi (ke masjid) pada saat yang ketiga, seumpama ia berkorban seekor biri-biri yang bertanduk; sesiapa yang pergi (ke masjid) pada saat yang keempat, seumpama ia berkorban seekor ayam betina; sesiapa yang pergi (ke masjid) pada saat yang kelima, seumpama ia memberi sedekah sebiji telur; dan apabila imam keluar (untuk membaca khutbah), maka Malaikat pun hadir sama untuk mendengarnya.

Menunaikan solat Jumaat mengikut adab dan tertibnya boleh mengampunkan dosa yang telah dilakukan oleh seseorang mula pada hari Jumaat sehingga ke hari Jumaat berikutnya. Sebagaimana sabda Rasulullah SAW:

الصلوات الخمس والجمعة إلى الجمعة ورمضان إلى رمضان مكفرات ما بينهن
إذا اجتنبت الكبائر⁶
رواه مسلم

Maksudnya: Solat Lima waktu; dari solat Jumaat hingga ke solat Jumaat (yang berikutnya); dan dari Ramadhan hingga ke Ramadhan (yang berikut) adalah penebus bagi sesuatu dosa yang dilakukan di antaranya selama mana tidak dilakukan dosa-dosa besar (kaba'ir).

Dan sabda Rasulullah SAW:

من اغتسل ثم أتى الجمعة، فصلّى ما قدر له، ثم أنصت حتى يفرغ من خطبته،
ثم يصلى معه، غفر له ما بينه وبين الجمعة الأخرى، وفضل ثلاثة أيام⁷
رواه مسلم

Maksudnya: Sesiapa yang mandi, kemudian menghadiri solat Jumaat sehingga imam selesai membaca khutbahnya, kemudian bersolat bersama-samanya, diampunkan mana-mana dosanya yang dilakukan di antara Jumaat itu dengan Jumaat yang satu lagi dan tiga hari yang berikutnya.

Manfaat yang diperolehi menerusi khutbah Jumaat amat besar bagi orang yang hadir ke masjid; menimba kefahaman tentang agama, berbanding dengan orang tidak menunaikan solat dan tidak mendengar khutbah Jumaat.

PANDANGAN ULAMA' MENGENAI SOLAT JUMAAT

Solat Jumaat tidak sah dilakukan kecuali dengan ‘berjemaah’. Syarat tersebut disepakati oleh semua ulama tanpa sebarang perselisihan. Ini berdasarkan hadith Rasulullah SAW:

عن طارق بن شهاب عن النبي صلى الله عليه وسلم قال "الجمعة حق واجب على كل مسلم في جماعة إلا أربعة عبد مملوك أو امرأة أو صبي أو مريض".⁸
رواه أبو داود والحاكم

Maksudnya: Dari Tariq bin Shihab, dari Nabi S.A.W bersabda: "Solat Jumaat itu hak kewajipan keatas setiap muslim dengan cara berjemaah kecuali 4 golongan; hamba yang dimiliki, wanita, kanak-kanak dan orang sakit".

Walau bagaimanapun berlaku perselisihan pendapat dalam menentukan kadar bilangan jemaah. Al-Hafiz Ibn Hajar Al-Asqalani menyebut dalam *Fath al-Bari* terdapat 15 mazhab dalam masalah bilangan jemaah dalam solat Jumaat⁹. Al-Dimasyqi al-Syafi'e menyebut dalam kitabnya *Rahmatul Ummah fi Ikhtilaf al-Aimmah* bahawa antara pandangan itu ialah¹⁰ tidak wajib dan tidak sah Jumaat kecuali dengan 40 orang mukallaf dan mastautin, di sisi Imam al-Shafi'e dan Imam Ahmad. Dan Imam Abu Hanifah berkata:

terlaksana dengan 4 orang, dan berkata Imam Malik¹¹: terlaksana Jumaat walau kurang daripada 40 orang dan tidak wajib Jumaat kalau hanya 3 atau 4 orang. Berkata al-Auza'ie dan Abu Yusuf: terlaksana dengan 3 orang. Abu Thaur berkata: Solat Jumaat sama seperti solat-solat fardhu yang lain, maka apabila ada di sana makmum dan khatib, sah solat, kalau berhimpun 40 orang yang semuanya musafir, lalu mereka mengerjakan Jumaat, tidak sah solat mereka.

Pandangan Mazhab Shafi'e

Imam Syafie RH telah menyebut dalam kitabnya al-Umm:

(وسمعت عددا من أصحابنا يقولون : تجب الجمعة على أهل دار مقام إذا كانوا أربعين رجلا وكانوا أهل قرية فقلنا به وكان أقل ما علمناه قيل به)¹²

Maksudnya: (Aku telah mendengar sebilangan dari sahabat-sahabat kami berkata: Jumaat itu wajib ke atas orang-orang yang mukim apabila bilangan mereka 40 orang lelaki dan kesemuanya adalah ahli qaryah. Maka kami mengatakan (sependapat) dengannya. Dan itulah seminum bilangan (jemaah Jumaat) yang kami ketahui pernah dikatakan)

Terdapat riwayat lain oleh Ibn al-Khas pengarang al-Talkhis mengatakan bahawa *Qaul Qadim* Imam Shafi'e mensyaratkan 3 orang untuk membolehkan solat Jumaat iaitu imam bersama dua makmum¹³.

Pandangan yang mengatakan 40 orang jemaah disepakati oleh semua fuqaha Shafi'iyyah¹⁴. Disyaratkan juga dalam Mazhab Shafi'e, semua 40 orang jemaah lelaki tersebut mesti mendengar 'rukun-rukun' khutbah kesemuanya. Andainya kesemua 40 jemaah Jumaat tidak mendengar rukun-rukun khutbah, terbatalah khutbah tersebut dan andainya sebahagian mereka tidak mendengar rukun-rukun khutbah, maka terbatalah 'hukum bilangan' (dimana tidak sempurna bilangan 40 orang. Contohnya kalau 3

orang tertidur sepanjang khutbah, maka bilangan jemaah cuma tinggal 37 orang. Jumaatnya tidak sah)¹⁵.

Bagi tempat yang kurang bilangan jemaah 40 orang, tidak sah mengerjakan solat jumaat tetapi dikehendaki mendirikan solat zuhur sahaja¹⁶.

Dalil-Dalil Mazhab Syafie;

Fuqaha' Mazhab Syafi'e telah mendatangkan beberapa dalil dari hadith Rasulullah SAW sebagai bukti bahawa syarat sah solat Jumaat ialah 40 orang atau lebih.

Dalil Pertama:

حدثنا قتيبة بن سعيد عن ابن إدريس عن محمد بن إسحاق عن محمد بن أبي أمية بن سهل عن أبيه عن عبد الرحمن بن كعب بن مالك وكان قائد أبيه بعدما ذهب بصره عن أبيه كعب رضى الله عنهما : أنه كان إذا سمع النداء يوم الجمعة ترحم لأسعد بن زرارة, قال فقلت له إذا سمعت النداء ترحمت لأسعد بن زرارة لأنه أول من جمع بنا في هزم النبيت من حرة بني بياضة في نقيع يقال له نقيع الخضعات قلت كم أنتم يومئذ ؟ قال أربعون رجلا. ¹⁷

روا أبو داود وابن ماجه

Maksudnya: (Telah diberitakan kepada kami Qutaibah bin Said dari Ibn Idris, dari Muhammad bin Ishak dari Muhammad bin Abi Umamah bin Sahl dari bapanya, dari Abdul Rahman bin Kaab bin Malik, (dimana ia (Kaab) menjadi ketua bapanya ketika ia sampai di basrah), dari bapanya iaitu Kaab bin Malik, dimana bapanya setiap kali mendengar seruan azan hari Jumaat akan mendoakan

kesejahteraan kepada 'As'ad bin Zurarah, dan bapanya berkata; ini kerana ia ('As'ad) orang pertama menghimpunkan kami (untuk solat Jumaat) di Hazm al-Nabit, di Harrah¹⁸ Bani Bayadhah di Naqie' yang dikenali sebagai Naqie al-Khadhamat¹⁹. Aku bertanya: "berapa bilangan kamu waktu itu?. Ia menjawab: 40 orang").

Dalil Kedua

روي سلمان بن طريف، عن مكحول، عن أبي الدرداء عن النبي صلى الله عليه وسلم أنه قال: ((إذا اجتمع أربعون رجلا فعليهم الجمعة))²⁰

Maksudnya: (Diriwayatkan oleh Salman bin Tarif dari Makhul dari Abi al-Darda' dari Nabi S.A.W bahawa baginda telah bersabda: " Apabila 40 orang lelaki berhimpun, maka wajiblah ke atas mereka itu mengerjakan solat Jumaat").

Dalil Ketiga

عن عبد العزيز بن عبد الرحمن عن خفيف عن عطاء عن جابر عن النبي صلى الله عليه وسلم قال: ((في كل ثلاثة إمام وفي كل أربعين فما فوق ذلك جمعة وأضحى وفطر))
رواه الدارقطني والبيهقي

Maksudnya: (Dari Abdul Aziz bin Abdul Rahman bin Khasif dari 'Ata' dari Jabir dari Nabi SAW bersabda: " bagi setiap 3 orang (yang berhimpun) perlu berimam (mengerjakan solat jamaah). Bagi 40 orang ke atas, perlu mengerjakan solat Jumaat, solat sunat eid el-adha dan eid al-Fitr)

(Hadith diriwayatkan oleh al-Dar Qatni dan al-Baihaqi)

Munaqasyah Dalil-Dalil Mazhab Syafie

Mengenai hadith **pertama** yang menjadi dalil Shafi'iyah, Sheikh Nasiruddin al-Albani dalam kitabnya *Irwa' al-Ghalil* menyebut bahawa sanad hadith tersebut adalah di tahap 'hasan'. Perawinya juga 'thiqah' kecuali perawi bernama An'anah ibn Ishak yang ditakuti melakukan 'al-Tahdith'²¹. Begitu juga yang di sebut oleh al-Hafiz Ibn Hajar al-Asqalani bahawa hadith, sanadnya *hasan* sahaja. Sebagai ulama' Shafi'e beliau menegaskan bahawa hadith ini tidak boleh dijadikan sandaran untuk mengatakan bahawa solat Jumaat tidak sah kalau kurang dari 40 orang²². Imam al-Shaukani ketika membicarakan hadith ini berkata: "Sesungguhnya tidak ada sebarang dalil pada hadith ini dalam mensyaratkan 40 orang, kerana peristiwa untuk keadaan tertentu, dan demikian itu berlaku kerana Jumaat asalnya difardhukan ke atas Nabi SAW ketika dia di Mekah sebelum hijrah seperti (hadith) yang diriwayatkan oleh al-Tabrani dari Ibn Abbas, namun tidak mampu dilaksanakan di sana kerana (tentangan) orang kafir. Maka setelah beberapa sahabat Nabi berhijrah ke Madinah, lalu baginda telah menulis kepada mereka memerintahkan untuk berhimpun (mengerjakan Jumaat). Maka berhimpunlah mereka, dan disepakati bahawa jumlah mereka (ketika itu) ialah 40 orang, dan peristiwa ini tidak sedikitpun membuktikan bahawa bilangan yang kurang dari 40 orang tidak mewajibkan didirikan Jumaat. Telah menjadi ketetapan dalam Usul Fiqh: Bahawa peristiwa-peristiwa yang khas untuk keadaan tertentu tidak boleh berhujjah dengannya pada perkara umum"²³.

Mengenai hadith **kedua**, al-Hafiz Ibn Hajar menyebut:

(حديث أبي الدرداء إذا بلغ أربعين رجلاً فعليهم الجمعة أوردته صاحب التمه

ولا أصل له)²⁴

(*Hadith Abi al-Darda' "apabila sampai bilangan jemaah 40 orang lelaki maka ke atas mereka solat Jumaat, didatangkan akannya oleh pengarang (kitab) al-Tatimmah, dan (hadith) itu tidak ada 'asal' baginya).*

Mengenai hadith **ketiga** yang diriwayatkan oleh Abdul Aziz dari Khasif dari 'Ata' dari Jabir, yang menjadi hujjah Shafi'iyyah pula, al-Hafiz Ibn Hajar pula menyebut:

(وعبد العزيز قال أحمد اضرب على حديثه فإنها كذب أو موضوعة وقال النسائي ليس بثقة وقال الدارقطني منكر الحديث وقال ابن حبان لا يجوز أن يحتج به وقال البيهقي هذا الحديث لا يحتج بمثله)²⁵

Maksudnya: Dan Abdul Aziz, telah berkata Imam Ahmad mengenai dirinya: kucar kacir pada hadithnya, maka sesungguhnya hadithnya itu pembbohongan atau 'maudu' (rekaan), Imam al-Nasaie pula menyebut: "Abdul Aziz tidak thiqah", dan al-Daruqutni pula telah berkata: "beliau 'munkar al-Hadith'", dan Ibn Hibban pula telah berkata: "tidak harus berhujah dengannya", dan al-Baihaqi pula telah berkata: Hadith ini tidak boleh dijadikan hujjah untuk yang seumpamanya".

Mazhab Hanafi

Terdapat 2 pandangan dalam **Mazhab Hanafi**; Imam Abu Hanifah dan Imam Muhammad bin Hassan al-Shaibani berpandangan bahawa sah Jumaat sekiranya terdapat 4 orang jemaah termasuk imam. Imam Abu Yusuf pula berpandangan sah Jumaat apabila didirikan oleh 3 orang termasuk imam.

Ulama Hanafi sepakat bahawa jamaah (الجماعة) dari perkataan (الجمع al-Jama') dan bilangan 'al-Jama' dalam solat Jumaat ialah 3. Namun mereka berselisih dalam perlaksanaan teori tersebut. Abu Yusuf berkata; "syarat mengerjakan Jumaat ialah berjemaah dan itu sudah wujud (dengan 3 orang), di mana 2 makmum bersama imam adalah 3, kerana itu imam berada dihadapan 2 makmum, dan meletakkan 2 makmum dibelakangnya". Lalu tidak ada keperluan mensyaratkan 40 orang untuk bilangan jama' berlainan dengan 2, kerana bilangan 2 bukan jama'. Abu Hanifah pula menegaskan bahawa bilangan jama' mutlak adalah syarat terlaksananya Jumaat pada hak

setiap orang makmum dan syarat harusnya solat setiap mereka, justeru itu perlu ada selain dari dirinya, 3 orang yang lain dan termasuk dirinya iaitu 4 orang. Jika tidak, tidak dinamakan berjemaah²⁶.

Antara dalil mereka yang lain ialah firman Allah SWT:

... إِذَا نُودِيَ لِلصَّلَاةِ مِنْ يَوْمِ الْجُمُعَةِ فَاسْعَوْا إِلَى ذِكْرِ اللَّهِ ...

(Surah al-Jumuah 62:9)

Maksudnya: ... Apabila diseru untuk mengerjakan solat pada hari Jumaat, bersegeralah mengingati Allah ...

Kata mereka, ayat ini mengkehendaki wujudnya ‘penyeru’, orang yang ingat dan dua orang yang bersegera kerana kata-kata Allah tidak membawa maksud kecuali 2 orang atau lebih. Himpunan kesemuanya ialah minimum 4 orang²⁷.

Munaqasyah: Apa yang di sebut oleh Hanafiyyah yang mengatakan Jemaah itu mesti ‘al-Jama’ iaitu tiga atau lebih dan bukan 2 kerana 2 adalah ‘al-muthanna’, dari pandangan ahli bahasa dan tidak boleh dijadikan sandaran dalam menentukan jumlah bilangan jemaah dalam solat Jumaat. Malah telah thabit dari Rasulullah SAW dan dipersetujui oleh seluruh fuqaha bahawa solat berjemaah boleh didirikan oleh 2 orang. Tafsiran terhadap ayat al-Quran itu juga pelik dan tidak disokong oleh dalil-dalil yang kukuh.

Mazhab Maliki

Dalam **Mazhab Maliki** juga terdapat 2 pandangan; **pertama:** Harus mengerjakan solat Jumaat walaupun kurang dari 40 orang dan tidak harus solat dengan 3 atau 4 orang²⁸, dan pandangan **kedua:** sah Jumaat apabila didirikan oleh 12 orang²⁹.

Pandangan mereka ini adalah berdasarkan hadith yang diriwayatkan oleh Bukhari:

عن جابر بن عبد الله قال: ((: بينما نحن نصلي مع النبي صلى الله عليه وسلم إذ أقبلت عير تحمل طعاما فالتفتوا إليها حتى ما بقي مع النبي صلى الله عليه وسلم إلا اثنا عشر رجلا فنزلت هذه الآية {وإذا رأوا تجارة أو لهوا انفضوا إليها وتركوك قائما} ³⁰.

Maksudnya: (Dari Jabir bin Abdullah telah berkata: “Ketika mana kami solat (Jumaat) bersama Rasulullah SAW, lalu datang rombongan membawa makanan, lalu sebahagian jemaah-jemaah pergi kepadanya sehingga tidak ada yang tinggal bersama Rasulullah kecuali 12 orang lelaki.

Al-Dar Qatni pula meriwayatkan dengan lafaz

(أن النبي صلى الله عليه وسلم كان يخطب فقدم عير تحمل الطعام فانفضوا إليها وتركوا رسول الله صلى الله عليه وسلم قائما وليس معه إلا اثني عشر رجلا منهم أبو بكر و عمر وعثمان وعلي رضي الله عنهم أجمعين وقد أقام الجمعة بهم)

Maksudnya: (Bahawa Nabi SAW sedang berkhotbah, lalu datang rombongan membawa makanan, lalu mereka pergi kepadanya dan meninggalkan Rasulullah yang sedang berdiri dan tidak ada yang tinggal bersama Rasulullah SAW kecuali 12 orang lelaki, antara mereka ialah Abu Bakar, Umar, Uthman dan Ali r.anhum dan Rasulullah telah melaksanakan solat Jumaat bersama mereka)³¹.

Munaqasyah: Hadith-hadith di atas adalah peristiwa khas dan tidak langsung menthabitkan bahawa solat jumaat yang kurang dari 12 orang tidak sah.

Mazhab Hanbali

Dalam Mazhab Hanbali pula terdapat 3 pandangan: Pertama: 40 orang seperti pandangan Shafi'iyah, ini merupakan pandangan yang paling sah dalam mazhab. Dalil mereka juga sama seperti dalil Shafi'iyah. Kedua: Riwayat dari Imam Ahmad mengatakan bahawa tidak sah Jumaat kecuali dengan 50 orang jemaah. Pandangan ini berdalilkan hadith Rasulullah SAW :

عن أبي أمامة قال: قال رسول الله صلى الله عليه وسلم: تجب الجمعة على خمسين رجلا ولا تجب على من دون ذلك³²

Maksudnya: Dari Abi Umamah berkata: “Telah bersabda Rasulullah SAW: “Wajib Jumaat ke atas 50 orang lelaki dan tidak wajib jika kurang dari itu” ”.

Riwayat Ketiga dari Imam Ahmad ialah; sah Jumaat dengan 3 orang.

Munagasyah: al-Haithami menyebut dalam *Majma' al-Zawaid* bahawa Hadith Abu Umamah, dalam sanadnya terdapat Ja'far bin al-Zubair, beliau amat *dhaif* (ضعيف)³³. Sheikh al-Albani pula menghukumkan hadith itu sebagai ‘maudu’ (rekaan)³⁴.

KESIMPULAN

Syed Sabiq dalam kitabnya *Fiqh al-Sunnah* menyebut bahawa pandangan yang paling rajih dalam masalah bilangan jemaah solat Jumaat ialah **2 orang atau lebih** seperti solat berjemaah yang lain-lainnya³⁵.

Dr. Wahbah al-Zuhaili pula menyebut: zahir pada ku bahawa Jumaat itu memerlukan jemaah (bilangan ramai), maka apabila terbentuknya jemaah yang **ramai** mengikut urufnya, wajib dilaksanakan Jumaat dan sah, dan tiada di sana nas yang benar-benar jelas yang mensyaratkan bilangan tertentu³⁶.

Imam al-Shaukani menyebut: Jumaat adalah solat biasa, dan ia tidak memiliki hukum khusus yang berbeza dari solat-solat yang lainnya kecuali ada dalil, dan tiada dalil yang jelas dalam menentukan bilangan jemaah padanya, lebih dari yang muktabar pada solat-solat yang lain. Abdul Hak berkata: sesungguhnya tidak dapat dithabitkan satu hadithpun dalam masalah bilangan jemaah Jumaat. Imam al-Sayuti juga berkata: tidak thabit satupun dari hadith-hadith yang menentukan bilangan tertentu³⁷.

Syed Sabiq berkata: tidak ada kesan dari ilmu atau didapati dari kitabullah dan tidak juga pada sunnah Rasulullah SAW satu hurufpun yang menunjukkan semua yang didakwa bahawa perkara-perkara ini (bilangan jemaah Jumaat) merupakan syarat sah Jumaat, atau salah satu kefardhuan dari fardhu-fardhunya atau rukun dari rukun-rukunnya. Katanya lagi: Mujtahid, walaupun diberikan rukhsah untuk beramal dengan pandangannya ketika ketiadaan dalil, namun tidak ada rukhsah buat orang lain untuk mengambil pandangan tersebut, mana-mana orang pun³⁸.

Melihat kepada pebincangan para fuqaha' dan hujah-hujah mereka dalam masalah bilangan jemaah dalam solat Jumaat bolehlah disimpulkan bahawa:

- Tiada pandangan yang benar-benar konkrit dalam isu bilangan jemaah solat Jumaat yang disokong oleh hujah-hujah yang kukuh.
- Dua orang atau lebih sudah memadai untuk mengerjakan Jumaat seperti solat berjemaah yang lain dengan syarat mematuhi syarat-syarat sah yang lain iaitu:
 - Ahli jemaah Jumaat mestilah lelaki, merdeka, sihat, dan mukim
 - masuk waktu zohor
 - didirikan di bandar atau qaryah
 - didirikan secara berjemaah
 - ahli jemaah Jumaat mestilah bermastautin
- tidak didirikan Jumaat yang lain dalam satu masa keizinan Pemerintah, atau wakilnya, atau pihak yang berkuasa seperti yang di fatwakan dalam Mazhab Hanafi³⁹. Demi memelihara kepentingan umum keizinan pemerintah perlu diperolehi terlebih dahulu sebelum solat Jumaat diadakan di satu-satu tempat. Ini berpandukan kepada kaedah fiqh;

“تصرف الامام على الرعية منوط بالمصلحة” iaitu Tindakan yang dijalankan oleh kepimpinan negara terhadap rakyat terpulang kepada masalah. Justeru, pihak berkuasa berhak membenarkan solat Jumaat diadakan di satu-satu tempat walaupun bilangan jemaahnya kurang dari 40 orang sekiranya ia mendapati masalah mengadakan Jumaat lebih besar dari meninggalkannya.

Jumaat melalui khutbah yang disampaikan setiap minggu mampu menjadi medium dakwah dan sumber ilmu khususnya di tempat-tempat terpencil yang sukar didatangi oleh para pendakwah luar. Sekiranya solat Jumaat tidak dapat dilaksanakan, maka amat rugi bagi masyarakat orang Islam yang tidak dapat menghayati dan meng’hidup’kan hari Jumaat dengan amalan-amalan yang telah disyorkan oleh Baginda SAW.

Ini memberi kesan yang tidak sihat kepada umat Islam di kawasan tersebut sehingga menyebabkan ada kawasan-kawasan perkampungan terpencil dan pulau-pulau di sekitarnya tidak dapat mendirikan Jumaat hampir bertahun-tahun lamanya.

Keputusan Mesyuarat Panel Kajian Syariah, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) Kali Ke-71⁴⁰

Mesyuarat Panel Kajian Syariah, Jakim kali ke-71 yang bersidang pada 26-28 April 2010 telah bersetuju membuat keputusan mengenai **Hukum Mendirikan Solat Jumaat Yang Kurang Jemaahnya 40 Orang** bahawa:

- i. Harus mengerjakan solat Jumaat walaupun kurang jemaahnya 40 orang berdasarkan kes-kes yang dipohon oleh pihak yang berkaitan dengan membuat penyiasatan dari segi imam, makmum dan kemudahan tempat dengan syarat-syarat tertentu.
- ii. Perlu mengambil pandangan Mazhab al-Shafie sekiranya ada yang membenarkan solat Jumaat yang kurang jemaahnya 40 orang.

(ENDNOTES)

- 1 <http://e-fatwa.intranetportal.my/print/fatwa-negeri/>
- 2 al-Zuhaili, Wahbah (Dr.), terj. Md. Akhir Haji Yaacob et.al, *Fiqh dan Perundangan Islam*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur 1999, jld.II, h.283.
- 3 Al-Zuhaili, Wahbah (Dr.), terj. Md. Akhir Haji Yaacob et.al, *Fiqh dan Perundangan Islam*, jld.II, , Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur 1999, h.278-279.
- 4 *Ibid*, h.279.
- 5 *Sahih al-Bukhari*, kitab al-Jum'ah, bab fadh'l al-jum'ah, hadith 881, h.69 dalam al-Mausu'ah al-Hadith al-Syarif al-Kutub al-Sittah.
- 6 Abd al-Azim bin Abd al-Qawi al-Manzuri, *al-Targhib wa al-Tarhib min al-Hadith al-Syarif*, juz. 1, h. 483.
- 7 *Sahih Muslim*, kitab al-jum'ah, bab fadh'l man istama'a wa ansit fi al-khutbah, [1987] 26-(807), h. 812 dalam al-Mausu'ah al-Hadith al-Syarif al-Kutub al-Sittah.
- 8 Sunan Abu Daud, Jil. 1 Hal.367, No. Hadith: 1067, *al-Mustadrik*, Jil.1 Hal. 425, No Hadith: 1062. Hadith ini hadith sahih menurut al-Zahabi dan al-Albani (*al-Jamie' al-Saghir wa Ziadatuh*: Jil.1 Hal. 543, No. 5422).
- 9 Sayed Sabiq.(1987) *Fiqh al-Sunnah*. Beirut- Dar al-Kutub al-Arabi. Jil. 1 Hal.267.
- 10 Al-Dimashqi, Muhammad bin Abdul Rahman al-Uthmani al-Syafi'e. (1994). *Rahmatul Ummah fi Ikhtilaf al-Aimmah*. Beirut; Muassasah al-Risalah. Hal. 128
- 11 Lihat juga Bidayah al-Mujtahid. Jil. 1 Hal. 225.
- 12 Al-Syafie, Muhammad bin Idris. (1993). *Al-Umm*. Beirut-Dar al-Kutub al-Ilmiyyah. Jil 1, Hal. 328.

- 13 Al-Shirazi (t.t.). *Kitab al-Majmu'*. Beirut; dar Ihya' al-Thuras al-Arabi. Jil.4 Hal. 258. Bagaimanapun riwayat lain mengatakan fatwa ini ditarik balik oleh Imam Syafie.
- 14 Al-Mawardi, Ali bin Muhammad bin Habib. (1994). *Al-Hawi al-Kabir*. Beirut; Dar al-Fikr. Jil 3 Hal 14. Al-Nawawi, Abu Zakariya Mahyuddin . *al-Majmu' Syarh al-Muhazzab*. Jeddah; Maktabah al-Irshad. Jil 4 Hal. 353. al-Khatib al-Syarbini. (1994). *Mughni al-Muhtaj*. Beirut; Dar al-Kutub al-Ilmiyyah. Jil 1 Hal. 545.
- 15 *Mughni al-Muhtaj*. Jil. 1 hal. 547
- 16 Al-Zuhaili, Wahbah (Dr.), terj. Md. Akhir Haji Yaacob et.al, Fiqh dan Perundangan Islam, jld.II, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur 1999, h.331.
- 17 *Al-Hawi al-Kabir*. Jil 3 Hal 14. *al-Majmu' Syarh al-Muhazzab*. Jil 4 Hal. 353 . *Mughni al-Muhtaj*. Jil 1 Hal. 545. Al-Shaukani, *Nil al-Authar*, Jil.3, h.223.
- 18 Bumi yg dipenuhi batu-batu hitam
- 19 وذكر ابن إسحاق أنه جمع بهم أبو أمانة عند هزم النبي في بقيع يقال له بقيع الخضومات . بقيع بالباء وجدته في نسخة الشيخ أبي بحر وكذلك وجدته في رواية يونس عن ابن إسحاق ، وذكره البكري في كتاب معجم ما استعجم من أسماء البقع أنه بقيع بالنون ذكره في باب النون والقاف وقال هزم النبي : جبل على بريد من المدينة ، وفي غريب الحديث  أنه عليه السلام حمى غرز النقيع  قال الخطابي : النقيع : القاع والغرز شبه الثمام وسبأني تفسيره فيما بعد إن شاء الله تعالى ، ومعنى الخضومات من الخضم وهو الأكل بالقم كله والقضم بأطراف الأسنان ويقال هو أكل اليابس والخضم أكل الرطب فكأنه جمع خضمة وهي الماشية التي تخضم فكأنه سمى بذلك لخضب كان فيه وأما البقيع بالباء فهو أقرب إلى المدينة منه بكثير وأما بقيع الخبيجة بخاء وجيم وباءين فحاء ذكره في سنن أبي داود : والخبيجة شجرة عرف بها
- 20 Lihat al-Rafie. *Al-Syarh al-Kabir* (di *Hamish al-Majmu'* jil 4 Hal 511 dan al-Mawardi. *Al-Hawi al-Kabir*. Jil. 3 Hal. 16. Al-Rafie, *al-Aziz Sharhu al-Wajiz al-Ma'ruf bi Sharhu al-Kabir*, Jil.2, h.256.
- 21 Al-Albani, Muhammad Nasiruddin.(1985). *Irwa' al-Ghalil fi Takhriz Ahadith Manar al-Sabil*. Beirut; al-Maktab al-Islami. Jil. 3 Hal. 67.
- 22 Ahmad bin Ali bin Hajar Abu al-Fadl al-Asqalani al-Syafie. (1964).

- Talkhis al-Khabir fi Ahadith al-Rafie' al-Kabir*. Madinah Munawwarah. Jil.2 Hal.56
- 23 Al-Shaukani, Muhammad bin Ali bin Muhammad. *Nil al-Autar* min ahadith said al- Akhyar syarh Muntaqa al-Akhbar. Idarah al-Tibaah al-Muniriah. Jil.3 Hal.283.
- 24 *Talkhis al-Khabir*. Jil.2 Hal.56
- 25 *ibid*
- 26 *Al-Mabsuth*. Jil. 2 Hal. 21, al-Kasani. *Badaie' al-Sanaie'*. Jil.1 Hal. 597
- 27 *Al-Mabsuth*. Jil 2 Hal. 21.
- 28 Al-Qarafi, Shahabuddin Ahmad bin Idris.(1994). *Al-Zakhirah*. Beirut; Dar al-Gharb al-Islami. Jil.2 Hal. 332. *Bidayah al-Mujtahid*. Jil.1 Hal.249
- 29 *ibid*
- 30 Al-Bukhari, Muhammad bin Ismail bin Abu Abdillah.(1987). *Al-Jamie al-Sahih al-Mukhtasar*. Beirut; Dar Ibn Kathir. Jil. 1 Hal.316 No. Hadith. 894
- 31 Al-Dar Qatni, Ali bin Umar. (1966). *Musnad al-DarQatni*. Beirut; Dar al-Makrifah. Jil. 6 Hal. 5 No. Hadith. 6
- 32 Al-Tabrani, Sulaiman bin Ahmad. (1983). *Al-Mu'jam al-Kabir*. Mosul; Maktabah al-Ulum wa al-Hikam. Jil 8 Hal. 244, No. Hadith 7952
- 33 Al-Haithami, Nuruddin Ali bin Abu Bakar. (1412H). *Majma' al-Zawaid wa Manba' al-Fawaid*. Beirut; Dar al-Fikr. Jil. 2 Hal. 395
- 34 Al-Albani, Muhammad Nasiruddin. *Sahih wa dhaif alJamie' al-Saghir*. Al-Maktab al-Islami. Hal. 1641.
- 35 Sayed Sabiq.(1987). *Fiqh al-Sunnah*. Dar al-Kitab al-Arabi. Jil. 1 Hal. 267

- 36 Al-Zuhaili, Wahbah (Dr.), terj. Md. Akhir Haji Yaacob et.al, *Fiqh dan Perundangan Islam*, jld.II, , Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur 1999, h.295-296..
- 37 *Nil al-Autar*. Jil.3 Hal.283
- 38 *Fiqh al-Sunnah*. Jil. 1 Hal. 269
- 39 *Al-Mabsuth*. Jil. 2 Hal. 32.
- 40 Minit Mesyuarat Panel Kajian Syariah, Jakim Kali Ke-71 yang bersidang pada 26-28 April 2010 di Quality Hotel Kuala Lumpur.

HUKUM PENGLIBATAN ORANG ISLAM DALAM AKTIVITI CANDLELIGHT VIGIL PADA SESUATU PERHIMPUNAN ATAU ACARA

KAMARULZAMAN BIN HJ. MUSTAPPA
MOHD AIZAM BIN MAS'OD

ABSTRAK

Kertas ini akan membincangkan aktiviti yang dinamakan Candlelight Vigil atau dikenali sebagai acara berjaga malam yang disertai dengan nyalaan lilin. Beberapa siri perhimpunan yang disertai oleh masyarakat Islam dan bukan Islam dengan menyalakan lilin sebagai tanda protes telah berlaku di beberapa tempat. Amalan sedemikian perlu dilihat iaitu apakah upacara ini mempunyai kaitan atau persamaan dengan amalan agama Kristian dalam upacara mereka atau sebaliknya?. Bagi membincangkan isu ini, beberapa latar belakang, dalil dan hujah diutarakan supaya dapat memberi penjelasan terhadap isu yang berlaku. Kita bimbang, pengaruh 'ikut-ikut' dalam apa jua aktiviti yang melibatkan nyalaan lilin, boleh menjejaskan akidah Islam dek kerana kurangnya ilmu sejarah bagi sesuatu perkara yang bersangkutan dengan ritual atau amalan agama bukan Islam. Sebaik-baiknya amalan yang tidak diketahui asal-usulnya harus dihindari oleh umat Islam demi memelihara akidah yang suci supaya tidak dicemari dengan amalan yang songsang.

PENDAHULUAN

Mutakhir ini terdapat program berunsurkan demonstrasi diadakan di jalan-jalan dan juga di tempat-tempat awam yang disertakan dengan upacara *candlelight vigil*. Ia bertujuan untuk melahirkan rasa tidak puas hati terhadap sesuatu isu yang dikendalikan oleh pihak pemerintah sebagai tanda bantahan. Namun disebalik aktiviti yang sedemikian, sedar atau tidak sedar amalan tersebut ada mempunyai kaitan atau persamaan dengan amalan orang Kristian yang menjadikan nyalaan lilin sebagai *ritual* mereka. Inilah kebimbangan yang harus dirisaukan kerana perbuatan secara berkumpulan dengan menyalakan lilin seolah-olah mengikut budaya atau adat yang bukan berteraskan Islam.

TAKRIF “*CANDLELIGHT VIGIL*”

Menurut Kamus Merriam-Webster OnLine¹, terdapat tiga maksud bagi perkataan ‘*vigil*’. Pertamanya, ‘*vigil*’ bermaksud berjaga pada malam sebelum sesuatu perayaan keagamaan dengan melakukan suatu amalan keagamaan. Maksud kedua, ialah perbuatan berjaga pada masa yang kebiasaannya adalah waktu tidur. Ketiganya, perkataan ‘*vigil*’ juga boleh bermaksud suatu perbuatan atau jangka masa berjaga atau mengawasi. Oleh itu, perkataan Candlelight Vigil membawa maksud perbuatan/upacara berjaga malam (‘*vigil*’) yang disertai dengan nyalaan lilin.

Amalan ini selalunya dikaitkan dengan perayaan *Easter* di dalam agama Kristian². Menurut Ensiklopedia Britannica³, perayaan *Easter* adalah untuk meraikan kelahiran semula *Jesus Christ*⁴ pada hari ketiga selepas disalib. Pada minggu perayaan *Easter*, amalan kebiasaan orang

1 Merriam-Webster. An Encyclopaedia Britannica Company. <http://www.merriam-webster.com/dictionary/vigil>, 28 Mei 2009.

2 BBC Songs of Praise. http://www.bbc.co.uk/religion/religions/christianity/holydays/holyweek_4.shtml, 28 Mei 2009.

3 Encyclopaedia Britannica eb.com. Easter. Primary Contributor: Hans J. Hillerbrand <http://www.britannica.com/EBchecked/topic/176858/Easter>.

4 Pada kepercayaan orang Roman Catholic, Jesus Christ adalah Nabi Isa s.a.w.

Kristian ialah berjaga pada Sabtu malam Ahad *Easter*⁵. Menurut tradisi mereka, perayaan ini bermula di luar gereja dengan menyalakan satu unggun api. Beberapa orang yang hadir akan mengelilingi api tersebut dan melakukan bacaan-bacaan tertentu (ritual). Kemudiannya, lilin *Easter* akan dinyalakan. Lilin yang menyala ini dianggap sebagai simbol kepada *Jesus Christ* yang membawa cahaya kepada dunia. Lilin ini kemudian diarak masuk ke dalam gereja di mana terdapat ramai lagi orang lain yang sedang menunggu di dalam gereja dalam keadaan gelap. Cahaya daripada lilin disimbolkan sebagai cahaya *Christ* yang menerangi seluruh alam. Di antara bacaan yang dibaca ialah, “*Grant that this Easter candle make our darkness light; for Christ the morning star has risen, never again to set, and is alive and reigns for ever and ever.*” (Kami berharap agar lilin *Easter* ini akan dapat menerangi kegelapan, kerana *Christ* seumpama cahaya bintang pagi yang telah terbit dan tidak akan terbenam, yang akan hidup dan bertakhta selama-lamanya⁶).

Dalam Akhbar ‘*Jambi Independent*’ bertarikh 10 Disember 2007⁷ menceritakan mengenai penggunaan **Lilin Pancawarna pada Acara Pemberkatan Pernikahan Warga Tionghoa Bungo** bahawa bagi warga Tionghoa Bungo, pembakaran lilin yang pelbagai warna merupakan sebahagian daripada *ritual* keagamaan pada acara pernikahan.

Lilin yang digunakan adalah lilin yang diperbuat khas supaya tahan selama 12 jam dan hanya boleh digunakan semasa perayaan/majlis yang mempunyai unsur agama di dalamnya.

5 BBC Religions. Holy Week. 22 Jun 2009 http://www.bbc.co.uk/religion/religions/christianity/holy-days/holyweek_4.shtml

6 *Ibid*

7 Jambi Independent Online. <http://www.jambi-independent.co.id/home/modules.php?name=News&file=article&sid=5977>.

KAITAN AMALAN CANDLELIGHT VIGIL ATAU KEPERCAYAAN TERHADAP KUASA CAHAYA / LILIN / API DENGAN AGAMA-AGAMA BUKAN ISLAM

Menurut agama Islam, cahaya atau api yang dihasilkan oleh lilin dan selainnya tidak memberi apa-apa pengertian berkaitan aqidah dan kepercayaan. Cahaya atau api hanya merupakan satu alat yang dikurniakan oleh Allah SWT bagi memudahkan urusan kehidupan manusia dan sekalian makhluk di muka bumi. Walau bagaimanapun, api atau cahaya menjadi satu perkara yang amat signifikan bagi agama-agama bukan Islam terutamanya bagi agama majoriti di negara ini iaitu Kristian, Hindu dan Buddha. Berikut dijelaskan perkaitan langsung ketiga-tiga agama tersebut dengan amalan Candlelight Vigil khususnya atau kuasa cahaya atau api amnya:

• Agama Kristian

Amalan Candlelight Vigil diadakan oleh penganut Kristian pada malam sambutan Hari Krismas sebagai salah satu upacara ritual iaitu dengan cara bertafakur sambil memegang lilin⁸. Berikut adalah contoh-contoh majlis Candlelight Vigil yang dianjurkan oleh penganut Kristian di seluruh dunia:

- i) Christmas Candlelight Vigil anjuran Ukrainian Catholic National Shrine of the Holy Family⁹.
- ii) Christmas Eve Candlelight Service anjuran Mennonite Church Canada¹⁰.
- iii) Christmas Eve Candlelight Service anjuran Lessons and Carols-Candlelight First Unitarian¹¹.
- iv) Cookies and Christmas Eve Candlelight Service anjuran Calvary Baptist Church¹².

8 Wikipedia, the free encyclopedia http://en.wikipedia.org/wiki/Candlelight_vigil

9 Christmas Candlelight Vigil <http://www.thewashingtongroup.org/Events/2003/Christmas%20Candlelight%20Vigil.htm>, 5 Januari 2003

10 Mennonite Church Canada Resources Centre. Christmas Eve Candlelight Service. <http://www.mennonitechurch.ca/resourcecentre/ResourceView/5/7310>

11 <http://www.first-unitarian.com/services/christmas-eve-services.html>

12 Halfway to Concord. Christmas Eve Service. <http://www.halfwaytoconcord.com/christmas-eve-service-dec-24/> 17 Disember 2008

- v) Christmas Eve Candlelight Service @ Bethlehem anjuran Bethlehem Lutheran Church¹³.

Di samping itu, majlis *Candlelight Vigil* juga diadakan oleh penganut Kristian sebagai ikhtiar terakhir mereka dalam menghadapi apa jua musibah yang menimpa. Sebagai contoh, *The National of Churches Eco-justice Program* pernah mengemukakan cadangan bertajuk *Planning a Candlelight Vigil for Climate Action* bagi menangani isu limpahan penggunaan bahan karbon yang dikatakan boleh mengancam iklim bumi dan keselamatan manusia. Majlis ini dipenuhi dengan upacara ritual termasuk doa dan nyanyian lagu-lagu ketuhanan Kristian¹⁴. Majlis-majlis lain juga tidak terlepas daripada amalan-amalan ritual dalam agama Kristian, sebagai contoh upacara Christmas Eve yang menjadikan Candlelight Vigil sebagai acara teras perayaan malam sambutan Krismas.

- **Agama Hindu**

Bagi penganut agama Hindu, tiada keraguan lagi bahawa api atau cahaya menjadi satu amalan ritual terutamanya dalam perayaan Deepavali. Perkataan *Sanskrit* “Deepavali” bermaksud satu pameran pelita-pelita yang menandakan kemenangan cahaya ke atas kegelapan.

Perayaan Deepavali yang dikenali ramai sebagai “perayaan cahaya” mempunyai erti *esoterik* bermaksud “kesedaran akan cahaya dalaman”. Dalam falsafah Hindu kesedaran ini ialah penegasan bahawa terdapat sesuatu yang menjangkaui jasad dan minda jasmani yang tulen, abadi dan tak terhingga, iaitu *Atman*¹⁵. Seperti mana kita menyambut kelahiran jasmani kita, Deepavali ialah sambutan Cahaya Dalaman, khususnya kesedaran akan cahaya ini yang mengatasi segala kegelapan

13 http://www.nyc.com/events/christmas_eve_candlelight_service_bethlehem.960303/editorial_review.aspx

14 Northern Plains Conference, United Church of Christ. npcucc.org/forms/Candlelight%20vigil%20toolkit.pdf. 17 Mac 2011

15 Menurut Hindu, Atman adalah hakikat daripada Tuhan dan bahagian-bahagian kecil (percikan roh) daripada Tuhan itu sendiri yang disembunyikan di dalam badan manusia yang merupakan makhluk ciptaan-Nya.

(menanggalkan segala halangan dan melenyapkan segala kejahatan), menyedarkan individu akan sifat sejati dirinya, bukan dalam bentuk jasmani, sebaliknya dalam kenyataan yang abadi, tidak terhingga dan unggul. Dengan realisasi Atman, datangnya belas kasihan, kasih sayang sejagat, dan kesedaran seseorang akan segalanya (peningkatan pengetahuan), lalu membawa kepada Ananda (Kebahagiaan atau Keamanan Kedalaman)¹⁶.

Kesimpulannya, amalan *Candlelight Vigil* bagi penganut Hindu sememangnya tidak bertentangan dengan agama tersebut malah bersesuaian dengan falsafah agama tersebut yang memuja dan mempertuhankan cahaya sebagai simbol suci dalam agama Hindu.

• Agama Buddha

Bagi penganut Buddha, lilin sememangnya menjadi satu kemestian dalam upacara peribadatan mereka. Persembahan dengan menyediakan barang seperti lilin dalam sembahyang ini, biasanya dilakukan pada hari Uposatha atau Upavasatha dan hari-hari raya lainnya. Biasanya lilin warna merah yang dipergunakan untuk persembahan. Sebelum menyalakan dupa, terlebih dahulu mereka menyalakan lilin. Cara menyalakan lilin, yang pertama lilin di sebelah kanan, baru kemudian lilin yang berada di sebelah kiri. Lilin yang telah dinyalakan bermakna memberikan penerangan atau cahaya yang menerangi jalan kehidupan dan penghidupan di waktu sekarang. Mereka percaya cahaya tersebut ialah ibarat Cahaya Buddha Dharma yang menerangi hati dan fikiran mereka, dengan selalu membimbing mereka ke jalan yang benar dan membawa mereka ke jalan penerangan atau pencerahan agung. Ia juga melambangkan jiwa seorang Bodhisattva yang bermakna ia mencerahi setiap makhluk yang mengalami kegelapan batin¹⁷.

Sebelum memulakan pernikahan, sebagai memberkati upacara tersebut, seorang pendeta atau pemimpin akan membakar lilin pancawarna. Pembakaran lilin pancawarna itu dilakukan mengikut

16 Wikipedia Ensiklopedia bebas. Hari Deepavali. http://ms.wikipedia.org/wiki/Hari_Deepavali

17 Info Buddhis. Pusat Informasi dan Komunikasi Umat Buddha Forum Komunikasi Umat Buddha - DKI Jakarta <http://www.infobuddhis.com/content/page88.php>

urutan warna. Lilin pertama yang harus dibakar adalah lilin berwarna biru, disusuli warna kuning, merah, putih dan jingga. Lima lilin tersebut dinamakan lilin pancawarna dan ia melambangkan lima bendera Buddha.

Setiap penganut Buddha yang akan melangsungkan pernikahan harus membakar lilin tersebut. Mengikut ajaran agama Buddha, pembakaran lilin harus dilakukan setiap warga Tionghoa yang akan memulakan kehidupan baru sebagai suami isteri kerana lilin melambangkan pencahayaan dan harus dibakar mengikut urutannya supaya tidak menyalahi ajaran Buddha.

Kesimpulannya, penganut Buddha juga menjadikan cahaya atau api sebagai sesuatu yang suci dalam upacara ritual atau pemujaan mereka. Oleh itu, penggunaan lilin dalam upacara Candlelight Vigil adalah bersesuaian dengan agama tersebut yang menganggap cahaya juga sebagai salah satu simbol keagamaan dan ketuhanan dalam agama mereka.

AMALAN PADA MASA KINI

Pada masa kini, amalan Candlelight Vigil ini banyak dilakukan oleh pelbagai kelompok manusia di seluruh dunia sebagai tanda menyokong atau membuat bantahan kepada sesuatu perkara. Sebagai contoh, Candlelight Vigil untuk memperingati pembunuhan beramai-ramai di Tiananmen Square¹⁸, untuk memperingati pesakit yang mati kerana penyakit AIDS¹⁹ dan juga untuk mengenang perjuangan menuntut keamanan daripada peperangan ('peace not war')²⁰. Secara umumnya, Candlelight Vigil dilakukan dengan tujuan untuk mengetengahkan sesuatu isu yang kurang diketahui ramai (isu yang tersembunyi).

Di Malaysia, perbuatan ini juga sudah mulai tersebar luas. Yang terbaru ialah Candlelight Vigil anjuran sebuah parti pembangkang

18 The Independent Service. <http://www.independent.co.uk/news/vigil-planned-for-tiananmen-candle-light-chinese-urged-to-light-candles-for-tiananmen-1088658.html>.

19 <http://www.actionaid.org/india/index.aspx?PageID=%203248>.

20 Moveon.org.civic action. Global Candlelight Vigil for Peace. <http://civic.moveon.org/vigil/>. 16 Mac

sehingga membawa kepada penahanan lebih 10 orang aktivis. Majlis-majlis Candlelight Vigil di Malaysia turut disertai oleh orang Islam tanpa menyedari bahawa perlakuan sedemikian adalah lebih menjurus kepada amalan sesuatu agama. Secara tidak sedar, menghadiri upacara sedemikian boleh menjejaskan pegangan akidah seseorang.

Oleh itu, upacara berhimpun di suatu tempat dengan membakar lilin sebagai tanda protes seakan-akan menyerupai amalan agama orang bukan Islam.

HUJAH DAN DALIL

Islam sangat prihatin dan sangat menginginkan supaya umatnya mempunyai identiti yang tersendiri dan berbeza dengan identiti agama yang lain. Kerana itu penghayatan akidah Islam, pelaksanaan ibadah, muamalah dan akhlak serta tradisi-tradisi yang ada pada umat Islam tidak boleh sama dan serupa dengan agama selain daripada Islam. Dalam erti kata lain umat Islam tidak boleh mencampur-adukkan akidah dan peribadatan agamanya dengan akidah dan peribadatan agama bukan Islam.

Hadith Nabi SAW: di dalam Mausu'ah al-Sunnah al-Kutub al-Sittah Wa Syuruhiha, Sunan Abu Daud; Kitab al-Libas, Hadith ke 4031, m.s.314,21

حَدَّثَنَا عُثْمَانُ بْنُ أَبِي شَيْبَةَ، حَدَّثَنَا أَبُو النَّضْرِ، حَدَّثَنَا عَبْدُ الرَّحْمَنِ بْنُ ثَابِتٍ،
حَدَّثَنَا حَسَّانُ بْنُ عَطِيَّةَ، عَنْ أَبِي مُنِيبٍ الْجُرَشِيِّ، عَنْ ابْنِ عُمَرَ، قَالَ: قَالَ رَسُولُ
اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: ((مَنْ تَشَبَّهَ بِقَوْمٍ فَهُوَ مِنْهُمْ)).
(رواه أبو داود)

Terjemahan:

*Telah menceritakan kepada kami oleh Othman bin Abi Syaibah,
diceritakan oleh Abu Nadhar, diceritakan Abdul Rahman bin Sabit,*

diceritakan Hassan bin Atiyyah daripada Abi Munib al-Juraisyi daripada Ibnu Umar berkata Rasulullah SAW bersabda; “Barangsiapa yang menyerupai sesuatu kaum itu, maka dia adalah daripada golongan mereka”.
Riwayat Abu Daud

Firman Allah SWT:

قُلْ يٰٓأَيُّهَا الْكٰفِرُوْنَ ۝۱ لَا اَعْبُدُ مَا تَعْبُدُوْنَ ۝۲ وَلَا اَنْتُمْ عٰبِدُوْنَ مَا اَعْبُدُ ۝۳ وَلَا اَنَا عٰبِدُ مَا عَبَدْتُمْ ۝۴ وَلَا اَنْتُمْ عٰبِدُوْنَ مَا اَعْبُدُ ۝۵ لَكُمْ دِيْنُكُمْ وَلِيَ دِيْنِ ۝۶

Terjemahan:

Katakanlah wahai Muhammad: Hai orang kafir!. Aku tidak akan menyembah apa yang kamu sembah. Dan kamu tidak mahu menyembah (Allah) yang aku sembah. Dan aku tidak akan beribadat secara kamu beribadat. Dan kamu pula tidak mahu beribadat secara aku beribadat. Bagi kamu agama kamu, dan bagiku agamaku.

Demikian juga amalan hidup dan penampilan peribadi umat Islam tidak boleh sama dengan umat lain dalam hal-hal bersifat individu, misalnya dalam hal berpakaian, minuman, hiasan rumah, gaya hidup, penampilan dan sebagainya yang dikhuatiri bercanggah dengan identiti dan syariah Islam.

Hukum Islam jelas melarang umatnya meniru atau menyerupai amalan dan cara hidup orang bukan Islam. Ini berdasarkan sebuah hadith Rasulullah SAW dalam *Mausu'ah al-Sunnah, al-Kutub al-Sittah Sahih Muslim: Kitab Al-Aqdiyyah*, Hadis ke-18, m.s. 1343;²²

22 *Mausu'ah al-Sunnah, al-Kutub al-Sittah Sahih Muslim: Kitab Al-Aqdiyyah*, Hadis ke-18, m.s. 1343

وَحَدَّثَنَا إِسْحَقُ بْنُ إِبْرَاهِيمَ وَعَبْدُ بْنُ حَمِيدٍ جَمِيعًا عَنْ أَبِي عَامِرٍ قَالَ عَبْدُ: حَدَّثَنَا عَبْدُ الْمَلِكِ بْنُ عَمْرِو. حَدَّثَنَا عَبْدُ اللَّهِ بْنُ جَعْفَرٍ الزُّهْرِيُّ عَنْ سَعْدِ بْنِ إِبْرَاهِيمَ. قَالَ سَأَلْتُ الْقَاسِمَ بْنَ مُحَمَّدٍ عَنْ رَجُلٍ لَهُ ثَلَاثَةُ مَسَاكِينَ. فَأَوْصَى بِثُلُثِ كُلِّ مَسْكَنٍ مِنْهَا. قَالَ: يُجْمَعُ ذَلِكَ كُلُّهُ فِي مَسْكَنٍ وَاحِدٍ ثُمَّ قَالَ: أَخْبَرْتَنِي عَائِشَةُ: أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ ((مَنْ عَمِلَ عَمَلًا لَيْسَ عَلَيْهِ أَمْرُنَا فَهُوَ رَدٌّ)). (رواه مسلم)

Terjemahan:

...Sesungguhnya Rasulullah S.A.W. telah bersabda: “Sesiapa yang mengamalkan perkara yang bukan dari pada amalan kami maka ia adalah tertolak”.
Riwayat Muslim

Di dalam rujukan yang sama, Rasulullah S.A.W turut melarang umatnya daripada melakukan sesuatu perkara yang bukan datangnya dari urusan agama, disebutkan di dalam *Mausu'ah al-Sunnah, al-Kutub al-Sittah Sahih Muslim: Kitab Al-Aqdiyyah*, Hadis ke-17, m.s. 1343;²³

حَدَّثَنَا أَبُو جَعْفَرٍ مُحَمَّدُ بْنُ الصَّبَّاحِ وَعَبْدُ اللَّهِ بْنُ عَوْنٍ الْهَلَالِيُّ جَمِيعًا عَنْ إِبْرَاهِيمَ بْنِ سَعْدٍ. قَالَ ابْنُ الصَّبَّاحِ: حَدَّثَنَا إِبْرَاهِيمُ بْنُ سَعْدِ بْنِ إِبْرَاهِيمَ بْنِ عَبْدِ الرَّحْمَنِ بْنِ عَوْفٍ. حَدَّثَنَا أَبِي عَنْ الْقَاسِمِ بْنِ مُحَمَّدٍ, عَنْ عَائِشَةَ. قَالَتْ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ ((مَنْ أَحْدَثَ فِي أَمْرِنَا هَذَا مَا لَيْسَ مِنْهُ فَهُوَ رَدٌّ)). (رواه مسلم)

Terjemahan:

*Telah diberitakan kepada kami oleh Abu Ja'far Muhammad bin al-Subhi dan Abdullah bin Aun al-Hilali kesemua daripada Ibrahim bin Sa'ad telah berkata Ibn al-Subhi, diceritakan kepada Ibrahim bin Sa'ad bin Ibrahim bin Abd al-Rahman bin Auf, diberitakan kepada kami oleh ayahku daripada al-Qasim bin Muhammad daripada Aisyah berkata; Rasulullah SAW telah bersabda "Sesiapa yang mengada-adakan (mereka-reka) perkara yang baru dalam urusan kami dan perkara tersebut bukan tergolong di dalamnya maka ia adalah tertolak".
Riwayat Muslim*

Menurut Prof. Datuk Paduka Dr. Mahmood Zuhdi Abdul Majid, Pensyarah Jabatan Fiqh dan Usul Universiti Islam Antarabangsa (UIAM), menyatakan bahawa umat Islam dilarang menyertai perarakan atau perhimpunan menyalakan lilin (*Candlelight Vigil*) anjuran pihak tertentu kerana perbuatan itu boleh menjejaskan akidah²⁴. Ia dihukumkan syirik kerana perbuatan itu merupakan amalan dalam agama Kristian.

Setiap umat Islam perlu sedar bahawa aktiviti seperti itu merosakkan keimanan seseorang walaupun dengan tujuan apa sekalipun. Akidah adalah tunjang dalam Islam, sebab itu Rasulullah S.A.W., Khulafa' al-Rasyidin dan para sahabat tidak pernah berkompromi dalam soal akidah kerana akidah adalah asas keimanan seseorang muslim.

Trend menyalakan lilin ketika berhimpun atau berarak oleh pihak tertentu adalah sebagai salah satu bentuk bantahan terhadap satu-satu isu yang mempunyai kepentingan oleh pihak tertentu. Aktiviti tersebut dikhuatiri disertai oleh sebahagian umat Islam yang ghairah melakukannya tanpa menyedari ia salah satu perbuatan syirik. Dalam melakukan sesuatu perkara, umat Islam harus berhati-hati supaya tidak melakukan perbuatan yang boleh memberikan kesan kepada agama dan keimanan.

Merujuk kepada garis panduan yang dikeluarkan oleh Jakim bertajuk Orang Islam Turut Merayakan Hari-Hari Kebesaran Agama Orang Bukan

24 Utusan Malaysia, 21 Mei 2009, m/s 13.

Islam²⁵, telah mengariskan beberapa kriteria. Maksud kriteria dalam garis panduan tersebut adalah beberapa ukuran (asas pertimbangan) untuk menentukan nilai supaya tidak bertentangan dengan ajaran Islam. Antaranya ialah Majlis tersebut tidak disertakan dengan upacara-upacara yang bertentangan dengan akidah Islam.

Maksud “bertentangan dengan akidah Islam” ialah sesuatu perkara, perbuatan, perkataan atau keadaan yang jika dilakukan menyebabkan tercemarnya akidah umat Islam sebagai contohnya; menyertakan simbol-simbol agama seperti salib, memasang lampu, lilin, pokok krismas dan sebagainya.

Kesimpulannya, agama Islam melarang sekeras-keras umatnya meniru atau melakukan upacara yang boleh membawa kepada syirik dan terpesong akidah mereka. Ini termasuklah menyertai apa-apa upacara atau perhimpunan seperti acara *Candlelight Vigil* yang mempunyai unsur-unsur yang melambangkan perlakuan bagi agama bukan Islam.

KEPUTUSAN MUZAKARAH JAWATANKUASA FATWA MAJLIS KEBANGSAAN BAGI HAL EHWAL UGAMA ISLAM MALAYSIA²⁶

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwat Ugama Islam Malaysia Kali Ke-88 yang bersidang pada 2 Oktober 2009 telah membincangkan Hukum Penglibatan Orang Islam Dalam Aktiviti *Candlelight Vigil* dan memutuskan bahawa:

- Islam melarang umatnya daripada terlibat dalam apa jua amalan yang bersifat ritual atau upacara agama bukan Islam
- Umat Islam dilarang menyertai aktiviti *Candlelight Vigil* kerana ia mengandungi unsur-unsur *tasyabbuh* dengan agama bukan Islam yang akan menjejaskan akidah umat Islam.

25 Portal Rasmi Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. <http://www.islam.gov.my/portal/lihat.php?jakim=3765>.

26 Buku Keputusan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwat Ugama Islam Malaysia, cet.ke-2, 2010, terbitan JAKIM.

RUJUKAN

Merriam-Webster. An Encyclopaedia Britannica Company. <http://www.merriam-webster.com/dictionary/vigil>, 28 Mei 2009.

BBC Songs of Praise. http://www.bbc.co.uk/religion/religions/christianity/holydays/holyweek_4.shtml, 28 Mei 2009.

Encyclopaedia Britannica eb.com. Easter. Primary Contributor: Hans J. Hillerbran <http://www.britannica.com/EBchecked/topic/176858/Easter>.

Pada kepercayaan orang Roman Catholic, Jesus Christ adalah Nabi Isa s.a.w. BBC Religions. Holy Week. 22 Jun 2009 http://www.bbc.co.uk/religion/religions/christianity/holydays/holyweek_4.shtml

Ibid

Jambi Independent Online. <http://www.jambi-independent.co.id/home/modules.php?name=News&file=article&sid=5977>.

Wikipedia, the free encyclopedia http://en.wikipedia.org/wiki/Candlelight_vigil

Christmas Candlelight Vigil <http://www.thewashingtongroup.org/Events/2003/Christmas%20Candlelight%20Vigil.htm>, 5 Januari 2003

Mennonite Church Canada Resources Centre. Christmas Eve Candlelight Service. <http://www.mennonitechurch.ca/resourcecentre/ResourceView/5/7310>

<http://www.first-unitarian.com/services/christmas-eve-services.html>

Halfway to Concord. Christmas Eve Service. <http://www.halfwaytoconcord.com/christmas-eve-service-dec-24/> 17 Disember 2008

http://www.nyc.com/events/christmas_eve_candlelight_service_bethlehem.960303/editorial_review.aspx

Northern Plains Conference, United Church of Christ. npcucc.org/forms/Candlelight%20vigil%20toolkit.pdf. 17 Mac 2011

Menurut Hindu, Atman adalah hakikat daripada Tuhan dan bahagian-bahagian kecil (percikan roh) daripada Tuhan itu sendiri yang disembunyikan di dalam badan manusia yang merupakan mahkluk ciptaan-Nya.

Wikipedia Ensiklopedia bebas. Hari Deepavali. http://ms.wikipedia.org/wiki/Hari_Deepavali

Info Buddhis. Pusat Informasi dan Komunikasi Umat Buddha Forum Komunikasi Umat Buddha - DKI Jakarta <http://www.infobuddhis.com/content/page88.php>

The Independent Service. <http://www.independent.co.uk/news/vigil-planned-for-tiananmen-candlelight-chinese-urged-to-light-candles-for-tiananmen-1088658.html>.

<http://www.actionaid.org/india/index.aspx?PageID=%203248>.

Moveon.org.civic action. Global Candlelight Vigil for Peace. <http://civic.moveon.org/vigil/>. 16 Mac

Mausu'ah al-Sunnah al-Kutub al-Sittah Wa Syuruhiha, Sunan Abu Daud; *Kitab al-Libas*, Hadith ke 4031, m.s.314

Mausu'ah al-Sunnah, al-Kutub al-Sitta Sahih Muslim: Kitab Al-Aqdiyyah, Hadis ke-18, m.s. 1343

Mausu'ah al-Sunnah, al-Kutub al-Sittah Sahih Muslim: Kitab Al-Aqdiyyah, Hadis ke-17, m.s. 1343

Utusan Malaysia, 21 Mei 2009, m/s 13.

Portal Rasmi Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. <http://www.islam.gov.my/portal/lihat.php?jakim=3765>.

Buku Keputusan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia, cet.ke-2, 2010, terbitan JAKIM.

**PEMBINAAN KUBUR SECARA
BERTINGKAT DI MALAYSIA:
SATU ANALISA SYARIAH**

MOHAMAD ZARIFI BIN MOHAMAD DAUD

ABSTRAK

Dalam konteks Malaysia, isu berkaitan pembinaan kubur bertingkat telah lama diperbincangkan oleh masyarakat Islam. Walau bagaimanapun, isu yang berbangkit ini telah menimbulkan pelbagai reaksi daripada masyarakat, ada yang bersedia menerima pakai sistem tersebut dan ada pula pihak yang bertindak sebaliknya. Artikel ini akan mengemukakan pendapat ulama' dan institusi kefatwaan berkaitan hukum pembinaan kubur bertingkat untuk merungkai permasalahan yang telah dinyatakan.

PENDAHULUAN

Isu berkaitan pembinaan kubur bertingkat di Malaysia telah mula berbangkit sejak tahun 1992 apabila Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia telah mengemukakan pertanyaan fatwa berkaitan isu tersebut kepada Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan (MJFK) ekoran permasalahan kepadatan perkuburan Islam pada waktu tersebut. Isu ini telah dibangkitkan semula pada tahun 2004 oleh Datuk Bandar Kuala Lumpur ketika itu, YBhg. Datuk Mohamad Shaik Mohd. Taufek mengusulkan supaya kubur bertingkat dibangunkan di kawasan terpilih di Kuala Lumpur yang diuruskan oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL).

Mutakhir ini isu berkaitan telah berbangkit semula memandangkan keadaan semasa yang memperlihatkan pertambahan penduduk yang telah mengakibatkan kepadatan penduduk di sesebuah lokasi dan tempat. Sehubungan itu, kertas ini akan lebih memperhalusi isu- isu Syariah terhadap pelaksanaan pembinaan kubur secara bertingkat. Kertas ini akan meneroka perbincangan-perbincangan fuqaha' silam dan semasa dalam mengemukakan solusi permasalahan sedemikian.

HUKUM MENGEBUMIKAN MAYAT

Secara umumnya, para fuqaha' telah sepakat menyatakan hukum mengebumikan mayat adalah wajib.¹ Hukum ini disandarkan kepada beberapa firman Allah SWT seperti yang berikut:


 أَلَمْ يَجْعَلِ الْأَرْضَ كِفَاتًا ۖ أَحْيَاءَ وَأَمْوَاتًا ۚ
 

Terjemahan:

Bukankah Kami telah menjadikan bumi (sebagai tempat) penampung dan penghimpun (penduduknya)? Yang hidup dan yang mati?

(Surah al-Mursalat 77:25-26)

1 Ibn Rushd (1992), *Bidayatul Mujtahid Wa Nihayatul Muqtasid*, j. 1, cet. 2, Beirut: Dar al-Ma'rifah, h. 333.

فَبَعَثَ اللَّهُ غُرَابًا يَبْحَثُ فِي الْأَرْضِ لِيُرِيَهُ، كَيْفَ يُورِي سَوْءَةَ أَخِيهِ
 قَالَ يَوَيْلَئِي أَعَجَزْتُ أَنْ أَكُونَ مِثْلَ هَذَا الْغُرَابِ فَأُورِيَ سَوْءَةَ أَخِي
 فَأَصْبَحَ مِنَ النَّادِمِينَ ﴿٣١﴾

Terjemahan:

Kemudian Allah hantarkan seekor burung gagak (menyuruhnya) mengorek-ngorek di bumi supaya, diperlihatkan kepada (Qabil) Bagaimana cara menimbus mayat saudaranya. (Qabil) berkata: “Wahai celakanya aku! Alangkah lemah serta bodohnya aku, Aku tidak tahu berbuat seperti burung gagak ini, supaya Aku dapat menimbuskan mayat saudaraku?”. Kerana itu menjadilah ia dari golongan orang-orang yang menyesal. (Surah Al-Maidah 5:31)

PERBAHASAN FUQAHA' BERKAITAN PENGURUSAN KUBUR

Antara perbahasan yang telah diperbincangkan oleh fuqaha' silam yang mirip kepada isu dalam permasalahan kubur bertingkat ialah hukum menggali atau mengguna semula tanah perkuburan. Legasi perbahasan fiqh telah dibincangkan oleh para fuqaha' tentang apakah hukum mengguna atau menggali semula tanah perkuburan.

Majoriti aliran mazhab telah menyatakan persepakatan akan ketidakharusan menggali semula kubur.² Alasan ketidakharusan menggali semula adalah kerana sebagai penghormatan dan menjaga kemuliaan jenazah. Hukum ini adalah ketetapan menurut ijmak ulama'.³ Walau bagaimanapun hukum keharaman ini dikecualikan apabila membabitkan sebab-sebab syar'ie antaranya seperti berikut:

1. Kain kapan yang membaluti mayat adalah kain yang dicuri
2. Tanah perkuburan adalah tanah yang dirampas dengan tanpa keredhaan pemilik tanah

2 Abdul Rahman Al-Jaziri (2001), Kitab al-Fiqh 'Ala Al-Madhahib Al-Arba'ah, cet. 1, Beirut: Dar Ibn Hazam, h. 303.

3 Yusuf Al-Qaradawi (t.t), Fatawa Mu'asarah, j. 1, cet. 1, Beirut: Dar Uli Al-Nuha, h. 730.

3. Terdapat harta orang lain dalam kubur tersebut tidak kira samada banyak ataupun sedikit.

Pada masa yang sama, para fuqaha' juga telah membincangkan hukum menggunakan semula kubur lama yang telah diyakini mayat yang ditanam telahpun reput. Jumhur fuqaha' dalam keempat-empat aliran mazhab yang utama termasuk ulama' mazhab Zahiri telah menyatakan keharusan menggali dan mengguna semula kubur lama tersebut.⁴

Salah seorang tokoh ulama' mazhab Syafie iaitu Imam al-Nawawi telah berpendapat bahawa kubur lama yang telah diyakini bahawa mayat yang ditanam di dalamnya telah hancur menjadi tanah adalah harus digali semula. Bahkan kubur tersebut juga tidak boleh dibuat binaan dan juga diratakan tanahnya jika tanah tersebut adalah tanah perkuburan awam (*musabbalah*) kerana hal ini menimbulkan sangkaan orang ramai seolah-olah kubur tersebut adalah kubur baharu. Hal demikian akan menghalang orang lain ditanam dikawasan tersebut kerana menyangkakan mayat di dalamnya masih belum hancur.⁵

Manakala, Ibn Qudamah al-Hanbali juga dalam isu yang sama telah menyatakan pendirian yang sama iaitu jika diyakini mayat tersebut telah hancur dan reput maka dibolehkan untuk digali semula kubur tersebut untuk ditanam mayat yang baharu.⁶

Berkaitan persoalan bilakah seseorang mayat yang dikebumikan itu akan menjadi hancur dan reput, fuqaha' telah menyatakan jawapan kepada persoalan ini adalah berdasarkan kepada pendapat ahlu al-khibrah (ahli pakar), tempoh seseorang mayat itu menjadi hancur adalah tidak sama dan berbeza mengikut masa dan tempat. Pendapat daripada al-Hafiz Abi Bakar Abdul Razak Al-Shon'ani yang telah mengambil pendapat daripada Imam Al-Thauri telah mengatakan bahawa di Mekah, apabila sesebuah kubur melewati 10 tahun lamanya, maka boleh

4 Saad Al-Din Mus'ad Hilali (2006), Ahkam Dafnul Mauta Wa Ahkam Quburihim, cet. 1, Al-Man-sourah: Maktabah Al-Iman, 271.

5 Muhammad bin Ahmad al-Khatib al- Syarbini (1997), Mughni al-Muhtaj, j.1, cet.1, Beirut: Dar al-KutubAl-Ilmiyyah, h. 545.

6 Ibn Qudamah (t.t), Al-Mughni, j.2, Beirut:Dar Al-Fikr, h. 385.

diratakan tanah tersebut serta didirikan di atas tanah kubur tersebut sama ada rumah, masjid dan seumpamanya. Manakala di sesetengah negeri yang lain, tempohnya adalah selepas 20 tahun.⁷

FATWA ANTARABANGSA BERKAITAN PEMBINAAN KUBUR SECARA BERTINGKAT

Lajnah Fatwa Dar al-Ifta' al-Misriyyah telah membincangkan isu yang diajukan oleh masyarakat Mesir berkaitan kepadatan penduduk yang menyebabkan tanah perkuburan menjadi terhad dan sempit. Telah disoal apakah dibenarkan mereka membuat kubur secara bertingkat bagi mengatasi masalah tersebut? Lajnah Fatwa Dar al-Ifta' al-Misriyyah telah membuat keputusan seperti berikut⁸:

“Dalam ketetapan agama, setiap mayat wajib dikubur dalam lubang tersendiri, baik lahad ataupun *syaq*, tidak digabung dengan mayat lain, kecuali jika tanah perkuburan telah menjadi sempit, Dalam riwayat yang sahih, telah disebutkan bahawa Nabi SAW pernah mengumpulkan dua atau tiga orang syuhada' perang Uhud dalam **satu lubang, dan harus** (wajib) dipisahkan antara lubang kubur untuk mayat lelaki dan lubang kubur untuk mayat perempuan. Dengan demikian, berdasarkan pernyataan di atas, jika keadaan dharurat menuntut dikebumikan lebih dari satu mayat dalam satu lubang kubur, maka dibolehkan membuat tingkat-tingkat dalam satu lubang. Sehingga hal itu dapat membantu menampung jumlah mayat yang terus bertambah.”

Selain itu, Sheikh Prof. Dr. Hamid Abu Talib, Dekan Kuliyyah Syariah Universiti Al-Azhar ketika disoal berkaitan isu ini telah menjawab, dalam keadaan darurat contohnya kepadatan penduduk dan tanah yang terhad, secara dasarnya pembinaan kubur secara bertingkat adalah harus.⁹

7 Ibn Qudamah (t.t), Al-Mughni, j.2, Beirut: Dar Al-Fikr, h. 385.

8 Dar al-Ifta al-Misriyyah, <http://www.dar alifta.org/ViewFatwa.aspx?ID=637&text=kubur&Home=1&Home=1&LangID=1>, 15 Oktober 2010

9 Temubual bersama Sheikh Prof. Dr. Hamid Abu Talib, Dekan Kuliyyah Syariah, Universiti Al-Azhar di Bangunan Masyikhah Al- Azhar, Kaherah, Mesir pada 6 Julai 2010

KEPUTUSAN JAWATANKUASA FATWA KEBANGSAAN DAN NEGERI-NEGERI BERKAITAN PEMBINAAN KUBUR SECARA BERTINGKAT

Setelah diamati, terdapat dua fatwa telah diputuskan oleh Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan dan salah satu daripada keputusannya telah diwartakan oleh Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor secara langsung telah menetapkan fatwa berkaitan pembinaan kubur secara bertingkat.

Ahli-ahli Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan dalam sidang kali ke-29 pada 19 Februari 1992 telah membincangkan isu “Tanah Perkuburan dan Krematorium” telah bersetuju memutuskan keputusan seperti yang berikut¹⁰:

- Muzakarah bersetuju kawasan tanah perkuburan lama (lebih dari 90 tahun) digunakan semula secara berperingkat- peringkat. Ini kerana tidak terdapat nas al- Quran dan hadith yang melarang tanah perkuburan lama digunakan semula.
- Tidak bersetuju dengan cadangan untuk mengadakan kubur bertingkat sedalam 18 kaki yang dapat menempatkan 3 mayat secara bertingkat kerana masa ini masih terdapat banyak yang boleh dijadikan sebagai tanah perkuburan dan keadaan yang ada sekarang ini masih belum sampai ke peringkat dharurat. Sekiranya keadaan benar-benar mendesak maka cadangan ini boleh dipertimbangkan berdasarkan kaedah fiqhiiyyah.
- Bersetuju supaya pihak-pihak berkenaan mencari tanah- tanah di luar Wilayah Persekutuan untuk tujuan tanah perkuburan umat Islam.

Manakala dalam mesyuarat kali ke-61 yang bersidang pada 27 Januari 2004, ahli-ahli Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan telah membincangkan “Hukum Mengguna Semula Tanah Perkuburan Islam” dan bersepakat membuat keputusan berikut:¹¹

10 Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-kebangsaan/tanah-perkuburan-dan-krematoria>, 20 Oktober 2010

11 Jabatan Kemajuan Islam Malaysia <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-kebangsaan/hukum-mengguna-semula-tanah-perkuburan-islam-0>, 20 Oktober 2010

- Adalah harus menggali semula tanah perkuburan sekiranya terdapat keperluan yang mendesak atau dharurat dengan sebab-sebab tertentu yang diharuskan oleh syarak; dan
- Adalah harus menggali semula tanah perkuburan setelah dikenalpasti mayat itu telah reput oleh pihak berkuasa untuk digunakan bagi mengebumikan mayat yang baharu.

Selain itu, Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor juga telah membincangkan isu “*Hukum Mengguna Semula Tanah Perkuburan Islam*” dan telahewartakan keputusan yang diputuskan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor pada 7 Oktober 2004. Sighah pewartaan adalah seperti berikut:¹²

- Harus menggali semula tanah perkuburan sekiranya terdapat keperluan yang mendesak atau dharurat dengan sebab-sebab tertentu yang diharuskan oleh syara’.
- Harus menggali semula tanah perkuburan setelah dikenalpasti mayat itu telah reput oleh pihak berkuasa untuk digunakan bagi mengebumikan mayat yang baharu.

Tanah perkuburan yang sudah penuh dan tiada kawasan lapang sebagai menambah keluasan tanah perkuburan, maka adalah disarankan bahawa menggunakan semula tanah perkuburan laman dengan cara/ kaedah:

- Menimbun tanah di atas kubur lama di kawasan tanah perkuburan setinggi 4 kaki. Kaedah ini amat sesuai di tanah perkuburan yang rendah.

Di samping itu, terdapat juga pandangan-pandangan yang telah dikeluarkan oleh beberapa orang Ashabus Samahah Mufti-Mufti Negeri memberikan pendapat hukum secara umum dalam isu berkaitan penggunaan semula kubur- kubur lama dan seumpamanya. Pendapat yang paling awal adalah dikemukakan oleh Mufti Negeri Pulau Pinang pada 1 April 1963 ketika disoal apakah hukum menanam mayat di atas tempat mayat lama yang sudah pun hancur.

12 Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-negeri/fatwa-tentang-mengguna-semula-tanah-perkuburan-islam>, 20 Oktober 2010

S.S Mufti Pulau Pinang telah memberikan pandangan hukum seperti berikut:¹³

- ”Hukum menanam mayat buat kali keduanya di atas tempat mayat yang telah pun hancur adalah lulus dan dibenarkan oleh hukum Syarak.”

S.S Mufti Negeri Terengganu pula apabila diajukan persoalan hukum penggunaan kubur lama yang tidak digunakan lebih kurang 30 tahun lalu bagi menanam mayat-mayat baharu, S.S Mufti Negeri Terengganu telah menyatakan jawapan seperti berikut:¹⁴

- ”Kalau tanah yang disebutkan itu, sama ada tanah wakaf atau tidak, dihaskan menjadi tanah kubur dan tidak ada apa-apa halangan dari segi syarak untuk ditanam orang-orang mati di dalam tanah tersebut meskipun tanah kubur itu telah berlalu selama 30 tahun tidak lagi ditanam mayat orang Islam.

Kiranya di dalam masa di tanam mayat-mayat yang baharu itu ada didapati setengah-setengah anggota mayat-mayat yang telah ditanam 30 tahun dahulu maka hukumnya wajib dikumpul dan dihimpunkannya dan ditanam semula di tempat itu, wallahua’lam.”

PRAKTIS SEMASA BERKAITAN KUBUR BERTINGKAT DI MALAYSIA

Telah dikenalpasti bahawa salah sebuah masjid di Malaysia iaitu Masjid Al-Jami’ul Badawi di Kepala Batas, Pulau Pinang telah mempraktikkan pembinaan kubur secara bertingkat. Tanah perkuburan Islam Masjid Al-Jami’ul Badawi telah wujud dan telah digunakan lebih 100 tahun ini telah mula menjadi sesak sehinggakan pada suatu ketika tidak mempunyai ruang kosong untuk dikebumikan mayat-mayat yang baharu. Akhirnya pada 11

13 Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, <http://www.e-fatwa.gov.my/print/fatwa-negeri/menanam-mayat-ditempat-yang-sama>, 12 Oktober 2010

14 Universiti Sains Islam Malaysia, http://www.e-infad.my/i-fms/index.php?option=com_fatwa&task=viewlink&link_id=693&Itemid=0, 19 Oktober 2010

April 2000, Mesyuarat Agung Qaryah Masjid ini telah meluluskan keputusan dengan sebulat suara untuk melaksanakan projek kubur bertingkat ini.

Pada 8 Mei 2000 permohonan rasmi kepada Pegawai Tadbir Agama Daerah Kepala Batas telah dibuat oleh pihak pengurusan masjid. Akhirnya pada 25 Oktober 2000, pihak Majlis Agama Islam Pulau Pinang (MAINPP) telah memberikan kebenaran terhadap permohonan tersebut. Bermula awal November 2001, kerja-kerja penambakan projek kubur bertingkat telah dimulakan dan siap sepenuhnya pada Januari 2002.¹⁵

ANALISA TERHADAP PENDAPAT FUQAHA' DAN KEPUTUSAN FATWA

Berdasarkan pendapat fuqaha' dan keputusan-keputusan fatwa yang dikemukakan sebelum ini adalah didapati bahawa secara majoriti fuqaha' silam seperti Imam al-Nawawi dan Ibn Qudamah telah menyatakan keharusan untuk mengguna semula kubur lama yang diyakini mayat didalamnya telah hancur reput untuk tujuan pengebumian mayat baharu. Pendapat seperti ini juga telah disokong oleh keputusan rasmi ahli-ahli Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan dan Mufti Negeri Pulau Pinang, Selangor dan Terengganu.

Mengenai cadangan untuk membangunkan tanah perkuburan secara bertingkat, secara umumnya pendekatan ini adalah mengguna semula tanah perkuburan lama tetapi bukan dengan cara menggali tanah kubur yang lama, sebaliknya di tambun tanah diatas tanah perkuburan lama dan ditanam mayat baharu dalam timbunan tanah baharu yang terletak atas permukaan tanah kubur yang lama tersebut. Model seperti ini tidak bercanggah dengan prinsip syariah seperti yang diputuskan secara jama'ie oleh badan fatwa semasa contohnya Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan, Lajnah Fatwa Dar al-Ifta' al-Misriyyah dan juga pendapat Dekan Kuliyyah Syariah, Universiti al-Azhar, Mesir.

Ahli-ahli Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan dalam mesyuarat kali ke-29 pada 19 Februari 1992 pula, secara bersepakat telah

15 Projek Kubur Bertingkat, Masjid Al-Jami'ul Badawi, Kepala Batas, Pulau Pinang.

bersetuju dengan kerangka idea pembinaan kubur secara bertingkat, walau bagaimanapun ahli Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan hanyalah tidak bersetuju pada aspek waktu pelaksanaannya sahaja.

Walaupun bagaimanapun, keputusan fatwa negeri Selangor yang telah diwartakan pada 7 Oktober 2004 berkaitan isu ini telah menunjukkan konsep kubur bertingkat telah diterima pakai dalam konteks negeri Selangor. Penulis amat percaya keputusan yang diputuskan oleh ahli Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor ini sememangnya telah mengambilkira faktor semasa pada hari ini.

Selain itu, pelaksanaan konsep kubur bertingkat di Masjid Al-Jami'ul Badawi, Kepala Batas, Pulau Pinang juga telah menunjukkan suatu tanda aras bahawa isu syariah berkaitan hukum pembinaan kubur secara bertingkat telah pun dapat dirungkai dan semua pihak khususnya umat Islam dapat menerima alasan hukum kepada kebenaran konsep kubur sebegitu dilaksanakan.

KEPUTUSAN MUZAKARAH JAWATANKUASA FATWA KEBANGSAAN BERKAITAN HUKUM PEMBINAAN KUBUR SECARA BERTINGKAT

Ahli-ahli Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan pernah membincangkan isu pembinaan kubur secara bertingkat dalam Muzakarah Kali ke-92 pada 15-17 Disember 2010 dan telah bersetuju memutuskan keputusan seperti berikut:

- Setelah mendengar taklimat daripada pihak Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia serta pandangan dan hujah-hujah yang dikemukakan, Muzakarah berpandangan bahawa dalam keadaan dharurat di mana berlakunya kepadatan penduduk dan lokasi tanah perkuburan yang terhad, pembinaan kubur secara bertingkat merupakan konsep dan kaedah yang tidak bertentangan dengan Syarak.

Sehubungan itu, Muzakarah bersetuju memutuskan bahawa berdasarkan prinsip hukum Islam, pembinaan kubur secara bertingkat adalah harus dilaksanakan sekiranya keperluan mendesak bagi mengatasi kekurangan tanah perkuburan orang Islam pada hari ini.

Walaupun bagaimanapun, kajian terhadap modul-modul pelaksanaannya perlu diteliti dengan lebih menyeluruh dengan mengambil contoh di beberapa buah negara luar yang telah melaksanakannya serta mengambil kira penjimatan kos.

PENUTUP

Daripada perbincangan di atas, dapatlah dirumuskan bahawa berpandukan kepada pendapat para fuqaha' silam dan semasa, konsep dan idea pembinaan kubur secara bertingkat adalah dapat diterima daripada aspek syariah. Ini diperkukuhkan lagi dengan pelaksanaannya telah pun berlaku disesetengah tempat sama ada dalam negara mahupun luar negara. Dalam konteks Malaysia, cadangan konsep kubur bertingkat ini telah diperteguhkan dengan keputusan syariah yang telah diputuskan oleh Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan yang telah bersepakat menyatakan keharusan konsep tersebut. Selain itu, faktor kepadatan penduduk dan kekurangan tanah juga boleh menjadi alasan pendorong kepada kebenaran pelaksanaan konsep kubur bertingkat.

Walaupun bagaimanapun, daripada aspek keperluan dan pelaksanaan konsep ini perlulah dipantau oleh pihak berkuasa agama Islam negeri-negeri dan juga mana-mana pihak berautoriti yang diberi kuasa oleh pihak pemerintah.

Di samping itu, penglibatan agensi Kerajaan, Swasta dan tenaga pakar juga amat berkeperluan bagi mengkaji serta merangka modul-modul pembinaan kubur secara bertingkat agar benar-benar praktikal, sesuai dan menepati kondisi struktur tanah di Malaysia selain mengambil kira penjimatan kos.

RUJUKAN

- Abdul Rahman Al- Jaziri. 2001. *Kitab al-Fiqh 'Ala Al-Madhahib Al-Arba'ah*, cet. 1, Beirut: Dar Ibn Hazam.
- Abdullah Muhammad Basmeih .2000. *Tafsir Pimpinan al-Rahman kepada Pengertian al- Quran*. Kuala Lumpur: Dar al Fikr.
- Ibn Qudamah .t.th. *al-Mughni*. j.2, Beirut: Dar al-Fikr.
- Ibn Rushd.1992. *Bidayah al-Mujtahid Wa Nihayah al-Muqtasid*. j. 1, cet. 2, Beirut: Dar al-Ma'rifah.
- Muhammad bin Ahmad al-Khatib al- Syarbini .1997. *Mughni al-Muhtaj*. j.1, cet.1, Beirut: Dar al-Kutub Al-Ilmiyyah.
- Projek Kubur Bertingkat. Masjid Al-Jami'ul Badawi. Kepala Batas: Pulau Pinang.
- Saad Al-Din Mus'ad Hilali. 2006. *Ahkam Dafnul Mauta Wa Ahkam Quburihim*. cet. 1, Al-Mansourah: Maktabah Al-Iman.
- Yusuf Al-Qaradawi. t.th. *Fatawa Mu'asarah*. j. 1, cet. 1, Beirut: Dar Uli Al-Nuha.
- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, <http://www.e-fatwa.gov.my/print/fatwa-negeri/menanam-mayat-ditempat-yang-sama>. 12 Oktober 2010
- Dar al-Ifta al-Misriyyah, <http://www.daralifta.org/ViewFatwa.aspx?ID=637&text=kubur&Home=1&Home=1&Home=1&LangID=1>. 15 Oktober 2010.
- Universiti Sains Islam Malaysia, http://www.e-infad.my/i-fms/index.php?option=com_fatwa&task=viewlink&link_id=693&Itemid=0. 19 Oktober 2010.
- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-kebangsaan/tanah-perkuburan-dan-krematoria>, 20 Oktober 2010
- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-kebangsaan/hukum-mengguna-semula-tanah-perkuburan-islam-0>. 20 Oktober 2010
- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-negeri/fatwa-tentang-mengguna-semula-tanah-perkuburan-islam>. 20 Oktober 2010

PENULISAN FATWA DAN SUMBANGANNYA DALAM PERKEMBANGAN ILMU FIQH

ZULFAQAR BIN MAMAT
SITI ZALIKHAH BINTI MD. NOR
NASRAN BIN MOHAMED

ABSTRAK

Artikel ini akan menyorot kembali penulisan-penulisan yang membicarakan tentang fatwa sama ada yang melibatkan perbincangan tentang institusi kefatwaan atau yang berbentuk himpunan fatwa-fatwa ulama yang pernah ditulis oleh ulama-ulama silam. Seterusnya artikel ini juga akan melihat sejarah penulisan fatwa di sekitar nusantara dan Malaysia secara khususnya serta sumbangannya dalam perkembangan ilmu fiqh.

PENDAHULUAN

Kepentingan fatwa dalam kehidupan masyarakat Islam sememangnya tidak dapat disangkal lagi. Semenjak Islam dibawa oleh Nabi Muhammad SAW fatwa sudah ada kedudukan tersendiri dalam masyarakat Islam, kerana Islam adalah agama yang mementingkan praktikal dan sesuai dengan keadaan semasa. Dengan meluasnya jajahan takluk Islam dan semakin ramai pemeluk Islam, maka bertambah juga persoalan-persoalan agama yang memerlukan jawapan (fatwa). Dalam hal ini, Syeikh Mahmud Syaltut (1991) menukulkan pada permulaan kitabnya "al-Fatawa" dengan katanya;

"Orang-orang Islam semenjak dari zaman Nabi SAW sehingga ke hari ini telah mengambil daripada ulama-ulama mereka hukum-hakam agama, sebagai satu bentuk penjelasan yakni tanpa didahului dengan persoalan sepertimana uslub yang digunakan oleh al-Quran. Manakala penjelasan yang didahului dengan persoalan dinamakan al-fatwa"

Dalam ajaran Islam, sesetengah perkara ada yang diterangkan secara terperinci melalui nas-nas al-Quran dan hadith-hadith Nabi SAW dan ada juga yang hanya diterangkan secara umum untuk memberi peluang kepada manusia yang mempunyai keahlian berfikir, ber*ijtihad* mencari jalan penyelesaian dan menyesuaikan dengan kehendak semasa berpanduan kepada kaedah-kaedah yang ditetapkan dalam syariat Islam. Dari sini bermulalah peranan fatwa sebagai pemberitahuan tentang hukum Allah SWT terhadap peristiwa yang berlaku melalui *ijtihad* yang berlandaskan dalil-dalil syarak (Al-Ashqar 1993).

Fatwa pada awalnya tidak ditulis, ia hanyalah penjelasan secara lisan yang diberikan oleh mufti kepada orang yang bertanya (*mustafti*) bagi menjawab dan menerangkan hukum hakam agama. Walau bagaimanapun, dengan perkembangan ilmu yang semakin matang pada zaman kegemilangan fiqh Islam (bermula dari awal kurun ke 2 hijrah), telah lahir usaha-usaha untuk membukukan ilmu-ilmu Islam seperti ilmu fiqh dan usul fiqh, *ulum al-Quran*, *ulum al-hadith*, Bahasa Arab dan lain-lain (Muhammad Fuad Muhammad Sawari 2005).

SEJARAH AWAL PENULISAN FATWA

Penulisan mengenai fatwa khususnya yang berkaitan dengan tatacara berfatwa, mufti dan syarat-syarat kelayakannya serta adab *mustafti* telah dikesan semenjak proses pembukuan ilmu fiqh dan usul fiqh bermula. Pada waktu itu, kebanyakan para ilmuan Islam telahpun membincangkan isu fatwa sebagai sebahagian daripada ilmu usul fiqh atau fiqh.

Sekiranya dirujuk kepada penulisan usul fiqh, sesetengah buku ada membincangkan fatwa sebagai satu bab khusus seperti dalam buku *al-Luma' fi usul al-fiqh* oleh al-Shirazy (w.476h), *al-Mahsul fi 'ilm usul fiqh* oleh al-Fakhr al-Razy (w.606h), buku *Qawati' al-adillah fi al-usul* oleh al-Sam'aniy (w.489h) dan buku *al-Burhan fi usul al-fiqh* oleh al-Juwayniy (w.487h), manakala al-Amidiy (w.631h) dalam *al-Ihkam fi usul al-ahkam* membincangkannya bersama-sama dalam bab *taqlid*. Sesetengah buku usul fiqh pula didapati ada yang membincangkannya bersekali dalam bab *ijtihad* seperti dalam buku *Sharh tanqih al-fusul fi ikhtisar al-mahsul fi al-usul* karangan al-Qarafi (w.684h).

Sementara dalam penulisan fiqh, topik fatwa ada juga dibincang sepertimana terdapat dalam buku *al-faqih wa al-mutafaqqih* oleh al-Khatib al-Baghdadiy (w.463h), *al-Majmu'* karangan al-Imam al-Nawawi (w.676h) dan buku *Radd al-mukhtar 'ala al-durr al-mukhtar hashiah Ibn Abidin* oleh Ibn Abidin (w.1252h) dalam bab "*al-qada*". Selain itu, terdapat juga sesetengah fuqaha klasik yang menulis topik fatwa ini dalam buku khusus seperti buku *Adab al-fatwa wa shurut al-mufti wa sifat al-mustafti wa ahkamuh wa kaifiyat al-fatwa wa al-istifta'* oleh al-Shahrazuriy (w.643h) dan *al-Ihkam fi tamyiz al-fatawa an al-ahkam wa tassarufat al-qadi wa al-imam* oleh al-Qarafi (w.684h) yang menggariskan perbezaan antara jawatan mufti, hakim dan pemerintah.

Secara umumnya, kesemua perbincangan dalam buku-buku tersebut berkisar tentang teori fatwa seperti takrif fatwa, syarat-syarat mufti, hukum bertaqlid, perkara yang boleh difatwakan, adab-adab dalam berfatwa dan perbezaan fatwa dengan beberapa institusi lain yang wujud pada ketika itu.

Selain penulisan khusus mengenai apa yang dimaksudkan dengan fatwa dalam buku fiqh atau usul fiqh, para fuqaha' Islam juga turut menghasilkan penulisan dalam bentuk himpunan fatwa-fatwa berdasarkan persoalan-persoalan yang telah diterima daripada masyarakat. Buku fatwa jenis ini begitu popular dan berkembang pesat penerbitannya terutamanya pada zaman yang dikenali sebagai "'*asr al-taqlid*" (*al-Mallah 2009*). Menurut H.A. Hafizah Dasuki et.al (2004) gerakan pembukuan fatwa jenis ini bermula pada abad ke-12 di mana kumpulan fatwa pertama yang dikumpul ialah *al-Zakhirat al-burhaniyyah* yang mengandungi fatwa-fatwa Burhanuddin bin Maza (w.570h).

Perkembangan penulisan fatwa sebegini begitu cepat tersebar dan meluas, kerana ia lebih mudah dirujuk oleh masyarakat awam, menyentuh soal kehidupan manusia secara praktik dan bersifat semasa yang benar-benar berlaku dalam masyarakat pada ketika itu. Ia juga berbentuk interaktif iaitu soalan dan jawapan yang pada kebiasaannya disertakan bersama-sama dalil-dalil mazhab yang disandarkan untuk jawapan tersebut (*Mahmood Zuhdi b. Abd Majid 1988*).

Antara buku-buku fatwa kategori ini dalam mazhab Hanafi ialah buku *Fatawa Qadi Khan* oleh Hasan bin Mansur bin Mahmud al-Auzujundi (w.592h), *al-Fatawa al-kubra* dan *al-Fatawa al-sughra* oleh Sadr al-Shahid, *al-Fatawa al-bazzaziyyah* oleh Muhammad bin Muhammad bin Shihab (w.827h), *al-Fatawa al-hindiyyah* yang dikumpul dengan arahan Sultan Hindi iaitu Abu Muzafar Muhy al-Din Muhammad Urnuq Zayb Bahadir Alam Ghiri Syah (w. 1118h) dan lain-lain, Dalam mazhab Syafi'e pula ada *Fatawa Ibn Salah* oleh Abi Amru Osman bin Abd al-Rahman bin Osman (w.64h) yang dibukukan oleh anak muridnya Ishak bin Ahmad bin Osman al-Maghrabi (w.650h), *Fatawa al-Nawawiy* oleh Muhy al-Din Yahya bin Syarf (w.676h), *Fatawa al-subkiy* oleh Taqi al-Din Ali bin Abd al-Kafi (w.756h), *Fatawa al-kubra al-fiqhiyyah* oleh Ahmad bin Muhammad bin Muhammad bin Ali bin Hajar al-Haitamiy (w.973h) dan lain-lain. Dalam mazhab Maliki terdapat buku *Fatawa Ibn Rushd* (w.520h), *Fatawa al-shatibiy* (w.790h) dan *Mawsu'ah al-mi'yar al-mu'arab* oleh Ahmad al-Wansharisiy (w.914h). Sementara mazhab Hanbali terkenal dengan buku

Majmu' Fatawa karangan Syeikh al-Islam Ibn Taymiyyah (w.728h) setebal 35 jilid (*al-Qaradawiy 1995 & al-Mallah 2009*).

PENULISAN FATWA SEMASA

Pada masa kini, perbicaraan tentang fatwa masih lagi dapat dilihat dalam penulisan berkaitan usul fiqh, kebanyakannya masih mengekalkan kandungan dan perbahasan sebagaimana buku-buku usul fiqh terdahulu. Ini dapat dilihat dari penulisan Badran (1965) dalam buku *Usul Fiqh* dan al-Zuhayliy (1986) dalam *Usul al-fiqh al-Islami*, tetapi topik berkaitan fatwa tidak lagi dibincang dalam buku-buku fiqh semasa. Sungguhpun begitu, penulisan yang membincangkan fatwa secara lebih mendalam telah ditulis dan diolah oleh ulama-ulama kontemporari mengikut kesesuaian zaman dan keadaan semasa. Antara penulisan tersebut ialah buku *al-Futya wa manahij al-ifta'* oleh Muhammad Sulayman al-Ashqar (1993) dan *al-Fatwa: nash'atuha wa tathawuruha, usuluha wa tatbiquha* oleh Husayn Muhammad al-Mallah (2009).

Selain penulisan fatwa yang bersifat menyeluruh dan umum, terdapat kecenderungan penulis-penulis buku fatwa semasa untuk membincangkan topik-topik tertentu mengenai fatwa sepertimana dilihat dalam penulisan al-Qaradawiy (1995) melalui bukunya *al-Fatwa Bayna al-indhibat wa al-tassayyub* yang mengupas soal kesederhanaan dalam berfatwa. Begitu juga karangan Dr. Usamah 'Umar al-Ashqar (2009) dalam buku *Fawdha al-ifta'* yang memfokuskan kepada cabaran dan halangan dalam pengendalian fatwa pada masa kini, sementara al-Kindiy (2008) pula menulis tentang isu keringanan (*taysir*) dalam berfatwa, sebab-sebab dan batasannya.

Dalam pada itu, penulisan buku-buku himpunan fatwa yang memuatkan fatwa-fatwa semasa sama ada yang diterbitkan oleh institusi fatwa tertentu atau para ulama tersohor secara individu bagi menjawab persoalan orang ramai terus mengekalkan populariti dan mendapat perhatian masyarakat masa kini. Sesetengahnya membincangkan secara umum pelbagai bab dan tajuk yang telah difatwakan, dan ada juga sesetengah penulisan yang memfokuskan fatwa dalam bab-bab khusus untuk memudahkan orang ramai

membuat rujukan seperti fatwa akidah, fatwa muamalat, fatwa perubatan dan sebagainya.

Antara penulisan semasa yang membincangkan bab-bab fatwa secara umum ialah buku *al-Fatawa al-islamiyyah min Dar al-Ifta' al-Masriyyah* yang diketuai oleh Syeikh Muhammad Abduh setebal 20 Jilid (1993), *Fatawa al-Lajnah al-Daimah li al-Buhuth al-'Ilmiyyah wa al-Ifta'* yang disusun oleh al-Duwaish (2000) setebal 13 jilid, *al-Fatawa* oleh Syeikh Mahmud Syaltut (1991), *Majmu' fatawa* oleh Jad al-Haq Ali Jad al-Haq, mantan Syeikh al-Azhar (2008) setebal 4 jilid, *Majmu' fatawa wa maqalat mutanawwi'ah* oleh Ibn Baz, mantan Mufti Arab Saudi (2000) setebal 14 jilid, *Ahsan al-kalam fi al-fatawa wa al-ahkam* oleh Syeikh Atiyyah Saqr (t.th) setebal 6 jilid, *Fatawa mu'asirah* oleh al-Qaradawiy (2002) setebal 3 jilid dan lain-lain.

Sementara himpunan fatwa yang mengkhusus kepada bab-bab tertentu adalah seperti *Fatawa al-'Aqidah* oleh Syeikh Saleh al-USaymin (1992) yang membincangkan fatwa-fatwa akidah, *al-Fatawa al-Tibbiyyah al-Mu'asirah* yang disusun oleh al-Jar'iyy (2007) yang membincangkan isu-isu perubatan dan fatwa yang berkaitan dengannya, *Fatawa al-Mu'amalat* oleh al-Khaliliy (2003), Mufti Am negara Oman yang membicarakan mengenai fatwa-fatwa ekonomi dan perniagaan dalam syariat Islam dan *Fatawa Jami'ah li al-Nisa'* oleh Abu Zayd (2008) yang khusus mengenai permasalahan-permasalahan wanita.

PENULISAN FATWA DI NUSANTARA

Para ulama nusantara juga tidak ketinggalan dalam membicarakan tentang fatwa ini, terdapat beberapa peninggalan penulisan fatwa awal seperti yang ditulis oleh al-Syeikh Abd al-Salam bin Idris al-Ashi menerusi buku yang bertajuk *Muhimmat al-nafais fi bayan as'ilah al-hadis*. Buku ini sebenarnya diterjemahkan daripada himpunan fatwa-fatwa yang telah dikeluarkan oleh Syeikh Ahmad Dahlan, seorang mufti mazhab Syafi'e yang tinggal di

Mekah mengenai soal jawab agama dalam pelbagai bidang yang merujuk permasalahan masyarakat Islam Nusantara (Ahmad Hidayat Buang 2004).

Wilayah Patani pada satu masa dahulu memainkan peranan yang penting dalam perkembangan pemikiran Islam di nusantara. Salah seorang ulama Patani yang terkenal ialah Syeikh Daud al-Fatani, beliau telah mengarang banyak buku dalam bidang hukum Islam termasuklah bidang fatwa. Kitabnya *Furu' al-masail wa usul al-masail* merupakan adaptasi dari karya al-Ramli (*al-Fatawa*) dan al-Mahalli (*Kasyf al-litham*) yang membincangkan aspek-aspek berkaitan syariat Islam (*Taufik Abdullah et.al 2003*). *Fatawa al-Fataniyyah* karangan Ahmad Muhammad Zain al-Fatani adalah juga antara buku fatwa yang terkenal di alam Melayu, ia telah disalin dan disusun balik ke dalam Bahasa Melayu sebanyak tiga jilid yang membicarakan fatwa-fatwa berkaitan aqidah, fiqh dan tasawwuf (Wan Mohd Shaghir Abdullah 1996).

Walaupun ada buku himpunan fatwa yang dikarang dan diterbitkan oleh ulama-ulama nusantara klasik, penulis mendapati tidak terdapat buku karangan mereka yang membicarakan persoalan fatwa dan mufti secara khusus. Hal ini mungkin terjadi kerana para ulama nusantara pada masa itu lebih menumpu pada memperkukuhkan pemahaman akidah dan syariah yang asas kepada masyarakat. Sebab itulah, buku-buku mereka lebih banyak membahaskan persoalan akidah, tasawwuf dan hukum-hukum fiqh secara menyeluruh terutamanya bab-bab yang berkaitan dengan *fardhu ain* kepada orang Islam. Antara karya-karya fiqh yang terkenal pada masa itu ialah buku *Sirat al-mustaqim* oleh Nuruddin al-Raniri, *Mir'ah al-tullab fi tahsil ma'rifah al-ahkam al-shar'iyah li al-malik al-wahhab* oleh Abdul Rauf Singkel, *Sabil al-muhtadin li al-tafaqquh fi amr al-din* oleh Muhammad Arshad al-Banjari, *Bughyah al-tullab li murid ma'rifah al-ahkam bi al-shawab* karangan Daud al-Fatani dan *Matla' al-badrain* karangan Muhammad Bin Ismail Daud al-Fatani (*Taufik Abdullah et.al 2003*).

PENULISAN FATWA DI MALAYSIA

Penulisan fatwa di Malaysia juga berkembang sebagaimana negara-negara sekitarnya. Ini kerana terdapatnya jaringan hubungan yang kukuh antara para ulama di sekitar nusantara, tambahan pula kebanyakan mereka adalah lepasan pengajian dari Timur Tengah khususnya Mekah dan Madinah (Taufik Abdullah et.al 2003) yang belajar dari kitab dan mungkin juga dari guru yang sama. Oleh sebab itu, tidak didapati juga karya-karya fiqh klasik di Malaysia yang membicarakan soal fatwa secara khusus. Menurut Abdul Kadir (1996) buku-buku keluaran ulama tempatan pada masa itu ditumpukan pada masalah hukum yang kebanyakannya berkaitan ibadat khusus seperti bersuci dan solat. Tidak banyak penulisan yang melibatkan hukum perkahwinan dan muamalat serta boleh dikatakan tidak ada langsung yang menyentuh tentang hukum jenayah dan sehubungan dengannya. Antaranya buku-buku fiqh yang ada pada masa itu ialah *Sullam al-tawfiq* dan *Mukhtasar fiqh* oleh Syed Muhammad bin Zainal Abidin al-Idrusi yang masyhur dengan gelaran Tok Ku Tuan Besar seorang ulama Terengganu, *Kifayat al-awam* dan *Bidayat ta'lim al-awam* oleh Sheikh Abdul Samad bin Muhammad Saleh al-Kelantani yang dikenal dengan Tuan Tabal, *Hidayat al-sibyan fi ma'rifat al-islam wa al-iman* dan *Majmu' al-la'ali* oleh Tuan Hussain Bin Mohd Nasir Bin Muhammad Taib al-Mas'udi al-Banjari dari Kedah, *Suluhan awam memperkatakan fardhu ain aan ibadah* dalam tulisan jawi oleh Haji Ahmad Mahir Bin Haji Ismail, bekas Mufti Kelantan, *al-Jawahir al-safiyyah fi mukhtasar mazhab al-Syafi'iyah* oleh Raja Haji Uthman Bin Haji Yahya, bekas Kadi Besar Selangor dan beberapa penulisan lagi yang kesemuanya berkisar tentang hukum-hakam ibadat (Abdul Kadir 1996).

Pembukuan fatwa-fatwa yang pernah dikeluarkan oleh mufti juga tidak dilakukan pada masa itu kecuali beberapa fatwa yang diterbitkan di Johor lewat 1930-an seperti yang disebutkan oleh Hooker (1993). Apa yang ada hanyalah fatwa-fatwa yang telah dicatat oleh pengkaji-pengkaji. Sebagai contohnya, William Roff merujuk kepada keputusan *State Council Perak* bertarikh 15 Februari 1922 yang merujuk kepada fatwa Tuan Syekh Mohammed Saleh yang memberi fatwa mengharamkan riba, Yusof Zaki

Yaacob pada tahun 1960 pula telah menulis satu risalah mengenai ajaran salah bertajuk *Penbongkaran Rahsia Subud* lanjutan dari fatwa Majlis Agama Islam Kelantan yang mengharamkan ajaran Subud pada tahun 1960 dan Mufti Perak, Dato Haji Muhammad Ghazali Abdullah telah menulis satu fatwa ringkas mengenai pembayaran zakat dan fitrah kepada pemerintah pada tahun 1979 (Ahmad Hidayat Buang 2004). Selain itu, ada juga fatwa-fatwa yang dimuatkan dalam majalah-majalah terbitan Majlis Agama Islam Negeri-Negeri seperti dalam majalah *Pengasuh* di Kelantan, *Suara Majlis* di Perak, *Saujana* di Terengganu dan *Himpunan Kemusykilan Agama* di Sabah (Ahmad Hidayat Buang 2004).

Dalam hubungan ini (kelewatan membukukan fatwa-fatwa di Malaysia), Prof. Barry Hooker (1993), seorang pengkaji undang-undang Islam di nusantara melahirkan rasa kesalnya terhadap perkara ini dengan berkata;

"It is worth noting until the collections which began to be published in the 1960s, it is (i.e. al-Fatawa al-Fataniyyah by Shaykh Ahmad Muhammad Zain, published in Patani about 1903) the only extant source in Peninsula Malay world (though a few fatawa were published in Johor late 1930s). We thus have a gap of 60 years in the Malaysian states which is great pity from the historical point of view."

Himpunan fatwa-fatwa hanya mula dihasilkan secara lebih teratur selepas abad ke 20. Zulkifli Bin Mohamed Al-Bakri (2008) dalam tesis Doktor Falasafahnya menyatakan pada masa sekarang hampir kesemua jabatan mufti di Malaysia mengeluarkan koleksi fatwa yang pernah difatwakan oleh para mufti terdahulu bagi menjawab permasalahan ummah dan juga mengutarakan pandangan-pandangan dalam isu-isu semasa.

Koleksi fatwa terawal ialah *fatwa mufti Kerajaan Negeri Johor* oleh Dato' Syed Alwee bin Tahir al-Haddad dari tahun 1934 sehingga 1961. Fatwa ini dijilid kepada dua jilid yang merangkumi masalah fiqh, tauhid dan juga hal semasa. Selain itu, terdapat juga fatwa yang dibukukan berdasarkan jawapan mufti Kerajaan Negeri Terengganu iaitu Syed Yusof bin Ali Zawawi dari tahun 1953 sehingga 1975, satu lagi *Himpunan Fatwa Mufti Negeri Terengganu* hasil jawapan fatwa S.S. Dato' Engku Alwi bin Engku Ambak dari tahun 1988 sehingga 2000 telah diterbitkan oleh Majlis Agama

Islam Dan Adat Istiadat Melayu Terengganu (MAIDAM) (Dr. Zulkifli Bin Mohamed Al-Bakri 2008).

Himpunan Fatwa Mufti Kerajaan Kelantan (1993) sebanyak dua jilid telah diterbitkan oleh Majlis Ugama Islam Dan Adat Istiadat Melayu Kelantan, ia memuatkan fatwa-fatwa yang pernah diterbitkan dalam Majalah Pengasuh sekitar tahun 20-an hingga 30-an. *Fatwa Kedah Darul Aman* (t.th) setebal 91 halaman adalah merupakan koleksi fatwa-fatwa yang pernah diputuskan dalam Jawatankuasa Fatwa Negeri Kedah. Begitu juga di Selangor, pihak Jabatan Mufti Negeri Selangor telah menerbitkan *Fatwa Warta Kerajaan Negeri Selangor Darul Ehsan* dari tahun 1991 sehingga 1997. Pajabat Mufti Melaka pula menerbitkan *Fatwa Mufti Negeri Melaka* pada tahun 1994 (Ahmad Hidayat Buang 2004).

Pejabat Mufti Pulau Pinang pada tahun 1998 telah menerbitkan *Himpunan Fatwa Negeri Pulau Pinang 1961 hingga 1989* dan pada tahun 2005 telah menerbitkan jilid kedua yang melibatkan fatwa dari tahun 1995 hingga 2004. Majlis Agama Islam Dan Adat Istiadat Melayu Pahang pula telah menerbitkan buku *Fatwa* pada tahun 1999 yang menghimpunkan fatwa-fatwa yang diwartakan di negeri Pahang dari tahun 1988 hingga 1998. *Irsyad Hukum* (1999) terbitan Pejabat Mufti Negeri Perak pula merupakan himpunan soal jawab hukum yang pernah dikemukakan kepada Dato' Seri Haji Harussani Bin Haji Zakaria, Mufti Negeri Perak dan Jabatan Mufti Perak selepas itu menerbitkan pula koleksi Fatwa Negeri Perak 1994-2004. Selanjutnya, Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan pada tahun 2009 telah menerbitkan *Fatwa-Fatwa Mufti Wilayah Persekutuan 1987-2009*.

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) selaku urusetia Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia dalam usaha menyebarkan keputusan hukum yang dikeluarkan oleh Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan telah menerbitkan sebanyak tiga siri *Keputusan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan* yang mencakupi pelbagai isu bermula dari tahun 2000. Selain itu, pihak Jakim juga telah mengambil inisiatif untuk menghimpunkan fatwa yang diwartakan seluruh Malaysia dan telah dibukukan pada tahun 2007 dengan tajuk *Fatwa Negeri-Negeri Yang Diwartakan*.

Sebagaimana himpunan fatwa, penulisan mengenai pengurusan fatwa di Malaysia juga bermula agak lewat. Antara penulisan awal yang membincangkan secara kritis tentang isu fatwa Malaysia ialah buku *Fatwa Dalam Perundangan Islam* yang ditulis oleh Dr. Othman Bin Hj. Ishak (1981). Buku ini adalah berdasarkan tesis Ph.D beliau di Universiti Malaya yang bertajuk "*Satu Kajian Kritikal Mengenai Institusi Fatwa Dalam Hukum Shara di Negeri-negeri Melayu-Sejarah Dan Interpretasinya*". Buku ini telah menjelaskan tentang fatwa di Negeri-negeri Melayu dari segi struktur dan organisasi fatwa, autoriti fatwa dan pengarang juga telah membawa contoh-contoh fatwa yang telah dibincang dan perbezaan yang wujud dalam fatwa tersebut. Seterusnya pengarang telah mengkritik beberapa kelemahan yang wujud dalam institusi fatwa di Negeri-negeri Melayu pada waktu itu.

Buku *Mufti dan Fatwa di Negara-Negara Asean* yang disunting oleh Dato' Dr. Abdul Monir Yaacob dan Wan Roslili Abdul Majid (1998) juga antara buku penting mengenai fatwa di Nusantara. Buku ini sebenarnya adalah koleksi kertas-kertas kerja seminar serantau "Mufti dan Fatwa" yang telah diadakan di Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM). Beberapa artikel dalam buku ini secara umumnya membincangkan tentang definisi fatwa dan mufti, metodologi *istinbat* dalam pembuatan fatwa dan etika mufti yang telah dikupas berdasarkan sumber-sumber rujukan fiqh dan usul fiqh yang muktabar. Seterusnya sebahagian artikel lagi menjelaskan tentang perkembangan instusi-institusi fatwa di negara-negara *Association of South East Asian Nations* (ASEAN). Artikel mengenai institusi fatwa di Malaysia telah ditulis oleh Dato' Dr. Abdul Monir Yaacob. Beliau telah menjelaskan tentang sejarah jawatan Mufti di Malaysia, bidang kuasa Mufti yang terdapat dalam Enakmen/Akta dan beberapa contoh fatwa yang berbeza antara Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan dan negeri-negeri.

Buku *Fatwa Di Malaysia* yang disunting oleh Prof. Madya Dr. Ahmad Hidayat Buang (2004) adalah merupakan antara kajian terkini mengenai institusi fatwa di Malaysia. Sebahagian besar kajian adalah daripada kertas laporan projek penyelidikan bertajuk "*Penganalisaan Fatwa-Fatwa Semasa Di Malaysia*" dan sebahagian kecil adalah hasil pembentangan kertas kerja berdasarkan input dari penyelidikan tersebut. Antara tajuk artikel yang ditulis

dalam buku ini ialah *"Perundangan dan Penguatkuasaan Fatwa"* oleh Dr. Suwaid Tapah, *"Personel Jabatan Mufti"* oleh Prof. Madya Raihanah Abdullah yang membincangkan pengurusan dan pentadbiran Jabatan Mufti di Malaysia berdasarkan kajian lapangan, *"Penyediaan dan Pengeluaran Fatwa"* oleh penyunting buku ini membincangkan proses penyediaan fatwa secara praktik di Jabatan-Jabatan Mufti, *"Analisis Fatwa-Fatwa Syariah Di Malaysia"* juga oleh penyunting memaparkan fatwa-fatwa yang terdapat di Malaysia mengikut sub bidang Syariah. Beberapa fatwa yang mempunyai kepentingan sosial, ekonomi dan kehidupan umat Islam telah dianalisa berdasarkan fatwa yang telah dikeluarkan oleh Negeri-Negeri.

Buku *Prinsip Dan Pengurusan Fatwa Di Negara-Negara Asean* yang disunting oleh Prof. Dr. Hj. Abdul Samat Musa et.al (2006) adalah hasil daripada kertas-kertas kerja yang dibentang dalam Seminar Pengurusan Fatwa Negara Asean pada 16-17 Ogos 2005 di Hotel Nikko, Kuala Lumpur. Antara kertas kerja yang dimuatkan dalam buku ini ialah kertas yang bertajuk *"Ke Arah Penyelesaian Fatwa: Masalah, Kemungkinan dan Cara Penyelesaian"* oleh Dr. Ahmad Hidayat Buang. Beliau dalam kertas kerja ini telah membangkitkan beberapa aspek penyelarasan seperti isu kepelbagaian badan fatwa di Malaysia, kepelbagaian metodologi dan sumber-sumber rujukan, masalah-masalah yang timbul daripada ketidakselarasan fatwa dari segi proses penyediaan fatwa, pewartaan, bank data fatwa, fatwa yang tidak mengikat mahkamah dan perbezaan hukuman pelanggaran fatwa. Dalam fasa terakhir kertas tersebut beliau menyarankan beberapa cadangan penyelesaian yang boleh difikirkan bersama termasuk menyelaraskan pengeluaran fatwa melalui pemakluman kepada Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia dan meningkatkan status Jawatankuasa Fatwa dengan menubuhkan Jabatan Khas Fatwa Persekutuan. Dato' Hj. Nooh Gadot pula menulis berkaitan *"Pengurusan Fatwa Di Malaysia"* di mana kertas ini tidak begitu berbeza dengan apa yang ditulis sebelum ini mengenai fatwa di Malaysia yang membincangkan peruntukan mengenai fatwa dan mufti yang terdapat dalam undang-undang Pentadbiran Agama Islam Negeri, pihak yang mengeluarkan fatwa dan proses pengeluaran fatwa sehinggalah diwartakan.

Dr. Hasnan Kasan (2008) juga telah menghasilkan satu buku bertajuk "*Institusi Fatwa di Malaysia*" yang asalnya adalah merupakan tesis sarjana beliau di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Dalam buku tersebut beliau telah membincangkan secara terperinci tentang kedatangan Islam dan sejarah kemunculan institusi fatwa di Malaysia. Beliau juga menyentuh mengenai perantikan mufti dan ahli-ahli jawatankuasa syariah, prosedur mengeluarkan fatwa, autoriti fatwa dan beberapa fatwa berkaitan isu semasa yang dibahagikan kepada bidang akidah dan ibadah. Dalam buku ini pengarang turut menyertakan beberapa keputusan fatwa yang dikeluarkan oleh Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia.

Buku "*Muassasah al-ifta' fi al-mujtama' al-Maliziyy; Dirasat tahliliyyah maidaniyyah*" oleh Dr. Engku Ahmad Zaki Engku Alwi (2008) dalam Bahasa Arab merupakan satu lagi kajian yang cuba meneroka peranan institusi fatwa di Malaysia. Dalam buku tersebut pengarang telah membincangkan sejarah fatwa dalam Islam dan penubuhannya di Malaysia, perhubungan antara institusi fatwa, kehakiman dan pemerintah, syarat-syarat perantikan mufti di Malaysia, biodata beberapa orang mufti Malaysia dan beberapa contoh fatwa semasa Malaysia sama ada yang dikeluarkan oleh Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan atau Jawatankuasa Fatwa Negeri-Negeri.

Selain daripada buku-buku tersebut, terdapat juga kajian ilmiah dalam bentuk tesis dan jurnal yang dibuat mengenai fatwa di Malaysia. Antaranya ialah tesis Abdul Hamid Yunus (1991) mengenai "*ijtihad dan amalannya dalam pembinaan fatwa di Malaysia*", beliau dalam kajian ini menekankan aspek persejarahan fatwa, di samping mengkaji tentang penggunaan *ijtihad* semasa mengeluarkan fatwa sesuai dengan tajuk yang telah dikemukakannya. Beberapa contoh fatwa yang menggunakan pendekatan *ijtihad* telah dikaji dan diulas oleh pengarang dalam tesis ini. Sebahagian daripada kandungan tesis ini telah diterbitkan dalam Jurnal Penyelidikan Islam, Jakim dengan tajuk "*Fatwa di Malaysia: Satu Penilaian Sejarah*".

Tesis Sarjana oleh Muhammad Firdaus (UIAM:1995) dengan tajuk "*Athar al-Zhuruf al-Ijtimi' iyyah 'ala al-Fatawa al-Shari'yyah: Dirasat li Fatawa Haiah al-Fatwa fi Majlis al-Watani li al-Shuun al-Islamiyyah bi*

Malizia” juga ada membincangkan fatwa Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia. Dalam kajian ini, beliau telah membincangkan tentang kesan pelaksanaan fatwa terhadap kehidupan masyarakat dan dalam kajian ini juga beliau telah melihat bagaimana faktor-faktor tempatan diambil kira dalam membuat keputusan hukum di Malaysia. Fatwa yang dikaji adalah dari tahun 1979 sehingga tahun 1990. Beliau dalam penutup tesis telah menyimpulkan bahawa soal pelaksanaan fatwa masih menjadi tanda tanya kerana tidak semua fatwa yang dikeluarkan oleh Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan diterima pakai oleh masyarakat Islam, begitu juga kewujudan enakmen dan undang-undang berkaitan fatwa yang tidak selaras antara negeri-negeri memburukkan lagi keadaan.

Mohd Nazri bin Asiabu (UM:2004) pula mengkaji tentang ”*Penggunaan Masalah Dalam Fatwa: Kajian Kes Bagi Fatwa Yang Dikeluarkan Oleh Majlis Fatwa Kebangsaan Malaysia*”. Beliau telah membincangkan pengamalan masalah sebagai salah satu elemen penting dalam pembuatan fatwa. Kajian ini melibatkan fatwa-fatwa Majlis Fatwa Kebangsaan Malaysia dari tahun 1970 hingga 1990 dalam pelbagai bidang seperti ibadat, perubatan, perkahwinan, sosial/ehwal semasa, ekonomi, zakat dan pakaian.

Barry Hooker telah menulis artikel yang menarik mengenai *Fatawa in Malaysia 1960-1985* dalam jurnal *Arab Law Quarterly* (1993). Beliau telah menjelaskan mengenai fatwa-fatwa yang telah dikumpul di Malaysia sejak 1960 hingga 1985 iaitu sebanyak 1,539 fatwa. Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan yang diwujudkan sejak 1968 pula telah membincangkan sebanyak 34 persoalan tetapi hanya 7 persoalan sahaja yang diwartakan oleh negeri-negeri. Beliau seterusnya memberi contoh terhadap beberapa fatwa kontemporari seperti isu loteri, pemimpin Islam menghadiri upacara keagamaan orang bukan Islam, insurans, pemindahan organ dan sebagainya.

Siti Zalikah Md. Nor dalam penerbitan bersiri *Isu Syariah Dan Undang-Undang* (2002), Jabatan Syariah, Fakulti Pengajian Islam, UKM telah menulis mengenai *Pembuatan Dan Penulisan Fatwa Di Malaysia*. Dalam artikel ini, beliau telah menerangkan mengenai adab-adab dalam berfatwa yang mesti dipatuhi oleh setiap mufti, seterusnya beliau memfokus kepada

soal penulisan jawapan fatwa dengan mencadangkan beberapa perkara yang perlu diamati semasa menulis fatwa seperti penelitian terhadap soalan yang dikemukakan, memberi jawapan secara tepat dan jelas, menyusun atur dan menyemak jawapan supaya tidak berlaku kesilapan serta mengikuti *sighah* fatwa yang telah disepakati. Dalam satu lagi artikel yang bertajuk *Fatwa Dan Pembangunan Ummah* (2003) Siti Zalikah telah membahaskan peranan yang dimainkan oleh institusi fatwa dalam membangunkan ummah seperti fatwa sebagai pemberitahuan hukum syarak, fatwa sebagai pencegahan dan fatwa sebagai satu bentuk pengajaran kepada masyarakat.

Zaini Nasohah dalam *Jurnal Islamiyyat* (2005) pula telah menulis artikel bertajuk "*Undang-Undang Penguatkuasaan Fatwa di Malaysia*". Beliau dalam artikel ini telah menjelaskan tentang masalah berhubung fatwa di Malaysia terutamanya isu penguatkuasaan. Beliau telah membincangkan masalah yang berlaku apabila fatwa yang dikeluarkan oleh Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia tidak di terima secara seragam oleh negeri-negeri di mana ada negeri yang menerima sepenuhnya, ada yang menerima dengan pindaan dan ada yang tidak menerimanya. Antara contoh yang dikemukakan ialah fatwa pengharaman merokok dan menangani perpecahan di kalangan orang Melayu. Pengarang seterusnya mencadangkan agar penyeragaman dapat diusahakan di peringkat kebangsaan dan jawatan Mufti Negara diwujudkan.

KESIMPULAN

Secara asasnya, para fuqaha Islam dari pelbagai mazhab, hampir pada setiap zaman dan tempat telah menghasilkan penulisan berharga berkaitan fatwa. Mereka telah meninggalkan sumber rujukan hukum dan khazanah fiqh yang banyak dan luas untuk rujukan dan panduan generasi yang terkemudian.

Walaupun pada awalnya penulisan tentang fatwa ini dibincang bersama-sama dengan ilmu fiqh dan usul fiqh, tetapi kemudiannya ia dilihat berkembang dan mencorakkan bentuknya yang tersendiri sehingga menjadi satu cabang ilmu yang berasingan antara bidang-bidang ilmu fiqh. Hal ini ditegaskan oleh Thash Kubra Zadeh dengan katanya;

Ilmu fiqh itu ada lima cabang iaitu ilmu faraid, ilmu berkaitan syarat dan ikatan perjanjian, ilmu kehakiman, ilmu mengenali syariat-syariat dan ilmu fatwa (Shubayr 2007).

Penulisan fatwa secara umumnya terdapat dalam dua bentuk iaitu penulisan yang membincangkan soal pengurusan fatwa yang merangkumi kuasa fatwa, kelayakan mufti, syarat-syarat mufti, adab-adab yang sewajarnya diikuti dan sebagainya. Bentuk yang kedua ialah himpunan fatwa-fatwa yang telah dijawab oleh para ulama fiqh terkenal sepanjang zaman yang kemudiannya dibukukan untuk panduan generasi akan datang.

Perkembangan semasa menyaksikan penulisan fatwa terus berkembang. Para ulama kontemporari telah memperincikan lagi penulisan fatwa dengan mengkaji aspek-aspek tertentu yang terdapat dalam institusi tersebut. Himpunan fatwa juga diperincikan dengan pembukuan fatwa-fatwa semasa mengikut bidang-bidang tertentu untuk memudahkan rujukan.

Kewujudan beberapa akademi kajian seperti *Majma' al-Fiqh al-Islami* dan *Majma' al-Buhuth al-Islamiyyah* serta pusat-pusat kajian fatwa di universiti-universiti Islam telah merancakkan lagi perkembangan fatwa pada masa kini. Kepesatan teknologi maklumat pula menyaksikan banyak himpunan fatwa institusi atau ulama terkenal seluruh dunia telah disebarikan dalam internet dan boleh di akses atau di muat turun untuk rujukan orang ramai.

Penulisan fatwa di Malaysia juga telah melalui perkembangan yang memberangsangkan, mulai abad ke-20 banyak fatwa-fatwa negeri dan kebangsaan telah dibukukan, penulisan tentang pengurusan fatwa di Malaysia, kriteria pengambilan hukum, perbezaan fatwa antara negeri-negeri dan sebagainya yang berkaitan fatwa juga semakin banyak dikaji oleh ulama-ulama dan para sarjana di institusi pengajian tinggi seluruh Malaysia.

Semoga usaha-usaha murni ini akan berterusan untuk memastikan fatwa terus menjadi sumber rujukan yang mantap dan dipercayai oleh anggota masyarakat.

RUJUKAN

- Abdul Kadir Bin Haji Muhammad. 1996. *Sejarah Penulisan Hukum Islam Di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Ahmad Hidayat Buang (pnyt.). 2004. *Fatwa Di Malaysia*. Universiti Malaya: Akademi Pengajian Islam.
- Barry Hooker. *Fatawa in Malaysia 1960-1985*, Dlm. W M. Ballantyne et.al Arab Law Quarterly. 1993, Part 2, Volume 8, Graham & Trotman, London/Dordrecht/Boston.
- Al-Mallah, Syeikh Hussein Mohamma. 2009. *al-Fatwa: Nasyatuha wa Tathawuruha - Usuluha wa Tatbiquha*. Beirut: al-Maktabah al-Asriah.
- Muhammad Fuad Muhammad Sawari. 2005. *Al-Madkhal ila Dirasah al-Fiqh al-Islamiy*. Kuala Lumpur: al-Jamiah al-Islamiyyah al-Alamiyyah bi Malizia.
- Al-Qaradawi, Yusof al-Qaradawi. 1995. *Al-Fatwa Bain al-Indibat wa al-Tasayyub*. Bayrut: al-Maktab al-Islami.
- Syaltut, Mahmood Syaltut. 1991. *al-Fatawa*. Kaherah: Dar al-Syuruk.
- H.A. Hafizah Dasuki et.al. 2004. *Ensiklopedia Islam*, Jil. 2. Malaysia: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Al-Shubayr, Muhammad Osman. 2007. *Manhajiyah al-Fatwa Lada Majma' al-Fiqh al-Islami al-Dawliy*. Dlm. Jurnal Pengurusan Dan Penyelidikan Fatwa, Vol 1, No.1 Nilai, Negeri Sembilan: Universiti Sains Islam Malaysia.
- Taufik Abdullah et.al. 2003. *Ensiklopedi Tematis Dunia Islam: Asia Tenggara*, Jakarta: PT Ichtiar Baru Van Hoeve
- Zulkifli bin Mohamad Al-Bakri. 2008. *Institusi Mufti dan Fatwa: Satu Analisa Terhadap Enakmen dan Beberapa Fatwa Pilihan Negeri Sembilan*. Tesis Ph.D, Universiti Sains Malaysia.

Mahmood Zuhdi Abdul Majid. 1988. *Sejarah Pembinaan Hukum Islam*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.

Al-Ashqar, Usamah Umar. 2009. *Fawdha al-Ifta'*. Amman: Dar al-Nafais.

Al-Kindiy, Abd al-Razzaq Abdullah Soleh Bin Ghalib. 2008. *al-Taysir fi al-Fatwa, Asbabuhu wa Dhawabituh*. Beyrut: Muassasah al-Risalah Nasyirun.

Wan Mohd Shaghir Abdullah. 1996. *Fatawal Fathaniyah*, Kuala Lumpur: Khazanah Fathaniyah.

Himpunan Fatwa Negeri Pulau Pinang 1961-1989. 1998. Jabatan Mufti Pulau Pinang.

Himpunan Fatwa Negeri Pulau Pinang 1995-2004. 2005 Jabatan Mufti Pulau Pinang.

Keputusan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan Jil. 1, 2000. Cet. ke 2, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.

Keputusan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan Jilid 2, t.th, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.

Keputusan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan Jilid 3, 2009. Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.

Fatwa Negeri-Negeri Yang Diwartakan. 2007. Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.

Harussani Zakaria. 1999,. *Irsyad Hukum*. Pejabat Mufti Negeri Perak.

Fatwa. 1999. Majlis Agama Islam Dan Adat Istiadat Melayu Pahang.

Fatwa Negeri Perak 1994-2004. t.th., Jabatan Mufti Negeri Perak.

Fatwa-Fatwa Mufti Wilayah Persekutuan 1987-2009. 2009. Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan.

- Abdul Monir Yaacob dan Wan Roslili Abdul Majid (pyt). 1998. *Mufti dan Fatwa di Negara-Negara Asean*. Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia.
- Abdul Hamid Yunus. 1991. *Ijtihad dan amalannya dalam pembinaan fatwa di Malaysia* Disertasi Sarjana, Universiti Malaya.
- Muhammad Firdaus. 1995. *Athar al-Zhuruf al-Ijtimiiyyah ala al-Fatawa al-Syariyyah: Dirasat li Fatawa Haiah al-Fatwa fi Majlis al-Watani li al-Shuun al-Islamiyyah bi Malizia*. Disertasi Sarjana, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.
- Mohd Nazri Bin Asiabu. 2004. *Penggunaan Maslahah Dalam Fatwa: Kajian Kes Bagi Fatwa Yang Dikeluarkan Oleh Majlis Fatwa Kebangsaan Malaysia*. Disertasi Sarjana, Universiti Malaya.
- Engku Ahmad Zaki Engku Alwi. 2008. *Muassasah al-Ifta' fi al-Mujtama' al-Malizi; Dirasat Tahliliyah Maidaniyyah*". Nilai:INFAD.
- Abdul Samat Musa et.al. 2006. *Prinsip Dan Pengurusan Fatwa Di Negara-Negara Asean*. Nilai:INFAD.
- Hasnan Kasan. 2008. *Institusi Fatwa Di Malaysia*. Bangi: Penerbit UKM.
- Siti Zalikhah Md. Nor. 2002. *Pembuatan Dan Penulisan Fatwa Di Malaysia*. Dlm. Siti Zalikhah Md. Nor et. al. *Isu Syariah Dan Undang-Undang Siri 10*. UKM: Jabatan Syariah.
- Siti Zalikhah Md. Nor. 2003 *Fatwa Dan Pembangunan Ummah*. Dlm. Mohamad Zaini Yahya et.al. *Isu Syariah Dan Undang-Undang Siri 12*, UKM.: Jabatan Syariah.
- Zaini Nasohah. 2005. *Undang-Undang Penguatkuasaan Fatwa di Malaysia*. Dlm. Ibrahim Abu Bakar et. al. *Islamiyyat*, Jil.27, Bil. 1. UKM: Fakulti Pengajian Islam.

FIQH AL-MUWAZANAT: HUBUNGAN DAN IMPLIKASINYA TERHADAP FATWA

ABDUL MUHAJMIN MAHMOOD
ABDULL RAHMAN MAHMOOD
MOHD IZHAR ARIFF MOHD KASHIM

ABSTRAK

Matlamat pensyariatan hukum-hakam secara umumnya adalah untuk menjaga kemaslahatan dan kesejahteraan manusia di dunia dan akhirat dengan cara mendapatkan perkara yang membawa manfaat dan menolak kemudharatan. Dewasa ini, keupayaan menimbang maslahat dan mafsadah berdasarkan metod dan kaedah yang sahih dan jelas amat diperlukan dalam mencari jalan penyelesaian bagi setiap permasalahan yang lahir mutakhir ini, terutamanya apabila berlakunya sesuatu permasalahan yang melibatkan kontradiksi antara beberapa maslahat, beberapa mafsadah atau di antara kedua-duanya yang memerlukan pertimbangan dan penyelesaian segera untuk dilaksanakan dan diamalkan sama ada dalam konteks individu, masyarakat ataupun negara. Oleh yang demikian,

tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk mengenal pasti konsep fiqh al-muwazanat antara maslahat atau mafsadah atau antara keduanya sewaktu berlaku pertembungan. Seterusnya untuk mengenal pasti dawabit fatwa kontemporari dan mengenal pasti hubungan yang wujud antara fatwa dan fiqh al-muwazanat serta implikasinya terhadap fatwa para ulama. Metod kajian ini pada keseluruhannya mengaplikasikan kaedah kajian perpustakaan. Hasil dari kajian ini mendedahkan fiqh al-muwazanat adalah merupakan salah satu daripada mekanisme dalam mempraktikkan hukum dan ia mempunyai hubungan yang erat dengan fatwa. Titik pertemuan di antara fiqh al-muwazanat dan fatwa adalah terletak pada maqasid al-shariah kerana tujuan pengaplikasian fiqh al-muwazanat adalah untuk memastikan fatwa yang dikeluarkan adalah sejajar dengan tuntutan maqasid al-shariah. Antara implikasi dari pengaplikasian fiqh al-muwazanat, menjadikan fatwa lebih relevan dan lebih tepat dengan situasi dan realiti kehidupan manusia. Maka dengan itu, ia dapat mendorong manusia untuk menerima dan menghormati fatwa yang dikeluarkan serta dapat menyatukan kembali umat Islam dari perpecahan, seterusnya dapat membina kembali ketamadunan Islam yang telah hilang akibat ketidakprihatinan ummah terhadap apa yang perlu mereka utamakan.

PENDAHULUAN

Dewasa ini keupayaan menimbang maslahat dan mafsadah berdasarkan metod dan kaedah yang betul sah dan jelas amat diperlukan dalam mencari penyelesaian bagi permasalahan yang timbul mutakhir ini, khasnya apabila timbulnya permasalahan yang melibatkan kontradiksi antara beberapa maslahat, beberapa mafsadah atau di antara kedua-duanya, yang berhajat kepada pertimbangan dan penyelesaian segera sama ada dalam konteks individu, masyarakat ataupun negara.¹

Memandangkan fatwa bermaksud memberikan penjelasan hukum syarak bagi sesuatu masalah sebagai jawapan bagi sesiapa yang

1 al-Qaradawi, Yusuf, 2003, *Fatwa antara Ketelitian dan Kecerobohan*, terj. Ahmad Nuryadi Asmawi, Thinker's Library Sdn. Bhd. Selangor, hlm. 1.

bertanya, baik secara bersendirian atau berjemaah, maka pastinya penjelasan sesuatu hukum tersebut akan melibatkan maslahat dan mafsadah. Ketidakmampuan menguasai metod dan kaedah pertimbangan ilmiah, pasti akan mendatangkan implikasi negatif terhadap individu, masyarakat, negara dan agama.

FIQH AL-MUWAZANAT MENURUT SYARAK

Keseluruhan syariat Islam adalah untuk kesejahteraan manusia di dunia dan akhirat. Izz al-Din Abd al-Salam (578-660H.) di dalam kitabnya *Qawaid al-Ahkam fi Masalih al-Anam* telah mengembalikan permasalahan fiqh keseluruhannya pada asas mengambil iktibar berkaitan maslahat dan menolak mafsadah.² Keseluruhan hukum-hakam yang disyariatkan adalah merujuk kepada maslahat, kerana menolak mafsadah itu adalah sebahagian daripada keseluruhannya”.³

Sebelum mempraktikkan hukum-hakam ke atas sesuatu kejadian dan peristiwa yang berlaku, didapati seakan-akan terdapat kontradiksi yang saling menyaingi antara beberapa maslahat yang tidak boleh dicapai keseluruhannya atau terjadi kontradiksi antara beberapa mafsadah yang tidak dapat dielakkan keseluruhannya. Kadangkala kontradiksi tersebut berlaku juga antara maslahat dan mafsadah, dengan makna ia adalah maslahat kepada seseorang individu atau segolongan manusia tetapi dalam masa sama ia juga adalah mafsadah kepada yang lain. Ada kala mafsadah dan maslahat didapati bersatu pada sesuatu perkara itu sendiri, dengan maksud apabila dilihat dari suatu sudut ia adalah maslahat tetapi dari sudut yang lain ia juga merupakan mafsadah.

Perbahasan berkaitan *fiqh al-muwazanat* merupakan suatu medan ilmu yang telah lama di sentuh oleh para ulama silam di dalam kitab-kitab klasik

2 al-Dusi, Hasan Salim, 2005, *Manhaj fiqh al-muwazanat fi al-shar' al-Islami*, dlm *Majallah al-shariah wa al-dirasah al-Islamiah*, 46: 373-431, al-Qahirah, Majlis al-Nashr al-'Ilmi, hlm. 377.

3 al-Suyuti, 'Abd al-Rahman, 1424H./2004, *al-Ashbah wa al-Naza'ir fi Qawa'id wa Furu' Fiqh al-Shafi'i*, Tahqiq Muhammad b. Muhammad Tamir & Hafiz 'Ashur Hafiz, Dar al-Salam, al-Qahirah, jld. 1, hlm. 64. al-Qaradawi, Yusuf, 1998, *al-Siyasah al-Shar'iyyah fi Daw Nusus Shar'iyyah wa Maqasidaha*, al-Qahirah, Maktabat al-Wahbah, hlm. 300.

terutamanya dalam membahaskan ilmu *Usūl fiqh* dan *qawa'id al-fiqhiyyah*. Namun, perbahasan tersebut secara umumnya bertaburan dan berasingan di dalam bab dan permasalahan tertentu tanpa mengkhususkannya di dalam satu bab atau kitab yang khusus.

Fiqh al-muwazanat adalah satu himpunan kaedah-kaedah atau tatacara yang bertindak sebagai perantaraan untuk menghasilkan pertimbangan ilmiah yang sempurna di antara beberapa maslahat atau antara beberapa mafsadah atau antara kedua-duanya ketika berlakunya kontradiksi antara satu sama lain.⁴

Asas dan peranan penting yang difokuskan dalam perbahasan ***fiqh al-muwazanat*** ialah:⁵

- a. Membuat pertimbangan antara beberapa kemaslahatan, manfaat dan kebaikan daripada perkara yang disyariatkan antara satu sama lain.
- b. Membuat pertimbangan antara pelbagai bentuk keburukan, kemudaratan, dan kejahatan yang dilarang oleh agama.
- c. Membuat pertimbangan antara beberapa maslahat dan beberapa mafsadah, antara kebaikan dan keburukan apabila berlaku pertembungan antara satu sama lain.

Metod pertimbangan antara beberapa maslahat atau beberapa mafsadah atau antara kedua-duanya dapat dihindarkan dalam empat langkah berikut:

1. Menghimpunkan Maslahat yang Bertembung

Apabila berhimpun beberapa maslahat atau manfaat, maka perkara paling utama yang perlu dilakukan adalah dengan memastikan keseluruhannya diperoleh. Sebaliknya apabila mafsadah atau kemudaratan berhimpun antarsetengahdengansetengahyanglain, maka perkara asal yang dituntut

4 al-Dusi, Hasan Salim, 2001, *Manhaj fiqh al-muwazanat fi al-shar' al-Islami*, *Majallah al-shar'ah wa al-dirasat al-Islamiyyah*, al-Kuwayt, Majlis al-Nashr al-Ilmi Jami'ah al-Kuwait, Bil. 46, hlm: 380.

5 al-Qaradawi, Yusuf, 2001, *Fi fiqh al-awlawiyyat*, al-Qahirah, Maktabah wahbah, hlm.29; al-Qaradawi, Yusuf, 1992, *Awlawiyyat al-harakat al-Islamiyyah fi marhalah al-qadimah*, al-Qahirah, Maktabah Wahbah, hlm. 26; al-Kamali, 'Abdu'Llah, 2000. *Ta'sil fiqh al-muwazanat*, Bayrut, Dar Ibn hazm, Hlm. 56.

oleh syariat adalah kesemuanya hendaklah ditolak. Sekiranya berhimpun mafsadah dan maslahat, maka perkara asal yang dituntut adalah dengan mendapatkan maslahat dan dalam masa yang sama mafsadah hendaklah ditolak.⁶ Sehubungan itulah sebahagian besar dari *maqasid* yang terdapat dalam al-Quran adalah supaya berusaha bersungguh-sungguh mendapatkan maslahat serta sebab-sebabnya, dan mencegah sama sekali daripada usaha ke arah mafsadah dan sebab-sebabnya.⁷

2. Mentarjih Maslahat atau Mafsadah yang Bertembung

Sekiranya berlaku kontradiksi antara beberapa maslahat dan untuk menghimpunkan atau mendapatkan keseluruhannya mustahil dilakukan, maka kaedah yang perlu digunakan dalam menangani kontradiksi tersebut adalah dengan *mentarjihkan* salah satu maslahat yang paling dominan atau paling besar manfaatnya.⁸ Demikian halnya, apabila berlaku kontradiksi antara beberapa mafsadah yang mustahil dapat dielakkan keseluruhannya. Maka kaedahnya ialah dengan cara menolak mafsadah yang paling dominan antara keduanya.⁹ Bagi memperincikan lagi kaedah ini, penulis akan membahagikan perbahasan ini kepada tiga bahagian berikut :¹⁰

A. Kaedah Pentarjihan Maslahat yang Bertembung

Maslahat yang hendak dicapai manusia adalah terlalu banyak, sehinggakan ada kalanya dalam usaha mendapatkan maslahat, wujud kontradiksi antara beberapa maslahat yang mempunyai kekuatan (kedudukan) dalam kategori yang berbeza. Bagi membuat *pentarjihan* maslahat, kaedah-kaedah berikut hendaklah diraikan

6 al-Ta'i, 2007, hlm.80.

7 'Izz al-Din ibn 'Abd al-Salam, 2000, jld. 1, hlm. 11.

8 'Izz al-Din ibn 'Abd al-Salam, 2000, jld. 1, hlm. 87.

9 'Izz al-Din ibn 'Abd al-Salam, 2000, jld. 1, hlm. 130.

10 Al-Qaradawi, 1992, hlm.27-28; al-Qaradawi, 2001 hlm 29-32; Ridzwan Ahmad, 2004, Metode Pentarjihan Maslahat dalam hukum Islam semasa, Prosiding Kebangsaan Usul Fiqh(SUFI). Hlm. 343-359

agar *pentarjihan* yang dilakukan bertepatan dengan matlamat syarak. Kaedah-kaedah tersebut antaranya ialah:

- Mengutamakan maslahat yang besar ke atas maslahat yang kecil.
- Mengutamakan maslahat bersifat menyeluruh ke atas maslahat bersifat khusus.
- Mengutamakan maslahat yang berterusan ke atas maslahat yang sementara.
- Mengutamakan maslahat bersifat asasi ke atas maslahat bersifat teknikal atau zahir.
- Mengutamakan maslahat yang diyakini (*al-mutayaqqinah*) ke atas maslahat yang diragukan (*al-mauhumah*).
- Mengutamakan maslahat berkaitan dengan akhirat ke atas maslahat keduniaan.

B. Kaedah *Pentarjihan* Mafsadah Yang Bertembungan Antara Satu Sama Lain

Mengenai mafsadah yang bertembungan antara satu sama lain, dan untuk mengelakkan keseluruhannya tidak mungkin dilakukan, maka salah satu daripadanya juga perlulah *ditarjihkan*. Bagi menjelaskan hal ini, disebutkan;

Apabila berhimpun beberapa mafsadah semata-mata, sekiranya untuk mengelak keseluruhannya mungkin dilakukan, maka hendaklah kita mengelak keseluruhannya. Seandainya untuk menghindari keseluruhannya tidak mampu dilakukan, maka kita hendaklah menghindari mafsadah yang paling besar; seterusnya mafsadah yang besar, dan mafsadah yang paling keji diikuti mafsadah yang keji (secara berurutan, bermula dari yang paling besar kepada yang paling kecil).¹¹

11 'Izz al-Din ibn 'Abd al-Salam, 2001, jld. 1, hlm. 130.

Menurut pendapat lain,¹² mafsadah dari aspek-aspek yang berkaitan dengan mafsadah terbahagi kepada beberapa bahagian. Namun, *pentarjihan* antara mafsadah tersebut dapat dilakukan melalui beberapa kaedah antaranya ialah;

- Apabila berlaku kontradiksi antara mafsadah umum dan khusus, maka mafsadah umum hendaklah diutamakan untuk dielakkan.
- Sekiranya kontradiksi tersebut berlaku antara mafsadah ***muharramah*** dan mafsadah ***makruhah***, maka mafsadah ***muharramah*** hendaklah terlebih dahulu dielakkan.
- Seandainya kontradiksi tersebut berlaku antara mafsadah yang bersifat kekal dengan mafsadah bersifat sementara, maka mengelakkan mafsadah yang bersifat kekal perlu diutamakan.
- Apabila kontradiksi mafsadah berlaku antara mafsadah yang diyakini dengan yang masih dikhuatiri mafsadahnya, maka mafsadah yang diyakini tersebut hendaklah dielakkan terlebih dahulu.
- Sekiranya mafsadah tersebut adalah mafsadah yang dapat diketahui kadar kemudaratannya, maka kadar kemudaratannya yang paling besar hendaklah terlebih dahulu di jauhi walaupun terpaksa menanggung mafsadah yang lebih kecil.

C. Kaedah *Pentarjihan* antara Maslahat dan Mafsadah yang Bertembung antara Satu Sama Lain

Sekiranya berhimpun pada suatu perkara maslahat dan mafsadah, maka tidak dapat tidak pertimbangan ilmiah mestilah dilakukan antara keduanya, dengan melihat kepada perkara yang paling dominan, paling banyak dan meyakinkan sebagai asas pilihan, kerana perkara yang paling dominan, paling banyak tersebut menyentuh perkara yang lebih luas. Sehubungan itu, andainya

12 al-Ta'i, Ahmad Ulaywi Husin 2007, hlm. 125-141.

berlaku kontradiksi antara maslahat dengan mafsadah, maka tidak dapat tidak kita terpaksa menanggung mafsadah untuk mendapatkan maslahat, ataupun terpaksa menghilangkan maslahat untuk mengelakkan mafsadah. Dalam konteks ini, apabila berlaku kontradiksi antara maslahat dan mafsadah, maka kaedah paling mudah yang dapat dijelaskan adalah seperti berikut:¹³

- i. Sekiranya mafsadah adalah lebih besar daripada maslahat, maka mafsadah tersebut hendaklah dielakkan walaupun membawa kepada keciciran maslahat, atau dengan erti kata lain tanpa melihat kepada maslahat yang diperolehi darinya.
- ii. Sekiranya maslahat adalah lebih besar dari mafsadah, maka mendapatkan maslahat hendaklah diutamakan walaupun terpaksa menanggung sedikit kemudaratan dan mafsadah.
- iii. Sekiranya maslahat dan mafsadah berada pada kedudukan yang sama, maka mengangkat dan menghilangkan (menolak) mafsadah adalah perlu diutamakan daripada mendapatkan maslahat pada kebiasaannya.

3. Membuat Pilihan antara Maslahat yang Sebanding Apabila Tidak Boleh Ditarjih atau Dihimpunkan

Sekiranya berlaku kontradiksi antara beberapa maslahat yang tidak mungkin dapat dihimpun dan *ditarjih* kerana wujud persamaan pada kedudukannya, kaedah penyelesaiannya adalah dengan membuat pilihan antara salah satu daripadanya, sama ada dengan mengambil salah satu dan melepaskan yang lain atau pun dengan melewatkan pengambilan maslahat yang dilepaskan itu.¹⁴

13 Izz al-Din ibn Abd al-Salam, 2000, hlm.136; al-Dusi, 2001, hlm. 417; al-Ta'i, 2007, hlm. 142; al-Qaradawi, 2001, hlm. 32; al-Qaradawi, 1992, hlm. 28; al-Hilali, t.th., hlm.31

14 Izz al-Din ibn Abd al-Salam, 2001, hlm.124.

4. Membuat Undian Apabila Berlaku Persamaan Hak Atau Masalahat Dengan Tujuan Mengelak Daripada Berlaku Hasad Dengki

Apabila kaedah untuk menghimpun, *mentarjih* dan memilih salah satu masalahat tidak dapat dilaksanakan, undian perlu dilakukan untuk memilih antara kedua-duanya. Undian hanya disyariatkan apabila permasalahan tersebut melibatkan persamaan hak yang boleh menyebabkan berlakunya hasad dengki yang boleh menjuruskan kepada pertelingkahan dan permusuhan.

Objektif dari undian ini adalah tidak lain hanyalah untuk mengelakkan dari berlakunya hasad dengki yang boleh membawa mafsadah kepada semua pihak. Justeru, melalui undian yang adil, semua pihak akan merasa pasrah dengan nasib mereka di samping ketetapan yang ditentukan oleh Allah SWT kepada mereka.¹⁵ Namun dalam keadaan tertentu kadang-kalanya kita perlu *tawaqquf* sementara waktu dari membuat sebaran keputusan antara keduanya.

PENGAPLIKASIAN *FIQH AL-MUWAZANAT* DALAM FATWA PARA ULAMA

Kaedah *fiqh al-muwazanat* dapat diaplikasikan dalam segenap hukum-hakam Islam meliputi isu seperti ibadat, muamalat, jenayah, perkahwinan dan perubatan. Ia bersesuaian dengan sifat kaedah *fiqh al-muwazanat* yang menyeluruh mencakupi pelbagai persoalan kehidupan. Bagi menjelaskan perihal tersebut, penulis akan membentangkan beberapa contoh hukum hakam atau fatwa yang di ijtihad oleh beberapa orang ulama, sama ada secara perseorangan atau perkumpulan, yang mana hukum hakam yang diputuskan tersebut bersandarkan kepada metod *fiqh al-muwazanat* untuk dianalisis.

15 Izz al-Din ibn Abd al-Salam, 2001, hlm. 127; al-Ta'i, 2007, hlm. 82-83.

A. Bedah Siasat Mayat (*Post Mortem*)

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan kali ke-25 yang bersidang pada 13 Disember 1989 telah memutuskan:

Pembedahan mayat orang Islam hanya boleh dilakukan jika keadaan benar-benar memerlukan (darurat) sahaja seperti terlibat di dalam kes-kes jenayah yang amat memerlukan post-mortem atau si mati tertelan benda yang berharga atau si mati yang sedang mengandung sedangkan kandungannya masih hidup.

Mengenai hukum bedah siasat mayat yang kematian bukan dikategorikan kes jenayah pula, Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan kali ke-61 yang bersidang pada 27 Januari 2004 telah memutuskan:

Hukum asal pembedahan mayat adalah haram tetapi dibolehkan sekiranya dalam keadaan darurat dan terdapat keperluan yang mendesak seperti membuat kajian terhadap penyakit, mengenal pasti punca kematian dan penyelidikan serta pendidikan khususnya dalam bidang perubatan.¹⁶

Bedah siasat mayat diharuskan sama ada untuk tujuan pengajian akademik (ilmiah), untuk mengenal pasti sebab, punca, cara dan masa kematian, menghilangkan keraguan mengenai sebab kematian dan bagi tujuan mendapatkan bukti bagi mensabitkan kes jenayah ke atas pembunuh atau menafikan kes tersebut daripada suspek.¹⁷ Pembicaraan berkenaan dengan kemuliaan jasad manusia telah tersebar luas, dan pembedahan pemeriksaan ke atas mayat adalah merupakan satu penghinaan terhadap mayat. Justeru, memberi zan pada sangkaan setengah pihak bahawa bedah siasat adalah diharamkan walau dengan apa sebab sekalipun.

¹⁶ <http://www.islam.gov.my/portal/lihat.php?jakim=694>. [1 Julai 2008]

¹⁷ Makhluf, Hasanayn, 1965, *Fatawa shar'iyyah*, al-Qahirah, Dar al-T'isam, hlm. 362.

Namun, bagi mereka yang arif berkenaan dengan roh syariat, maslahat dan matlamat yang terkandung dari bedah siasat, pastinya menyedari dan memperakui bahawa syariat sentiasa menimbang antara maslahat dan mafsadah. Sekiranya maslahat bagi sesuatu perkara lebih besar (rajih) maka ia diharuskan, dan jika sebaliknya ia adalah dilarang. Sekiranya dilakukan pertimbangan antara mafsadah dan maslahat yang terdapat dalam bedah siasat mayat, tidak syak bahawa maslahat melakukannya adalah lebih besar berbanding maslahat tidak melakukannya.¹⁸

Analisis:

Bedah siasat (*post-mortem*) bermaksud suatu pemeriksaan yang dijalankan oleh Pegawai Perubatan Kerajaan ke atas mayat. Ia melibatkan pemeriksaan luaran dan dalaman untuk mengenal pasti punca kematian dan ciri atau setakat mana perubahan dihasilkan oleh sesuatu penyakit, kimia, radiasi, kemalangan, kecederaan dan lain-lain.¹⁹ Pembedahan ini dibahagikan kepada tiga jenis iaitu:

- i. Pembedahan atas sebab jenayah (*Al-Tashrih al-Jina'i*). Ia bertujuan untuk menyiasat sebab-sebab kematian dan mengenal pasti jenis kematian bagi menyingkap sebarang kesamaran terhadap kejadian tertentu sehingga terbukti kebenaran dan tertegaknya keadilan.
- ii. Pembedahan atas sebab penyakit (*Al-Tashrih al-Maradi*). Ia dilakukan terhadap mayat yang terkena penyakit. Pembedahan tersebut adalah untuk mengetahui secara mendalam kesan penyakit tersebut ke atas si mati, adakah ia penyakit berjangkit atau sebaliknya? Dengan pembedahan tersebut pihak kerajaan boleh mengambil langkah pencegahan untuk menghalang wabak tersebut dari merebak sehingga mengancam keselamatan dan keamanan masyarakat.
- iii. Pembedahan untuk pembelajaran (*Al-Tashrih al-Ta'limi*). Ia dilakukan ke atas mayat manusia di bilik mayat fakulti perubatan

18 Makhluaf, 1965, hlm. 363.

19 Kertas Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan Kali ke-61, Bedah siasat ke atas mayat yang dikategorikan kematian kerana kes jenayah, 2003, hlm.2.

dengan bimbingan para doktor di universiti. Tujuannya adalah untuk mengetahui secara praktikal mengenai anggota badan dan fungsinya.²⁰

Islam merupakan agama yang menjaga kemuliaan dan kehormatan manusia sama ada hidup ataupun yang telah meninggal dunia. Justeru, ada dalam kalangan ulama menyatakan bahawa pembedahan ke atas mayat adalah haram demi menjaga kemuliaan tersebut. Namun demikian larangan tersebut dilihat sebagai tidak bersesuaian dengan roh syariat yang menjaga kemaslahatan umum. Ini kerana bedah siasat tersebut mempunyai beberapa kemaslahatan umum iaitu:

- a. Menjaga kesahihan hukum dalam perbicaraan.
- b. Menolak kezaliman.
- c. Menjaga hak masyarakat dari penyakit bermusuhan-musuhan.
- d. Menyelamatkan orang ramai dari penyakit berjangkit.
- e. Meningkatkan tahap kesihatan dan keharmonian hidup masyarakat melalui pemberian rawatan dan ubat yang betul.²¹
- f. Melahirkan ahli perubatan yang mahir demi menyelamatkan nyawa manusia.²²

Melakukan pembedahan ke atas mayat adalah merupakan mafsadah kerana ia dicerobohi kehormatan mayat. Namun sekiranya pembedahan tidak dilakukan, ia juga adalah mafsadah, bahkan lebih besar daripada mafsadah mencero bohi kehormatan mayat kerana ia akan menyebabkan masalah tidak diperoleh. Fatwa yang mengharuskan bedah siasat ini dilihat bertepatan dengan beberapa kaedah *fiqh al-muwazanat* antaranya:

- Apabila berlaku pertembungan antara dua mafsadah maka mafsadah yang paling besar dengan hendaklah diraikan dengan cara

20 Maidin Japar, Bedah siasat (Post Mortem) mayat: Satu tinjauan menurut perspektif syarak, dlm. *Prosiding seminar fiqh dan cabaran semasa*, Mashi Publication, Kuala Lumpur, 2003, hlm. 319-321.

21 Maidin, 2003. hlm. 324.

22 Kertas Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan Kali ke-61, Bedah siasat ke atas mayat yang dikategorikan kematian kerana kes jenayah, 2003, hlm.7.

menanggung mafsadah yang paling kecil.

²³ (إِذَا تَعَارَضَ مَفْسَدَتَانِ رُوعِي أَعْظُمَهُمَا ضَرًّا بَارِتِكَابِ أَخْفَهُمَا)

- Kemudaratan yang teramat besar hendaklah dihilangkan dengan kemudaratan yang lebih kecil.

²⁴ (الضررُ الأشدُّ يُزَالُ بالضررِ)

- Keburukan yang paling ringan dipilih apabila berlaku pertembungan di antara dua keburukan.

²⁵ (يُخْتَارُ أَهْوَنُ الشَّرِّينِ)

Namun demikian, pembedahan tersebut perlulah menurut etika yang telah ditetapkan antaranya ialah melakukan pembedahan setakat yang perlu sahaja dengan melakukan pembedahan di bahagian mayat yang diyakini boleh membantu pihak yang berkenaan mencapai matlamat daripada bedah siasat yang dijalankan. Ia dilihat bersesuaian dengan kaedah fiqh iaitu:

²⁶ (الضرورة تقدر بقدرها)

Maksudnya:

Darurat dikira mengikut kadar keperluannya.

HUKUM PENDERMAAN DAN PEMINDAHAN ORGAN

Hukum pemindahan organ telah dibincangkan dalam Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan kali pertama dan kali ke-6, pada 23 dan 24 Jun 1970 dan 22 Februari 1973. Hasilnya Muzakarah telah memutuskan:

‘Pemindahan mata dan jantung orang mati kepada orang yang hidup adalah dibenarkan (harus) dalam Islam dengan kebenaran

23 al-Suyuti, 1998, Abd al-Rahman, al-ashbah wa al-naza'ir fi qawa'id wa furu' fiqh al-shafi'i, hlm. 217, IbnNujaym, 1998, hlm. 111; al-Zuhayli, Ahmad, al-Qawa'id al-fiqhiyyah 'ala al-madhhab al-Hanafi wa al-Shafi'i, hlm.

24 al-Zuhayli, 1999, hlm. 207.

25 al-Zuhayli, 1999, hlm. 210; al-Zarqa, 1998, jld.2, hlm.995.

26 Muhammad Bakr Isma'il, al-Qawa'id al-fiqhiyyah bayn al-asalah wa al-tawjih, Dar al-Manar, Misr, 1997, hlm. 78.

pemilikinya dan pertimbangan-pertimbangan berikut hendaklah diambil kira:

- a. Di dalam keadaan mendesak dan mustahak, bahawa nyawa penerimanya bergantung kepada pemindahan anggota itu serta pemindahannya adalah difikirkan perlu.*
- b. Di dalam keadaan pemindahan jantung, kematian penderma hendaklah telah dipastikan sebelum dipindahkan jantungnya.*
- c. Tindakan-tindakan yang sewajarnya hendaklah diambil supaya tidak ada pembunuhan manusia dan perdagangan anggota-anggotanya.*
- d. Kebenaran hendaklah diperoleh daripada penderma-penderma sebelum pemindahan sebarang anggota di dalam kematian biasa atau dari kaum keluarga atau kekeluarganya di dalam kematian akibat kemalangan.²⁷*

Harus bagi seseorang untuk mendermakan salah satu daripada buah pinggangnya kepada pesakit yang menderita penyakit buah pinggang, tetapi keharusan tersebut dikaitkan dengan syarat bahawa anggota yang hendak didermakan itu bukanlah terdiri daripada anggota tunggal pada badan, seperti jantung atau hati, kerana pendermaan anggota seumpama ini akan menyebabkan si penderma mati, juga kerana kemudaratannya yang dihadapi oleh seseorang tidak boleh dihilangkan dengan mendatangkan kemudaratannya yang sama kepada orang lain pula. Manakala berkenaan dengan hukum mewasiatkan sebahagian anggota badan selepas mati, beliau menyatakan, apabila seseorang diharuskan menderma anggota semasa hidupnya di samping andaian perkara itu memudaratkan (walaupun andaian ini lemah), maka tidak ada apa-apa halangan untuk dia berwasiat selepas mati kerana perkara itu seratus peratus untuk kebaikan orang lain tanpa mendatangkan sebarang kemudaratannya. Menjelaskan lagi perkara tersebut, beliau menyatakan bahawa anggota-anggota manusia selepas mati akan berubah menjadi busuk dan hancur dimakan tanah, seandainya seseorang berwasiat mendermakan anggotanya kepada orang

27 Keputusan Fatwa Kebangsaan Siri 1, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, Percetakan Nasional Malaysia Berhad, Kuala Lumpur, 2007, hlm, 22.

lain yang masih hidup, itu adalah suatu ibadah kepada Allah SWT dan akan diganjari pahala atas niat dan amalannya. Demikian kerana tidak ada satu dalil pun daripada syarak yang mengharamkannya. Asal segala sesuatu adalah harus kecuali apa yang diharamkan oleh syarak dengan dalil yang sah dan jelas.²⁸

Analisis:

Pendermaan organ adalah proses mendermakan organ tubuh badan seseorang untuk tujuan *transplan* selepas ia meninggal dunia. *Transplantasi* adalah satu pembedahan yang melibatkan pertukaran organ dan tisu yang mengalami kegagalan fungsinya dengan organ atau tisu yang berfungsi dari seseorang penderma, baik yang masih hidup mahupun yang telah meninggal dunia (*kadaverik*). Dengan cara ini, kehidupan penerima organ atau tisu akan menjadi lebih selesa dan sempurna. Nyawanya kebiasaannya akan selamat.

Manakala pemindahan organ pula ia didefinisikan sebagai mengganti organ yang gagal berfungsi dengan baik pada tubuh badan seseorang dengan organ baru daripada seseorang penderma, sama ada penderma itu masih hidup atau *kadaverik*. Rawatan pemindahan ini bertujuan untuk menyelamatkan pesakit yang hanya boleh disembuhkan dengan rawatan pemindahan tersebut sahaja.²⁹ Pendermaan dan pemindahan organ boleh dibahagikan kepada tiga bahagian:

i. Pemindahan organ sendiri (*Autograft*).

Dalam pemindahan ini, organ diambil daripada suatu tempat pada badan pesakit, kemudian ditanam pada tempat yang sakit pada badannya juga. Ini banyak berlaku kepada pemindahan tisu seperti kulit yang melibatkan kes-kes kebakaran.

ii. Pendermaan dan pemindahan organ sejenis.

Pendermaan dan pemindahan organ jenis ini melibatkan organ daripada seseorang kepada saudara kembarnya sendiri (*identical twins*) dan

28 al-Qaradawi, 1993, hlm. 535.

29 Basri Ibrahim, 2003, Pendermaan dan pemindahan organ dalam Islam serta amalan dan perlaksanaannya di Malaysia, Tesis Dr. Falsafah (PHD), Jabatan Syariah, Universiti Kebangsaan Malaysia, hlm.46 dan 47.

- pendermaan dan pemindahan organ daripada manusia kepada manusia.
 iii. Pendermaan dan pemindahan organ orang asing (*Xenograft*).

Pendermaan dan pemindahan ini melibatkan organ dari jenis makhluk yang berbeza. Seperti menggunakan tulang-tulang binatang untuk membelat tulang manusia yang patah.

Isu pendermaan dan pemindahan organ adalah merupakan isu ijtihad semasa yang telah diperkatakan oleh beberapa tokoh ulama masakini. Isu penanaman organ manusia adalah isu perubatan yang begitu cepat sekali berkembang. Ia melibatkan penanaman organ sepenuhnya atau sebahagian sahaja atau melibatkan penanaman binatang kepada manusia. Di bawah isu ini berbagai-bagai perkara baru timbul seperti adakah orang yang hidup boleh menderma organ mereka kepada orang yang juga hidup dan lainnya.³⁰

Asas kepada pendermaan dan pindahan organ dalam fatwa yang disebutkan adalah merujuk kepada kaedah fiqh yang bersumberkan al-Quran dan hadis. Di bawah asas-asas inilah pendermaan dan pemindahan organ diharuskan. Antaranya ialah:

- i. Keadaan *darurat* mengharuskan yang haram.

³¹ الضَّرُورَةُ تُبِيحُ الْمَحْظُورَاتِ

- ii. Kemudaratan hendaklah dihilangkan.

³² الضَّرُّ يُزَالُ

- iii. Apabila sesuatu perkara ini berada dalam keadaan kesempitan, ia akan mewujudkan keluasan.

³³ إِذَا ضَاقَ الْأَمْرُ اتَّسَعَ

30 al-Qaradawi, Yusuf, 1994, *Ijtihad al-Muaasir bayna al-indibat wa al-infirat*, al-Qahirah, Dar al-Tawzi wa al-Nashr al-Islamiyyah, hlm-9-10.

31 al-Suyuti, 1998, hlm. 211, Ibn Nujaym, t.th., hlm. 107.

32 Muhammad Bakr Isma'il, 1997, hlm.99.

33 al-Burnu, Muhammad Sidqi Ahmad, t.th., *Mawsu'ah al-qawa'id al-fiqhiyyah*, Bayrut, Mu'assasat al-Risalah, jld.1, hlm. 321.

Hukum ini juga merupakan pelaksanaan kepada beberapa kaedah *fiqh al-muwazanat* antaranya Iaitu:

- i. Apabila berlaku pertembungan antara dua mafsadah maka mafsadah yang paling besar hendaklah diraikan dengan cara menanggung mafsadah yang paling kecil.

³⁴ إِذَا تَعَارَضَ مَفْسَدَتَانِ رُوِيَ أَعْظَمُهُمَا ضَرًّا بَارِتْكَابِ أَخْفَهُمَا

- ii. Memilih satu keburukan yang paling ringan di antara dua keburukan yang ada.

³⁵ يَخْتَارُ أَهْوَنُ الشَّرِّينِ

- iii. Membendung kemudaratatan hendaklah didahulukan dari mendapatkan kemaslahatan.

³⁶ دَرُّ الْمَفَاسِدِ أَوْلَى مِنْ جَلْبِ الْمَصَالِحِ

Mengekalkan jasad orang yang masih hidup atau orang yang telah mati sebagaimana asal adalah suatu maslahat yang mesti diraikan. Namun sekiranya dibandingkan antara kemudaratatan yang dialami penderma organ dengan pesakit yang memerlukan organ tidak diragui lagi kemudaratatan yang menimpa pesakit terlibat adalah lebih besar.

Hubungan Dan Implikasi *Fiqh Al-Muwazanat* Terhadap Fatwa

Syariat Islam merupakan syariat yang kekal relevan dan komprehensif. Melalui nas-nasnya yang umum, prinsip-prinsipnya yang tidak berubah-ubah, kaedah-kaedahnya yang utuh dan batasan-batasannya yang begitu rapi sudah semestinya ia mampu menyahut seruan setiap perkara yang bersifat kontemporari dan mampu memberikan huraian yang tersendiri selama mana perkara kontemporari itu membawa kepada kebaikan dan menolak keburukan.

34 al-Suyuti, 1998, hlm. 217; Ibn Nujaym, 1998, hlm.111.

35 al-Zarqa, 1998, jld.2, hlm. 995.

36 al-Suyuti, 1998, hlm.217; 'Abd al-Aziz Abd al-Azzam, 2001, hlm. 152

Fiqh al-muwazanat mempunyai hubungan yang kuat dengan aktiviti fatwa. Hal demikian kerana fatwa merupakan penjelasan hukum yang dibuat oleh seorang yang faqih bagi menjawab pertanyaan yang dikemukakan kepadanya. Manakala *fiqh al-muwazanat* pula merupakan himpunan kaedah-kaedah atau tatacara bertindak yang menjadi mekanisme penting dalam mempraktikkan hukum, agar selari dengan kehendak *maqasid al-shariah*, khususnya dalam menentukan hukum semasa yang melibatkan permasalahan *ijtihadiyyah* yang tidak ada nas *qat'ie* lagi *sarih* dari al-Qur'ān atau al-Sunah.

Fiqh al-muwazanat hendaklah diaplikasikan dalam proses penyelidikan bagi menentukan hukum yang akan dipraktikkan. Hal demikian adalah penting, kerana fatwa yang dikeluarkan berpandukan kaedah-kaedah pertimbangan yang jelas dengan memberi penekanan dan mengambil kira maslahat, *maqasid shar'iyyah*, keperluan manusia di samping nas-nas yang jelas, sama ada dari al-Quran ataupun al-Sunah, tentunya akan menjadi lebih hampir kepada hakikat tuntutan syarak yang sebenar.

Namundemikian, fatwa yang baik, bukan sahaja datang daripada mujtahid yang memenuhi syarat-syarat ijtihad, tetapi ia juga hendaklah datang dari mereka yang boleh menguasai empat elemen yang boleh merubah sesuatu fatwa dari boleh kepada tidak dibolehkan dan sebaliknya. Elemen tersebut ialah, keadaan semasa, tempat, zaman dan individu itu sendiri. Kesemua perkara ini perlu diraikan dalam menentukan sesuatu hukum. Perubahan dan perbezaan keadaan, tempat, zaman dan individu adalah faktor penyebab kepada mufti untuk memutuskan hukum bagi sesuatu perkara adalah halal atau haram, dan pada sesetengah keadaan membuatkan mufti berkata pada sesuatu yang halal, jangan kamu buat atau lakukan kerana disebabkan *sad al-zara'id*.³⁷

Perubahan hukum dan fatwa dari boleh kepada haram atau sebaliknya ini secara umumnya adalah merujuk kepada kemampuan mufti menimbang maslahat dan mafsadah yang wujud dalam elemen-elemen tersebut berpandukan *fiqh al-muwazanat*. Hukum-hukum syariat didatangkan adalah untuk merealisasikan maslahat manusia dan menegakkan keadilan antara mereka. Hal ini harus diraikan ketika

37 al-Jumah, Ali, 2005, *al-Kalam al-tayyib fatawa 'asriyyah*, al-Qahirah, Dar al-Salam, jld.1, hlm. 230.

(seorang faqih)³⁸ hendak mentafsirkan nas-nas dan melaksanakan hukum-hukum (mengemukakan fatwa). Pegangan seorang faqih tidak sewajarnya jumud (statik) dengan satu pendirian dalam memberikan fatwa, mendidik, mengarang dan menyusun undang-undang sedangkan masa, tempat, adat dan keadaan telah berubah. Bahkan wajib ke atasnya untuk meraikan tujuan syariat Islam yang menyeluruh dan matlamatnya yang umum ketika mencerna sesuatu hukum ke atas sesuatu isu *juz'i* yang bersifat khusus. Inilah di antara beberapa faktor yang dibiarkan demi memberi ruang yang lebih luas bagi minda manusia untuk melakukan ijtihad dan pembaharuan dalam menghadapi kemajuan dan kehidupan moden.³⁹

Sekiranya *fiqh al-muwazanat* dapat diaplikasikan dalam mempraktikkan hukum, ia boleh mendatangkan implikasi positif terhadap individu, masyarakat, negara dan fatwa itu sendiri. Antaranya ialah:

- Fatwa yang dikemukakan akan menjadi lebih relevan dan lebih tepat dengan situasi dan realiti kehidupan manusia. Demikian itu boleh berlaku, kerana fatwa tersebut tidak diputuskan dengan cara membabi buta, tetapi sebaliknya berdasarkan metod pertimbangan ilmiah yang *sahih*, yang mengambil kira perubahan masa, tempat, keadaan dan realiti hidup seseorang individu atau masyarakat, sama ada dari aspek keuntungan dan kerugian, keburukan dan kebaikan, maslahat dan mafsadah yang akan wujud pada jangka masa panjang dan pendek, terhadap individu dan masyarakat.
- Fatwa yang dikeluarkan akan lebih hampir bertepatan dengan tuntutan *maqasid shari'* dalam merealisasikan keadilan, mendapatkan maslahat, menolak mafsadah dan kesempitan dari manusia. Hal demikian, kerana *fiqh al-muwazanat* merupakan satu seni dalam mempertimbangkan perkara-perkara yang berkaitan dan perkara yang wujud sebelum mengeluarkan sesuatu fatwa atau hukum berpanduan *maqasid shar'iyah*.
- Fatwa yang bersifat mudah dan tidak menyulitkan bertepatan dengan roh syariat Islam akan dapat diputuskan. Sekiranya *fiqh al-muwazanat*

38 Faqih ialah seorang yang benar-benar alim dalam ilmu fiqh atau bidang lain yang di iktiraf dalam bidang pengajian Islam.

39 al-Qaradawi, Yusuf, 1999, *'Awamil al-sa'at wa al-murunah fi shariat al-Islamiyyah*, al-Qahirah, Maktabah Wahbah, hlm. 70.

diaplikasikan dalam fatwa, pastinya fatwa tersebut akan menjadi lebih mudah dan tidak membebankan manusia sama ada jangka masa pendek atau panjang kerana fatwa tersebut terpaksa melalui beberapa penyulingan dan tapisan berdasarkan kaedah-kaedah yang utuh dan batasan-batasannya yang begitu rapi yang memastikan ia bersifat pertengahan antara kekerasan dan kelembutan.

Dengan menguasai metod *fiqh al-muwazanat*, seseorang mufti tidak akan terlalu mudah untuk menghukum terhadap sesuatu sama ada “halal” atau “haram”. Sebaliknya ia akan membuat penilaian dan pertimbangan ilmiah terlebih dahulu, apakah maslahat dan mafsadah sebalik permasalahan yang diajukan sebelum menetapkan sesuatu hukum.⁴⁰ Khususnya dalam permasalahan kontemporari yang memerlukan kepada penggunaan akal fikiran dan ijtihad seumpama permasalahan kontemporari yang tidak ada nas yang *sahih* dan *sorih* dari al-Qur’an dan Sunnah atau ijmak dan juga *qiyas*.

Dapat mendorong manusia menerima dan menghormati fatwa yang dikeluarkan. Sekiranya mufti berupaya mengaplikasikan metod *fiqh al-muwazanat* dengan sebaiknya berpandukan kaedah-kaedah yang jelas, dengan memberi penekanan dan mengambil kira maslahat, *maqasid shar’iyyah*, realiti kehidupan dan keperluan manusia di samping nas-nas yang *sarih*, sama ada dari al-Qur’ān ataupun Sunnah, semestinya fatwa yang diputuskan tersebut akan lebih dihormati dan diterima oleh manusia.

Dapat menyatukan umat Islam dan dapat mengelakkan dari tercetusnya perpecahan dalam kalangan umat Islam. Dengan memahami mekanisme *fiqh al-muwazanat*, seorang mufti tidak akan terlalu mudah dan terburu-buru dalam menyatakan fatwa. Mereka juga tidak akan terlalu fanatik dengan sesuatu pendapat sahaja. Sebaliknya mereka akan menjadi lebih berhati-hati dan bijaksana dalam memutuskan sesuatu hukum dengan mengambil

40 Oleh kerana fatwa berperanan besar dalam menyelesaikan permasalahan semasa, maka mufti hendaklah mengambil sikap berhati-hati dan tidak mengambil mudah berhubung fatwa. Sehubungan itu, Allah SWT memperingatkan dengan firmanNya yang bermaksud; Dan janganlah kamu berdusta dengan sebab apa yang disifatkan oleh lidah kamu: “Ini halal dan ini haram”, untuk mengada-adakan sesuatu yang dusta terhadap Allah; Sesungguhnya orang-orang yang berdusta terhadap Allah tidak akan berjaya.

kira maslahat dan mafsadah. Dengan itu, mereka tidak akan mengeluarkan sesuatu fatwa yang boleh menimbulkan kontroversi yang tidak memberi apa-apa manfaat atau maslahat, sama ada ke atas individu, masyarakat atau negara.

Dapat membina kembali ketamadunan Islam yang telah hilang. Sewajarnya diingatkan, bahawa di antara faktor-faktor yang menyebabkan jatuh dan mundurnya umat Islam sehingga kini ialah: kerana mereka tidak mampu untuk membuat pertimbangan ilmiah dengan sebaiknya di antara maslahat dan mafsadah. Justeru, mereka telah mengutamakan perkara yang tidak patut didahulukan dan membelakangkan perkara yang patut diutamakan.

KESIMPULAN

Sewajarnya diingatkan bahawa percanggahan pendapat dikalangan cendekiawan Islam dan mereka yang dianggap oleh khalayak sebagai ilmuan semasa sudah mula menular di mana-mana ketika ini. Fenomena ini berlaku apabila setiap mereka yang mempunyai kepakaran dalam sesuatu bidang dalam pelbagai ilmu Islam menceburi bidang hukum Islam semasa dengan maksud memberi sumbangan kepada umat Islam.

Ada yang membahaskan hukum Islam semasa melibatkan pencapaian maslahat dan menolak mafsadah tetapi tidak mempunyai penguasaan yang mencukupi terhadap metod *fiqh al-muwazanat*. Akhirnya hukum-hakam semasa bercampur aduk antara satu sama lain akibat setiap mereka menangani hukum Islam tersebut menggunakan kepakaran yang dimiliki masing-masing dan bukannya kepakaran yang dikehendaki dalam permasalahan tersebut.

Hal demikian menggambarkan, betapa pentingnya para ulama yang ingin menceburi bidang hukum Islam semasa menguasai metod *fiqh al-muwazanat*. Metod ini, meskipun tidak dinyatakan oleh para ulama silam secara terperinci dan terarah dalam kitab-kitab klasik mereka, namun ia mampu difahami hasil kefahaman terhadap standard maslahat dan mafsadah dalam pelbagai situasi dan posisi yang merupakan manifestasi dari kefahaman yang mendalam terhadap ilmu *maqāsid al-shari'ah*.

RUJUKAN

al-Qur'an al-Karim

Abū Dāwūd, Sulaymān Ibn al-Ash'ath al-Sajistānī. t.th. *Sunan 'Abī Dāwūd*. Bayrūt: Dār al-Kitāb al-°Arabī.

Abu Zahrah, Muhammad. t.th. *Usul al-fiqh*. al-Qahirah: Dar al-Fikr al-°Arabī.

°Abd al-°Azzām, °Abd al-°Azīz. 2001. *al-Maqāsīd al-shar'īyyah fī al-Qawā'id al-Fiqhiyyah*. al-Qāhirah: Dār al-Bayān.

°Abd al-Salām, °Izz al-Dīn. 2000. *Qawā'id al-Kubrā al-Mausūm bi qawā'id al-'ahkām fī 'Islāh al-'anām*, Tahqiq Nazīh Kamāl Hammād & °Uthmān Jum'ah. Dīmashq: Dār al-Qalam.

al-°Amidi, Abū al-Hasan °Alī b. Abī °Alī b. Muhammad. 1983. *al-Ihkām fī Usūl al-Ihkām*. Bayrut: Dār al-Kutub al-°Ilmiyyah.

al-Ashqar, Usamah °Umar Sulayman. 2004. *Manhaj al-Ifta' °ind al-Imam Ibn al-Qayyim al-Jawziyyah*. al-Urdun: Dar al-Nafa'is.

al-Asnawi. 1345H. *Nihāyat al-Sūl fī 'Ilm al-Usūl*. Jld.4. al-Qāhirah: Jam'īyyah Nayr al-Kutub al-°Arābiyyah.

al-Baghdadi, Khatib. 1974. *al-Faqih wa al-Mutafaqqih*. Bayrut: Dar al-Kutub al-°Ilmiyyah.

al-Bayhaqī, Ahmad Ibn al-Husayn Ibn °Alī Ibn Musā Abū Bakr al-Bayhaqī. 1414H./ 1994. *Sunan Bayhaqī al-Kubrā*. Tahqiq Muhammad °Abd al-Qadīr °Atā. Makkah al-Mukarramah: Maktabah Dār al-Bārīz.

al-Būtī, Muhammad Sa'īd Ramadān. 1982. *Dawābīt al-Maslahah fī al-Shar'at al-Islāmiyyah*. Ed. Ke-4. Bayrūt: Mu'assasah al-Risālah.

Dasūkī, Muhammad & Jābir, Aminah. 1999. *Muqaddimah fī Dirāsāt al-Fiqh al-Islāmī*. Qatar: Dār Thaqaḥ.

Dayrāniyyah, Mujāhid. 1987. *Fatawa °Ali al-Tantawi*. Jiddah: Dār al-Manārah.

al-Dūsī, Hasan Sālim. 2001. *Manhaj Fiqh al-Muwāzanāt fī al-Shar' al-Islāmī*. *Majallah al-Shar'ah wa al-Dirāsāt al-Islāmiyyah*. Bil. 46. al-Kāwayt: Majlis al-Nashr al-°Ilmī Jāmi'ah al-Kūwayt.

- al-Ghamrāwī, Muhammad al-Zuhrī. 1948. *Anwār al-Masālik Sharh °Umdah al-Sālik wa °Uddah al-Sālik*. Mustafā al-Qāhirah: al-Halabī.
- al-Ghazālī, Abu Hāmid Muhammad b. Muhammad. 1983. *al-Mustasfā*. Ed. Ke-2. Bayrūt: Dār al-Kutub al-°Ilmiah.
- Hassūn, Ahmad Badr al-Dīn. al-Mawsū°ah fī Adāb al-Fatwā al-Nawawī. 1999. *Adāb al-Fatwā wa al-Muftī wa Mustaftī*. Bayrūt: Mu°assasah °Abd al-Hafīz al-Bassāt.
- al-Haythamī, °Alī Ibn Abī Bakr. 1982. *Majma° al-zawā'id wa manba° al-fawā'id*. Bayrūt: Dār al-Kitāb al-°Arabī.
- al-Hilālī, Majdī. 1994. *Min fiqh al-awlāwiyyāt fī al-Islām*. al-Qāhirah: Dār al-Tawzī° wa al-Nashr al-Islamiyyah.
- [Http://www.islam.gov.my/portal/lihat.php?jakim=694](http://www.islam.gov.my/portal/lihat.php?jakim=694). [1 Julai 2008]
- Ibn al-Hazm. t.th. *al-Mahalla*. Jld. 11. Tahqiq, Ahmad Shakir. al-Qahirah: Maktabah Dar al-Turath.
- Ibn al-Himām, Muhammad bin °Abd al-Wāhid. t.th. *Fath al-Qadīr*. Ed. Ke-2. Jld. 7. Bayrut: Dār al-Fikr.
- Jad al-Haq, °Ali. 1989. *al-Fiqh al-Islami murunatuhu wa tatawwuruhi*. t.tp. Majma° al-Buhuth al-Islamiyyah.
- Jamāl, Ibrahim Ra°fat & al-Nashwī, Nasīr Ahmad. 2001. *Mukhtārāt min fiqh al-jināyāt*. Tantā: Maktabat al-Jami°ah.
- Japar Maidin. 2003. Bedah siasat (Post Mortem) mayat: Satu tinjauan menurut perspektif syarak. *Prosiding seminar fiqh dan cabaran semasa*. Kuala Lumpur: Mashi Publication.
- al-Jum°ah, °Ali. 2005. *al-Kalam al-Tayyib Fatawa °Asriyyah*. Jld.1. al-Qahirah: Dar al-Salam.
- al-Jum°ah, °Ali. 2005. *Fatawa °Asriyyah*. al-Qahirah: Dar al-Salam.
- al-Jurjanī. *al-Ta°rīfāt*. 1405H. Tahqiq Ibrāhīm al-Abyarī. Bayrūt: Dār al-Kitāb al-°Arabī.
- al-Kamali, °Abdu°ILāh. 2000. *Ta°sīl Fiqh al-Muwāzanāt*. Bayrūt. Dār Ibn Hazm. *Kamus Dewan*. 2002. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- al-Kasānī, Abī Bakr ibn Saʿūd. 2000. *Badāʿi al-sanāʿi fī tartīb al-Sharāʾiʿ*. Ed. Ke-3. Bayrūt: Dār Ihyaʾ al-Turāth al-ʿArabī.
- Khalāf, ʿAbd al-Wahāb. 1947. *ʿIlm Usūl al-Fiqh wa Khulāsah Tarīkh al-Tashrīʿ al-Islāmī*, Misr: Matbaʿat Nasr.
- al-Khān, Mustafā Saʿīd. 2001. *al-Kāfī al-Wāfī fī Usūl al-Fiqh al-Islāmī*, Bayrūt: Mūʾassasah al-Risālah.
- al-Khatīb al-Baghdādī, Ahmad b. ʿAlī b. Thābit. 1996. Tahqiq ʿAdil b. Yusuf. *al-Faqīh wa al-mutafaqqih*. al-Mamlakah al-ʿArābiyyah al-Saʿudiyyah: Dar Ibn al-Jawzi.
- al-Khudarī, Muhammad. 2001. *Nūr al-Yaqīn fī Sīrah Sayyid al-Mursalīn*. Tahqiq Samīr Ahmad al-ʿAtār. al-Qāhirah: Dār al-Hadīth.
- al-Khudarī Bīk, Muhammad. 1969. *Usūl al-Fiqh*. Ed. Ke-6. al-Qāhirah: al-Maktabah al-Tijāriyyah al-Kubrā.
- al-Mallāh, Husayn Muhammad. 2001. *al-Fatwā*. Bayrūt: Maktabat al-ʿAshriyyah.
- Mohd Raffidzi Zainol Abidin. 2003. Metodologi fiqh muwazanah dalam Islam. *Monograf Andalus II*. Hlm. 11-35. Egypt: Dewan Perwakilan mahasiswa Tanta (DPMT).
- al-Nawawī, Muhy al-Din Yahya Sharif. 1997. *Adab al-Fatwa*. Dimashq: Dar al-Fikr.
- al-Nawāwī, Muhy al-Din Yahya Sharif. t.th. *al-Majmuʿ Sharh al-Muhazzab*. Maktabat al-Irshād. Jiddah: al-Mamlakah al-ʿArābiyyah al-Saʿudiyyah.
- al-Qaradāwī, Yūsuf. 1993. *Min hadī al-Islam fatawa muʿasirah*. al-Mansūrah: Dār al-Wafāʿ.
- al-Qaradāwī, Yūsuf. 1992. *Awlāwiyyāt al-Harākāt al-Islāmiyyah fī Marhalah al-Qādimah*. al-Qāhirah: Maktabat al-Wahbah.
- al-Qaradāwī, Yūsuf. 1994. *al-Ijtihad al-Muʿasir Bayn al-Indibat wa al-Infirāt*. al-Qahirah: Dār al-Tawzīʿ wa al-Nashr al-Islāmīah.
- al-Qaradawī, Yusuf. 1997. *Shumul al-Islam fī Dawʾ Shar Mufasssal li al-Usul al-ʿIshrin li al-Imam al-Shahid Hassan al-Banna*. Bayrut: Muʾasassah al-Risalah.

- al-Qaradāwī, Yūsuf. 1998. *al-Siyasah al-Shar'iyah fi Daw' Nusus Shar'iyah wa Maqasidaha*. Misr. Maktabat al-Wahbah.
- al-Qaradawi, Yusuf. 1999. *Awamil al-Sa'at wa al-Murunah fi Shari'at al-Islamiyyah*. al-Qahirah: Maktabah Wahbah.
- al-Qaradāwī, Yūsūf. 2001. *Fī fiqh al-awlāwiyyāt*. al-Qāhirah: Maktabat al-Wahbah.
- al-Qaradāwī, Yūsuf. 2003. *Fatwa antara ketelitian dan kecerobohan*. Ed. Ke-4. Terj. Ahmad Nuryadi Asmawi. Selangor: Thinker's Library Sdn. Bhd.
- al-Qarafi. 1976. *al-Ahkam fi Tamyiz al-Fatawa min al-Ahkam*. Halab. Maktabat al-Matbu'iyah al-Islamiyyah.
- al-Qāsimī, Jamāl al-Dīn. 1986. *Kitāb al-fatwā fī al-Islām*. Bayrūt: Dār al-Kutub al-ʿIlmiyyah.
- Ridzwan Ahmad. 2004. *Metode pertarjihan masalah dan mafsadah dalam hukum Islam semasa*. Prosiding seminar kebangsaan Usul Fiqh (SUFI). Fakulti Syariah dan Undang-Undang. Kuala Lumpur: Kolej Universiti Islam Malaysia.
- al-Shātībī, Ibrahim Musa. 2001. *al-Muwāfaqāt fī Usūl al-Ahkām*. Bayrut: Dar al-Kutub al-ʿIlmiyyah.
- al-Susawh, ʿAbd al-Majid Muhammad. 2005. Dawābit al-Fatwa fi al-Qadaya al-Muʿasir. *Majallah al-Shar'iyat wa al-Dirasat al-Islamiyyah*. 62: 223-296.
- al-Suyūṭī, ʿAbd al-Rahmān. 2004. *al-Ashbāh wa al-nāzā'ir fī qawā'id wa furū' fiqh al-Shāfi'i*. Tahqiq Muhammad Muhammad Tāmir & Hāfiz ʿAshur Hāfiz. al-Qāhirah: Dār al-Salām.
- al-Tā'ī, Ahmad ʿUlaywī Husīn. 2007. *al-Muwāzanah bayn al-Masālih Dirāsah Tatbīqiyyah fī Siyāsah al-Shar'īyyah*. al-Urdun: Dār al-Nafā'is.
- Tafsir Pimpinan al-Rahman kepada pengertian Al-Qur'an*. 1995. Ed. Ke-9. Kuala Lumpur: Bahagian Hal Ehwal Islam. Jabatan Perdana Menteri.
- Zaydān, Karīm. 1987. *Usūl Da'wah*. Misr: Mu'assasat al-Risālah.
- al-Zuhaylī, Ahmad. 1999. *al-Qawā'id al-Fiqhiyyah ʿalā al-Madhhab al-Hanafī wa al-Shāfi'i*. al-Kuwayt: Majlis al-Nashr al-ʿIlmī Jāmi'ah al-Kuwayt.

- al-Zuhaylī, Muhammad °Adnān Sālim Wahbah., Rushdī, Muhammad Bassām & Sulaymān, Muhammad Wahbī. 2006. *al-Mawsū'ah al-Qur'āniyyah al-Muyassarah*. Ed. Ke-5. Dimashq: Dār al-Fiqr.
- al-Zuhaylī, Wahbah. 1969. *al-Wasīt fī Usūl al-Fiqh al-Islāmī*. Bayrūt: Dār al-Fiqr.
- al-Zuhayli, Wahbah. 1997. *Nazāriyyah al-Darūrah al-Shar'īyyah*. Ed. Ke-4. Bayrūt: Dār al-Fiqr.
- al-Zuhaylī, Wahbah. 1999. *al-Wajīz fī Usūl al-Fiqh*. Ed. Ke-2. Dimashq: Dār al-Fiqr.
- al-Zuhaylī, Wahbah. 2001. *Usūl fiqh al-Islāmī*. Jld. Ke-2. Dimashq: Dar al-Fiqr.

**GERAKAN ANTI HADITH MODEN:
KAJIAN TERHADAP PENYEBARAN PEMIKIRAN
MELALUI INTERNET**

AHMAD SANUSI AZMI
MOHD YUSUF ISMAIL
ZULHILMI MOHAMED NOR

ABSTRAK

Sejarah telah membuktikan bahawa kumpulan yang menolak hadith sebagai sumber kedua Islam tidak pernah jemu menyebarkan ideologi mereka. Mereka mendakwa bahawa al-Quran adalah sumber utama umat Islam dan mereka tidak memerlukan hadith sebagai sumber kedua bagi segala urusan yang berkaitan dengan Islam. Gerakan ini bukan sahaja berjaya mempengaruhi golongan awam malah ada di kalangan ahli akademik dan juga pemikir Islam yang terkesan dengan corak pemikiran yang dibawa. Dewasa ini internet memainkan peranan yang amat penting di dalam kehidupan masyarakat. Sebahagian besar golongan muda pada hari ini lebih gemar mendapatkan maklumat melalui internet berbanding sumber rujukan yang lain. Begitu juga dengan gerakan anti hadith. Pemikiran yang dilaungkan oleh kumpulan ini telah mula menular di dalam laman-laman web di seluruh dunia. Kertas kerja ini bertujuan menyingkap laman web berbahasa Melayu yang secara terang-terangan membicarakan ideologi

menolak hadith sebagai sumber umat Islam. Adalah diharapkan agar kertas ini mampu memberikan perbincangan ilmiah berkaitan kedudukan hadith selari dengan pergerakan pemikiran moden.

PENDAHULUAN

Menurut Dr. Mustafa al-Siba'ie sejarah kemunculan kumpulan yang tidak menerima hadith ini telah muncul di zaman al-Imam as-Shaf'ie lagi iaitu pada kurun kedua hijrah (Mustafa as-Siba'ie, 2010 : hlm: 222). Perkara ini telah dihuraikan oleh Al-Imam As-Syafie di dalam kitabnya Al-Umm. Malah beliau telah memperincikan lagi perbincangan tersebut di dalam kitab Ar-Risalah. Apabila diteliti kumpulan ini muncul setelah berlakunya perkembangan ketamadunan ilmu-ilmu Islam merentasi sempadan negara-negara Arab. Kumpulan-kumpulan manusia yang sebelum ini sudah terbiasa dengan corak pemikiran falsafah Yunani dan Parsi mula menganalisis ilmu Islam dengan asas pendidikan falsafah yang sedia ada. Penilaian ilmu Islam dengan elemen berteraskan akal telah banyak memberikan interpretasi yang berbeza dengan yang sebelumnya. Keraguan yang ditimbulkan membuahkan serangan yang mempertikaikan kedudukan hadith sebagai sumber perundangan Islam. Walau bagaimanapun, idea-idea yang dibawa oleh kumpulan ini telah berjaya diharmonikan dengan hujah-hujah yang dipersembahkan oleh ulama-ulama sunnah di zaman tersebut.

Pada kurun yang ke 19 pula muncul golongan orientalis yang menjalankan kajian terhadap hadith sehingga berjaya menimbulkan kembali keraguan terhadap hadith itu sendiri. Kajian ini dipelopori oleh Ignaz Goldziher seorang orientalis dari Hungary berketurunan Yahudi. Hasil kajian yang dijalankan oleh beliau bukan sahaja menarik perhatian sarjana barat malah turut mempengaruhi sarjana muslim dalam beberapa penulisan mereka. Antara yang turut terkesan dengan idea Goldzieher adalah Ahmad Amin di dalam bukunya yang berjudul Fajar Islam¹.

1 Di dalam bukunya Ahmad Amin mendakwa beberapa keraguan yang harus difikirkan bagi menilai semula kedudukan hadith sebagai sumber kedua umat Islam. Beliau menampilkan beberapa isu yang pernah diutarakan oleh Goldzieher seperti penipuan terhadap hadith telah berlaku di zaman Nabi lagi, hadith adalah elemen yang saling bertentangan serta keraguan terhadap Abu Hurairah perawi yang paling banyak meriwayatkan hadith. (Sila lihat As-Sunnah wa Makanatuha oleh Mustafa As-Sibaie)

Selain itu kelihatan ramai juga ilmuan Islam yang terkesan dengan idea yang dibawa. Corak pemikiran ini bukan sahaja mempengaruhi sarjana Arab malah kumpulan pemikir dari asia tenggara juga tidak terlepas dari tempas ini.

KEMUNCULAN SERTA PERKEMBANGAN KUMPULAN ANTI HADITH DI MALAYSIA

Secara zahirnya idea menolak hadith sebagai salah satu daripada sumber hukum Islam bermula pada tahun 1985 lagi. Gerakan ini dipelopori oleh Dr. Kassim Ahmad, Abdul Manan Harun dan Othman Ali. Kumpulan ini dilihat terkesan dengan pemikiran yang dibawa oleh Dr. Rasyad Khalifah, seorang warga Mesir yang menetap di Amerika. Beliau begitu lantang melaungkan penolakan terhadap hadith dan kebergantungan hanya kepada Al-Quran semata (Mohd Ali Haji Zainal, 2005: 29).

Kassim Ahmad dilihat sangat terkesan dengan idea yang dibawa oleh gerakan yang berpusat di Amerika tersebut malah beliau sendiri mengakuinya dalam mukaddimah buku beliau yang diharamkan iaitu *Hadith Satu Penilaian Semula*. Punca penolakan hadith juga adalah jelas dinyatakan beliau di dalam bukunya dan akan dibincangkan sebentar lagi. Beliau bukan sahaja sangsi dengan pertentangan yang berlaku di antara hadith dengan Al-Quran malah melihat sumber kedua umat Islam ini juga sebagai punca kemunduran yang menimpa umat Islam pada hari ini. Hasilnya pada tahun 1986 beliau telah menghasilkan bukunya yang menjelaskan idea yang dibawa iaitu *Hadith Satu Penilaian Semula*. Walau bagaimanapun buku ini telah pun diharamkan melalui Warta Kerajaan bertarikh 10 Julai 1986 (Himpunan Fatwa Negeri Melaka, 1986-2005: 30). Walaupun buku tersebut telah pun diharamkan, ianya telah diterjemahkan ke dalam bahasa Inggeris oleh Syed Akbar Ali dan bahan tersebut mudah didapati di dalam internet.

Pada Oktober 1992 pula, Kassim Ahmad sekali lagi telah mencetuskan kontroversi dan kemarahan umat Islam apabila beliau menulis sebuah buku yang bertajuk “*Hadith Jawapan Kepada Pengkritik*” terbitan Media Intelek Sdn. Bhd. dengan mesej yang sama iaitu menolak hadith. Kerajaan sekali

lagi telah mengharamkan buku tersebut melalui Warta Kerajaan (Himpunan Fatwa Negeri Melaka, 1986-2005: 30).

GELOMBANG KEDUA

Setelah menerima tekanan daripada pelbagai pihak, gerakan ini telah menyepi seketika. Namun idea yang dibawa oleh kumpulan tersebut telah dihidupkan semula oleh sekumpulan penulis-penulis blog yang mempunyai idea yang serupa. Bermula pada era abad ke-21, kumpulan ini dilihat aktif menyebarkan pemikiran mereka melalui laman web peribadi mereka. Bertepatan dengan perkembangan semasa internet menjadi medium utama penyebaran corak pemikiran yang dibawa. Malah idea yang dibawa oleh gelombang kedua ini dilihat jauh berkembang daripada idea yang dimulakan oleh kumpulan Kassim Ahmad. Mereka bukan sahaja menolak hadith malah mendakwa amalan ibadah yang dilakukan oleh umat Islam pada hari ini membawa syirik kepada Allah.

Antara laman web yang dilihat membawa idea ini adalah:

- www.tolokminda.wordpress.com
- www.kaabahituberhala.blogspot.com
- www.tudungitusyirik.blogspot.com
- www.e-mindakita.com
- www.e-bacaan.com

Momentum kelompok yang kedua ini dilihat begitu agresif dalam menjawab soalan yang diajukan kepada mereka. Kebergantungan mereka kepada akal di dalam memahami ayat-ayat al-Quran sangat tinggi sehingga setiap ayat boleh ditafsirkan oleh setiap dari mereka. Kebencian mereka terhadap ulama hadith juga jelas di dalam ulasan-ulasan yang dihantar oleh mereka. Maka tidak hairanlah ada di kalangan mereka yang menggelarkan al-Bukhari sebagai "little satan". Mereka juga melihat amalan ibadat yang dilakukan oleh umat Islam pada hari ini telah membawa manusia kepada menyekutukan Allah manakala Kaabah pula dianggap sebagai berhala terbesar. Kelompok kedua ini dilihat

banyak terkesan dengan tulisan Aidid Safar dalam bukunya "Mental Bondage²".

PUNCA KEMUNCULAN GERAKAN INI

Setelah menilai buku tulisan Kassim Ahmad, laman-laman web yang membawa idea penolakan terhadap hadith serta artikel-artikel mereka, beberapa punca telah dikenal pasti sebagai sebab yang membawa mereka menolak hadith sebagai sumber kedua umat Islam. Antaranya:

1. Penilaian terhadap kemunduran umat islam

Gelombang pertama dan kedua, kedua-duanya dilihat cuba membawa kemajuan untuk umat Islam itu sendiri. Kassim Ahmad di dalam bukunya jelas mengkaji dan memikirkan punca kejatuhan dan perpecahan yang berlaku ke atas umat Islam. Akhirnya mereka bersetuju bahawa punca kemunduran umat Islam adalah apabila mereka tidak lagi menjadikan al-Quran sebagai sumber rujukan utama. Mereka merasakan hadith sebagai salah satu punca utama umat Islam hari ini memalingkan tumpuan mereka daripada memahami al-Quran³.

Begitu juga dengan kumpulan yang kedua. Setelah menolak hadith, mereka menafsirkan al-Quran tanpa menggunakan hadith bahkan tidak juga bergantung kepada bahasa Arab. Apa yang jelas ialah tafsiran baru yang mereka bawa adalah menjurus ke arah menyeru kemajuan umat Islam. Hasilnya mereka menafsirkan haji sebagai proses penyelidikan dan pembangunan sekaligus mereka menafikan amalan haji umat Islam ke Mekah. Apabila ditanya berkenaan ayat Safa dan Marwah yang

2 Buku yang memaparkan teori bahawa agama Islam pada hari ini telah jauh terseleweng. Segala amalan ibadah yang dilakukan adalah konspirasi golongan arab yang ingin membawa keuntungan kepada kabilah mereka sahaja. Aidid Safar bukan sahaja menolak hadith malah menafikan pelbagai perkara yang dilakukan oleh umat Islam pada hari ini dengan menggunakan Al-Quran sebagai hujah beliau. Penafsiran beliau terhadap Al-Quran tanpa berpandukan hadith menyebabkan lahir idea-idea yang tidak pernah diketahui sebelum ini. Sebagai contoh solat bukanlah amalan ibadah seperti yang dilakukan pada hari ini. Solat adalah komitmen yang baik. Setiap komitmen yang baik dianggap solat. Maka umat Islam tidak perlu solat menghadap Kaabah kerana ianya hanyalah konspirasi kabilah Arab terdahulu.

3 Sila lihat Hadith: Re-Evaluation, Terjemahan Sayid Akbar Ali, hal: 7

disebutkan di dalam al-Quran, ada dikalangan mereka yang menafsirkan Safa dan Marwah sebagai proses penyulingan dan kekuatan diri. Apabila ditanya melalui laman komentar, mereka memberikan jawapan bahawa setiap orang mampu memberikan tafsiran masing-masing berdasarkan fahaman yang difahamkan oleh Allah SWT kepada mereka⁴.

Daripada pemerhatian yang dijalankan kedua-dua generasi ini jelas menolak hadith dan merasakan bahawa hadith adalah penyumbang utama yang membelenggu umat Islam ke arah kemunduran.

2. Kesangsian terhadap sejarah penulisan hadith

Kesangsian terhadap sejarah penulisan hadith boleh dianggap sebagai punca utama gelombang pertama dan kedua. Kumpulan ini sangat terkesan dengan idea yang dibawa oleh Goldzieher apabila mendakwa hadith hanya ditulis 200 tahun selepas kewafatan Nabi. Malah mereka mendakwa kegemilangan al-Quran lenyap apabila As-Syaf'ie meletakkan Sunnah sebagai sumber kedua umat Islam. Perkara ini sekaligus mengalih perhatian umat daripada bergantung kepada al-Quran semata-mata.

Dakwaan ini semakin kritikal apabila gelombang kedua melihat hadith bukan sahaja diragui dari segi sejarah penulisannya malah mereka juga mendakwa bahawa penulisan hadith adalah satu konspirasi yang ingin membawa keuntungan kepada kaum Arab semata. Dakwaan ini didasarkan kepada setiap umat Islam yang masuk Islam mestilah berpakaian seperti pakaian Arab, solat juga mesti menyembah ke arah kedudukan tanah Arab malah haji adalah proses penyumbangan besar-besaran sumber kewangan kepada tanah Arab⁵.

3. Tiada satu ayat al-Quran pun yang menyuruh berpegang kepada hadith

Idea ini dibawa oleh Kassim Ahmad dan diperkasakan lagi oleh gelombang kedua kumpulan anti hadith ini. Mereka menyemak semua

4 Sila lihat www.tolokminda.wordpress.com (Haji dan Umrah Adalah Proses Penyelidikan)

5 Sila lihat tolokminda.wordpress.com dan kaabahituberhala.blogspot.com

perkataan "Hadith" dan "Sunnah" di dalam Al-Quran dan mendakwa bahawa tiada satu pun ayat di dalam Al-Quran yang menyuruh kita mentaati Nabi SAW. Mengulas tentang perkara ini, Kassim Ahmad menyebut secara terperinci di dalam bukunya. Beliau menjelaskan bahawa perkataan hadith telah disebutkan sebanyak 36 kali⁶ di dalam al-Quran dalam pelbagai kaedah sebutan, namun tiada satu pun yang mempunyai maksud hadith seperti yang ditakrifkan oleh ulama' hadith. Beliau menyebutkan bahawa perkataan hadith di dalam al-Quran hanyalah membawa maksud al-Quran itu sendiri manakala perkataan Sunnah pula membawa maksud sistem, adat resam atau tabiat. Jadi menurut beliau tiada satu perkataan di dalam al-Quran yang boleh dijadikan hujah untuk kita berpegang dengan hadith.

4. Hadith bukannya wahyu

Fahaman ini telah dimulakan pada gelombang pertama lagi, namun hujah yang aneh dikemukakan oleh gelombang yang kedua. Menurut Kassim Ahmad, ayat 3-4 daripada Surah An-Najm iaitu (*"Beliau tidak bercakap menurut keinginannya sendiri. Ini wahyu Ilahi"*) adalah ayat yang menjadi hujah golongan yang menyokong hadith. Namun menurut beliau ayat ini bukannya merujuk kepada kata-kata Nabi iaitu hadith, ayat ini adalah merujuk kepada al-Quran itu sendiri. Di dalam menjelaskan perkara ini Kassim menyebut di dalam blognya: *"Tetapi, jika kita meneliti konteks ayat-ayat tersebut, nyatalah ayat-ayat ini merujuk kepada proses wahyu dan bukan kepada percakapan biasa beliau"*⁷

5. Percanggahan yang berlaku antara Hadith dengan Al-Quran

Elemen ini adalah faktor yang kuat meyakinkan lagi idea mereka bahawa hadith semestinya ditolak. Namun kedua-dua kumpulan ini berselisih pendapat berkenaan jumlah hadith yang mesti ditolak.

6 Sila lihat Hadith: Re-Evaluation Terjemahan Syed Akbar Ali, namun di dalam blognya, Kassim Ahmad menyebut perkataan hadith hanya diulang sebanyak sebelas kali.

7 Sila lihat kassimahmad.blogspot.com (dalam posting bertarikh 5 Mac 2008, bertajuk Perkataan Sunnah dan Hadith di dalam Al-Quran)

Menurut Kassim Ahmad, beliau hanya menolak hadith yang jelas bertentangan dengan al-Quran sahaja manakala hadith yang tidak bertentangan dengan al-Quran beliau menerimanya sebagai sumber kedua umat Islam⁸. Beliau memberikan contoh Piagam Madinah sebagai Sunnah Nabi yang seharusnya diterima pakai oleh umat Islam pada hari ini⁹.

Namun kumpulan kedua lebih agresif dalam perkara ini. Mereka menolak semua hadith yang diriwayatkan tanpa mengira hadith itu bertentangan dengan al-Quran ataupun tidak. Jelas mereka al-Quran sudah memadai untuk menjadi petunjuk kepada umat Islam.

Di antara hadith yang sering ditimbulkan mempunyai percanggahan dengan al-Quran ialah: a) Hadith Syahadah, b) Selawat Ke Atas Nabi, c) Hadith Kesalahan Murtad, d) Hadith Kesalahan Zina.

6. Percanggahan yang berlaku di antara hadith dengan hadith

Keyakinan mereka untuk menolak hadith lebih kuat lagi apabila mereka menemui percanggahan yang berlaku sesama hadith malah terdapat hadith yang tidak boleh diterima oleh akal dan sains.

7. Hadith membawa kepada perpecahan

Perkara ini jelas disebutkan oleh Kassim Ahmad di dalam mukaddimah seruannya kepada penilaian semula terhadap hadith. Beliau dipetik menulis:

“Seperti telah saya terangkan awal tadi, kita menganjurkan penilaian semula masalah Hadis/Sunnah, bukan dengan niat untuk menimbulkan kekeliruan dan perpecahan di kalangan umat Islam. Sebaliknya saya berpendapat ajaran-ajaran palsu inilah (Hadis/Sunnah) yang telah dan terus menjadi punca

8 Sila lihat kassimahmad.blogspot (dalam posting bertarikh 22 Mac 2007, yang bertajuk Dilemma Umat Islam antara Hadith dan Quran)

9 Sila lihat kassimahmad.blogspot (artikel bertarikh 17 Julai 2007, yang bertajuk A Short Note On The Medina Charter)

kekeliruan dan perpecahan yang terbesar di kalangan umat Islam selama lebih seribu tahun”¹⁰

8. Hadith punca kepada anti intelektual

Konsep ini dijelaskan oleh Kassim di dalam bukunya Hadis Satu Penilaian Semula di mana beliau mula mengkaji sejarah perkembangan mazhab. Beliau mendakwa bahawa al-Imam As-Syafi’e adalah orang yang pertama memelopori usaha pembekuan minda intelektual Muslim. Hal ini difahami melalui tulisan beliau yang berbunyi:

“Imam Shafi’i came to view differences of opinion as a problem. To solve this problem he came up with his neat little idea to freeze everything as it were. In other words, Shafi’i came to the view that all opinions existing at that time would be acceptable, but nothing more than that – no new thinking could be allowed”.¹¹

Melihat daripada buku yang diterjemah ke dalam bahasa inggeris ini, tidak dapat dipastikan dari mana punca pembacaan Kassim Ahmad sehingga beliau membawa kesimpulan yang seakan satu fitnah kepada Al-Imam As-Syafie.

PENYEBARAN PEMIKIRAN BARU ANTI HADITH DI INTERNET

Sebagaimana yang telah disebutkan sebelum ini, sejarah kemunculan anti hadith di Malaysia telah mengharungi dua fasa utama. Fasa pertama dimulakan oleh Kassim Ahmad sendiri pada tahun 1985 sehingga tertubuhnya Kelab IQRA dan kumpulan manusia yang menyokong gerakan ini. Fasa kedua pula boleh dikatakan muncul pada tahun 2000-an tanpa satu pertubuhan yang khusus dengan hanya melalui perantaraan laman-laman web peribadi yang mencurahkan pemikiran yang sama melalui web tersebut.

10 Sila lihat kassimahmad.blogspot (posting bertarikh 24 Februari 2008 yang bertajuk Hadis: Satu Penilaian Semua, Dimana Silap Kita?)

11 Kassim Ahmad, Hadis: Re-Evaluation (Terjemahan Syed Akbar Ali)

Pada fasa pertama kemunculan gerakan ini, timbul beberapa pemahaman baru yang jelas bertentangan dengan prinsip yang diamalkan oleh majoriti umat Islam pada hari ini. Sebagai contoh dakwaan solat yang dilakukan pada hari ini bukanlah berasal daripada Nabi Muhammad tetapi warisan daripada amalan Nabi Ibrahim. Beliau berkata:

“Berhubung dengan kaedah-kaedah salat (waktu, rakaat dan gerak-gerinya), tidak syak lagi bahawa amalan yang dilakukan oleh umat Islam sekarang, pada dasarnya, berpunca daripada amalan Nabi Ibrahim dan pengikut-pengikutnya, dan kaedah-kaedah ini diperturunkan, generasi demi generasi, hingga kepada Nabi Muhammad dan pengikut-pengikutnya”¹².

Begitu juga dengan penafian terhadap konsep Qadha dan Qadar. Kassim Ahmad secara terang-terangan menolak konsep ini yang di dakwa jelas bertentangan dengan Al-Quran serta menyekat daya kreativiti pemikiran umat Islam. Beliau dipetik menulis:

“Akibat ajaran ini, umat Islam menerima segala kejahatan yang berlaku kepada mereka sebagai takdir Tuhan. Ini menimbulkan sikap fatalis di kalangan mereka. Sikap ini membunuh daya kreativiti untuk memperbaiki kehidupan mereka. Kepercayaan ini ditolak dalam Quran dalam ayat-ayat 4:136 dan 4:78-79. Ayat 4:136 menyenaraikan lima kepercayaan saja”¹³.

Pemikiran dan penafsiran Anti Hadith Moden terhadap Islam

Apa yang menarik pada peringkat kedua ini adalah kaedah mereka memahami Al-Quran berdasarkan kefahaman mereka yang tersendiri. Jika dibandingkan dengan fasa yang pertama, kumpulan kedua ini membawa suatu pemahaman yang agak unik mengenai Al-Quran. Adalah tidak dinafikan buku Mental Bondage karangan Aidid Safar telah menjadi rujukan utama mereka di dalam memahami Al-Quran dan Islam secara umumnya.

12 Sila lihat kassimahmad.blogspot (artikel bertarikh 6 April 2008 bertajuk: Kaedah Sembahyang)

13 Sila lihat kassimahmad.blogspot (artikel bertarikh 1 April 2007, bertajuk Kepercayaan Kepada Qadha dan Qadar)

Namun idea ini telah dikembangkan oleh mereka melalui penelitian mereka terhadap Al-Quran. Di sini kami bentangkan beberapa tafsiran baru yang dipersembahkan oleh mereka melalui laman-laman web mereka:

1. Kalimah syahadah adalah ciptaan orang munafiq

Sebenarnya idea ini telah ditimbulkan oleh Kassim Ahmad sendiri apabila beliau mendakwa berlaku percanggahan di dalam hadith tentang kalimah syahadah yang kita ucapkan pada hari ini. Apabila diteliti di dalam Al-Quran, tiada sepotong ayat pun yang menjelaskan tentang kewajipan bersyahadah seperti yang diucapkan oleh umat Islam pada hari ini. Malah meletakkan nama Rasulullah di dalam syahadah adalah mendekatkan manusia kepada mensyirikkan Allah SWT. Kassim menulis :

*Tuhan juga telah memaklumkan kepada kita kecenderungan manusia untuk syirik dengan menyebut nama lain di samping Allah.*¹⁴

Konsep ini diperjelaskan lagi melalui gelombang kedua bahawa syahadah yang diwajibkan ke atas umat Islam pada hari ini sebenarnya adalah satu korupsi yang dilakukan oleh pewaris golongan munafiq¹⁵. Perkara ini jelasnya telah disebutkan di dalam surah al-Munafiqun. Sekiranya kita teliti, syahadah yang diucapkan pada hari ini adalah sama seperti yang diucapkan oleh golongan munafiq. Ini menguatkan dakwaan mereka lagi bahawa konsep syahadah yang diwarisi umat Islam pada hari ini adalah jelas bertentangan dengan yang diajarkan oleh Allah SWT di dalam Al-Quran.

2. Solat adalah komitmen (perbuatan) yang baik

Solat adalah pemisah antara gelombang anti hadith yang pertama dengan yang kedua. Melalui penelitian yang dijalankan, kumpulan pertama yang dipelopori oleh Kassim Ahmad masih menerima solat sebagai salah satu

14 Sila lihat kassimahmad.blogspot.com (artikel bertarikh 28 Mac 2007, bertajuk Hadith Yang Bercanggah Dengan Al-Quran)

15 Sila lihat www.tolokminda.wordpress.com (artikel bertarikh 11 mac 2010, bertajuk Adakah dua kalimah syahadah satu korupsi pewaris golongan munafik zaman Nabi?)

ibadah yang diwajibkan oleh Allah SWT ke atas manusia. Cuma kaedah penyampaian cara solat menurut beliau adalah melalui warisan cara solat Nabi Ibrahim kepada generasi seterusnya dan bukannya melalui hadith. Beliau berhujah bahawa Nabi Muhammad SAW telah melakukan solat sebelum beliau dianugerahkan solat pada malam Isra' dan Mikraj lagi. Ini membuktikan bahawa amalan solat Nabi Ibrahim telah diamalkan oleh Rasulullah SAW sebelum baginda menerima arahan rasmi solat pada malam Isra'. Melalui tulisan beliau, jelaslah di sini bahawa kumpulan pertama masih menerima solat sebagai ibadah yang difardhukan ke atas umat Islam.¹⁶

Berbeza dengan kumpulan pertama, kumpulan kedua dilihat menolak solat sebagai ibadah yang diwajibkan ke atas umat Islam. Kumpulan ini menafikan perlunya solat menghadap dan bersujud kepada Kaabah. Solat pada anggapan mereka hanyalah satu ibadah yang menyembah batu dan membawa kepada syirik¹⁷. Malah solat yang diamalkan oleh umat Islam pada hari ini adalah konspirasi ulama silam. Beliau menulis:

*"Sebenarnya ulama-ulama Islam telah menipu umat Islam. Jika kita teliti semua rasul terdahulu juga "solat" dan mereka, sama seperti Nabi Muhamad, mengajak umat mereka "solat". Perkara ini jelas dinyatakan di dalam Al-Quran. Tidak ada beza "solat" Nabi Muhamad dengan "solat" Nabi Ibrahim, dengan "solat" Nabi Isa, "solat" Nabi Musa, Nabi Ayub dan sebagainya."*¹⁸

Pelbagai hujah dikemukakan melalui kajian mereka terhadap setiap bilah perkataan solat yang disebutkan di dalam Al-Quran. Semua perkataan solat yang disebutkan di dalam Al-Quran ditafsirkan sebagai komitmen atau perbuatan yang baik.¹⁹

16 Sila lihat kassimahmad.blogspot (artikel bertarikh 1 April 2007, bertajuk Asal-usul Sembahyang)

17 Sila lihat www.kaabahituberhala.blogspot.com

18 Sila lihat tolokminda.wordpress.com (artikel bertarikh 25 Disember 2009 bertajuk Solat: Sembahyang atau komitmen)

19 Sila lihat www.tolokminda.wordpress.com (artikel bertarikh 25 Disember 2009 bertajuk Solat: Sembahyang atau komitmen dan artikel bertarikh 24 Februari 2010 yang bertajuk Corat-core: Tentang Solaa @ Komitmen)

3. Kaabah di dalam al-Quran bermaksud buku lali

Ini adalah di antara penafsiran mereka yang sangat aneh. Penafsiran terhadap makna Kaabah adalah penting buat mereka. Ini adalah kerana mereka menafikan sekeras-kerasnya bahawa umat Islam diwajibkan solat berkiblatkan Kaabah. Malah menurut mereka tiada satu pun arahan di dalam al-Quran yang menyuruh kita menyembah Kaabah. Perkataan Kaabah di dalam al-Quran pula diterjemahkan sebagai buku lali. Mereka menulis:

*“Di dalam Al-Quran, perkataan alkaAba hanya disebut tiga kali iaitu dalam 5:6, 5:95 dan 5:97. Dan bercanggah dengan kepercayaan ramai bahawa ia bermaksud sebuah binaan batu empat segi yang terletak di Mekah, **maksud sebenar perkataan itu adalah buku lali**. Ia ditafsirkan dengan betul dalam ayat 5:6. Saya percaya maksud asal perkataan alkaAba dalam 5.6 terpaksa dikekalkan oleh para penaung agama Arab Jahiliah yang berlindung di sebalik Al-Quran kerana konteksnya terlalu karut untuk diubah mengikut pembohongan mereka”.*²⁰

Selain itu mereka juga menafsirkan perkataan kiblat di dalam al-Quran sebagai “batasan ketetapan yang direstui Tuhan”. Mengenai perkara ini mereka menulis:

*Kita tahu golongan penyekutu Tuhan sentiasa mempunyai kiblat atau arah sembah masing-masing. Tetapi sebagai Muslim kita tidak memerlukan kiblat atau arah sembah seperti mereka. Sebagai Muslim kita tidak **menyembah apa-apa**. Hidup kita adalah semata-mata untuk berbakti atau berkhidmat kepada Tuhan melalui kepatuhan kepada ketetapan-ketetapan yang telah direstui Tuhan (masjidillah). Kita tidak memerlukan arah sembah yang bersifat menyekutukan Tuhan.*

20 Sila lihat tolokminda.wordpress.com (bertarikh 10 Februari 2010, bertajuk Ka'aba bukan objek tumpuan sembah tetapi ia bermaksud buku lali)

4. Puasa adalah membendung interaksi dengan orang lain

Sebagaimana mereka menolak solat, mereka juga menolak puasa sebagai ibadah menahan diri dari lapar dan dahaga pada waktu tertentu dalam bulan tertentu. Menurut mereka tiada satu pun ayat Al-Quran yang mengarahkan umat Islam supaya menahan diri dari makan dan minum. Tafsiran ini dikemukakan oleh salah seorang daripada kumpulan ini dengan mengemukakan tafsirannya yang tersendiri berdasarkan ayat-ayat yang dikajinya melalui surah Maryam. Beliau menulis:

Saya menerima definisi puasa sebagai menahan diri. Tetapi apa yang patut ditahan oleh diri mengikut ulama dan pengikut mereka tidak dapat saya terima kerana saya mempunyai kefahaman yang berbeza. Ulama memberitahu kita bahawa apa yang diri kita perlu tahan ketika berpuasa adalah dari menjamah makanan dan minuman.

Beliau menulis lagi:

Bagaimanapun saya mendapati jika definisi puasa ulama ini diterima, ia bercanggah dengan kisah puasa Maryam yang ada diceritakan oleh Allah di dalam Al-Quran.²¹

5. Ibadah haji dan umrah adalah penyelidikan dan pembangunan

Perbincangan berkenaan haji juga adalah suatu perkara yang menarik untuk dibincangkan. Adalah agak menghairankan bagaimana golongan ini mampu menafsirkan ayat Al-Quran tanpa kemahiran berbahasa arab dan ilmu-ilmu Al-Quran. Penafsiran yang dibawa jelas membawa pemikiran pemodenan agama dan menolak amalan ritual tradisi yang tidak menguntungkan. Dalam konteks haji dan umrah mereka menulis:

“Dan selepas mengambilkira maksud konteks yang lebih luas, saya merasakan tafsiran yang paling sesuai dengan perkataan haji adalah penyelidikan. Haji adalah tentang membuat penyelidikan dan hasil penyelidikan perlu dibentangkan

21 Sila lihat tolok-minda.wordpress.com (artikel bertarikh 4 Januari 2010 bertajuk Apa Sebenarnya Tuhan Suruh Tahan Sewaktu Berpuasa dan artikel bertarikh 11 Oktober 2010, bertajuk Puasa: Membendung Interaksi Dengan Orang Lain)

kepada umum melalui suatu wadah intelektual (intellectual discourse) untuk dinilai secara terbuka benar salahnya. Umrah pula lahir dari akar huruf yang sama dengan perkataan umur, makmur atau memakmurkan. Oleh itu saya merasakan dalam konteks yang lebih luas dan tepat, perkataan umrah adalah tentang membangunkan sesuatu berdasarkan kepada hasil penyelidikan yang telah dibuktikan kebenarannya.”²²

ANALISIS TERHADAP PERKEMBANGAN FENOMENA INI

Hakikatnya, fenomena menolak hadith sebagai sumber umat Islam adalah bukan satu perkara yang baru. Ianya telah dilalui sendiri pada kurun ketiga hijrah iaitu ketika zaman pemerintahan Abbasiyyah lagi. Antara ulama yang lantang menentang kewujudan kumpulan ini adalah al-Imam As-Syafi’i lagi. Perkara ini telah pun direkodkan oleh beliau dalam kitabnya yang berjudul *Al-Umm dan Ar-Risalah*.

Namun fenomena ini kembali berulang dalam pentas dunia. Terdapat beberapa perkara yang boleh diungkapkan hasil penelitian terhadap kemunculan, pemikiran serta pergerakan kumpulan ini khususnya di Malaysia:

A. Terkesan dengan anasir pemikiran luar

Berdasarkan penelitian yang dijalankan kedua-dua gelombang anti hadith ini sebenarnya dilihat terkesan dengan pemikiran yang berlaku di Barat. Idea yang mereka bawa hanyalah ulang tayang dari senario yang berlaku di negara lain. Bezanya idea tersebut diterjemahkan dan dikembangkan di dalam Bahasa Melayu. Kumpulan Kassim Ahmad dilihat secara jelas terkesan dengan kaedah pemikiran yang di bawa oleh Dr. Rasyad Khalifa manakala kumpulan gelombang kedua pula sangat terkesan dengan tulisan Aidid Safar melalui karyanya “Mental

22 Sila lihat tolokminda.wordpress.com (bertarikh 24 Januari 2010, bertajuk Haji dan Umrah adalah Penyelidikan dan Pembangunan)

Bondage”. Malah laman web “Kaabah Itu Berhala” secara jelas hanya menterjemahkan buku yang ditulis oleh Aidid Safar itu sendiri.

Apa yang pasti idea yang dibawa bukanlah hasil cetusan pemikiran dan kajian mereka sendiri. Mereka hanya mengembangkan tulisan yang ada serta menghuraikan dalam olahan mereka sendiri. Kesannya apabila ditanya tentang sesuatu perkara, mereka terpaksa mengambil masa untuk menghuraikannya sebagai contoh kalimah Bayt Allah (Rumah Allah). Mereka menterjemahkan kalimah Bayt sebagai ”Sistem” dan bukan rumah. Apabila didatangkan ayat-ayat Al-Quran yang bertentangan dengan penafisan mereka, mereka dilihat hanya berkata mungkin belum sampai masanya untuk Allah memahamkan mereka tentang ayat tersebut.

B. Menjadikan internet sebagai medium utama

Selari dengan perkembangan semasa, internet adalah medium yang paling berkesan dalam menyampaikan pemikiran atau idea yang cuba diketengahkan. Malah, melalui internet kita tidak perlu takut untuk menyampaikan pandangan kita kerana masyarakat tidak mengenali penulis yang memberikan pandangan tersebut. Kumpulan generasi Kassim Ahmad dilihat berani dalam berhadapan dengan masyarakat. Mereka tidak menyembunyikan identiti mereka malah hasil pemilihan jawatankuasa dalam sesuatu mesyuarat juga ditampilkan di dalam blog peribadi mereka²³. Jelas disini tidak timbul soal takut mendedahkan identiti masing-masing.

Berbeza dengan kumpulan pertama, generasi kedua ini dilihat agak takut untuk menampilkan identiti mereka. Dalam kelima-lima laman web yang disebutkan di atas, tiada satu pun dikalangan mereka yang berani tampil memperkenalkan diri mereka pada masyarakat umum. Strategi ini dilihat bertujuan mengelakkan daripada berlaku perkara yang tidak diingini menimpa penulis blog tersebut. Mereka lebih gemar menonjolkan diri dengan nama samaran yang mereka pakai secara konsisten.

23 Sila lihat kassimahmad.blogspot (artikel bertarikh 18 April 2007, bertajuk Mesyuarat Agung Forum Iqra Yang keenam)

- Sambutan masyarakat terhadap pemikiran ini melalui internet
Setelah penelitian dijalankan terhadap beberapa laman web ini, kebanyakan laman web tersebut aktif dan sentiasa mengemaskini *entry* yang dipamerkan. Apa yang pasti laman web ini sudah mempunyai *regular customer* mereka. Komentar yang dihantar adalah konsisten dari pembaca yang sama. Hit komentar pula adalah bergantung kepada isu yang diketengahkan. Sekiranya isu yang ditimbulkan panas, maka komentarnya boleh mencecah kepada 400 komentar yang diterima. Ini menunjukkan ada interaksi di antara masyarakat dengan pemikiran yang dibawa. Cumanya, jika dibandingkan dengan blog-blog peribadi yang terkenal sambutan masyarakat tidak sehangat itu.

C. Penafsiran gelombang kedua ke arah konsep progresif

Sekiranya kita perhatikan dengan mendalam, kebanyakan penafsiran baru yang dicanangkan oleh gelombang kedua lebih kepada menjurus ke arah tafsiran pembangunan. Sebagai contoh haji dan umrah ditakrifkan sebagai penyelidikan dan pembangunan. Perkataan Safa dan Marwah pula diterjemahkan sebagai proses penyulingan dan kekuatan diri. Daripada asas ini, bolehlah disimpulkan bahawa penafsiran yang dibawa oleh kumpulan ini mestilah menjurus ke arah kemajuan dan ketamadunan moden. Identiti mereka ini dilihat seolah mengkagumi kemajuan barat dan cuba menyerapkan unsur moden di dalam metodologi penafsiran al-Quran.

Kumpulan ini juga cuba menterjemahkan al-Quran dengan tafsiran yang logik dan boleh diterima akal. Kisah yang pelik dan aneh juga seharusnya diterjemahkan dengan terjemahan yang mampu dimamah oleh akal. Maka tidak hairanlah sekiranya mereka menolak penafsiran ular Nabi Musa AS sebagai ular yang sebenar. Ular dalam kisah Nabi Musa AS ini ditafsirkan sebagai kata-kata atau hujah Nabi Musa AS yang membelit manakala tongkat pula ditafsirkan sebagai jalan yang lurus.²⁴

24 Sila lihat tolokminda.wordpress.com (artikel bertarikh 24 Januari 2010, bertajuk Haji dan Umrah adalah Proses Penyelidikan)

D. Pemikiran yang dibawa boleh menjerumus ke arah penolakan agama

Gelombang yang kedua dilihat sebagai agak radikal dengan amalan umat Islam pada hari ini. Mereka dilihat sebagai tidak menerima semua amalan umat Islam pada hari ini dan menganggap apa yang berlaku pada hari ini adalah konspirasi kabilah Arab untuk mengagungkan bangsa Arab itu sendiri. Semua amalan pada hari ini dilihat berkiblatkan Arab dan memberi keuntungan pada orang Arab. Pemikiran mereka ini dilihat seolah menolak sebahagian besar teras agama yang disepakati oleh ulama Islam. Mereka menampilkan contoh amalan haji yang dilakukan pada hari ini. Hampir berbilion keuntungan yang dikaut oleh negara tersebut. Tindakan ini dilihat sebagai konspirasi jahat yang hanya menguntungkan pihak tertentu dan bukan Islam.²⁵

E. Kaedah pemikiran yang berteraskan akal

Meletakkan akal diperingkat yang tertinggi adalah di antara ciri utama kumpulan ini. Tidak salah menggunakan akal dalam memikirkan kehendak kehidupan. Namun akal manusia adalah terbatas dalam memahami kehendak Ilahi. Akal juga seharusnya dibimbing dengan batasan yang ditentukan oleh Allah SWT. Terdapat bukti yang jelas di dalam al-Quran menunjukkan penguasaan akal manusia adalah terbatas. Sebagai contoh perbahasan soal roh. Perkara ini telah dijelaskan di dalam al-Quran sendiri yang menunjukkan kemampuan akal manusia adalah terbatas.

Kumpulan ini melihat golongan agama seolah kumpulan yang tidak berakal. Mereka hanya menerima bulat-bulat apa yang disampaikan kepada mereka tanpa memikirkan amalan yang mereka warisi itu. Kebencian mereka bertambah apabila golongan agama ini dilihat sebagai sering menghalang manusia daripada menggunakan akal dalam urusan agama dan dunia ini.²⁶

25 Sila lihat kaabahituberhala.blogspot.com

26 Sila lihat tolokmind.wordpress.com (artikel bertarikh 11 Januari 2010, bertajuk Kebergantungan Mutlak Kepada Ulama Mungkin Menyebabkan Kita Terus Ke Neraka) juga lama doktrinisasi.blogspot di dalam komentar-komentar mereka.

KESIMPULAN

Penyebaran pemikiran anti hadith tidak pernah jemu mewarnai dunia Islam. Setiap generasi manusia tidak terlepas daripada kewujudan kumpulan ini begitu juga di Malaysia. Kumpulan ini dilihat bergiat aktif menyebarkan pemikiran mereka melalui internet. Sambutan masyarakat pula dilihat masih lagi sedikit memandangkan kaedah penyampaian dan olahan sesetengah daripada mereka dilihat radikal dan agresif ketika menjawab pertanyaan. Kaedah terbaik berhadapan dengan kumpulan ini adalah melalui saluran akademik dan wacana ilmiah. Kumpulan ini seharusnya dibawa berbincang di dalam seminar yang membantu mengembangkan kefahaman terhadap Islam, al-Quran dan hadith.

RUJUKAN

- Abdul Rahman bin Yahya Al-Mu'allimi Al-Yamani. 1982. *Al-Anwar Al-Kasyifah*. Al-Matba'ah As-Salafiyyah.
- Prof Dr. Muhammad Abu Laith Al-Khair Abadi. 2005. *Ittijahat Fi Dirasat As-Sunnah Qadimuha wa Hadithuha*. Malaysia.
- Prof Dr. Muhammad Muhammad Abu Syahbah. 1989. *Difa' 'An As-Sunnah*. Kaherah: Maktabah As-Sunnah.
- Dr. Muhammad Abd Razzak. 1993. *Ittijahat Al-Mu'asarah Fi Dirasah As-Sunnah An-Nabawiyyah Fi Misr Wa Bilad As-Syam*. Damsyiq: Dar Al-Kalim At-Tayyib.
- Muhammad Luqman As-Salafi. 1989. *As-Sunnah Hujjiyyatuha wa Makanatuha Fi Al-Islam*. Madinah Munawwarah: Maktabah Al-Iman.
- Muhammad Said Mansur. 1993. *Manzilah As-Sunnah Min Al-Kitab wa Atharuha Fi Al-Furu' Al-Fiqhiyyah*. Kaherah: Maktabah Wahbah.
- Dr. Mustafa As-Sibaie. 2010. *As-Sunnah Wa Makanatuha Fi At-Tasyri' Al-Islami*. Beirut: Dar Al-Warraaq.
- Mohd Ali Haji Zainal. 2005. *Himpunan Fatwa Negeri Melaka (1986-2005)*, Melaka: Jabatan Agama Islam Melaka.
- Kassim Ahmad, 1996. *Hadith A Re-Evaluation* (Translated from the Malay original). Tucson, Arizona, USA: Monotheist Productions International. (Internet Version)

RUJUKAN ELEKTRONIK

1. www.tolokminda.wordpress.com
2. www.kassimahmad.blogspot.com
2. www.kaabahituberhala.blogdpot.com
3. www.tudungitusyirik.blogspot.com
4. www.e-mindakita.com
5. www.e-bacaan.com

HALAL LITERACY AMONG MALAYSIAN GEN-Y CONSUMERS

HASHANAH ISMAIL
HIFZA RAHIMAH IBRAHIM

ABSTRACT

This paper reports on an exploratory study based on an internet survey of Malaysian consumers residing in Malaysia and abroad on their level of Halal literacy. Based on constructed levels of literacy the study finds that despite being digitally literate, respondents indicate varying levels of Halal literacy with respect to source of authority for legitimate Halal logo, the due process of Halal certification, recognition of genuine Halal logo and the regulatory framework of Halal certification in Malaysia. The varying levels of literacy on Halal suggests a literacy gap which needs to be addressed otherwise it could put Muslim consumers at risk of consuming food perceived as Halal when it is not necessarily so.

Keywords: *Halal literacy, Halal certification, food quality, literacy gap, Gen Y*

Consumers today are spoilt for choice when purchasing food products as these products come in many forms and types. Modern day consumers however are far removed from the point of production of such foods that many do not know who the original producers and food manufacturers are and how the food is processed. Given this distance in space and information, there is a need for some level of assurance that food to be selected for purchase meets the needs of consumers in a manner that fits the consumers' preference. One way of communicating such assurance by producers and retailers is to label the food products so that a certain amount of information as to what the product is and how it was produced reduces the information asymmetry between consumers and producers and between consumers and distributors. The selection of which product to purchase is facilitated by labeling the products with brand names and branding gives not only an identity but also conveys certain messages about the product carrying the brand. To Muslim consumers, information on quality of food attains greater importance for assurance that food marketed meets the Islamic prescription that it is fit for consumption in accordance with Muslim dietary laws; hence the need to have such products labeled as Halal.

The significance of having Halal label on a product is to differentiate what is permissible from what is forbidden according to Islamic principles. Other than being a quality mark, it is also a symbol of trust to the Muslim consumers. In Malaysia, producers are not obliged to put the Halal label on their products. The Halal label on a product is evidence that the product has undergone a certification process by the appropriate authority and has met the necessary standards of food quality benchmark. Past studies have shown that Halal is universal, and the Halal process is recognized by both Muslim and non Muslim consumers as a symbol of quality, safety and wholesomeness (Riaz, 2007, Jafri, 2006 and Norlia, 2008). The consumption of Halal branded products is part of a Muslim lifestyle to buy food for a righteous life and not just for satisfying the basic need for food only (Alserhan, 2010). In this way a Muslim consumes such food with the intention of doing a good deed as well.

Since the Halal label enables Muslims to make choices leading to a righteous life, it behooves all Muslims to be literate about the Halal label. Anecdotal evidence shows that Malaysian Muslim consumers are also at risk become of rampant fraudulent Halal labels on basic food products. The issue of fraudulent Halal labels could be attributed to the lack of regulatory enforcement as well as low Halal literacy amongst consumers. (Hifza and Zhafran, 2010). Studies on literacy have shown that the level of consumer literacy can affect the usefulness of the label (Viswanathan et al. 2009). Reports also indicate rampant disregard or abuse of the Halal logo. (Utusan, 2010). Given the importance of Halal labeling how literate are Malaysian consumers about the Halal label? It is the objective of this paper to carry out an exploratory study on the Halal literacy level of Malaysian consumers and the factors associated with Halal literacy. The results of the study will be useful to the issuers of Halal certificates as the information asymmetry may indicate a need for better consumer education. Literacy is important because low levels of literacy simply means Muslim consumers cannot function as good Muslims and are deprived of a chance to live a life of good deeds. Inability to perform will leave Muslim consumers in a position of vulnerability within the market as well as their spiritual well being.

BACKGROUND STUDY AND PRIOR RESEARCH

Halal products are fast gaining worldwide recognition as a new benchmark for safety and quality assurance. Products that are produced with Halal certification are readily acceptable by Muslim consumers as well as consumers from other religions. In Malaysia's Third National Agricultural Policy (1998-2010), the government has emphasized on developing Malaysia as an International Halal Food Hub. In line with this vision, Halal standard is established and it will be utilized by the appointed Halal certification body, which is the Department of Islamic Development Malaysia (JAKIM). This broad base system is not only limited to meat, poultry and frozen foods but also includes other consumer products as well including cosmetics, confectionaries as well as pharmaceutical products.

Consumer perception of food quality is basically an individual phenomenon, which may be affected by personal and situational characteristics, and that are often based on incomplete information (Holm and Kildevang, 1996). The complexity of the choices made by the consumer is increasing. Consumer researchers report that as individual's age, they limit the amount of information obtained prior to choice (Beatty and Smith 1987; Cole and Balasubramanian 1993). Nayga, Lipinski, and Savur (1998) found that individuals with some college education were more likely to use nutrition labels to compare brands. This result confirms that of Wang, Fletcher, and Carley (1995). Thus, those with higher education may be more sceptical of the conflicting information on the label (e.g., the claim and the disclaimer) and more likely to bias their beliefs downward.

Earlier, tradition played a major role in determining the composition of the diet and for the great majority of the population the purchasing power was rather limited. The same scenario applies to the Muslims as well. In the past, Muslims simply avoided foods that did not meet their dietary standards. Nowadays, Muslims are making their presence felt socially and politically and are requesting Halal labelled food products (Riaz and Chaudry, 2004). As Muslims become Halal sensitive, the demand for the availability of a wider range of Halal food and non-food products will expand to the market beyond the current level (Trade Mart, 2005). The concept of confidence in inference-making is thus strongly linked to knowledge and expertise of the consumer (Selnse and Troye, 1989).

Modernization and exposure to different kinds of foods and culture especially in the urban area creates greater demand on the Halal certification on various food products. The quality standard will further increase the public confidence in purchasing Halal certified product. Orriss and Whitehead (2000), shows that the globalization of food trade has focused its attention on strengthening measures taken to ensure quality and safety especially on imported foods. However, consumers should also be able to play active roles in the development of food standards which are justifiable as they are the only ones who understand their own needs best (Mohammad

2004b). Wansink (2003) found that when a short disease claim on the front of a package label was accompanied by a longer claim on the back label, the consumer's ability to process the claim was increased.

Huyghebaert (1991) concluded that the food system needs more transparency is clearly relevant in this connection. The challenge is to bring the message to the consumer. Unusan(2007) found a significant difference among the education levels concerning attitude towards food safety and knowledge. Similarly, the understanding of Halal certification on a product itself may give different meaning to different consumers even among Muslims. Many food buying decisions may not involve a lot of conscious thought at all, but may be guided by a strong component of automatic, unconscious information processing (Grunert, 1996; Aarts and Dijksterhuis, 2000; Adaval and Monroe, 2002).

Kleinnijenhuis and van Hoof (2006) stated that, "From the point of view of the government, public information provision is the key to open the gateways to the general public...Satisfaction with the information on government policies is nevertheless one of the least studied variables in political communication" (p.3) There is ample evidence that consumers misinterpret their meaning or make inferences that go far beyond what the label was intended to communicate. (Parkinson, 1975; Beltramini and Stafford, 1993; Verbeke and Viaene, 1999; Juhl et al., 2000) Responses to information may also be contingent on the extent to which consumers trust information sources providing the information, although this relationship is less well understood (Eiser *et al.*, 2002).

At this point, Halal labeling is not simply about attaching accurate symbol to food products, but involve the provision of a reliable guarantee concerning the quality, provenance and safety of food. Many food buying decisions may not involve a lot of conscious thought at all, but may be guided by a strong component of automatic, unconscious information processing(Grunert, 1996; Aarts and Dijksterhuis, 2000; Adaval and Monroe, 2002).

METHOD

Data for this study was collected using a questionnaire disseminated to both Muslim and non-Muslim Malaysians living in Malaysia and residing abroad. The questionnaire was sent via the internet as these respondents have e-mail addresses and are linked to information digitally making them technically savvy and digitally literate. Literacy is conceptualized as involving understanding (knowledge of Halal label, certification process and logo legitimacy) and use (to conclude a product is Halal or not). Kirsch et al (2001) see literacy as using printed and written information to function in society and to achieve one's goal. Following Kirsch et al. (2001) this study uses forms of prose (written information on labels and picture (logo) to operationalise literacy. Based on literacy studies in other areas such as financial (Huston, 2010), digital (Oakleaf, 2009) and health literacy (Baker, 2006), Halal literacy is defined in this study as to how well an individual can understand and use Halal certification information for consumer decision making. Past studies show that knowledge alone is not literacy but must have application and confidence to make purchasing decisions. Halal literacy in this study is captured along several dimensions relating to content, process, regulatory framework, recognition of correct logo. The questionnaire also sought some background demographic details of respondents as this study is at an exploratory stage.

RESULTS AND DISCUSSION

A total of 108 responded to the online survey. The respondents are Malaysians residing locally as well as overseas in Australia, New Zealand, Canada, United States and United Kingdom.

1. Age

Slightly more than half of respondents (58%) are female whilst 42% are male. 63% of respondents are above 26 years old and the rest are either below 26 or slightly more going into the 30's. This survey has

therefore captured a very important market segment, that of the Gen Y generation whose distinctive feature is that this generation is the most technically digital literate and technologically savvy generation (The Star, 24/10/2009).

2. Education

As a predominantly young age group, the majority have tertiary education of at least a Diploma with some holding a doctorate. Thus they can be described as highly educated (literate) and have spending power. Lee (2010) considers the Gen Y market segment as an IT savvy generation who can be reached out via networking websites for brand positioning. Gen Y's are defined as millennials born in and after 1980 and make up 40% of the work force in Malaysia. 92% of respondents are Muslims.

3. Food concern

Almost all respondents expressed concern with the food that they consume (99%). Respondents ranked the following as the important factors in making food purchases. Although Halal label is important, respondents ranked the expiry date of food as the most important factor when making food purchase. Branding and packaging are the least important factors. This suggests that with the Gen Y market segment, they are willing to expend effort to assess food freshness and are able to decode expiry period of food.

Factor	Rank
Expiry date	1
Halal label	2
Ingredients	3
Price	4
Brand	5
Packaging	6
Others	

Table 1: Ranking of factors affecting purchase

4. Halal label

Although in Table 1 respondents indicate that Halal label ranked second, only 93 % indicate that there is a difference between a Halal certified food product and one without such a label. However when it comes to detailing what Halal food actually means, very few said it was about total food quality but relatively more indicate it as specific to not containing prohibited ingredients such as pork and alcohol content without relating to process.

On a five point scale (1 highly agree to 5 being highly disagree), 30% do not think that Halal labeled food is quality assured and therefore safe for consumption. Doubts on the credibility of the Halal label is apparent and 25% still do not trust Halal- labeled food feel that they have low confidence that food labeled as Halal is quality assured. Among products which should be Halal certified, food ranks as first followed closely by cosmetics and pharmaceuticals and finance products.

5. Dimensions of Halal literacy

Based on prior literacy studies, Razman et al (2005), Eriksen and Fallan (1996) literacy is measured along several dimensions of knowledge and recognition. Specific knowledge refers to knowledge on Halal laws and regulation, process of certification, scope of products and services. Results of the study as shown in Table 2 indicate that respondents prefer JAKIM as the issuer of Halal label. 78% see JAKIM as synonymous as the authority for Halal certification matters and other government agencies are not highly favoured. JAKIM has a high brand recognition and respondents think only JAKIM can issue such certificates. Very few are able to cite other agencies involved in the certification process.

Labels are important symbols and respondents were asked to identify the right Halal logo. The recognition test shows 51% unsure of the right logos and whether there is only one permissible logo or more. This information gap could affect the credibility of Halal branded goods. When asked where can complaints be lodged in cases of false

labeling 13% are unsure although 51% state JAKIM is the right avenue to do so.

65% are not aware that there is such a limitation on the validity period of the Halal logo and procedures behind getting a Halal certification. This lack of awareness needs to be addressed. Respondents perceive Halal as a symbol of trust and safe for consumption rather than being perceived as a total food quality assurance.

Another explanation on the inadequate level of literacy pertaining to Halal is that the respondents do not know the validity period of a Halal label. Most of the respondents perceived that once a Halal label is being issued, it does not have a validity period. Halal is more than just merely pork and alcohol issues. The togetherness of Halal and Thayyiban emphasized the importance of understanding and awareness on Halal matters. It is not applicable to food alone although this paper only focuses on the food sector. Knowledge on Halal comes in for both Muslims and non Muslims to understand that it is more than just a religious obligation.

The respondents are aware that Halal is not applicable to just food only as from their responses. It is shown that Halal certification should be made compulsory to other sectors such as pharmaceutical, cosmetics, insurance, banking, logistics and even toiletries for that matter. Fifty eight percent of the total respondents do not agree that any Halal label is trustworthy. From the feedback, it can be said that consumers have an element of awareness on Halal matters. However higher level of awareness as well as in depth literacy pertaining to Halal needs to be addressed to make sure that consumers understand what it really means. By having the knowledge and high awareness on Halal, the issues on fraudulent Halal labeling could be reduced. Consumers will be aware once they enter an eatery or even before purchasing a product which is merely looking beyond the logo itself. The levels of Halal literacy among digitally literate consumers are varied as summarized in Table 2 below:

HALAL Literacy component	% literacy level
Not limited to just food	98
Not limited to just ingredients	80
Recognition of right logo	50
Awareness of how many legitimate logos	50
Existence of validity period for Halal certificates	30
The processes involved in certification	20
Know where and who to complain	40
Halal is a symbol of food quality	14.6

Table 2: Dimensions of Halal literacy

CONCLUSION

This study reports on level of Halal literacy among digitally literate Malaysian Gen Y consumers. Although the consumers are a highly educated group with ability to source for information at their finger tips, the level of Halal literacy varies. Almost all respondents are concerned about food quality but only 20% considered Halal label as important in purchasing food followed by its expiry date. The understanding of Halal also indicates only 15% think is synonymous with quality but relatively higher perceive it as specific to ingredients related only rather than a holistic view of the Halal certification process. JAKIM appears to be the most visible and preferred issuer of Halal certifications. Despite being able to source for information, respondents express uncertainty on the genuineness/authenticity of Halal labels and its legitimate issuer. There is uncertainty on number of legitimate logos. This study is restricted to a very highly segmented group who is future family heads with consumer power and highly educated. The apparent literacy in Halal gap may affect their ability to function as an effective Muslim consumer.

REFERENCES

- Aarts, Henk., and Dijksterhuis Ap. 2000. Habits as knowledge structures: automaticity in goal-directed behavior. *Journal of Personality and Social Psychology*, 78 (1):53-63.
- Adaval, Rashmi., and Kent B. Monroe. 2002. Automatic Construction and Use of Contextual Information for Product and Price Evaluations. *Journal of Consumer Research*, 28 (March): 572-588.
- Alserhan, Baker A.2010.On Islamic branding: brands as good deeds. *Journal of Islamic Marketing*,1(2):101-106.
- Baker, David W. 2006. The meaning and measure of Health literacy.*Journal of General Internal Medicine*,21(8):878-883.
- Beatty, Sharon E. and Smith, Scott M. 1987. External Search Effort: An Investigation Across Several Product Categories.*Journal of Consumer Research*, 14(June): 83-95.
- Beltramini, Richard.,F. and Stafford, Edwin R. 1993. Comprehension and Perceived Believability of Seals of Approval Information in Advertising. *Journal of Advertising*, 22 (3) : 3-13
- Cole, Catherine A., and Balasubramaniam, Siva K. 1993. Age differences in consumers' search for information: Public policy implications. *The Journal of Consumer Research*, 20(1):157-169.
- Eiser, Richard J, Miles, Susan. and Frewer, Lynn J. 2002.“Trust, perceived risk, and attitude towards food technologies”.*Journal of Applied Social Psychology*, 32 (11): 2423-2433.
- Eriksen, Knut and Fallan, Lars. 1996. Tax knowledge and attitudes towards taxation; A report on a quasi-experiment. *Journal of Economic Psychology*, 17 (3): 387 – 402.
- Grunert, Klaus, G. 1996.Automatic and strategic processes in advertising effects.*Journal of Marketing*,60(4): 88-101.

Grunert, Klaus, G. 2005. Food Quality and Safety: Consumer Perception and Demand.

European Review of Agricultural Economics, 32 (3): 369-391.

Hifza Rahimah I., and Mohd Zhafran Helmi M. 2010. Fraudulent quality labeling: Case of Halal labeling. *China-USA Business Review*. 9 (9) : 41 – 46.

Holm, Lotte. and Kildevang, Helle. 1996. Consumers' view on food quality- a qualitative interview study. *Appetite*, 27 (1) : 1-14.

Huston, Sandra J. 2010. Measuring Financial Literacy. *The Journal of Consumer Affairs*, 44(2): 296-316.

Huyghebaert, Andre. 1991. Trends in the perception of food quality by the consumer- his expectations and needs. *Food policy in Europe, Nutrition, Technology, Analysis and Safety*.

Jafri Abdullah. 2006. Malaysia Hub Pengeluaran Produk Halal: Potensi dan Cabaran. *J. Halal*, 1:27-37.

Juhl, Hans J., Kristensen, Kai., Kanji, Gopal K. and Batley, Tom W. 2000. Quality Management: A Comparison of Cultural Differences. *Total Quality Management*, 11 (1): 57-65.

Kirsch, Irwin., Yamamoto Kentaro and Norris Norma. 2001. National Adult literacy survey NCES 2001-2457. *Washington DC. US Dept of Education*.

Kleinnijenhuis, Jan. and van Hoof Anita. 2006. Media coverage of government policies and public satisfaction with information provision and policy results. *Paper presented at the 56th Annual Conference of the International Communication Association, Dresden, Germany*.

Malaysia Third National Agricultural Policy 2010. www.standardsmalaysia.gov.my/v2.

Mohammad A. Shukor. 2004b. The Importance of Standards to the Food Industry in Meeting the Challenges of Globalization. *Policy and Development: The Multi-Disciplinary*

Bulletin Focusing on Managing and Development and Perspectives on National Issues.

INTAN, (1) June: 123-129.

Nayga Jr. Radolfo M., Lipinski Daria and Savur Nitin. 1998. Consumers' Use of Nutritional Labels While Food Shopping and At Home. *The Journal of Consumer Affairs*, 32(1): 106-120.

Norlia Musa. 2008. Innovation and Competitiveness through Halal Certification. 13th International Conference on ISO9000 and TQM, Subang Kuala Lumpur, 24-26 March 2008. Paper number 03-08.

Oakleaf, Megan. 2009. Using rubrics to assess information literacy : An examination of methodology and interrater reliability. *Journal of American Society for Information Science and Technology*, 60 (5):969-983.

Orriss, Gregory D. and Whitehead, Anthony J. 2000. Hazard analysis and critical control point (HACCP) as a part of an overall quality assurance system in international food trade. *Food Control*, 11(5) : 345-351.

Parkinson, Thomas L. 1975. The role of seals and certifications of approval in consumer decision- making. *Journal of Consumer Affairs*, 9 (1):1-14.

Riaz, Mian N. and Chaudry Muhammad. M. 2004. Halal food production. *CRC Press*: 1-348.

Riaz, Mian N. 2007. Halal food production for the cereal industry and the Halal certification process. *Cereal Foods World*, 52: 192-195.

Selnes, Fred., and Troye, Sigurd V. 1989. Buying expertise, information search, and problem solving. *Journal of Economic Psychology*, 10 (3):411-428.

Lee, S. 2010. The Star: Gen Y and technically savvy. <http://thestar.com.my/>.

Trade Mart: A Malaysia External Trade Development Corporation (MATRADE) Publication for Malaysian Exporter. *The Global Halal Market: Untapped*, December 2004 – January 2005: 9-10.

- Unusan, Nurhan. 2007. Consumer food safety knowledge and practices in the home in Turkey. *Food Control*, 18(1): 45-51.
- Utusan Malaysia. 2010. *Isu Halal logo tiada kesudahan*.
- Verbeke, Wim., and Viaene Jacques. 1999a. Beliefs, attitude and behavior towards fresh meat consumption in Belgium: empirical evidence from a consumer survey. *Food Quality and Preferences*, 10 (6): 437-445.
- Viswanathan, Madhu., Hastak Manoj, and Gau Roland. 2009. Understanding and facilitating the usage of nutritional labels by low-literate consumers. *Journal of Public Policy & Marketing*, 28(2): 135-145.
- Wang, Guijing., Fletcher, Stanley M., and Carley, Dale H. 1995. Consumer utilization of food labeling as a source of nutrition information. *The Journal of Consumer Affairs*, 29(2): 368-380.
- Wansink, Brian. 2003. How do front and back package labels influence beliefs about health claims. *The Journal of Consumer Affairs*, 37(2): 305-316.

AN-NAWAWI'S ROLE IN THE CODIFICATION OF THE SHAFIITE GUILD

NURUL HAQ

ABSTRAK

Adalah amat penting bagi seseorang Muslim bermazhab Shafie yang mempelopori wilayah Asia Tenggara untuk mengetahui secara mendalam segala aspek Syariah yang telah diwajibkan oleh Islam untuk dipatuhi umatnya. Tetapi dalam abad ke-21 ini, kita sering keliru, bingung dan tidak mengetahui asal-usul dan segala cabang berkenaan undang-undang Syariah dan Furu' fekah yang kita cuba ikuti selama ini sebagai suatu perkara yang difardukan Allah. Dalam Mazhab Shafie misalnya, wujud pelbagai pandangan ulama' yang berbeza [Wujud]. Kesukaran bagi orang awam dalam hal ini ialah menentukan pendapat yang muktamad. Imam Shafie sendiri, dalam beberapa tempat berbeza mempunyai pelbagai pendapat dalam isu yang sama, manakala ulama mazhab Shafie yang awal juga berbeza pendapat [Aqwal] dikalangan mereka. Perkara ini menjadi lebih keruh dengan pertikaman lidah sesama ulama muttakhir mazhab Shafie dalam sesuatu perkara. Pendapat siapa yang diambil kira? Pendapat siapa yang diterima-pakai? Makalah ringkas lagi padat ini mengenal-pasti kedudukan Imam Nawawi sebagai pemberi kata-putus dalam menyatakan pendapat yang muktamad bagi mazhab Shafie, sekaligus menuntunan

pegangan yang wajib diikuti dalam sesuatu isu apabila timbulnya perselisihan pendapat dikalangan ulama muttakhir mazhab Shafie.

ABSTRACT

It is necessary for a Muslim who is traditionally an adherent of the Shafiite Guild living in the home ground of the Shafiite family of Muslims in the South East Asian region to know and understand all aspects of the Sharia code of honour, which his religion Islam makes mandatory for him to follow. But in this 21st Century, such a person remains utterly perplexed, confused and quite unaware of the origins, the content, the tradition and the circumstances of this meritorious code of honour, which he anxiously desires to follow as a duty imposed by God. In the Shafiite Guild, there exists a plethora of early scholarly views [Wujuh], the only difficulty is determining the canonical position. Imam Ash-Shafie [150 – 204 H] himself is known to have held multiple positions [Aqwal] at different times on the same issue, and the early Shafiite authorities differed greatly among themselves. This phenomenon is further exacerbated by the conflicting opinions of later Shafiite scholars about a single subject, leaving one in a state of bewilderment; Whose opinion counts? Whose view matters? This brief yet comprehensive treatise identifies Imam Nawawi's primary role as the central-authority of the Shafiite Guild in addressing the intraguild-antagonism between Shafiite scholars on many issues, thus defining the authoritative position for the entire late Shafiite Guild.

CODIFICATION OF THE SHAFIIE GUILD

Imam Ash-Shafie founded his Guild or School of Thought on some principal treatises, the renowned *Risala*, which was the principles of jurisprudence dealing with Islamic Law, *al-Amali*, *Imla' Kabir* which is among his Iraqi treatises, *Imla' Saghir*, *Kitab al-Hujja* which is the compendium of his

decretals given in Baghdad and the magnum opus *al-Umm*, a veritable source tome of Law. These major works show how Ash-Shafiie derived his teachings from the Quran and Sunna for transmission to his disciples. The principles of his Guild were later flourished in other definitive tomes like the *Mukhtasar* penned by his immediate disciples, namely al-Muzani, al-Buwayti and Harmala. Ash-Shafiie was like other autocephalous Fiqh authorities, being that his analysis of a single issue would change, so he would declare something, then his *Ijtihad* would change regarding it, so he would contradict what he had earlier opined. Ash-Shafiie became known for what is referred to as his *Qawl Qadim* or Quondam Guild that represents his juristic opinions while he was in Iraq – prior to his arrival in Egypt before 199 Hegira and his *Qawl Jadid* or the Latter-Day Guild which represents his opinions after his arrival in Egypt until his demise in 204 Hegira. His opinion would also change within the *Qawl Jadid*, so he would hold two opinions [*Aqwal*] there as well.

It is thus evident to anyone who has been exposed to various fields of study that every field expands with each epoch, its maxims become more established, its issues become further codified, and because of what GOD bequeathed each person with in terms of individual strengths and weaknesses in insight and perception, the differences of opinion among the subject's researchers increase. This is the case with *Fiqh*, our Guild, and the jurisprudence of our Shafiite scholars. If we proceed to the disciples of Ash-Shafiie, we discover a similar situation, yet more so, because if a single person changes his view on a particular subject, how so with more than one person? And this continues on, for in every epoch, differences of opinion and new exigencies emerge. Moreover, religious scholars also emerge whose coevals and those after them unanimously agreed as being the most capable at revising the Guild and determining the strong positions. Thus, these religious scholars are followed in their arbitrament. Among such early Shafiite figures were the two notable authorities [*Ashab al-Wujuh*], Abu Hamid Al-Isfarayini [d. 406 H] who gained reknown as *Sheikhul-Tariqa Al-Iraqiyya* and Al-Qaffal As-Saghir [d. 417 H] who was nicknamed *Sheikhul-Tariqa Al-Khurasaniyya*. The leadership of the Guild rested with them and

our scholars followed them in their precept of determining the Guild's canonical positions. The former's acolytes founded the Khurasani Rite [*Tariqa*] while the followers of the latter established the Iraqi Rite [*Tariqa*]. After these two authorities, came the assessors who combined between both rites and gave preponderance [*Tarjih*] to what they viewed as more aligned with the principles of Ash-Shafie.

Among such assessors were Imam al-Haramayn, al-Ghazali, ar-Ruyani, Ibn as-Sabbagh and others. Their tomes are widely known and recognised. These assessors eased the way and brought nearer for late scholars the knowledge of opinions and justifications, as well as the sound and the unsound. However, like the authorities before them, they differed in their preponderance [*Tarjih*] between the Khurasanis and the Iraqis. In addition, these assessors had to deal with a vast array of doctrine formulated by the *Ashab al-Wujuh*, those authorities who, as we have seen, formulated opinions by way of *Takhrij*. As seen earlier, the Shafiites had more than one venue for transmitting the doctrines of both Ash-Shafie and the *Ashab al-Wujuh*. In this case, there were two, which came to be known as *Turuq* [plural of *Tariqa*] or *Rites*. Differences between the two rites were serious and often highly contentious.

It is apparent from the foregoing that differences of opinions may and did occur at each era of those scholars; in the deductions of the *Ashab al-Wujuh* and their *Ijtihad* within the general methodological principles of the Guild, in judging one position of the Imam to be sounder than another of his positions, or in judging one position's channel of transmission to be sounder than the other; all of which take place according to the evidence available to the particular scholar and the scholar's comprehension of the Founder Imam's nomenclature.

The situation was in need of the authorities who would further pore over and revise the subjects, so the main endeavour of those who came after the aforementioned scholars was centred on their tomes, particularly the Tetrarch of Al-Ghazali: *al-Wajiz*, *al-Khulasa*, *al-Basit* & *al-Wasit*, which are the abridgements of Imam Al-Haramayn's *corpus juris canonici* - *Nihayat al-Matlab*. This is because Al-Ghazali garnered in them what

Imam Al-Haramayn gathered directly from the books of Ash-Shafiie and his disciples. Later scholars thus engrossed themselves in those books, sometimes abridging them and sometimes expatiating upon them. Between these two scenarios, those who expatiated and abridged would differ among themselves until the matter fell before the Guild's Chief Assessor [*Sahib At-Tarjih*], Imam Abul-Qasim Ar-Rafiie [d. 623 H]. He engrossed himself in the tomes Al-Ghazali and other illustrious scholars, perused them intently, organising their details, revising their primaries and secondaries, cogent evidence, and justifications. This is particularly the case in his scholia of *al-Wajiz*, commonly known as *Sharh Al-Kabir* which proved to be cosmically beneficial to later scholars. Late scholars concurred that Ar-Rafiie stood unmatched among his coevals who were qualified to undertake the laborious tasks of combing through and sieving the tomes of Shafiite authorities and judging the sound from the unsound.

IMAM NAWAWI - HIS CENTRAL ROLE AND STATURE

The legacy of Ar-Rafiie was continued by the Chief Assessor, bar none – Imam Abu Zakariyya Yahya An-Nawawi [d. 676 H], a prolific scholar of Syrian origin. He rigorously applied himself to the books of Ar-Rafiie and the scholars before him. He pored intently over those books, analysing and revising them in order to ascertain the Guild's reliable position. An-Nawawi was steeped to repletion in the religious sciences, *Tafsir*, *Hadith*, *Fiqh* and the Fundamentals of Islamic Law, towering above his coevals in meticulous research, analysis and in-depth application of the *Sharia*. This was the scholar who had brought together the diverse paths of the tradition and had refined the definition of the Guild. He verified all the positions brought forth and he summarised *Sharh Al-Kabir* in *Rawdhah* and expounded a large part of Abu Ishaq Shirazi's *Muhazzab* in the *Majmu'*. With An-Nawawi and Ar-Rafiie, we find that both of them lived at a time when the Guild had witnessed substantial growth through the development of scholarly opinions [*Wujuh*] in the Two Rites. In addition, the existing corpus of the Guild [both *Aqwal* and *Wujuh*] had been duly codified in the

works of celebrated authorities like Abu Ishaq Shirazi in the Iraqi Rite and Abu Hamid Al-Ghazali in the Khurasani Rite. Seeing as the dawn of the 6th century saw both maturation and codification, all that remained to be done was *Tarjih*, and in the next century the ones who stepped up to this arduous task were Ar-Rafiie and An-Nawawi.

As it has been stressed earlier, the role of Ar-Rafiie and An-Nawawi in the Shafiite Guild was to act as the central-authority in sifting through and re-evaluating the various conflicting opinions of the preceding Shafites in order to determine the Guild's canonical position. It is an established rule among the late authorities of the Shafiie Guild that the official, relied-upon position of the Guild is whatever is determined as such by these Two Specialists [An-Nawawi & Rafiie], even if other scholars disagree with them, no matter how high the rank of these dissenting scholars may be. Whenever Ar-Rafiie and An-Nawawi disagree, precedence is given to the recensions of An-Nawawi. Due to their central-role in the Shafiie Guild, the authorities who came after An-Nawawi and Ar-Rafiie styled them both as "The Two Chiefs" [*Ash-Shaykhayn*]. Late authorities however, concurred regarding An-Nawawi's irrefutable merit, his qualifications in fulfilling the laborious tasks of *Tarjih*, and that he is worthier of being followed than others with respect to identifying the Guild's canonical position where disagreements exist. They even gave him precedence over Ar-Rafiie by virtue of his exacting verification of the Guild's official stance, verifying what could be rigorously authenticated as the actual position of Ash-Shafiie and of the scholar it was attributed to, and what could not be. The works and positions of the Guild have thus achieved safety from textual corruption and later scholars have been able to distinguish the genuine from the weak, apocryphal or even aberrant positions by An-Nawawi's exhaustive efforts.

An-Nawawi was thus elevated to the status of First Among Equals (*Primus Inter Pares*), a clear indication of his primacy over the scholars sharing the same rank or office. This is because of what our later scholars have dictated; that whatever An-Nawawi redacts in the Guild of our Imam Ash-Shafiie is the position depended on for *Fatawa*, unless the late scholars unanimously concur that he lapsed into forgetfulness or

error, as they defined. This rule, however, has for the most part remained restricted to the realm of theory¹. Furthermore, the Guild has remained in this way. The contemporaries of the Two Chiefs and those who came after them were not rookie jurists or Fiqh novices. Rather, they were among the pillars of knowledge in whose motleyed and exacting works, the world shines. And even so, they acknowledged this prerogative that Allah bestowed upon these Two.

The Two Chiefs possess the totality of legislative, executive, and judicial power in their *Tarjih*. Nevertheless, their exclusive right in terms of relying upon their conclusion and giving them precedence over others did not prevent the authorities who attained the rank of autonomous *Ijtihad*, such as As-Subki, As-Suyuti *et al* from arriving at different conclusions than them, as is the obvious reality with the books of later Shafiite scholars. However, what is prohibited is for a religious scholar to give a legal verdict in the Shafiite Guild according to other than what the Two Chiefs or An-Nawawi alone considered reliable while regarding it to be the canonical position of the Guild. This is what the late scholars have concurred upon as being forbidden.²

Something that demonstrates the extent of the reliance of late scholars upon the verdicts of the Two Chiefs is that when Al-Isnawi [who was one of the most critical of Shafiite scholars regarding the verdicts of the Two Chiefs] was asked, he would issue legal verdicts from *Rawdhah* of Nawawi, even though he criticised it in his book, *Al-Muhammad*. Ash-Shihab Ibn Hajar says: “Others whom we have seen were also like this, pursuing criticisms of the Two Chiefs, but when issuing decretals, only doing so according to what the Two proposed. And this is what is correct, so no one may now act to the contrary.”³ Imam Ash-Sha’rani quotes the polymath, Jalaluddin As-Suyuti in his biography as saying: “When I reached the rank of *Tarjih*, I did not pronounce decretals according to other than the conclusions of Nawawi, even when I considered other than them as preponderant.”⁴

1 Ibn Hajar Al-Haytami, *Tuhfah Al-Muhtaj*, Vol. 1, pg. 39.

2 Ibn Hajar Al-Haytami, *Al-Fatawa Al-Fiqhiyyah Al-Kubra*, Vol. 3, pg. 324

3 Ibn Hajar Al-Haytami, *Al-Fatawa Al-Fiqhiyyah Al-Kubra*, Vol. 3, pg. 324

4 ‘Abdul-Wahhab Ibn Ahmad Ash-Sha’rani. *Tabaqat As-Sughra*, page 16.

The compliance of the aforementioned authorities to the legal verdicts of An-Nawawi when issuing *Fatawa* for the Shafie Guild instantiates the fact that An-Nawawi is indeed the perpetual and visible source and foundation of the unity both of the scholars and of the whole company of the Shafite adherents.

ASH-SHAYKHYAN: EXAMPLES OF THEIR STATURE & NAWAWI'S PRIMACY

a. Beard Trimming and Shaving:

The ruling of shaving or trimming the beard has caused confusion among many, scholars and laymen alike. This could be due to the reason that the Shaffite scholars have differed among themselves concerning it. A group authorities like Al-Qaffal As-Saghir, Ibn Rifa'ah, al-Halimi and Azra'ie were of the opinion that shaving or trimming the beard is categorically forbidden.⁵ Some even quoted Ash-Shafie's magnum opus, *Al-Umm* to substantiate their claim. Despite all of the above, the Two Chief Assessors [*Ashab Al-Tarjih*] of the Shafie Guild, Ar-Rafie and An-Nawawi in accordance with the position of Al-Ghazali, have ruled that to keep a full beard is merely recommended, not obligatory, and that it is neither unlawful to shave it nor to trim it, even when this is done without an excuse. It is, however, disliked [*Makruh*] to trim or shave the beard as it contravenes the Prophetic command to grow a full beard.⁶ As for the arguments that Ash-Shafie himself said in *al-Umm* that it is prohibited to trim the beard let alone shaving it, Ibn Hajar clarifies that this is insufficient proof to put forward this position as the canonical position of the Shafie Guild. Imam Ash-Shafie is known to have held multiple positions at different time on the same issue, and as stated earlier, the early Shafite authorities differed greatly among themselves.

5 Sirajuddin Abu Hafs Ibn Al-Mulaqqin. *I'lam Bi Fawa'id Umdah Al-Ahkam*. Vol. 1, pg. 711-712.

6 Ash-Shihab Ahmad Ar-Ramli. *Fatawa Ar-Ramli*, pg. 569

Determining the canonical position of the Guild is not as easy as citing a single reference; rather, one needs to have complete knowledge and mastery of all of the statements and positions of the Founder and the early scholars. An-Nawawi, like Ar-Rafiie before him, traced the evidence and hermeneutics employed by Ash-Shafiie. An-Nawawi and Ar-Rafiie both had this knowledge; most of those who objected to them did not. Moreover, both of them reproduced it, and both improved on it. Authorities who came after the Two Chiefs held that the only way to understand the works of the Shafiite scholars who came before these Two Chiefs [including the word of Ash-Shafiie himself] is through the books of these Two Chiefs themselves, who had perused and understood what all the Shafiites before them had said, and then strived with this knowledge to determine the Guild's canonical position. If we find a solitary quote from one of Ash-Shafiie's works that goes against the Two Chiefs' conclusion, then, in all likelihood, they were aware of the quote but held a contrary position because it is weak or because it is an extension of a weak position.⁷ In reality, the qualified experts on *al-Umm* and the *Mulhaqat* [the appendices or supplementary materials accompanying *al-Umm*] no longer exist today. As a matter of fact, after the rigorous mining executed by our *Ashab At-Tarjih*, there was no longer any reason for later authorities and even behemoths from among the Guild's Leading Examiners [*Ashab An-Nuzzar*], such as Ar-Ramli and Ibn Hajar Al-Haytami, to refer to them. This is why when Ibn Hajar discusses the positions of those who held shaving the beard to be unlawful, he does not even deem it necessary to verify what *al-Umm* says.

Rather, he simply says that the alleged excerpt from *al-Umm* should either be interpreted in other than its immediately obvious sense, or, if that's not possible, then it is simply contrary to the canonical position of the Shafiite Guild.⁸ Thus, it will be immediately understood from this that the recension of Ar-Rafiie and An-Nawawi is the canonical,

7 Ibn Hajar Al-Haytami. *Tuhfah Al-Muhtaj*. Vol.9, pg. 376

8 Ibid., op.cit

relied-upon position of the Guild and that the Shafiite scholars who hold dissenting opinions are simply to be ignored .⁹

b. Filthiness of Dogs:

An-Nawawi's primacy over Ar-Rafiie is demonstrated in the issue of dogs, when the latter along with Al-Mutawwali classified the impurities caused by dog with the exception of its saliva as *Najis Mutawwasita* instead of *Mughallaza*. As such, they considered it is sufficient to purify it by a single washing. An-Nawawi corrected this view of Ar-Rafiie in his *Rawdhah*, considered it to be an anomalous opinion [*Wajh Shazz*] ¹⁰and further reinforced the established position of the Guild [of dogs generally being *Najis Mughallaza*] in his *Majmu'* saying: "*Know that there is no difference, in our view (the Shafiite Guild) between a dog's lapping (with its tongue) and other parts of the dog's body. Therefore, whenever its urine, its excrement, its blood, its sweat, its hair, its spittle, or any of its limbs come in contact with anything that is pure while either party is moist, then it is mandatory to wash that part seven times, one of which must be with soil.*" ¹¹Now, the established position remains that we have to wash seven times, one of which must be with soil, if we happen to come into contact with anything moist from dogs. *Qawl* or *Wajh Shazz*, on the other hand, is regarded to be a weak opinion in our Guild, weaker than the *Qawl Dha'if*. Our scholars are unanimous in saying that we cannot act upon, rely nor adopt the really weak opinions for *Fiqhi* rulings.¹²

Since the Guild is that which established by Ar-Rafiie and An-Nawawi together, or by An-Nawawi alone in opposition to Ar-Rafiie, the official position of the Guild, in this case, remains what An-Nawawi singularly determined.

9 Ibid., op.cit

10 Abu Zakariyya Yahya An-Nawawi. *Rawdhah At-Talibin*, Vol.1, pg. 36 / *Al-Majmu' Sharh Al-Muhaz-zab*, Vol. 2. pg. 604.

11 Ibid., op.cit

12 Ibn Hajar Al-Haytami, *Al-Fatawa Al-Fiqhiyyah Al-Kubra*. Vol. 3, pg. 324

FATAWA HIERARCHY & ALTERNATIVE POSITIONS

Imam Al-Bulqini relates that the strongest position in the Shafiite Guild for court rulings and decretals in its hierarchical order is the ruling which both An-Nawawi and Ar-Rafie agreed upon. The later scholars identify this agreement of theirs as *Qawl Mu'tamad*. In the event of dispute, An-Nawawi's view to be given priority, followed by Ar-Rafie's. As for the issue which has not been verified by them, then what is judged strongest by the vast majority of Shafiite authorities shall be adopted, followed by the one preferred by the most knowledgeable scholar and finally the view chosen by the most godfearing. This is in the order of which must be accepted first when available, according to the agreed upon criterion that shall be strictly complied with.¹³

The question remains whether a Shafiite is allowed to adopt a different position other than what An-Nawawi has judged to be the strongest. To this we find the scholarly consensus recorded by Imam Al-Iraqi and Ibn Salah on judging or issuing Fatawa by other than the strongest legal position as being impermissible¹⁴. This is to be understood as a prohibition against following a weak or anomalous view. As for espousing the more lenient positions within the Guild, which are strong [*Qawi*] in terms of the soundness of the legal bases and arguments but they are "less strong" than the canonical positions, it is morally admissible to do so. Nonetheless, the default ruling of the Guild is that only the strongest opinions should be relied upon for court rulings and personal practice.¹⁵ However, to not take the dispensation and to adopt strictness is still better in our Guild due to the legal maxim:

"Thing easy to be accomplished does not negate its rigorous means."

Hence, even though following the alternative opinion is allowed in our Guild, it is nevertheless not something that is recommended by our scholars.

13 Zaynuddin Al-Malibari Al-Hindi. *Fath Al-Mu'in Bi Sharh Qurratul-'Ain*, pg. 403.

14 Zaynuddin Al-Malibari Al-Hindi. *Fath Al-Mu'in Bi Sharh Qurratul-'Ain*, pg. 402

15 Sayyid Abdur-Rahman Al-Ba'lawi, *Bughyatul-Mustarshidin*, pg. 274

CONCLUSION

The Two Chiefs or *Ash-Shakhayn* administer in the exercise of the definitive magisterium to ascertain the genuine positions propounded by Imam Ash-Shafie, assuring the objective possibility of securing the true position without error. To this definitive magisterium, the Shafiites are to adhere to it with religious assent, which though distinct from the assent of Faith, is nonetheless an extension of it, as Imam As-Subki has explicitly stated at length in several places in his decretals, considering the act of following a weak view to be “judging by other than what God has revealed,” since Allah has made it obligatory for *Mujtahid* to adopt the position for which evidence is the strongest, and has made it obligatory for laymen to follow the *Ijtihad* of such *Mujtahid* in all works that are personally obligatory.

GLOSSARIES

- Aqwal* : The very opinions of Imam Ash-Shafiie himself were called *Aqwal*. Its singular, is *Qawl*. The term is coined to differentiate between the opinions of the Founder Imam and his early followers, which are called “*Wujuh*”.
- Ash-Shaykhayn* : The honorific title of Imam An-Nawawi & Ar-Rafie, denoting their primacy in the entire late Shafiite Guild.
- Ijtihad* : A technical term of Islamic law that describes the process of making a legal decision by independent interpretation of the legal sources, the Quran and the Sunnah. *Mujtahid*; the scholar who exercises *Ijtihad*.
- Qawl Dhaif* : A weak opinion.
- Qawl Shazza* : An anomalous view.
- Qawl Mu'tamad* : The strongest, thus relied-upon position determined by *Ash-Shaykhayn*. This is the canonical or official view of the Shafiite Guild about any particular matter, upon which the *Fatawa* of the Guild is pronounced.
- Tarjih* : Literally, “preponderance”. The very act of determining the “sounder or stronger” opinion. *Ashabul-Tarjih*, the proponents of *Tarjih*.
- Takhrij* : The extraction of divine rulings from the primary sources.
- Turuq* : Literally, “paths”, singular of which is *Tariqa* denoting the two major rites adopted by early Shafiite authorities, namely the Khurasani and the Iraqi.

Wujuh : Those opinions of early Shafiite authorities formulated by means of *Takhrij* were called *Wujuh* [singular, *Wajh*]. *Ashabul-Wujuh*, the proponents of *Wujuh*.

FOOTNOTES:-

- 1 Ibn Hajar Al-Haytami, *Tuhfah Al-Muhtaj*, Vol. 1, pg. 39.

وقال ابن حجر الهيتمي: وإن اختلفا فما جزم به النووي ثم ما جزم به الرافعي ما لم يجمع متعقبوا كلامهما على أنه سهو

- 2 Ibn Hajar Al-Haytami, *Al-Fatawa Al-Fiqhiyyah Al-Kubra*, Vol. 3, pg. 324

اعتمد الشافعية على الشيخين الرافعي والنووي في ضبط المذهب ومعرفة معتمده قال الرملي ومن المعلوم أن الشيخين قد اجتهدا في تحرير المذهب غاية الاجتهاد، ولهذا كانت عنايات العلماء وإشارات من سبقنا من الأئمة متوجهة إلى ما عليه الشيخان من الأخذ بما صححاه بالقبول والإذعان، مؤيدين لذلك بالدليل وبالبرهان، فإذا انفرد أحدهما عن الآخر فالعمل بما عليه النووي قال الكردي: وقد أجمع المحققون على أن المفتي به ما ذكره، فالنووي وعلى أنه لا يعترض عليهما بنص الأم أو كلام الأكثرين أو نحو ذلك، لأنهما أعلم بالنصوص وكلام الأصحاب من المعترض عليهما، فلم يخالفاه إلا الموجب علمه من علمه وجهله من جهله. الفوائد المدنية ص (١٩) وينحوه قال ابن حجر في الفتاوى

- 3 Ibn Hajar Al-Haytami, *Al-Fatawa Al-Fiqhiyyah Al-Kubra*, Vol. 3, pg. 324.

وكذلك غيره ممن رأيناه فإنه كان يتبع المعترض على الشيخين وعند الإفتاء لا يفتي إلا بما قالاه . وهذا هو الحق فلا يسع أحد الآن مخالفته...وقد نقل عن الإسوي نفسه أنه كان إذا سئل يفتي بما في الروضة

- 4 ‘Abdul-Wahhab Ibn Ahmad Ash-Sha’rani. *Tabaqat As-Sughra*, page 16.

وقال السيوطي رحمه الله : ولما بلغت مرتبة الترجيح لم أخرج في الإفتاء عن ترجيح النووي ، وإن كان الراجح عندي خلافه

- 5 Sirajuddin Abu Hafs Ibn Al-Mulaqqin. *I’lam Bi Fawa'id Umdah Al-Ahkam*. Vol. 1, pg. 711-712.

ذكر الإمام الحافظ ابن الملقن في الإعلام بفوائد عمدة الأحكام قول الإمام الحلي في منهاجه: لا يحل لأحد أن يخلق لحيته ولا حاجبيه فمن المتقدمين الإمام الكبير الفقهاء الشاشي ومن المتأخرين الإمام ابن الرفعة والشهاب الأذريعي

6 Ash-Shihab Ahmad Ar-Ramli. *Fatawa Ar-Ramli*, pg. 569.

وَصَرَّحَ بِذَلِكَ أَيْضاً فِي "فَتَاوِيهِ" -أعني الشهاب الرملي- فقد سئل كما في باب العقيقة: هل يحرم حلقُ الذقنِ وتنفُّها أو لا؟ فأجاب: بأن حلقَ لحية الرجل وتنفُّها مكروهٌ لا حرام، وقولُ الحَلِيمِي في منهاجه: لا يحل لأحد أن يخلق لحيته ولا حاجبيه ضعيفٌ. اهـ وقال ولده -معتدُ الفتوى عند المصريين من أهل مذهبنا- الإمامُ شمسُ الدين الرملي في النهاية باب العقيقة: ويندب فرقُ الشعر وترجيلُهُ، وتسريحُ اللحية، ويكره تَنفُّها وحلقُها. اهـ

7 Ibn Hajar Al-Haytami. *Tuhfah Al-Muhtaj*. Vol.9, pg. 376.

تنبيه: وتَرَكُ الشَّيْخَيْنِ لَذَكَرِ النَّصِّ الْمَذْكُورِ لكونه ضعيفاً أو مفرعاً على ضعيف، وقد ترك الأصحابُ نصوصَه الصريحةَ لخروجها على خلافِ قاعدته، وأَوَّلُوهَا كما في مسألة (مَنْ أَقَرَّ بِحِرَّتِهِ ثُمَّ اشْتَرَاهُ لِمَنْ يَكُونُ إِرْثُهُ) فلا ينبغي الإنكارُ على الأصحاب في مخالفةِ النصوص، ولا يقال لم يطلعوا عليها وإنما شهادةٌ نفي، بل الظاهرُ أنهم اطلعوا عليها وصرفوها عن ظاهرها بالدليل، ولا يخرجون بذلك عن متابعة الشافعي كما أن المجتهدَ يصرف ظاهرَ نصِّ الشارعِ إلى خلافه لذلك، ولا يخرج بذلك عن متابعتِه وفي هذا كفاية لمن أنصف - انتهى

8 Ibid., op.cit. -

وبكراهةٍ حلقِ اللحية وضعفِ القولِ بتحريمه صَرَّحَ شَيْخُ الْإِسْلَامِ الشَّهَابُ ابْنُ حَجَرٍ الْهَيْتَمِيُّ وهو معتمدُ الفتوى في أكثرِ الأقاليم عند أهل مذهبنا ونصُّه في التحفة (فرع) ذكروا هنا في اللحية ونحوها خصالاً مكروهةً، منها: تنفُّها وحلقُها، وكذا الحاجبان، ولا ينافيه قولُ الحَلِيمِي: لا يحل ذلك لإمكان حمله على أن المرادُ نفيُ الحُلِّ المستوي الطرفين، والنصُّ على ما يوافقُه إن كان بلفظ: لا يحل يحملُ على ذلك، أو يحرم كان خلافَ المعتمد

9 Ibid., op.cit. -

تنبيه: وقد صرَّحوا بأن الاعتراضَ على الشَّيْخَيْنِ من حيث ما يحرِّراه من معتمد المذهب غيرُ مسموع ولا يلتفت إليه

10 Abu Zakariyya Yahya An-Nawawi. *Rawdhah At-Talibin*, Vol.1, pg. 36 / *Al-Majmu' Sharh Al-Muhazzab*, Vol. 2. pg. 604.

طهارة ما ولغ فيه الكلب أو تنجس بدمه، أو بوله، أو عرقه، أو شعره، أو غيرها من أجزائه وفضلاته، أن يغسل سبع

مرات، إحداهن بتراب، وفيما سوى الولوغ وجه شاذ أنه يكفي غسله مرة، كسائر النجاسات... وقيل: يكفي غسله في غير الولوغ مرة كسائر النجاسات، حكاه المتولي والرافعي وغيرهما... والمشهور في المذهب أنه يجب سبعا مع التراب، وبه قطع الجمهور؛ لأنه أبلغ في التنفير من مقاربتها واقتنائها والله أعلم

11 Ibid., op.cit.

12 Ibn Hajar Al-Haytami, *Al-Fatawa Al-Fiqhiyyah Al-Kubra*. Vol. 3, pg. 324

وجه ضعيف لا يجوز الإفتاء به ولا العمل به ولا يرتكب ذلك إلا بعض الجهلة من القضاة والمفتين تنبيه: على كل من الخليفة والقاضي إذا لم يكن مجتهدا مطلقا أن يحكم بالراجح من مذهب إمامه أو أصحاب إمامه لا بمذهب غيره ولا بالضعيف من مذهبه ، وكذا المفتي ، فإن حكم بالضعيف نقض حكمه إلا إذا لم يشتهر ضعفه وكان الحاكم به من أهل الترجيح وترجح عنده ذلك الحكم - فلا ينقض ، وإن حكم بغير مذهب إمامه لم ينفذ حكمه ، لكن القول بأنه يلزمه الحكم بمذهب إمامه ليس متفقاً عليه

13 Zaynuddin Al-Malibari Al-Hindi. *Fath Al-Mu'in Bi Sharh Qurratul-'Ain*, pg. 403.

ان المعتمد في المذهب للحكم والفتوى ما اتفق عليه الشيوخان يعني النووي والرافعي فما جزم النووي فالرافعي فما رجحه الأكثر فالأعلم والأورع. قال ابن حجر هذا ما طبق عليه محققو المتأخرين والذي أوصى باعتماده مشايخنا وقال السهمودي مازال مشايخنا يوصوننا بالفتاء بما عليه الشيوخان وان نعرض عن أكثر ما خولفنا به قال ابن زياد يجب علينا في الغالب ما رجحه الشيوخان وان نقل عن الأكثرين خلافه

14 Zaynuddin Al-Malibari Al-Hindi. *Fath Al-Mu'in Bi Sharh Qurratul-'Ain*, pg. 402

نقل العراقي و ابن الصلاح الاجماع على انه لا يجوز الحكم بخلاف الراجح في المذهب او بمرجوح

15 Sayyid Abdur-Rahman Al-Ba'lawi, *Bughyatul-Mustarshidin*, pg. 274

تنبيه: قد حصل الاتفاق بين الأئمة الأعلام من الشافعية على أن المعتمد ما اتفق عليه الشيخان، النووي والرافعي، فإن اختلفا فالمعتمد ما قاله النووي رحمه الله تعالى. فإن وجد للرافعي ترجيح دون النووي فهو المعتمد. ومحل هذا ما لم يجمع المتأخرون على أن ما قالاه سهو، وإلا فالمعتمد حينئذ ما قاله المتأخرون. فإن لم يتعرض الشيخان لذلك الحكم فالتكاتب المتقدمة على الشيخين لا يعتمد على شيء منها إلا بعد الفحص والتحري حتى يغلب على الظن أنه المذهب

BIBLIOGRAPHY

Shamsuddin Muhammad Ar-Ramli. 1990. *Nihayah Al-Muhtaj Ilaa Sharh Al-Minhaj*. 8 Vols. Beirut: Darul-Kutub Al-'Ilmiyyah.

Ash-Shihab Ahmad Ibn Ar-Ramli. 2004. *Fatawa Ar-Ramli Fi Furu' Al-Fiqh Ash-Shafi'ie*. Beirut: Darul-Kutub Al-'Ilmiyyah.

Al-Khatib Ash-Shirbini. 2009. *Mughni Al-Muhtaj Ilaa Ma'rifa Ma'ani Alfaz Al-Minhaj*. 4 Vols. Beirut: Darul-Kutub Al-'Ilmiyyah.

Ibn Hajar Al-Haytami. 1997. *Tuhfa Al-Muhtaj Bi-Sharh Al-Minhaj Hashiya Shabramalisi*. 10 Vols. Beirut, Darul-Kutub Al-'Ilmiyyah.

Ibn Hajar Al-Haytami. 1995. *Al-Fatawa Al-Fiqhiyyah Al-Kubra*. 4 Vols. Beirut: Darul-Kutub Al-'Ilmiyyah.

Ismail Al-Muzani. 1990. *Mukhtasar Al-Muzani*. Beirut: Darul-Ma'rifah.

Al-Qadhi Ahmad Abi Al-Hasan Al-Mahamili. 2004. *Al-Lubab Fi Al-Fiqh Ash-Shafi'ie*. Madinah Al-Munawwarah: Darul-Bukhari.

- Jalaluddin As-Suyuti. 2004. *Tuhfa Al-Abrar Bi Nukat Al-Azkar An-Nawawiyya*. Madinah Al-Munawwarah: Maktabah Darul-Turath.
- Jalaluddin As-Suyuti. 1998. *Al-Kawkab As-Sati' Nuzum Jami'al-Jawami'*. Kaherah: Darul-Kutub Al-Misriyyah.
- Jalaluddin As-Suyuti. 1990. *Al-Hawi Lil-Fatawi*. 2 Vols. Beirut: Darul-Fikr Lit-Taba'ah Wa An-Nushur.
- Jalaluddin As-Suyuti. 1999. *Al-Ashbah Wa An-Naza'ir*. Beirut: Darul-Kutub Al-'Ilmiyyah.
- Jalaluddin As-Suyuti. 1997. *Al-Minhaj As-Sawi Fi Tarjamah Al-Imam An-Nawawi*. Beirut: Darul-Kutub Al-'Ilmiyyah.
- Abdul-Wahhab Ash-Sha'rani. 1999. *Tabaqat As-Sughra*. Cairo: Darul-Fikr.
- Abi Ishaq Ash-Shirazi. 2008. *Al-Muhazzab*. 3 Vols. Beirut: Darul-Kutub Al-'Ilmiyyah.
- Abu Bakr Muhammad Ibn Munzir. 2004. *Kitab Al-Ijma'*. Beirut: Darul-Muslim.
- Abi Ishaq Ash-Shirazi. 2003. *Al-Luma' Fi Usul Al-Fiqh*. Beirut: Darul-Kutub Al-'Ilmiyyah.
- Abul-Hasan Ali Al-Baghdadi. 2010. *Al-Hawi Al-Kabir*. 19 Vols. Beirut: Darul-Kutub Al-'Ilmiyyah.
- An-Nawawi. 2007. *Al-Majmu' Sharh Al-Muhazzab*. 22 Vols. Beirut: Darul-Kutub Al-'Ilmiyyah.

An-Nawawi. 2005. *Rawdhah At-Talibin*. 12 Vols. Beirut: Darul-Kutub Al-'Ilmiyyah.

As-Sayyid Abdur-Rahman Al-Ba'lawi Al-Hadrami. 2011. *Bughya Al-Mustarshidin*. Damascus: Darul-Minhaj.

Sirajuddin Abu Hafs Ibn Al-Mulaqqin. 2009. *I'lam Bi Fawa'id*. 5 Vols. Beirut: Darul-Kutub Al-'Ilmiyyah.

Tajuddin As-Subki. 2010. *Tabaqat Ash-Shafi'iyyah Al-Kubra*. 10 Vols. Beirut: Darul-Kutub Al-'Ilmiyyah.

Tajuddin As-Subki. *Al-Ashbah Wa An-Naza'ir*. 2 Vols. Beirut: Darul-Kutub Al-'Ilmiyyah.

Zaynuddin Al-Malibari. *Fathul-Mu'in Bi Sharh Qurratul-'Ain*. Beirut: Dar Ibn-Hazm.

